

M
399.23
ALI



KARYA-KARYA SASTERA BERCORAK SEJARAH

ALI AHMAD

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1987

KK. 890 - 5530 5101

Cetakan Pertama 1987
© Hakcipta Ali Ahmad 1987

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh: Grafikaprin Sdn. Bhd.
Mukataip Teks: Times Roman (Kod 150-05249)
Saiz Taip Teks: 10/12 point

A1
297.23
AL1

Dicetak oleh
Ampang Press Sdn. Bhd.
14 & 16, Lorong Kolam Air Lama Satu,
Ampang Jaya, Selangor.
\$12.00


586355

25 AUG. 1992

KANDUNGAN

BAB

1	Pensejarahan Kesusasteraan Melayu Tradisi: Satu Alternatif	1
2	Sastera Sejarah dan Ciri-cirinya	7
3	Alam Raja di dalam Naratif Rakyat dan Naratif Istana	20
4	<i>Hikayat Raja-raja Pasai</i>	33
5	<i>Sejarah Melayu</i> sebagai Sebuah Naskhah Kesusasteraan	49
6	Persoalan Persamaan dan Perbezaan <i>Sejarah Melayu</i> dan <i>Hikayat Raja-raja Pasai</i>	75
7	<i>Hikayat Merong Mahawangsa</i>	89
8	<i>Tuhfat al-Nafis</i> – Buku Perang Bugis	103
9	<i>Salasilah Melayu dan Bugis</i>	151
10	<i>Misa Melayu</i> – Sastera Sejarah dari Perak	175
	Penutup	193
	Bibliografi	199



BAB 1

PENSEJARAHAN KESUSASTERAAN MELAYU TRADISI: SATU ALTERNATIF

PENGKAJIAN terhadap kesusasteraan tradisi telah melalui jalan yang amat sukar di samping menghasilkan tanggapan-tanggapan dan tulisan-tulisan yang pelbagai ragam. Sebahagian besar daripada hasil-hasil ini lebih memperlihatkan citarasa individu penyelidik daripada kepentingan satu-satu pendekatan kesusasteraan yang bersambungan dan teguh sebagai satu disiplin ilmu. Lebih menarik di dalam keadaan ini, ia timbul daripada kegiatan-kegiatan yang sebahagian besarnya dilakukan oleh sarjana-sarjana dari Barat yang telah mewarisi tradisi pengkajian kesusasteraan yang kukuh dan tentunya telah berpandukan model-model yang baik di dalam bidang pengkajian kesusasteraan, tetapi di dalam itu pun oleh sebab orientasi yang kurang cocok dengan keistimewaan khusus kesusasteraan tempatan kerap kali kajian mereka bertolak dari batu ukur yang kurang tepat.

Sungguhpun begitu tidak banyak sarjana tempatan yang memperlihatkan minat untuk mengkaji semula pendekatan yang lebih menarik terhadap kesusasteraan tradisi. Penilaian semula yang paling menarik pernah ditimbulkan adalah daripada Ismail Hussein melalui buku kecilnya *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*. Buku kecil di atas merupakan kritik terhadap persoalan pensejarahan tradisi lisan dan amat berguna sebagai panduan penulis-penulis sejarah kesusasteraan serta pengkaji-pengkaji kesusasteraan tradisi dewasa ini dan akan datang. Karya ini bukan asalnya dalam bentuk yang ada tetapi adalah pengeluaran kembali beberapa tulisan yang telah disiarkan daripada

beberapa jurnal. Teks pokoknya merupakan sebuah 'Annual Lecture' yang diberikan kepada *Royal Asiatic Society Malaysian Branch* pada tahun 1966 dan telah disiarkan di dalam jurnal persatuan ini, juga di dalam majalah *Asian Studies*. Manakala bibliografi asalnya diterbitkan di dalam *Tenggara*. Penerbitan kembali di dalam bentuk buku kecil memberi kesempatan bagi pandangan-pandangan yang bernilai di dalamnya itu dapat tersebar dengan lebih luas lagi kepada peminat-peminat pensejarahan kesusasteraan tradisi.

Secara pendek sahaja Ismail Hussein membuka persoalan dengan menarik perhatian kepada sikap setengah anak-anak tempatan terhadap kesusasteraan tradisi bangsanya – yang satu ekstrem memandang sastera tradisi sebagai hasil yang tidak bermakna lagi, manakala pada satu penglihatan yang lain menggunakan hasil-hasil tradisinya sebagai senjata nasionalismenya yang penting. Penulis buku ini tidak menjelaskan sebab berlakunya demikian, yang pada hemat saya amat penting untuk menelaah kedudukan sebenar pengajian kesusasteraan yang disentuhnya kemudian. Anak-anak tempatan tidak pernah diberikan kemudahan untuk mempelajari dengan mendalam dan meluas akan tradisi kesusasteraannya sendiri. Ada jurang pemisah antara hasil dan pewaris hasil. Hasil-hasil sastera istana pada sebahagian besarnya hanya menjadi barang-barang simpanan kesan daripada suasana politik yang tidak stabil disebabkan oleh kedatangan kuasa Barat yang secara tidak langsung meretakkan juga minat mereka kepada warisannya. Rakyat bawahan cuma terbuka kepada peminatan yang secara tidak teratur istimewa pada hasil-hasil bercorak lisan atau pada karya-karya terulis bercorak popular yang edarannya amat kecil sekali.

Ini merupakan jawapan kepada soal mengapa pengkajian kesusasteraan tradisi terus-menerus merupakan monopoli sarjana-sarjana Barat sejak kurun sembilan belas hingga tertubuhnya Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tepat sekali untuk Ismail Hussein mengemukakan nama Stamford Raffles sebagai pembuka jalan kepada kegiatan baru yang memberi perhatian kepada kebudayaan dan kesusasteraan tempatan, iaitu pelencongan daripada sikap romantis Barat yang terbawa-bawa ke Timur. Tetapi C. Hooykaas dan R.O. Winstedt merupakan sarjana-sarjana yang amat banyak memberikan tenaga dan sumbangannya kepada penyelidikan kesusasteraan tradisi Melayu. Hooykaas dengan karangannya yang terkenal *Over Maleische Literature* dan Winstedt dengan *A History of Classical Malay Literature*nya.

Sumbangan-sumbangan mereka dan sarjana-sarjana lainnya seperti Hendrik Kern dan Snouck Hurgronje memang berguna di dalam mempelbagaikan pengetahuan mengenai kesusasteraan tradisi tetapi di sebalik itu kelemahan dasar penyelidikan yang digunakan oleh mereka memberikan gambaran-gambaran malah keputusan-keputusan yang keliru mengenai sastera kita. Secara analitikal Ismail Hussein membicarakan kelemahan-kelemahan pokok mengenai kajian sastera yang telah dijalankan selama ini.

Pertamanya, pengajian kesusasteraan tradisi kita sama ada yang dilakukan oleh mereka yang profesional atau oleh pegawai-pegawai pentadbir, terlalu cenderung kepada pendekatan komparatif dan historis. Ini merupakan pengaruh langsung daripada disiplin pendidikan yang mereka terima, yang meletakkan 'bahasa-bahasa baru' seperti Belanda dan Perancis pada sivilisasi Greek dan Latin, dan mengikutinya bahasa Melayu dan Indonesia pada tamadun Arab (Parsi) dan India. Penglibatan demikian menjadikan hasil-hasil tradisi kita sebagai terlalu enteng dan mundur kerana beribu'kan kesusasteraan Arab dan India. Keputusan yang demikian rupa mengakibatkan ramai sarjana-sarjana Barat memesangkan pandangan mereka kepada kesusasteraan Jawa yang dianggap lebih ragam sifatnya dan oleh itu mencabar.

Kedua, menurut Ismail Hussein, pengkajian sastera kita tidak betul panduannya. Bukti paling ketara adalah karya Winstedt yang pada judulnya menyarankan satu sejarah kesusasteraan. Karya Winstedt jauh daripada tepat dengan pembahagian yang amat tidak munasabah dan isi-isi yang kadang-kadang mengelirukan. Ia tidak sesekali dapat dianggap sebagai sebuah buku sejarah kesusasteraan kerana mengabaikan masalah terbesar yang dihadapi sarjana-sarjana kesusasteraan Melayu tradisi, iaitu masalah tidak lengkapnya kerja philologi mengenai teks-teks Melayu lama dan dengan ini bererti kemungkinan besar bagi Winstedt melakukan kesalahan di dalam menyenaraikan kejadian-kejadian kesusasteraan mengikut kronologi. Termasuk juga di dalam bahasanya ini sukaranya menemukan kerja philologi atau dokumentasi karya-karya lisan dengan memelihara sifatnya yang asal.

Anggapan sarjana-sarjana Barat terhadap bahasa Melayu Johor-Riau sebagai bahasa induk atau bahasa umum, juga melahirkan kepincangan di dalam pengajian sastera Melayu lama. Pandangan demikian berasal daripada pembatasan politik. Di dalam kajian kesusasteraan ia menyempitkan bidang kesusasteraan Melayu

kepada kawasan Semenanjung semata-mata hingga melupakan perhubungan kebudayaan yang amat rapat antara anak-anak negeri di daerah-daerah Nusantara. Konsep Nusantara ditekankan oleh Ismail Hussein amat penting di dalam pengkajian kesusasteraan Melayu tradisi. Setiap hasil dari satu daerah perlu dilihat di dalam konteks kebudayaan Nusantara dengan persamaan-persamaan seperti erti keagamaannya, pemilikan masyarakat, bentuk-bentuk yang serupa serta perbezaan-perbezaan di dalam keistimewaan-keistimewaan masing-masing. Hanya setelah berbuat demikian baru wajar dijalankan perbandingan antara hasil-hasil kesusasteraan Melayu dengan hasil-hasil dari kebudayaan Arab, Parsi dan India.

Kekurangan yang paling ketara di dalam pengkajian sastera tradisi kita terletak pada faktor siapa pengkajinya dan apa sifat pengkajian itu. Ramai daripada sarjana-sarjana, khususnya para orientalis, yang menyumbang di dalam penyelidikan kesusasteraan tradisi adalah daripada mereka yang mempunyai latihan di luar sastera. Oleh kerana itu timbul banyak tanggapan-tanggapan dan rumusan-rumusan yang salah mengenai kesusasteraan Melayu lama. Setengah mereka yang daripada bidang sastera pun membuat kesilapan yang sama. A. Teeuw sebagai contoh, di dalam mencari jawapan kepada persoalan persamaan dan perbezaan di dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* jelas memperlihatkan kecondongan yang berat kepada aspek sejarah.

A. Teeuw cuba mencari satu kesimpulan daripada kekosongan, iaitu tiada bukti-bukti sejarah, bukan daripada fakta-fakta struktural kedua-dua hasil sastera itu. Tinjauan struktural dari sudut tema, plot dan motivasi pengarang, dapat memberikan jawapan kepada masalah-masalah apa yang dikatakan 'persamaan' dan 'perbezaan' di dalam kedua karya tadi. Ia juga boleh menolong memperlihatkan di mana letaknya keteguhan peristiwa-peristiwa di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu* serta wajarnya bahan-bahan yang wujud di dalam karya. Bab "Unsur-unsur Persamaan dan Perbezaan di dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai*" cuba menghurai persoalan ini. Berlawanan dengan pandangan Ismail Hussein, penulis tidak yakin usaha Teeuw itu dapat dianggap sebagai model yang baik. Dengan itu saranan Ismail Hussein supaya karya Teeuw ini sebagai model yang baik bagi kajian kesusasteraan amat tidak tepat dengan harapan bagi memperolehi perspektif sastera di dalam meneliti kesusasteraan tradisi.

Ismail Hussein juga memperlihatkan kelemahan yang lain. Walaupun beliau amat mengharapkan munculnya banyak usaha penyelidikan dan penulisan mengenai sastera Melayu lama, sebaliknya mengutarakan penekanan terhadap kerja philologi sebagai dasar bagi penulisan kesusasteraan kerja yang benar-benar lengkap. Tanpa meringankan pentingnya kerja philologi seperti itu, saya merasakan kekurangan yang besar dewasa ini adalah melihat makna penting pada satu-satu hasil sastera dari sudut kesusasteraan. (Penyelenggaraan teks merupakan tugas yang amat berat dan mustahil dapat dilakukan di dalam waktu yang amat singkat). Penyelidikan yang terlalu menekankan kepada penemuan teks yang terawal cenderung kepada pengaruh sejarah dan pemeriksaan komparatif yang kadang-kadang kurang manfaatnya. Ia masih menyusuri perjalanan masa. Tetapi kajian terhadap binaan sesebuah teks akan lebih mendekatkan seseorang kepada kebijaksanaan kreativiti (atau kebalikannya) di dalam menuis hasil-hasil seperti *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Raja-raja Pasai*.

Jadi, pensejarahan kesusasteraan tradisi tidak seharusnya terlalu konvensional dengan meletakkan barisan-barisan peristiwa kesusasteraan dan isi-isi hasil begitu sahaja. Hasil-hasil dapat dikumpulkan kepada beberapa jenis atau bentuk karya dan tiap-tiap satu diteliti bentuk binaannya. Perbandingan binaan setiap hasil di dalam satu-satu jenis tertentu boleh memperlihatkan kemahiran sastera seperti bagaimana bahan-bahan yang hampir sama dipergunakan untuk tema yang berbeza, yang terdapat misalnya di dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* tadi. Pengkajian terhadap mode ekspresi ini dapat memperlihatkan ciri dasar binaan dalam satu genre dan perbandingan dengan ciri dasar satu genre yang lain boleh mengemukakan kelebihan-kelebihan baru pada peringkat-peringkat masa tertentu yang mungkin dilahirkan oleh pengaruh-pengaruh luar atau oleh persepsi baru terhadap alam.

Penulis ingin mengemukakan beberapa skima di dalam menyusun satu sejarah kesusasteraan Melayu tradisi tanpa terikat kepada susunan peristiwa kesusasteraan. Tugas utama ialah membahagikan hasil-hasil sastera itu kepada pembahagian yang umum seperti fiksi, bukan fiksi, prosa dan puisi. Bagi tiap-tiap bentuk, ini dapat diperhalusi pula hasil-hasil yang dapat dianggap asli, yang diambil dari luar secara terjemahan atau dengan adaptasi. Kajian mengikut skima ini boleh menghadapi kesukaran di dalam mendapatkan satu gambaran yang jelas mengenai genre atau jenis karya, kerana per-

bendaharaan kesusasteraan Melayu memperlihatkan adanya bentuk yang berlainan di dalam genre yang sama seperti hikayat-hikayat Panji itu dikarang di dalam puisi dan juga prosa.

Skima pensejarahan yang lebih menarik dan bermanfaat ialah berupa urutan jenis-jenis hasil yang bukan semata-mata memperlihatkan kedudukannya di dalam peralihan kebudayaan tetapi juga memperlihatkan perhubungan persejedenisan. Karya-karya seperti epik dapat disatukan supaya diperlihatkan sifat-sifat umumnya, manakala perbezaannya dapat menyerlahkan kedudukannya di dalam perspektif zaman hasil-hasil itu tertulis. Perbandingan di antara *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Muhammad Hanafiah* dan *Hikayat Hang Tuah* tentu sekali dapat menunjukkan dengan jelas zaman kelahirannya dan pengaruh kebudayaan yang ia dukungi. Analisa kesusasteraan akan menyingkap motivasi penulisan isi, bahasa, sudut pandangan, dan lain-lain aspek tafsirannya.

Penyelenggaraan sedemikian rupa dapat berjalan selari dengan kerja-kerja philologi yang masih diperlukan itu. Oleh kerana philologi memakan waktu yang amat panjang dan tambahan lagi tidak ramai yang berminat melakukan usaha ini di dalam zaman yang memerlukan keahlian yang baru, maka bahan yang telah sedia ada seharusnya digunakan sepenuhnya bagi mengenal sedekat-dekatnya akan ragaman daya kreatif penulis-penulis tradisi kita. Dalam melakukan penyelidikan ini apa yang dipentingkan adalah teks-teks itu sendiri yang akan memperlihatkan ekspresi simbol-simbolnya daripada keperluan kreativiti dan kehidupan sehari-hari mereka, baik kolektif atau individual, keupayaan untuk menyusun segala imajinasi, konsep dan lain-lain bahan hingga menjadi satu kesatuan hasil yang dapat diterima oleh masyarakatnya.

BAB 2

SASTERA SEJARAH DAN CIRI-CIRINYA

1. Pendahuluan

DI DALAM perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisi ada segolongan karya-karya yang memperlihatkan ciri-ciri yang umum dan dapat digolongkan kepada satu jenis karya yang tersendiri. Karya-karya ini dipandang dari segi bentuk, pemilihan bahan dan olahannya merupakan hasil daripada daya kreatif tertinggi penulis-penulis peribumi. Hasil yang selalunya dijeniskan sebagai sastera sejarah ini tercipta di istana-istana raja-raja Melayu, sejajar dengan istana itu sebagai tempat terkumpulnya cendekiawan Melayu di zaman tradisi. Karya-karya ini sebahagian besarnya diberi judul hikayat seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Seri Kelantan*, manakala hanya beberapa judul sahaja yang mencerminkan sifat 'sejarah'nya seperti *Sejarah Melayu* dan *Silsilah Kotai*.

Nama-nama bagi sebahagian besar daripada karya-karya bercorak sejarah ini boleh disenaraikan seperti di bawah:

a. Bentuk Prosa:

- Hikayat Raja-raja Pasai*
- Hikayat Merong Mahawangsa*
- Sejarah Melayu*
- Hikayat Aceh*
- Misa Melayu*
- Sejarah Raja-raja Riau*
- Hikayat Upu Daeng Manambun*
- Hikayat Negeri Johor*

Hikayat Siak
Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Raja-rajanya
Aturan Setia Bugis dengan Melayu
Hikayat Raja-raja Johor
Silsilah Kotai
Hikayat Banjar dan Kota Waringin
Hikayat Patani
Hikayat Seri Kelantan
Hikayat Bengkulu
Silsilah Ceribon
Silsilah Perlis
Silsilah Brunei
Silsilah Pahang
Tuhfat al-Nafis

b. Bentuk Puisi:

Syair Perang Siak
Syair Kompnei Belanda Perang dengan Cina
Syair Timur
Syair Perang Mengkasar
Syair Sultan Maulana
Syair Himop
Syair Lampung Karam
Syair Perang Betawi
Syair Musuh Kelantan
Syair Pangeran Syarif Hasyim
Syair Perang Johor
Syair Tengku Puteri
Syair Sultan Abu Bakar Ibni Sultan Ibrahim Johor
Syair Speelman

Apakah asalnya karya-karya bercorak sejarah yang begitu banyak tercipta di seluruh Nusantara ini? Jawapan yang tepat bagi soalan ini sukar sekali dibuat, tetapi pengetahuan kita mengenai kedudukan raja-raja Melayu dan perhubungannya dengan rakyat dan sebaliknya pandangan rakyat terhadap raja-raja mereka mungkin membolehkan kita membuat jawapan yang umum mengenainya. Raja-raja Melayu dengan pegawai-pegawai bangsawannya mempunyai kedudukan yang penting bukan sahaja di dalam mengendalikan pemerintahan feudal tetapi juga sebagai pemelihara adat istiadat.

dat. Di dalam sistem masyarakat yang agak tertutup pengetahuan menulis dan di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pemerintahan adalah terhad kepada golongan istana. Kelebihan ini bukan semata-mata melibatkan kebijaksanaan berfikir dan bertindak tetapi juga diselubungi oleh kepercayaan kepada unsur-unsur kesahihan di dalam keturunan, martabat, kedaulatan dan kesucian. Dengan kedatangan kuasa-kuasa luar ke alam Melayu kedudukan pemerintahan yang selama ini terpelihara terasakan tergugat. Oleh itu tentulah difikirkan amat perlu bagi raja-raja dan golongan bangsawan ini mencatat segala unsur-unsur penting di sekitar kerajaan masing-masing seperti salasilah raja-raja, adat istiadat dan falsafah politiknya. Perihal ini ternyata terkandung di dalam titah Sultan Alauddin Ri'ayat Syah kepada Tun Muhammad seperti yang tercatat di dalam *Sejarah Melayu*,

"Demikian buniyi titah yang mulia itu, Bahawa beta minta perbuatkan hikayat pada bendahara, peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya."

Ramai sarjana yang telah membicarakan kedudukan dan nilai hasil-hasil sastera sejarah ini. Dari kaca mata kebanyakan orientalis, penilaian selalunya berdasarkan kepada keperluan hasil-hasil sejarah yang objektif dan rasional dan dengan itu selalu berakhir dengan rumusan yang amat meringankan kedudukan hasil-hasil yang penuh dengan mitos, legenda dan lain-lain unsur yang bukan sejarah. Walaupun hasil-hasil ini ada tujuan merakamkan peristiwa-peristiwa dan menjadi petunjuk kepada raja-raja tentang etika pemerintahan, yang bersifat sejarah jua, tetapi harapan untuk memperoleh catatan sejarah yang sejajar dengan tanggapan sejarah dari kaca mata Barat adalah kurang munasabah. Di ketika kebanyakan hasil-hasil ini tertulis nilai kebudayaan Melayu masih tetap teguh berdasarkan bukan semata-mata pada rasio tetapi adalah mencakupi anasir-anasir adat dan agama.

Dipandang dari sudut sastera hasil-hasil di dalam jenis sastera sejarah ini amat menarik untuk dikaji. Isi yang lebih kurang seragam iaitu mengenai kehidupan di istana-istana raja-raja Melayu, asal usul raja dan negeri, adat-adat di dalam perhubungan di antara raja dan rakyat, peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar jajahan

takluk kerajaan berkaitan dan sebagainya, yang jelas menyarankan adanya motivasi yang sama. Motivasi ini dapat disimpulkan sebagai memperturunkan jurai keturunan raja-raja yang memerintah dan kebesaran yang didukungi olehnya. Untuk memenuhi tujuan penulisan ini maka digunakan pelbagai bahan yang menarik daripada pengalaman kebudayaan dan agama seperti mitos, legenda, cerita-cerita rakyat dan sebagainya. Selain itu kesan daripada motivasi ini timbulah unsur-unsur sastera tambahan yang menarik seperti anekronisme, simbolisme dan alegori.

2. Bahan-bahan Sastera Sejarah

Adalah amat bermanfaat untuk melihat secara umum akan bahan-bahan yang digunakan oleh kebanyakan pengarang sastera sejarah dan fungsi bahan-bahan ini di dalam karya tertentu dan kemudian menilai cara bahan-bahan ini disusun. Selain daripada karya-karya bercorak epik atau hikayat roman, sastera sejarah menggunakan kisah-kisah iaitu berupa cerita-cerita yang tidak banyak memperlhatkan unsur organisasi yang rumit. Cerita-cerita yang mungkin benar atau khayal ini kurang mementingkan teknik yang menarik, ragam dan kukuh. Apa yang dipentingkan oleh kisah-kisah ini adalah peristiwa-peristiwa semata-mata tanpa memberikan penekanan kepada pelukisan watak-watak.

a. Jurai Keturunan Raja-raja

Bahan utama karya bercorak sejarah ialah watak raja-raja yang dipercayai memerintah negeri-negeri kota yang menjadi pusat perhatian pengarang karya sastera sejarah berkenaan. Sewajarnyalah ia demikian kerana salah satu daripada tujuan sastera sejarah itu tercipta adalah untuk membentangkan salasilah raja-raja bagi sesebuah negeri. Maka dengan itu adalah amat mudah bagi mendapatkan satu jurai keturunan raja-raja yang membuka dan memerintah negeri. Nama raja-raja ini daripada raja asal hingga yang memerintah boleh dikeluarkan dan disusun mengikut kronologi, tetapi tidak pula diharapkan untuk memperoleh tarikh kelahiran dan kemangkatan mereka. Mereka yang mendampingi raja-raja ini adalah orang-orang besar seperti bendahara, temenggung atau orang kaya yang di dalam karya seperti *Sejarah Melayu* kerapkali lebih aktif daripada raja sendiri.

Raja-raja sebagai satu barisan pelaku di dalam karya bercorak

sejarah diperlihatkan mempunyai perhubungan darah yang erat dan kesahihannya sebagai pemerintah amat ditekankan. Kesahihan yang ditentukan baik melalui kekuatan di dalam *Sejarah Melayu* atau melalui pertolongan yang ganjil daripada Gajah Gemala Johari seperti di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* jelas mencerminkan tertutupnya mobiliti di dalam menjadi raja. Di antara raja-raja ini kadangkala diberikan peranan yang penting atau sebaliknya terhad. Di dalam *Sejarah Melayu* peranan sebahagian besar raja adalah diuraikan secara halus. Sesuai dengan pandangan pengarang terhadap Melaka itu sebagai sebuah kerajaan, maka tiap-tiap raja yang memerintah pada waktu-waktu tertentu mempunyai peranan di dalam keseluruhan perkembangan karya. Sebaliknya bukan keadaannya di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* yang tidak menekankan konsep kerajaan yang teguh.

b. Mitos

Kebanyakan raja-raja di dalam karya-karya sejarah ini selalu dihubungkan dengan mitos. Mitos mudah disamakan dengan cerita rakyat yang mempunyai unsur keajaiban, kerana unsur keajaiban juga merupakan salah satu ciri-ciri mitos. Mitos secara umumnya dapat dijelaskan sebagai cerita-cerita yang mengandungi unsur-unsur luar biasa (supernatural), iaitu kuasa luar biasa yang ada pada manusia atau makhluk-makhluk lain. Tetapi ini merupakan ciri yang umum, kerana selain ia ada unsur *supernatural*, pada penekanan nada atau *tone*, dan penerimaan masyarakat yang melahirkannya wujud unsur kesungguhan di dalam bercerita itu. Ini kerana mitos selalunya berhubungan dengan soal agama, kepercayaan dan adat istiadat. Oleh yang demikian ia dianggap suci dan benar walaupun pada kehidupan sehari-hari ia jauh daripada kenyataan.

Mitos di dalam sastera sejarah dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu:

- i. Mitos berhubungan dengan asal usul raja.
 - ii. Mitos berkaitan dengan permulaan negeri.
 - iii. Mitos berkaitan dengan pengislaman raja-raja Melayu.
 - iv. Lain-lain mitos.
-
1. Mitos asal usul raja
Mitos berhubung dengan asal usul raja-raja yang memerintah

negara kota kerap mempunyai unsur keajaiban. Di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*, raja-raja Pasai dan Samudera adalah dari keturunan puteri dari buluh betung dan puteri dari peliharaan gajah. Penemuan anak-anak ini diperikan dengan menimbulkan kesan keluarbiasaan. Begitu juga dengan asal usul raja-raja Kedah, seperti yang diceritakan di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, bermula daripada raja gergasi yang datang dari Rom dan takdir menentukan untuknya membuka Kedah (Langkasuka). Di dalam *Sejarah Melayu* pula raja-raja Melaka dapat disusurgalurkan kepada keturunan Iskandar Zulkarnain, seorang tokoh legenda dan sejarah. Walaupun pada peringkat awal pengisahan ini ia tidak memperlihatkan keluarbiasaan, tetapi pada zuriat terkEDIannya seperti Raja Suran dan anak-anaknya diberikan unsur mitos, iaitu keupayaan Raja Suran turun ke dalam laut dan ketiga-tiga anaknya membawa daulat dan kesucian yang mengakibatkan huma di Bukit Siguntang bertukar sifat semula jadinya.

ii. Mitos Mengenai Permulaan Negeri

Negeri-negeri yang menjadi pusat bicara pengarang sastera sejarah itu perlu sejajar dengan kedudukan raja-raja berasal dari pahlawan dan yang berdaulat. Di dalam cerita berhubung dengan pembukaan Pasai, nama Samudera itu dikisahkan lahir daripada kewujudan semut yang amat besar. Di dalam *Sejarah Melayu*, Temasik telah digantikan namanya menjadi Singapura berdasarkan kepada nama binatang singa yang amat gagah tubuhnya yang dilihat oleh Sang Nila Utama. Melaka pula mengambil sempena kejadian pelanduk dapat menendang anjing buruan dan kebetulan pohon tempat Raja Iskandar berteduh bernama Melaka. Riwayat asal nama negeri Perak dan Petani seperti yang diceterakan di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* juga lahir dari perspektif yang sama.

iii. Mitos Pengislaman Raja-raja

Oleh kerana sebahagian besar daripada sastera sejarah mencakupi zaman sebelum Islam dan ianya ditulis setelah zaman Islam, maka tidak dapat tidak perihal kedatangan Islam itu menjadi salah satu peristiwa yang amat penting. Pertukaran

agama melibatkan pembentukan persepsi baharu terhadap kehidupan dan bukan merupakan satu hal yang mudah dihuraikan. Sungguhpun begitu pengarang sastera sejarah cuba memberi penjelasannya melalui mitos-mitos. Pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* mengemukakan mitos bahawa Merah Silu memperoleh Islam daripada Nabi Muhammad yang menemui baginda di dalam mimpi. Begitu pula halnya dengan Raja Kecil Besar. Pengislaman Raja Pra'Ong Mahawangsa di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* berbeza, sesuai dengan sifat isi hikayat itu, iaitu melalui seorang syeikh yang mengembara ke alam ghaib bersama iblis.

iv. Lain-lain Mitos

Selain daripada tiga jenis mitos yang kebanyakannya berkaitan dengan peribadi raja dan negeri yang diperintahnya, wujud juga walaupun tanpa penekanan yang kuat, mitos-mitos lain. Di dalam *Sejarah Melayu* terdapat mitos mengenai keramat orang-orang alim seperti Tun Jana Khatib dari Pasai yang datang ke Singapura. Kealimannya menjadikan sebatang pinang yang dilihatnya terbelah dua dan tindakan zalim Paduka Seri Maharaja terhadapnya membawa kepada bala serangan tidak ke atas Singapura. Begitu juga perihal seorang Sidi Arab yang dapat memanah Cau Pandan di Siam hanya dengan berada di Melaka semata-mata. Mitos seumpama ini juga terdapat di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* tetapi berkaitan dengan berkat kesetiaan di antara tuan dan hamba. Diceritakan di dalam hikayat ini kepala Semayan al-Din lekat ke perahu yang membawa Sultan Malik-al Mansur yang dibuang ke Temiang dan sultan ini mati sejurus dia mendengar suara hambanya dari kubur.

Segala rupa mitos yang wujud di dalam sastera sejarah seperti yang dihuraikan di atas memperlihatkan beberapa sifat yang nyata tentang keanadian dan keajaiban peristiwa itu. Ternyata adanya perkaitan dengan kuasa luar biasa atau kuasa dari alam ghaib yang selalunya meninggalkan kesan yang dapat dianggap bersejarah dan nyata. Daripada mitos asal usul ditinggalkan zuriat keturunan yang dianggap suci dan berdaulat. Mitos pengislaman raja meninggalkan kesan terkhatannya raja dan memperoleh keupayaan menghafaz al-Quran di samping dituruti oleh rakyat akan anutannya pada agama

baru itu. Di dalam banyak kejadian mitos timbul daripada satu-satu watak raja yang terpilih tetapi kesan kesucian dan kedaulatan yang timbul daripadanya itu dinikmati pula oleh keturunannya. Demikian juga kesucian dan kekeramatannya orang-orang biasa dapat dirasakan melibatkan kesan yang halus dan kudus.

c. Legenda

Legenda, merupakan salah satu jenis sastera rakyat Melayu yang kerap digunakan oleh pengarang sastera sejarah. Tidak seperti mitos, legenda kurang memperlihatkan unsur-unsur keajaiban daripada aspek rohaniah, tetapi sebaliknya lebih mencakankan keistimewaan-keistimewaan luaran seperti ketangkasian, kepahlawanan, kebal, kekuatan dan sebagainya. Oleh yang demikian tarikannya atau penerimaannya adalah dari segi kemungkinan ia terjadi pada alam nyata lebih daripada hubungan dengan adat dan kepercayaan agama. Tambahan pula legenda lebih senang wujud di dalam pengalaman pembaca-pembaca kerana unsur ini kerap tumbuh di mana-mana dan sepanjang waktu. Ia lebih bersifat tempatan dan mendekati kepada tanggapan sejarah, walaupun pada tahap persepsi masyarakat yang kurang mementingkan rasio.

Legenda di dalam sastera sejarah dapat dikaji daripada peranan watak-watak yang boleh dibahagikan mengikut stratifikasi sosial yang tertentu.

- i. Legenda berhubung dengan kepintaran dan kecekapan raja. Contoh yang menarik di dalam jenis ini ialah watak Sultan Alauddin Ri'ayat Syah dalam *Sejarah Melayu*. Sultan Alaudin telah keluar menyamar dan menyerang pencuri-pencuri yang bermaharajalela di Melaka. Di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* kita bertemu dengan raja yang keluar menyerang angkatan Siam dan dengan bertindak demikian baharulah Siam alah. Di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* pula kita bertemu dengan *Merong Mahawangsa* yang penuh kegagahan dan kesaktian di dalam melawan burung geroda.
- ii. Legenda yang memperlihatkan ke ganasnya raja. Kisah Raja Bersiung yang memakan darah dan hati rakyatnya seperti terdapat di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* tergolong di

dalam jenis ini. Begitu juga dengan kezaliman Sultan Ahmad di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*.

- iii. Legenda yang didukungi oleh pegawai-pegawai raja. Dari pada *Hikayat Raja-raja Pasai* dapat ditemui watak Beraim Bapa yang amat berani mempertahankan kebenaran walau-pun terpaksa menentang ayahandanya sendiri. Di dalam *Sejarah Melayu* peranan bendahara dan lain-lain pegawai istana adalah amat ketara, hingga terlihat seolah-olah peranan bendaharalah yang sebenarnya meningkatkan imej Melaka. Kebijaksanaan Tun Perak di dalam menghalang orang-orang Siam mengganggu Melaka amat menarik. Figura Hang Tuah pula termasyhur bukan setakat di dalam teks *Sejarah Melayu* semata-mata tetapi menjadi model kepada sifat kepahlawanan Melayu yang unggul hingga hampir menjadi satu figura mitos.
- iv. Legenda yang dihubungkan dengan sifat istimewa orang-orang biasa. Kisah Badang hamba bendahara Singapura yang memperoleh kekuatan daripada memakan muntah hantu adalah contoh yang paling tepat. Kepintaran budak yang dapat menyarankan cara menghapuskan todak adalah satu lagi contoh dari *Sejarah Melayu*.

Daripada penjenisan dan contoh-contoh yang diberikan, nyatahlah yang legenda dihubungkan dengan anggota-anggota daripada golongan raja, bangsawan dan rakyat biasa. Ini kerana sifat kekuatan, ketangkasan dan kecerdasan itu tidak dimiliki oleh satu-satu golongan tertentu. Di dalam konteks sastera sejarah penggambaran sedemikian timbul oleh sebab ia mencakupi kehidupan semua golongan.

Cerita-cerita Rakyat

Legenda dan mitos yang telah disentuh di atas di dalam penjenisan sastera adalah termasuk di dalam perbendaharaan cerita-cerita rakyat. Legenda dan mitos ini mempunyai kesan yang lebih tinggi daripada sekadar penglipur dan panduan kepada pembaca-pembaca. Ada juga jenis cerita rakyat lain yang dijadikan bahan di dalam sastera sejarah. Cerita burung geroda di dalam *Hikayat Merong*

Mahawangsa oleh setengah pendapat disesuaikan daripada kesusastraan luar tetapi tidaklah salah untuk disarankan ianya dipengaruhi oleh cerita-cerita penglipur lara yang banyak menggambarkan kehidupan di kayangan dan bumi yang luar biasa yang mengandungi geroda, gergasi dan lain-lain makhluk yang ganjil. Serupa juga dengan kisah-kisah ajaib sekitar watak Kampar yang melawan Raja Bersiung, adalah nyata ceria-cerita rakyat.

Bahan Sejarah

Ahli-ahli sejarah tidak sesekali akan dapat menemui (kecuali dengan amat terhad) tarikh-tarikh secara jelas atau saranan di dalam karya-karya sastera sejarah. Dengan banyaknya tempelan-tempelan mitos, legenda dan unsur-unsur cerita rakyat maka tidak hairantlah orientalis membuat kesimpulan bahawa karya-karya ini jauh daripada kebenaran sejarah. Kepada sarjana tempatan mitos-mitos, legenda dan sebagainya dapat dihubungkan dengan kejadian-kejadian yang dianggap fakta sejarah. Keseluruhan peristiwa-peristiwa, baik yang benar atau tidak, dapat diberikan makna di dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu yang mempunyai adat dan kepercayaan sendiri. Kebenaran sejarah di dalam bangsa Timur, termasuk bangsa Melayu, bukan semata-mata kenyataan dari sudut sebab dan akibat peristiwa tetapi juga merupakan kebenaran kebudayaan.

Fakta sejarah yang nyata di dalam karya-karya sastera sejarah adalah nilai masyarakat tradisinya. Nilai ini bukan semata-mata sahih di dalam zaman silam tetapi juga diwarisi oleh sebahagian daripada masyarakat Melayu dewasa ini. Ternyata di dalam kesemua sastera sejarah tergambar sistem feudalisme dan nilai yang dipunyai oleh masyarakat tersebut. Susun lapis masyarakat yang berbentuk piramid dengan raja di puncak atas dan hamba di bawah dan di bawah raja adalah bangsawan-bangsawan dan di bawah bangsawan adalah hamba-hamba yang merdeka seperti petani-petani, saudagar, soldado dan lain-lain. Di dalam masyarakat yang sedemikian tidak dapat dilihat adanya mobiliti dari bawah ke atas, khususnya bagi naik ke kelas pemerintah yang terkhas diuntukkan kepada keturunan darah semata-mata. Peneguhan dan pengekalan sistem feudal ini tidak semata-mata melalui kedudukan kuasa tetapi juga melalui ikatan tanggapan rakyat terhadap raja-rajanya. Segala peristiwa-peristiwa legenda dan mitos meninggal-

kan kesan kekuatan, kedaulatan dan kesucian raja-raja menolong menanamkan rasa takut dan hormat rakyat terhadap rajanya. Manakala peristiwa-peristiwa yang dianggap fakta sejarah itu adalah manifestasi bagi kedudukan raja dan perhubungan di antara raja dengan pegawai-pegawai dan hamba-hambanya. Sejauh manakah fakta sejarah mengatasi unsur-unsur di luar sejarah bergantung kepada tujuan khusus karya tertentu dan bila di tulis.

3. Sifat dan Fungsi Mitos dan Legenda di dalam Sastera Sejarah

Jika di dalam kehidupan sebenar masyarakat, mitos dan legenda memberi kesan tertentu terhadap pemikiran dan gerak tindak ahli masyarakat, maka di dalam sebuah karya sastera tentunya bahan-bahan ini mempunyai fungsi yang berbeza. Mitos yang selalunya diletakkan di bahagian awal sesebuah teks mempunyai tugas mene-kankan kesahihan dan kesucian raja-raja dan keunikan satu-satu negeri. Isi mitos-mitos di samping memperjelaskan persoalan hirarki dan sistem amat mendekati kepercayaan dan adat dan ada di antaranya menjadi jawapan kepada soalan mengapa satu-satu fenomena baru timbul.

Di dalam karya yang menjangkau satu waktu yang amat pan-jang, iaitu dari awal penemuan negeri hingga kehancurannya, tentu sekali mitos dapat mengisikan ruang kosong di antara zaman terdekat dengan zaman paling silam ataupun memadukan pering-kat-peringkat zaman tersebut. Bagi memperjelaskan konsep waktu silam, mitos dengan segala keajaiban yang sukar diterima akal yang berpandukan kenyataan, berperanan di dalam memperjelaskan persepsi waktu zaman silam, zaman di mana apa juga boleh berla-ku. Demikian juga konsepraja yang berdaulat dan suci lebih mudah diperjelaskan dengan mengisahkan mitos keluarbiasaan asal usul raja dan segala peristiwa yang memperlihatkan martabatnya. Dengan demikian sifat watak-watak raja yang istimewa dapat digambarkan dengan lebih jelas.

Manakala mitos, kebanyakannya memperjelaskan hal-hal yang berkaitan dengan raja-raja dan kerajaannya. Legenda pula lebih menyeluruh hingga mengaitkan sama golongan bangsawan dan rakyat biasa. Legenda biasanya tersisip di bahagian lebih kemudian daripada mitos. Sebagaimana berfungsinya mitos, legenda juga mempunyai tugas di dalam binaan sastera sejarah. Legenda dapat memperjelaskan sifat seseorang watak ataupun institusi yang ia

dukungi. Di dalam karya yang jelas menekankan kedudukan kerajaan tentu sekali legenda-legenda dapat berperanan bagi memperjelaskan ketinggian kerajaan dan merealisasikan konsep keagungan dan kebesaran dari sudut lahiriah. Seperti juga jurai keturunan raja-raja, bahan sejarah dan mitos, legenda ikut serta menyempurnakan tema karya itu.

4. Ikatan Bahan-bahan

Amat menarik bahawa karya-karya sastera sejarah tidak menumpukan pemeriamnya semata-mata kepada seorang dua watak atau terhadap keturunan satu dua generasi. Walaupun ia tersusun secara kronologis, hal ia terdiri daripada kisah-kisah yang boleh berdiri sendiri memberi kesan bahawa tidak ada ikatan di antara satu kisah dengan yang lain. Ini amat berbeza dengan bentuk roman misalnya walaupun mungkin mencakupi dua tiga keturunan tetapi dapat dirujuk kepada tujuan perjalanan atau perjuangan wiranya bagi mendapatkan panduan di dalam mencari corak susunan peristiwnya. Di dalam cerita roman juga pembaca dapat berpandukan sebab-musabab bagi perkembangan cerita. Di dalam epik perkembangan cerita dengan mudah dapat diikuti dengan melihat perkembangan watak kerana wiralah menjadi pusat perhatian penulis dan oleh itu memandu pembaca-pembaca memahami binaan ceritanya.

Karya-karya sastera sejarah tidak menggantungkan binaan cerita kepada sebab-musabab ataupun kepada satu-satu wira utama. Walaupun dengan membaca setengah sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu*, seseorang memperoleh kesan loncatan-loncatan peristiwa dan oleh demikian kelonggaran ikatan tidaklah bererti bahawa karya-karya sastera sejarah itu tidak memiliki asas binaan yang kukuh. Oleh kerana sastera sejarah membawakan satu tema yang tertentu dari awal hingga akhir menumpukan kepada meneguhkan tema, ini dapatlah disimpulkan bahawa ikatan sejarah berdasarkan ikatan tema, berlainan daripada ikatan berdasarkan sebab-musabab seperti di dalam roman dan berdasarkan pemusatkan pada wira di dalam epik. Dengan meneliti kisah-kisah di dalam sastera sejarah daripada perspektif ini baharulah makna dan peranan-peranan mitos, legenda dan lain-lain itu dapat difahami secara teguh. Dan dengan itu juga dapat diyakini akan keteguhan hasil-hasil ini dari sudut binaannya.

5. Kesimpulan

Tidaklah menghairankan ramai daripada sarjana-sarjana sastera khususnya daripada kalangan orientalis memberi nilai yang rendah terhadap sastera sejarah. Mereka yang menganggap sastera sejarah sebagai hasil yang sepatautnya mencatatkan data-data sejarah mempunyai perspektif yang salah terhadap konsep sejarah dari kaca mata pengarang Melayu tradisional. Di dalam pemikiran masyarakat Melayu, kejadian berdasarkan fakta kemaskini tidak bererti apa-apa tanpa dihubungkan dengan kepercayaan yang berkaitan dengan perhubungan raja dan rakyat. Maka oleh itu mitos dan legenda amat diperlukan bagi memperjelaskan martabat raja dan kedudukan rakyat di dalam sistem feudal itu. Kewujudan mitos dan legenda bukan sahaja melahirkan kesan kepada imej watak-watak raja dan bangsawan Melayu tetapi juga mempunyai fungsi di dalam melahirkan perspektif waktu dan di dalam memperjelaskan satu-satu fenomena. Mitos dan legenda wujud bersama-sama fakta sejarah dan berpadu di dalam memenuhi tujuan karya itu dikarang. Cara ciri-ciri ini dibina dapat dilihat dengan jelas apabila tiap-tiap karya itu diteliti dari sudut kesusasteraan dan tidak dari sudut ilmu lain.

BAB 3

ALAM RAJA DI DALAM NARATIF RAKYAT DAN NARATIF ISTANA

1. Pendahuluan

DI ANTARA sastera naratif Melayu yang memperlihatkan ciri-ciri persamaan dan perbezaannya adalah karya-karya penglipur lara dari desa dan hikayat bercorak sejarah dari istana-istana raja. Kedua-dua jenis hasil sastera ini memaparkan alam raja yang dianggap sebagai objek yang penting. Tetapi oleh kerana masing-masing karya itu tercipta dari dua daerah dan kemampuan fikiran dan pengalaman hidup yang berbeza, maka nilai kreativitinya apabila dilihat dari sudut kesan dan binaannya adalah berlainan. Berikut diperlihatkan unsur-unsur perbandingan ini.

2. Cerita-cerita Penglipur Lara – Corak Cerita dan Maknanya

Baik di dalam sastera mahupun sastera tertulis fungsi terpenting adalah bercerita, walaupun di dalam konteks tradisi fungsi masyarakat tidak boleh diabaikan. Seorang penglipur lara bercerita perihal anak-anak raja, iaitu mengenai kelahiran seorang putera raja, gerak-gerinya di istana, mimpi-mimpinya, pergaulannya dengan dayang-dayang, gurau sendanya dengan Kembang Cina, perburuannya dengan Bujang Selamat dan selanjutnya pengembaraan dan percintaannya dengan puteri-puteri raja. Di dalam sastera tertulis dari istana seperti karya-karya bercorak sejarah, cerita masih menjadi dasar karya itu. Bagi sastera sejarah, pengolahan adalah di sekitar asal usul raja dan kerajaan, pembukaan kota, perpindahan

bagi pembukaan negeri-negeri baharu, peperangan-peperangan *offensive* mahupun *defensive*, pengluasan kuasa, perhubungan dengan kuasa-kuasa luar dan sebagainya.

Walaupun begitu, perbezaan yang paling ketara adalah erti cerita-cerita itu di dalam konteks motivasi penulisan atau penuutan dan daya kreatif pencipta. Ertinya mengungkap beberapa lapis persoalan di samping aspek cerita. Satu cerita mungkin boleh diolah di dalam pelbagai bentuk, tetapi kesan akhir daripada cerita yang sama itu menjadi berbeza oleh sebab faktor-faktor bentuk ekspresi, penekanan utama yang diharapkan oleh pencipta, stail, sudut pandangan, motivasi pengarang dan sebagainya. Selain itu faktor pengalaman pengarang dan pandangan hidup (*world-view*) atau pemahamannya tentang alam dan hidup adalah juga merupakan penentu kepada erti cerita itu baik bagi satu-satu cerita mahupun bagi satu jenis karya. Segala faktor di ataslah yang menjadikan perbezaan corak alam raja yang terlihat di dalam naratif rakyat dan naratif istana.

Cerita-cerita penglipur lara merupakan hasil ciptaan yang lahir di dalam satu masyarakat yang mudah. Keperluan kehidupannya terbatas, sistem masyarakat tidak kompleks, aktiviti ekonomi dan sosial kurang berbagai dan masyarakat itu sendiri adalah tertutup daripada pengaruh luar. Oleh yang demikian secara umumnya skop pengalaman tiap-tiap individu adalah terangkum di dalam rangka kelahiran, mengalami pendidikan tidak formal tentang tatasusila hidup di dalam keluarga dan bermasyarakat dan cara meneruskan kehidupan, perkahwinan, percintaan, barangkali perceraian, memburu dan sebagainya. Daripada setengah ahli masyarakat dapat dipelajari pula pengalaman pengembalaan ke luar daerah. Di dalam banyak kejadian pengembalaan kerap berakhir dengan kembali semula ke negeri asal berdasarkan kepada pepatah "Hujan batu di negeri sendiri, hujan emas di negeri orang, lebih baik negeri sendiri."

Di samping pengalaman yang nyata di atas ada pula pengalaman yang bercorak konseptual dan abstrak yang dapat dianggap wujud pada pemikiran masyarakat tradisi. Pengalaman ini adalah terlingsukup di dalam struktur masyarakat feudal di mana rakyat merupakan golongan terendah di dalam stratifikasi masyarakat feudal tersebut. Sungguhpun kehidupan kampung itu terpencil daripada kehidupan istana dan kehadiran raja dan kerabatnya hanya terjelma di dalam tanggungjawab mereka terhadap sistem kerah dan persembahan.

namun pada dasarnya wujud hubungan yang rapat dari sudut psikologi dan pemikiran. Perletakan diri mereka sebagai hamba kepada raja yang berdaulat adalah penuh, dan mempengaruhi keseluruhan hidup mereka.


Memandangkan bahawa hidup sehari-hari mereka itu jauh terpencil daripada kehidupan alam raja, maka dapat disimpulkan bahawa segala kisah alam raja yang menjadi isi kebanyakan cerita-cerita penglipur lara itu adalah binaan daripada hasil imaginasi mereka. Imaginasi ini bukan semata-mata khayalan yang kosong, tetapi sebenarnya percubaan bagi menghidupkan satu konsep yang realitinya amat jauh daripada kehidupan di desa-desa yang samar-samar tetapi dipercayai wujud, yang sistem hidupnya sama-sama dia ikut serta, tetapi bukan sepenuhnya dia terlibat.

Dari sudut inilah maka teori pelarian (escapism) yang diberikan terhadap sastera rakyat dapat diteliti semula. Pandangan yang melihat bahawa ahli-ahli masyarakat lari daripada penat lelah dan kemiskinan dengan membina alam mimpi dan misteri, adalah merupakan satu pandangan yang simplistik. Dengan melihat akan struktur masyarakat Melayu dengan kedudukan raja yang amat penting di samping wujudnya anasir-anasir magis di sekitar penceritaan dan hasil cerita penglipur lara itu, cenderung sekali untuk menafsirkannya sebagai pengukuhan semula kepercayaan terhadap kedaulatan raja mereka. Dengan demikian segala keriaan dan kemewahan yang mereka perolehi di dalam musim-musim persawahan atau sebagainya itu dapat dikaitkan dengan kedaulatan raja yang menjadi perantara dengan kehidupan ghaib, kerana raja merupakan pusat pancaran segala tenaga sakti. Maka dengan demikian segala kemungkinan timbulnya perpecahan masyarakat dapat dielakkan.

Dari sini dapat difahami akan pandangan hidup dan kaitannya dengan idea kreativiti penutur cerita-cerita penglipur lara. Seorang penglipur lara merupakan seorang manusia biasa yang di dalam alam luas tertakluk kepada kuasa-kuasa alam sekitarnya. Di dalam akal yang mudah dia adalah seorang makhluk yang tertakluk kepada kuasa-kuasa alam lahiriah dan ghaib. Kehidupan biasanya adalah sistem hidup dunia raja, yang penuh dengan keindahan, keajaiban dan paling terdekat dengan alam ghaib. Walau-pun tidak jelas di penglihatan mereka, ia tetap indah, ajaib dan menggerunkan. Sungguhpun begitu, segala kegiatan di alam raja adalah mengenai perenggan-perenggan hidup mereka, iaitu di seki-

tar zaman selepas kelahiran, dewasa, kahwin dan mati. Segala pengalaman ini tidak asing daripada kehidupan sehariannya, walaupun sebagai seorang desa. Begitu juga dengan konsep-konsep hidup yang telah diabstrakkan daripada pengalaman-pengalaman zaman-berzaman seperti konsep kebaikan, kejahatan, kesejahteraan dan kejayaan.

Dari situ jadilah gerakepta yang berdasarkan daya imaginasi semata-mata. Pencerita-pencerita dengan yakin memaparkan satu kehidupan yang luar biasa berasaskan konsepsi hidup yang mujarad tetapi tertakluk kepada kemujaradan itu. Lahirlah gambaran-gambaran mengenai anak-anak raja yang hikmat dan sakti dan hidup daripada satu peringkat ke satu peringkat berdasarkan tema-tema umum yang biasa seperti kebaikan melawan keburukan, ketabahan membawa kejayaan dan sebagainya. Anak-anak raja ini mengalami satu pusingan hidup yang tidak rencam pengalamannya – lahir, mengaji, dewasa, mencari isteri, mengembara, berjuang, kembali ke istana, hidup aman damai sebelum mati – persis yang dialami oleh seorang desa biasa.



Rajah 1


Bezanya bukan pada kompleksiti alam istana, tetapi pada mewarnakan peribadi anak raja itu dengan unsur-unsur magis dan sakti dan perhubungannya dengan alam raksasa, peri, mambang dan Lautan Khalzum. Kesan akhir cerita, jika ia diletak di alam realiti, adalah fantasi dan imaginasi. Walaupun begitu pada pendengar-pendengarnya ia adalah *real* pada konsepsinya di dalam konteks sistem hidup yang berkelas.

3. Perbandingan Kesan dengan Cerita Bercorak Sejarah


Superficiality yang dikesan wujud di dalam cerita-cerita penglipur lara ini kurang dirasakan di dalam karya-karya klasik yang dilahirkan di istana-istana raja, seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Rajaraja Pasai*. Walaupun ‘kisah-kisah’ (renungkan klise yang digunakan di dalam hikayat-hikayat lama ‘kata sahibul hikayat’), merupakan intipati utama di dalam sesebuah hikayat sejarah, tetapi keistimewaan atau erti cerita-cerita ini sudah berbeza. Kisah-kisah yang membina hikayat-hikayat itu adalah berfungsi membina satu ‘konsep’, menekankan satu pandangan atau mengukuhkan satu-satu tema. Konsep itu seperti konsep ‘kerajaan’ dan ‘kedaulatan’ bagi karya-karya sejarah dan ‘kepahlawanan’ atau ‘keperwiraan’ bagi sesebuah epik. Erti pada cerita-cerita itu adalah kebolehan atau kewajarannya di dalam menyokong kewujudan, perkembangan dan keutuhan satu-satu kerajaan atau menyokong sifat taat setia satu-satu tokoh epik.

Dekatnya karya-karya bercorak sejarah dan epik kepada alam realiti adalah juga disebabkan ianya terbina dari kaca mata penulis-penulis yang mengenal secara jelas akan kehidupan atau konsep yang mahu dikemukakan itu. Penciptanya dapat dianggap berada di dalam sistem kerajaan atau bertanggungjawab ‘menjunjung duli rajanya’. Fahaman mereka ini bulat baik secara penglibatan di dalam sistem tersebut ataupun mengenalinya daripada beberapa sumber yang sahih. Oleh yang demikian sebahagian besar daripada kisah-kisah yang tergambar di dalam karya-karya bercorak sejarah atau epik adalah kisah-kisah yang besar kemungkinannya berlaku di dalam sistem hidup dan manusia-manusianya adalah raja, dan sistem itu adalah sistem kerajaan – di mana raja menjadi penanggungjawab kepada kewujudan kerajaan, dan pahlawan-pahlawan mempertahankan maruah kerajaan dan rajanya. Ada pula kepentingan untuk menentukan raja; raja yang memerintah itu sebagai raja yang sah, oleh itu perlulah jurai keturunan raja-raja dan sekitar peristiwa dan kebesarannya. Begitu juga perlunya kepentingan mengukuhkan martabat kerajaan di dalam konteks kerajaan-kerajaan yang lain.

Berdasarkan huraiyan di atas dapatlah dilihat perbezaan ruang di antara pencerita dan objek cerita di dalam naratif rakyat dan naratif istana, seperti dapat ditunjukkan di dalam Rajah 2 dan Rajah 3.



Rajah 2: Penglihatan Pencerita Penglipur lara



Rajah 3: Penglihatan Pencipta Naratif Istana

Di dalam Rajah 2 terlihat pengarang berada di luar kehidupan manusia dan alam yang mahu digambarkannya. Oleh itu ada ruang besar di antara pengarang dengan keragaman hidup di istana. Dengan kata lain fahaman pengarang tidak cukup kuat untuk mengungkap kenyataan yang ada. Sebaliknya di dalam Rajah 3, tiada ruang (atau hanya ada ruang kecil) di antara pengarang dan

kehidupan istana. Fahaman yang sepenuh atau terdekat dapat dicapai. Perhatikan juga bahawa kerenggangan di antara pengarang dengan objek cerita di dalam Rajah 2 itu adalah kerenggangan ruang, manakala di dalam Rajah 3 adalah kerenggangan waktu.

Faktor-faktor di atas menjadikan kesan realistik dan objektif pada cerita-cerita klasik Melayu berlawan dengan kesan khayalan yang terlihat di dalam karya-karya penglipur lara. Ini tidaklah bererti bahawa naratif istana tidak mempunyai unsur khayalan. Sebenarnya apa jua unsur khayalan yang telah dijadikan bertugas di dalam idea atau konsep kerajaan yang realistik dan struktur cerita yang bersatu. Sebarang unsur khayalan di dalam konteks ini bukan tinggal semata-mata fantasi tetapi telah ditingkatkan kepada mitos-mitos, iaitu mitos-mitos yang membenarkan sifat-sifat kesucian, kesahihan dan keteguhan raja dan kerajaan.

Nyatalah bahawa pandangan hidup memberi erti kepada kesan akhir karya sastera. Apa yang terlihat di sini adalah konsep-konsep yang lahir daripada pandangan hidup yang sama membentuk corak hidup yang tergambar di dalam karya-karya tradisi ini bergantung atas pengalaman dan keupayaan pencipta-penciptanya menghuraikan konsep-konsep yang abstrak di dalam bentuk yang lebih konkret dan nyata. Di dalam hal ini karyawan istana lebih berkemampuan untuk menghayati dan merealisasikan kehidupan di sekitar istana dibandingkan dengan penutur-penutur penglipur lara. Atas dasar inilah maka taraf kreativiti di antara kedua pencipta alam raja itu dapat diukur.


4. Perbandingan Struktur

Alam raja di kedua-dua jenis sastera naratif rakyat dan naratif istana, terangkum di dalam struktur karya yang berbeza. Perbezaan utama adalah sifat mudahnya struktur cerita-cerita penglipur lara dan hal kompleksnya pada naratif istana. Terjadinya demikian adalah disebabkan oleh mudahnya pengalaman pencipta cerita-cerita penglipur lara dan kompleksnya hidup penulis karya dari istana. Pada umumnya cerita-cerita penglipur lara mempunyai struktur yang hampir sama daripada satu judul kepada satu judul yang lain, keseragaman pengalaman hidup dan satu macam keperluan pada pendukung-pendukung watak. Ia mencerminkan satu kepercayaan adanya putaran (cycle) dalam dunia makhluk: kelahiran, pembela-jaran, kedewasaan, perjalanan, kejayaan dan kematian. Ia adalah

pandangan mudah seorang manusia daripada hidup yang amat sederhana sistemnya. Walau bagaimanapun ada keanekaan (variant) antara satu cerita dengan cerita yang lain pada tahap-tahap hidup ini.

Secara kasarnya putaran hidup yang dipercayai oleh penglipur Jara memaparkan satu bentuk jalan cerita yang mudah. Ia dimulakan dengan kelahiran seorang putera raja yang elok parasnya. Putera itu menjalani pendidikan di istana, bergurau senda dan bersenangan hingga menjadi dewasa. Kedewasaan hidup itu diperkembangkan dengan memberi dugaan-dugaan. Puncanya berbagai-bagi mimpinya yang menyarankan dia mencari seorang isteri, seorang puteri kesayangan yang turun ke bumi, misalnya. Ini dituruti dengan berbagai-bagi kesusahan tetapi akhirnya segalanya dapat diatasi. Tetapi dugaan itu berperingkat-peringkat, mungkin mengikut kekuatan imaginasi atau kompleksnya tafsiran hidup pencerita itu. Ada yang memberikan keputusan putera raja mendapat puteri itu, pulang ke istana, berkahwin dan hidup aman damai. Ada yang memperlihatkan dunia ghaib; putera itu ke sana, menemui dugaan dan baharulah akhirnya pulang ke istana. Kemungkinan juga puteri kayangan itu lepas terbang semula ke alam peri atau mambang diikuti oleh putera itu mengambilnya kembali. Sungguhpun demikian putaran dasar adalah daripada perhatian terhadap keperluan berkeluarga yang teratur atau terkawal sifatnya. Sebenarnya, putera raja telah sedia gembira dengan Kembang Cina tetapi pemenuhan syarat manusia dalam bermasyarakat adalah perkahwinan yang direrai dan berkekalan dan gembira ikut tarafnya. Motif asas ini selalu diiringi dengan motif-motif yang lebih kecil dan pengajaran moral seperti jahat dibalas jahat, kesalahan yang diperampuni, belut pulang ke lumpur dan sebagainya.

Peringkat terpenting di dalam susunan aktiviti putera-putera raja ini adalah bahagian perjalanan mereka. Ia bermula daripada motivasi yang jelas seperti oleh gesaan ingin berkeluarga dan mencari keluarga yang hilang misalannya. Di sinilah terdapat segala peristiwa yang perwira, ngeri dan fantasi. Peristiwa-peristiwa ini disamping membantu menggambarkan peribadi watak utama adalah lebih bertujuan menarik dan memanjangkan minat pendengar-pendengar cerita. Di sinilah juga terletaknya segala unsur saspens, harapan dan klimaksnya. Walau apa pun yang terjadi satu hal tetap berlaku, iaitu kembalinya wira ke kampung halamannya. Keadaannya dapat dibahagikan kepada beberapa model.



Rajah 4: Tarikan Negeri Asal di dalam Naratif Rakyat.

Ada beberapa sifat penting di dalam gerakan wira demikian:

Pertama, penentuan tempat di dalam cerita penglipur lara adalah terhad. Walaupun berlaku perpindahan; ia adalah sementa-

ra. Tempat asal menguasai hidup wira, seperti di dalam Model A ia paling kuat menguasai atau menarik putera raja. Pada Model B kurang kuat tetapi dia pasti pulang dan demikian juga dengan Model C tetapi ada tarikan kepada puteri sebagai *compensation* moral, di waktu akhirnya pulang juga. Kewujudan tempat selalu-nya terpelihara, memperlihatkan pegangan hidup yang tidak menggalakkan perpindahan geografi oleh sifat pertaniannya.

Kedua, jarak waktu yang ditetapkan adalah satu putaran hidup bagi satu generasi sahaja, mudah sifatnya dengan peringkat lahir, besar, bercinta berkahwin dan mati.

Ketiga, peristiwa-peristiwa adalah tertumpu pada seorang wira dan dengan demikian 'fokus' pembaca/pendengar amatlah mudah, iaitu tanpa berpindah kepada watak yang lain. Ini juga disebabkan tidak adanya tema sampingan yang menolong perjalanan cerita.

Keempat, oleh sebab motif pencerita pada dasarnya memaparkan keajaiban peribadi putera raja, maka peristiwa-peristiwa yang dihidupkan adalah bertele-tele dan stereotaip, dengan formulanya untuk memperkuuhkan kedudukan putera itu sebagai yang berwatak perwira dan ajaib. Dalam hal demikian peristiwa demi peristiwa atau rentetan peristiwa biasanya dihubungkan satu dengan yang lain oleh sebab-sebab yang kurang logik.


Ciri-ciri struktur yang ada pada cerita-cerita penglipur lara yang demikian itu dapat disimpulkan sebagai ciri-ciri sebuah roman. Tidak sama kedudukannya dengan ciri-ciri struktur sebuah karya bercorak sejarah. Di samping bersifat lebih kompleks dan objektif, sebuah karya bercorak sejarah telah lepas daripada melihat secara umum satu 'putaran' (cycle) dalam kehidupan satu-satu watak. Tetapi pengarangnya melihat lebih dekat pada beberapa persoalan dalam putaran-putaran yang panjang itu: kelahiran putera-putera raja, pembukaan kerajaan, kejayaan kerajaan, perselisihan, perpindahan, perjalanan, perkahwinan, perseteruan, perhubungan dengan negeri-negeri lain dan sebagainya. Ada pemerhatian yang teliti dalam kehidupan manusia atau kerajaan, dan daripada penelitian itu timbul unsur kenyataan. Tambahan lagi ada penelitian di dalam mencari peristiwa yang penting, bukan semata-mata bagi membina tema muda sebuah cerita penglipur lara tetapi dengan

tujuan menyokong beberapa konsep yang mahu dipertahankan oleh pengarang.


Cerita-cerita sejarah memusatkan perhatian pada kelahiran satu kerajaan atau sesebuah negeri, perkembangan, keagungan dan kejatuhananya. Sebuah kerajaan mesti mempunyai seorang raja:

- Raja yang berkenaan mesti pula mempunyai kedudukan yang selayaknya daripada aspek keturunan dan kewibawaan. Fantasi tidak dapat memenuhi tugas ini, tetapi sebaliknya ia memerlukan mitos dan legenda.
- Raja yang berwibawa ini atau keturunannya, sewajarnya menegakkan dan mendukung sebuah kerajaan yang besar.

Perlu juga pendukung-pendukungnya seperti bendahara, temenggung, laksamana dan rakyat. Negeri-negeri jiran dan musuh-musuh yang dialahkan memberikan perspektif yang lain – keagungan dan kedaulatannya. Konflik wujud di dalam kerajaan itu sendiri atau dengan anasir-anasir di luar kerajaan. Oleh kerana objek sebuah karya bercorak sejarah itu sebuah kerajaan, pendukung-pendukung cerita itu pastinya bukannya seorang dan ini membolehkan perpindahan fokus. Ini boleh dirajahkan begini:



Rajah 5



Rajah 6

Pemerian sebuah karya bercorak sejarah, didukungi bukan oleh seorang wira, tetapi sebaliknya oleh ramai, tetapi biasanya yang terpenting adalah daripada satu jurai keturunan, kerana ia pasti demikian dalam hukum sistem feudal (Rajah 5). Sungguhpun demikian ada beberapa pelaku yang timbul lebih penting daripada yang lain, tetapi ini tidak bermakna pelaku-pelaku yang lain itu tidak berperanan di dalam cerita ini. Peranannya adalah bagi mencukupkan jurai keturunan itu bagi melahirkan logik waktu dan legitimasi seseorang raja yang sedang menduduki takhta kerajaan. Selain itu bagi menegakkan wibawa raja perlu peranan mitos. Watak mitos ini ditimbulkan di awal cerita bagi menepatkan perspektif waktu di dalam penghuraian jurai keturunan tadi.

Sebagai sebuah kerajaan, tempat atau latarnya adalah luas. Jadi penentuan tempat adalah lebih luas dan tidak terhad oleh kerana tarikan peribadi semata-mata. Di samping ada tujuan menyatakan asal mula kerajaan, dikemukakan juga pembukaan tapak baru dan perkembangan kerajaan. Kerajaan merupakan satu entiti yang mengikat kawasan-kawasan yang kecil. Dengan demikian berkenaan bertukarnya pusat bagi mengidentify satu entiti tadi. Di dalam semua hal ini tidak dapat tidak menyebabkan perkisaran watak-watak adalah lebih kerap. Di dalam karya yang menekankan kebesaran kerajaan di dalam konteks satu kawasan wilayah atau antarabangsa, pandangan juga berubah melihat kepada satu kerajaan yang lain. Ini mendapatkan kesan keagungan negeri di dalam perbandingan. Begitu halnya maka bidang bergerak adalah

lebih luas dan memungkinkan beberapa perspektif.

Jikalau di dalam cerita-cerita penglipur lara tempat menguasai hidup watak, di dalam cerita-cerita bercorak sejarah ini tidak berlaku. Perpindahan tempat dan pembinaan tempat-tempat baru kerap berlaku. Yang menguasai watak-watak adalah falsafah budaya atau agama yang lebih sofistikated sifatnya. Dengan kata lain wujud gagasan yang difikirkan menentukan akan ketahanan negarakota dan inilah yang menjadikan landasan bagi perkembangan cerita. Gagasan budaya ini dapat dikatakan berdasarkan kepada akar yang sama tetapi pada perincinya dilihat perbezaannya.

Perihal latar waktunya pula dapat diperhatikan ia sejajar dengan faktor-faktor pelbagai watak dan perkembangan cerita, iaitu ia lebih daripada satu putaran hidup manusia. Seorang raja digantikan dengan seorang raja yang lain dan seterusnya. Di dalam hal ini perlu sekali difahami konsep kerajaan yang sebenar. Kalaupun konsep putaran ini mahu digunakan maka putaran itu adalah bermakna putaran kewujudan satu kerajaan. Peristiwa-peristiwa dalam jarak waktu yang luas dan di latar tempat yang tidak terkawal ini, tidak dapat tidak sukar diikat dengan satu tema yang semata-mata dikenyalikan oleh ramai pelaku. Oleh itu wujud daripadanya tema-tema sampingan yang mungkin boleh bergerak sendiri, tetapi tetap berada di dalam satu kesatuan yang terikat erat. Peristiwa-peristiwa di dalam satu tema dihubungkan oleh sebab-musabab yang logik. Dan di dalam konteks tema besar peristiwa-peristiwa ini berfungsi di dalam tema besar tersebut.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya kemampuan kreatif kedua golongan pengarang, penglipur lara dan penulis-penulis sastera sejarah di samping masing-masing meninggalkan kesan *superficiality* dan realiti, mengemukakan juga bentuk sastera yang berlainan. Pencerita-pencerita penglipur lara pada satu pihak tidak berupaya menilai lebih jauh daripada perkembangan satu-satu watak dan peranan beberapa watak di dalam membentuk kehidupan kompleks yang kolektif dan oleh itu satu konsep budaya, seperti yang dapat dirasakan oleh seseorang pengarang istana. Sedemikian mudahnya dasar cerita penglipur lara, memungkinkan ia terus dipertuturkan daripada satu generasi ke satu generasi. Kompleksnya gagasan kerajaan dan perlanjutan generasi memerlukan ia tercatat dengan rapi dan terpelihara.

BAB 4

HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI

1. Pendahuluan

HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI merupakan salah satu daripada karya-karya bercorak sejarah yang tertua di alam Melayu dan dianggap oleh beberapa pengkaji, seperti Winstedt, sebagai tertulis lebih awal daripada *Sejarah Melayu*. Setakat yang diketahui hanya satu naskhah hikayat ini yang boleh digunakan sebagai bahan pengkajian, iaitu manuskrip asli Ms. No. 67. Usaha merumikan teks ini telah dilakukan oleh J.P. Mead dan diterbitkan di dalam *Journal Straits Branch Royal Asiatic Society* pada tahun 1914, dan oleh A.H. Hill yang diterbitkan di dalam *Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society* Vol. 33, Pt. 2. Teks hikayat ini adalah pendek, mengan-
dungi lebih kurang 30,000 perkataan, iaitu jauh lebih pendek dari pada *Sejarah Melayu*.

Minat pengkaji-pengkaji Barat terhadap hikayat ini tidaklah sebesar minat sarjana-sarjana terhadap *Sejarah Melayu*. Ini mungkin kerana kurang manuskrip yang dapat digunakan ataupun barangkali disebabkan oleh kecilnya karya ini. Seperti kebiasaan di kalangan orientalis, minat yang ada ialah setakat kajian perbandingan dan historis. Di antara perkara-perkara yang menarik perhatian mereka adalah soal persamaan dan perbezaan yang ada antara *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* dari sudut isinya, dan ini dilihat pula dari sudut kewajaran sejarah, bukan atas dasar kewajaran struktur kedua teks tadi. Dengan itu sukar sekali dapat dipelajari daripada kajian mereka akan daya kreatif pengarang atau penyusun hikayat ini. Walaupun kesedaran mereka adalah mencatatkan kebesaran raja-raja Pasai, dan oleh itu bertujuan seja-

rah, tetapi kajian cipta sastera tidak semestinya diabaikan.

Melihat *Hikayat Raja-raja Pasai* secara dekat tidak dapat tidak seseorang akan merasakan ia terbina oleh kemantangan mencipta yang tinggi. Ada tujuan yang jelas daripada awal untuk melaksanakan satu tugas penulisan. Ada dasar pengembangan dan pengakhiran cerita dan ada juga falsafah budaya yang membina temanya. Di dalam menghuraikan hal-hal ini penulis membuat satu kepastian bahawa teks *Hikayat Raja-raja Pasai* adalah keseluruhananya satu kesatuan yang terikat kukuh, walaupun ada sarjana yang menghujah adanya penampilan begitu sahaja setengah bahagian (lihat Amin Sweeney "The Connection between the *Hikayat Raja-raja Pasai* and the *Sejarah Melayu*", *JMBRAS*, XL, i, 1967"). Di pandang dari sudut binaan teks sangkaan ini mudah diberikan sangkalan. Apa yang nyata adalah *Hikayat Raja-raja Pasai*, yang terdiri daripada bahagian-bahagiannya adalah satu karya dan oleh itu selayaknya seorang sarjana sastera memeriksa akan binaan karya itu dari sudut sastera pula.

2. Ringkasan Cerita

HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI memulakan cerita dengan memperkenalkan raja dua bersaudara, Raja Ahmad dan Raja Muhammad. Kedua mereka keluar membuat negeri di Semerlangga. Ketika Raja Muhammad dengan segala rakyatnya menebas rimba dia memperoleh seorang kanak-kanak perempuan dari rebung buluh betung dan diberi nama Puteri Betung. Raja Ahmad pula memperoleh seorang kanak-kanak lelaki yang dibawa oleh seekor gajah, diberi nama Merah Gajah. Kedua-dua anak itu pun masing-masing dipelihara seperti puteri dan putera raja hingga dewasa.

Setelah dewasa, mereka pun dikahwinkan dan mereka memperoleh dua orang anak lelaki bernama Merah Silu dan Merah Hasum. Satu hari Merah Gajah melihat sehelai rambut Puteri Betung yang berwarna seperti emas. Dia pun meminta supaya dibantun rambut itu, tetapi tidak diizinkan oleh isterinya kerana ini akan mengakibatkan perceraian antara mereka. Sungguhpun begitu Merah Gajah membantun juga rambut berwarna emas itu ketika Puteri Betung sedang tidur. Akibatnya keluarlah darah putih dari liang rambut itu lalu Puteri Betung pun mati.

Segala yang telah berlaku itu dikhabarkan oleh inangnya kepada Raja Muhammad. Murkalah baginda lalu dibunuohnya Merah

Gajah. Kematian Merah Gajah itu diberitakan pula oleh orang kepada Raja Ahmad. Terjadilah perperangan di antara kedua pihak hingga berakhir dengan kematian kedua-dua raja itu. Merah Silu dan Merah Hasum yang tinggal itu bermuafakatlah untuk meninggalkan negeri Semerlangga dan membuka negeri yang lain. Mereka pun berjalanlah hingga sampai ke sebuah negeri bernama Beruana. Pada suatu ketika Merah Silu pergi ke hulu sungai menahan bubu, tetapi setelah beberapa hari berbuat demikian dia hanya mendapat cacing gelang-gelang. Akhirnya dibawa juga gelang-gelang itu ke rumah dan disuruh orang merebusnya. Gelang-gelang itu menjadi emas dan menjadi perak.

Dengan emas dan peraknya itu Merah Silu mengupah orang memerangkap kerbau liar untuk dijinakkan. Pekerjaan ini tidak disukai oleh saudaranya Merah Hasum, lalu dia meminta Merah Silu keluar dari negeri itu. Oleh yang demikian berangkatlah Merah Silu berjalan dari satu tempat ke satu tempat hingga tiba di Buluh Talang, negeri Megat Iskandar, di mana dia diperkenankan tinggal. Merah Silu memperkenalkan sabung ayam pula hingga ramai orang-orang besar dari negeri lain datang ke Buluh Talang dan menjadi masyhurlah negeri itu. Sukalah Megat Iskandar terhadap Merah Silu lalu bermuafakat dengan orang-orang besar untuk merajakan Merah Silu. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh Malik al-Nasar salah seorang saudaranya. Terjadilah perang antara Merah Silu dengan Malik al-Nasar yang berakhir dengan kekalahan Malik al-Nasar. Tidak berapa lama setelah itu Merah Silu membuka sebuah negeri di atas tanah tinggi. Negeri itu diberi nama Samudera, mengikut nama semut besar seperti kucing.

Menurut ceritanya, Nabi Muhammad s.a.w. telah meninggalkan wasiat kepada sahabat baginda supaya diislamkan negeri Samudera dengan membawa ke sana alat kerajaan serta seorang faqir dari Ma'abri. Setelah Nabi Muhammad wafat, terdengarlah khabar kepada Syarif di Mekah tentang negeri Samudera itu. Syeikh Ismail telah diperintahkan membawa kapal dengan alat kerajaan ke Samudera. Tiba di Ma'abri Sultan Muhammad turun dari takhta kerajaan menjadi faqir untuk ikut belayar ke Samudera. Pada satu malam, sedang kapal itu berada di laut, Merah Silu bermimpi bertemu Nabi Muhammad. Baginda meludah mulut Merah Silu, diberi nama baru Maliku's-Salleh dan diajar hukum-hukum Islam. Setelah terjaga daripada tidurnya didapati dia telah berkhatan, boleh mengucap dua kalimah syahadat dan dapat pula membaca

Quran tiga puluh juzuk.

Kapal Syeikh Ismail akhirnya sampai ke Samudera. Syeikh Ismail pun turun mengadap Sultan Maliku's-Salleh. Setelah beberapa kali mengadap jelaslah kepada Syeikh Ismail yang Sultan Maliku's-Salleh telah boleh mengucap dua kalimah syahadat dan mengajai Quran tiga puluh juzuk. Baharulah syeikh itu mengajar segala rakyat mengucap. Kemudian sultan itu pun ditabalkan dengan pakaian kerajaan yang dibawa dari Mekah. Setelah sudah, Sultan Maliku's-Salleh mengurniakan hadiah yang banyak kepada Syeikh Ismail. Syeikh Ismail segera belayar pulang manakala faqir tinggal di Samudera meneguhkan agama Islam di sana.

Tiada lama kemudian Sultan Maliku's-Salleh mengahwini anak gundik Sultan Perlak bernama Puteri Ganggang yang amat elok paras dan lakunya menandingi segala puterinya sendiri. Dari perkahwinan itu baginda memperoleh seorang putera yang diberi nama Maliku'l-Tahir. Sultan kemudian membuka negeri, diberi nama Pasai sempena nama anjingnya yang berdakapan dengan pelanduk di atas sebuah tanah tinggi. Negeri ini diserahkan kepada anakandanya Maliku'l-Tahir yang dianugerahkan oleh Tuhan dua orang anak Maliku'l-Mahmud dan Maliku'l-Mansur. Setelah kematian bapanya, mereka berdua diserahkan oleh datuknya ke bawah pemeliharaan orang-orang besar – Syed Ghiathu'd-Din dan Syed Semayamu'd-Din. Setelah dewasa Maliku'l-Mahmud dirajakan di Pasai dengan Syed Ghiatu'd-Din sebagai Perdana Menterinya, manakala adindanya tinggal bersama datuknya di Samudera.

Sampai takdirnya, Maliku's-Salleh sakit lalu dia memerintahkan segala orang-orang besar mengadap baginda berunding supaya Maliku'l-Mansur ditabalkan menjadi raja di negeri Samudera. Tat-kala berasa akan maut baginda berwasiat kepada kedua-dua menteri anak-anaknya supaya berbaik-baik kedua-dua mereka di dalam memelihara cucu baginda dan jangan dibiarkan sekali-kali mereka bersalah dua bersaudara. Begitu juga jangan mereka mengubahkan setia mereka terhadap kedua cucu baginda. Jangan mereka menganiayai segala hamba Allah dan mengerjakan segala pekerjaan yang bersalah dengan hukum Allah.

Kemudian dipanggil pula kedua-dua anaknya dan kepada mereka semuanya ditinggalkan wasiat supaya kedua-dua mereka memeliharaan pekerjaan amar bilma'aruf wanahia 'anil-munkar, tidak tamak akan harta dunia kerana dunia ini tempat segala yang mufrura dan jangan sangat ingin akan segala yang tiada memberi

manfaat di akhirat, dan jangan tidak muafakat dua bersaudara di dalam segala pekerjaan. Jangan sekali-kali bersalahkan di antara mereka dan jangan menderhaka kepada Allah, serta hendaklah berlaku adil kepada rakyat.

Kedua-dua kerajaan Pasai dan Samudera bertambah makmur di bawah pemerintahan raja yang baharu ini. Pasai khususnya bertambah kebesaran dan kemuliaannya hingga didengar oleh raja Siam. Akan raja Siam diperintahkannya angkatan tenteranya ke Pasai dengan memberi kata dua kepada Pasai, membayar ufti atau menerima serangan Siam. Sultan Maliku'l Mahmud amat murka mendengarkannya lalu memerintahkan segala panglima dan rakyatnya memerangi angkatan Siam itu. Kedua-dua pihak menunjukkan kekuatannya hingga tiga hari berperang tidak ada keputusan kecuali kematian yang ramai di kedua-dua belah pihak. Sultan Maliku'l-Mahmud pun berasa murka lalu baginda sendiri turun ke tengah medan perang, hingga mencapai kemenangan.

Pada suatu ketika Maliku'l-Mansur –tanpa mengendahkan nasihat menterinya supaya jangan keluar kerana ketika itu saudaranya telah turun melihat negeri, takut kalau-kalau datang fitnah syaitan – turun bermain-main dan bersuka-suka di tepi laut. Di dalam perjalanan kembalinya baginda lalu hampir kepada istana kakandanya dan terlihat seorang perempuan yang cantik keluar, lalu disuruh panglimanya membawanya ke istananya. Maliku'l-Mahmud menjadi murka lalu meneari jalan menghukum adinda dan menterinya sekali. Kedua mereka ditangkap ketika mereka datang ke majlis khatan anak Sultan Maliku'l-Mahmud, Sultan Ahmad Permadala Permala. Sultan Maliku'l-Mansur dibuang ke negeri Teniang. Akan Semayamu'd-Din, atas permintaannya sendiri, dipenggal kepala-nya dan dibuang ke laut, badannya disula di Kuala Pasai. Tetapi akhirnya dikuburkan di Padang Maya.

Selang tidak berapa lama dari itu Sultan Maliku'l-Mahmud berasa insaf akan perbuatannya terhadap saudara dan menteri Semayamu'd-Din. Baginda pun meminta Tun Perpatih Tulus Agung Tokong Sukara menjemput Sultan Maliku'l-Mansur pulang ke Pasai. Dalam perjalanan pulang Sultan Maliku'l-Mansur singgah di kubur Semayamu'd-Din di Padang Maya. Ketika memberi salam akan pulang baginda mendengar suara dari kubur itu meminta dia diam sahaja di sana. Mendengar suara itu baginda pun sembahyang dua rakaat dan sebelum selesai salamnya baginda pulang ke rahmatullah. Khabar itu diberitakan kepada sultan Pasai dan dengan sedih-

nya baginda memerintahkan membawa mayat untuk dikebumikan berhampiran kubur ayahandanya. Maliku'l-Mahmud dukacita lalu turun dari takhta kerajaan setelah menabalkan anak baginda Sultan Ahmad Permadala Permala. Tidak berapa lama kemudian baginda pun mangkat.

Kerajaan Pasai diperintah oleh Sultan Ahmad Permadala Permala yang amat kuat nafsunya. Baginda memperoleh tiga puluh orang anak, antaranya yang seibu sebapa lima orang. Mereka itu adalah Tun Beraim Bapa, Tun Abdul Jalil, Tun Abdul Fadhil, Tun Medan Peria dan Tun Takiah Dara. Tun Beraim terkenal kerana kepahlawanannya, Tun Abdul Jalil kerana kacaknya dan Tun Abdul Fadhil kerana alimnya dan pendetanya, manakala kedua anak gadis baginda itu amat cantik parasnya. Sultan Ahmad berahi akan kedua anak daranya dan memberitahu akan niatnya untuk mengahwini kedua mereka. Apabila terdengar oleh Beraim Bapa, dia segera melarikan kedua adiknya itu ke Tukas. Sultan Ahmad amat murka kepada Beraim Bapa lalu menjalankan berbagai-bagai helah membunuhnya tetapi gagal. Bertambah dendam baginda apabila Beraim Bapa disangkanya bergurau dengan gundik sultan bernama Fatimah Lampau. Dan kerana tidak mahu menderhaka, dia pun rela memakan ayapan walaupun mengetahui kedua-dua adiknya mati kerana makanan itu.

Kezaliman Sultan Ahmad tidak berhenti di sini sahaja. Dia sanggup membunuh Tun Abdul Jalil hanya kerana dia dicintai oleh Puteri Gemerancang, anak Ratu Majapahit. Tindakannya membawa akibat yang buruk. Apabila Puteri Gemerancang tiba ke Pasai dan mendengar khabar atas kematian Tun Abdul Jalil yang dirindunya itu dia pun berdoa supaya nyawanya diambil segera dan kapalnya ditenggelamkan. Terjadilah apa yang dihajatinya itu. Kemalangan ini diambil berat oleh Ratu Majapahit lalu memerintahkan askarnya menyerang Pasai. Akhirnya Pasai alah kerana panglima utamanya Tun Beraim Bapa tiada lagi untuk mempertahankan negeri. Dengan penuh kesal akan perbuatannya yang lalu, Sultan Ahmad melarikan dirinya ke Menduga.

Setelah mengalahkan Pasai dan segala daerah sekitarnya Sang Nata berhajat pula menakluki segala negeri di Ujung Tanah. Bila tiba giliran menyerang Pulau Perca, tergeraklah hati Sang Nata hendak berlaga kerbau dengan Patch Ketemenggungan, kerana fikirnya tentulah tiada siapa dapat mengalahkan kerbaunya yang sebesar gajah tunggal itu. Patch Ketemenggungan menerima

dengan perjanjian sekiranya alah orang-orang Jawa akan memakai kain cara perempuan dan jika lau Pulau Perca alah akan takluklah ia ke bawah kuasa Majapahit. Selepas bertangguh selama lima hari beradalah kedua-dua belah pihak. Patih Ketemenggungan hanya melepaskan seekor anak kerbau yang telah dilaparkan selama lima hari. Oleh kerana terlalu lapar, anak kerbau itu pun menghisap buah pelit kerbau Majapahit dengan tidak sekali-kali melepaskaninya hingga kerbau Majapahit itu terkapar mati. Dan askar-askar Jawa itu kemudian terbunuh oleh tusukan buluh talang yang bisa. Demikianlah dicritikkan orang yang empunya cerita.

3. Analisa Sastera

i. Tujuan Pengarang

Tujuan pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* terbayang pada baris-baris awal *Hikayat Raja-raja Pasai*:

"Alkisah peri mengatakan cerita raja yang pertama masuk agama Islam ini Pasai, maka ada diceritakan oleh orang yang empunya cerita ini."

Juga ditekankan,

"Negeri yang di bawah angin ini Pasailah yang pertama membawa iman akan Allah dan akan rasul Allah."

Ini menyarankan soal pengislaman Pasai amat penting. Walaupun utama ia tidak dibicarakan sehingga telah berakhirnya peringkat pengisahan tentang Raja Ahmad. Selaras dengan kehendak cerita meletakkan Pasai kepada taraf utama ini pemerian tentang pengislaman ini diperbesarkan dari fakta-fakta:

1. Nabi Muhammad sendiri dikatakannya mempunyai pengetahuan tentang kewujudan Pasai dan pengislaman setelah dia wafat, seolah-olah sebagai satu wasiat.
2. Seorang sultan cucu Abu Bakar dan Mengiri turun takhta menjadi seorang faqir untuk berserta Syarif dari Mekah ke Pasai.
3. Nabi menjelma di dalam mimpi meminta Merah Silu mengucap dua kalimah syahadat dan mengajar agama Islam dengan keafdhalan yang ditinggalkan; hafaz Quran, khatam dan sebagainya. Menarik juga untuk disedari tentang adanya pengaruh kepercayaan Islam seperti keramat dan unsur kesucian.

Hingga bila cerita diteruskan terlihat pengislaman tidak berakhir begitu sahaja. Peneguhan atau peluasan temanya diperjelaskan dalam bentuk wasiat pertama daripada Maliku's-Salleh kepada anak-anaknya dan kedua menterinya;

1. Ada tanggungjawab hamba untuk tidak menderhaka kepada raja.
2. Ada tanggungjawab raja untuk tidak menganiayai hambanya.
3. Ada tanggungjawab raja untuk mengikuti akan ajaran Allah s.w.t. serta berdakwah untuk-Nya.

Barangkali pengarang mahu menunjukkan pentingnya satu-satu wasiat itu, atau dalam kepercayaan orang-orang Melayu sendiri peristiwa-peristiwa sejarah mengajar akan kebenaran. Krisis yang berakhir dengan pembunuhan Syed Semayamu'd-Din dan kematian Maliku'l-Mansur sendiri berpunca daripada tidak adanya kata sepakat di antara kedua raja bersaudara dan juga pegangan teguh Syed Semayamu'd-Din pada kesetiaannya terhadap raja, kepadanya dia perhambakan dirinya. Di sini dipertunjukkan falsafah taubat dan tarikan roh yang biasa di dalam ajaran Islam. Kedua-dua raja telah terhukum akan keterlanjuran masing-masing iaitu seorang dengan dibuang negeri dan seorang melalui keinsafaan. Dosa Maliku'l-Mahmud kerana melanggar undang-undang wasiat tidak begitu besar bagi mengakibatkan satu bala (rujuk dan bandingkan dengan konsep *catastrophe* di dalam tragedi Greek) ke atasnya. Kemangkatan terpelihara juga dengan keupayaan memanjangkan wasiat yang hampir sama;

1. Bermuafakat di dalam segala kerja.
2. Mengikut jalan Allah
3. Memelihara akan kebajikan hambanya.

Wasiat ini tidak diikuti oleh anaknya Raja Ahmad yang mengambil alih pemerintahannya. Diperlihatkan unsur nafsu yang berbentuk *incest* (berkehendakkan ahli keluarga sendiri) di luar nilai kemanusiaan dan Islam. Nafsu dan kejahatan berkembang di beberapa tempat lain seperti dengki dan dendamnya pada anaknya sendiri, Beraim Bapa, yang membela keselamatan adiknya dan akhirnya semakin menebal bila anaknya bersenda dengan seorang gundik di istana. Barangkali tindakannya dapat dipertahankan kerana kesalahan Beraim Bapa, tetapi adalah lebih kuat untuk mengata-

kan ia berdasarkan kepada nafsu dan dendki yang telah tumbuh pada peristiwa lebih awal.

Tergamaknya dia membunuh anaknya Tun Abdul Jalil hanya kerana dia dikasih oleh Puteri Gemerancang, anak Ratu Majapahit, sekali lagi menunjukkan darjah nafsu dan kezalimannya yang tidak terkawal. Di sinilah ketikanya yang tepat untuk bala menimpa Sultan Ahmad. Ini disebabkan juga oleh salah perkiraan Sultan Ahmad sendiri tentang persambungan reaksi daripada tindakannya yang awal. Jika krisis antara dirinya dan Tun Beraim Bapa merupakan satu krisis ‘Keluarga Pasai’ yang tidak ada kaitan dengan anasir-anasir luar boleh memberi manfaat atau keuntungan kepada dirinya kerana ikatan kesetiaan hamba pada raja, lain halnya dengan tindakannya terhadap Tun Abdul Jalil. Ada orang ketiga di dalam masalah ini – orang luar – Puteri Gemerancang yang juga diperlindungi oleh satu kuasa luar yang lain, iaitu Majapahit. Inilah yang mengakibatkan kemalangan bagi Sultan Ahmad.

Di samping bukti-bukti di atas, amat menarik juga melihatkan bahawa permulaan *Hikayat Raja-raja Pasai* tidak menitikberatkan mitos asal usul seperti yang terdapat di dalam cerita-cerita bercorak sejarah yang lain seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* di dalam menegakkan identiti Pasai. Cerita terus dimulakan dengan menghikayatkan adunya dua bersaudara Raja Ahmad dan Raja Muhammad penemu kepada asal usul Merah Silu (Mali-ku's-Salleh). Ini disebabkan pengarang memikirkan Islam sudah cukup besar bagi cerita itu atau bagi Pasai menjadi terkemuka. Jadi, pengarang mementingkan anasir-anasir yang paling wajar tanpa berkehendakkan mitos di luar lingkungan Pasai, seperti *Sejarah Melayu* – Iskandar Zulkarnain di luar Melaka sendiri.

Jalan benar yang *Hikayat Raja-raja Pasai* dibentuk dengan satu tema yang kuat dan ditulis dengan fokus yang jelas. Ada pereratan konsep Islam, kesetiaan dan keadilan di dalam keseluruhan cerita itu, walaupun tidak ditekankan secara langsung, kecuali sesekali seperti dalam pantun; “Lada siapa dibangsalkan/selama lada sekertati/pada siapa disesalkan/Tuan juga empunya pekerti”. Walaupun begitu perlu diingat juga bahawa penekanan pada Islam adalah pada konsep yang dasar. Penelitian lanjut terhadap isi cerita memperlihatkan unsur-unsur tempatan yang kontra-Islam dan juga tindakan-tindakan yang mengalah kepada hukum adat. Tidak dapat tidak ini berlaku di dalam konteks budaya yang sudah kukuh dengan nilai tersendiri sebelum Islam.

ii. Penekanan Wasiat dalam Perkembangan Cerita

Penelitian terhadap struktur *Hikayat Raja-raja Pasai* juga mengukuhkan lagi tanggapan kita bahawa pengarang mempunyai motivasi yang lebih besar daripada sekadar apa yang dibicarakan di dua baris awal, iaitu kisah tentang raja yang pertama memeluk agama Islam atau kisah Pasai. Kita lihat pengarang telah memenuhi tugasnya dengan mengadakan satu pendahuluan, iaitu memperkenalkan asal usul Merah Silu (Maliku's-Salleh) dengan mitos-mitos tertentu yang kemudiannya diikuti oleh perihal Merah Silu sebelum Islam dan setelah Islam. Pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* menyedari bahawa pengislaman tidak bererti apa-apa sebelum diperlihatkan hakikat Islam itu lebih dekat – apa kebenaran Islam yang dipertunjukkan? Bahawa dia mempertahankan soal kesejahteraan hidup dan keadilan dan di bawah kuasa Tuhanlah seseorang itu tertakluk. Ini tidak dibicarakan atau dihuraikan secara langsung, tetapi tersirat di dalam perkembangan cerita itu sendiri.

Perihal di atas dapat dilihat jika kembali kepada persoalan wasiat. Pertama kali kita mengenal wasiat apabila Nabi Muhammad berbicara tentang adanya negeri Pasai dan negeri itulah yang pasti nanti diislamkan. Segalanya berjalan baik sekiranya wasiat disempurnakan. Tetapi sebaliknya wasiat boleh mendatangkan sesuatu kepada mereka yang tidak menghargainya. Wasiat sebagai amanah adalah suatu yang suci di dalam Islam. Ini disedari di dalam kata-kata Sultan Maliku's-Salleh.

“Hubaya-hubaya, jangan tiada kamu turut wasiatku ini, hai cucuku kedua .”

Pastinya juga pengislaman ini bertapak pada satu kebudayaan yang telah sedia dengan nilainya yang tersendiri. Perhubungan antara raja dan rakyat merupakan satu pertalian saling mengerti. Raja menghormati maruah hambanya yang diperintah manakala rakyat mengakui keadaulatan raja, yang bererti mengharamkan penderha-kaan. Jadi, kedua-dua falsafah hidup ini bergabung dan mendapat ujian yang berperingkat-peringkat.

Peringkat-peringkat pengujian tentang kesucian wasiat ini merupakan ciri yang paling menarik dalam struktur *Hikayat Raja-raja Pasai*. Aksi-aksi bergerak naik menuju kepada satu puncak. Pada bahagian atas garis naik itu teratur ketegangan yang dipertahankan oleh negara-

nya hingga kepada satu titik di mana wira (Tun Beraim Bapa) dalam krisis kezaliman lawan penderhakaan tidak dapat mempertahankan kedudukannya. Hal yang lain merupakan satu penentuan menurunnya garis aksi atau perkembangan plot itu. Kezaliman terhadap Tun Abdul Jalil oleh Raja Ahmad menjadi pengujian terakhir apa yang dinamakan bala; tetapi bala ini tidaklah dapat dianggap sebagai resolusi di dalam pengertian plot klasik Greek. Di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* ia diteruskan kepada satu peristiwa yang tidak kurang dramatiknya.

Tentunya ini berlaku oleh fungsi yang berbeza antara *Hikayat Raja-raja Pasai* dengan karya-karya tragedi klasik Greek. Di dalam klasik Greek yang mementingkan *katharsis* (peluahan rasa penonton dalam bentuk kesedaran tentang tragedi yang memberi pengajaran dan keinsafan) *catastrophe* merupakan pengakhiran cerita yang tepat memenuhi konsep tragedi. *Hikayat Raja-raja Pasai* bukan sebuah karya tragedi. Ia mempunyai tujuan yang lebih suci, iaitu merakamkan satu kehidupan sebuah negeri Islam pertama di bawah angin. Tidak layak bagi sesebuah negeri (simboliknya satu wira) tinggal hancur atau alih walaupun atas kesalahan yang tidak terampun itu. Ada satu hargadiri (dignity) yang mahu dipertahankan, sekurang-kurangnya secara tidak langsung. Majapahit yang meruntuhkan Pasai tidak sepatutnya lepas lari. Ia akhirnya diberi satu kekalahan – ini dalam bentuk yang lebih aif – hanya dalam pertarungan kerbau di mana ia diperdayakan oleh kebijaksanaan. Dengan demikian timbul implikasi bahawa kekalahan Pasai bukan oleh kelemahan Pasai tetapi benar-benar satu bala yang di luar kuasa manusia, datangnya dari kesalahan yang tidak terampun kerana mengabaikan wasiat suci.

Dari sini kita boleh menyusuri kepentingan wasiat dihubungkan dengan pandang hidup pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai*. Jelas pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* ada penglibatan (commitment) kepada menggambarkan satu kebenaran daripada sejarah budaya negeri Pasai. Negeri Pasai menjadi punca segala tindakan alam dan segala peristiwa. Walaupun ada perlakuan dari luar Pasai, segala perlakuan itu adalah dasar Pasai. Tetapi apa itu Pasai? Pasai merupakan pusat pertapanan Islam. Justeru itu mesti memperlihatkan kebenaran salah satu falsafah Islam yang sesuai dalam hubungannya dengan kebudayaan Pasai. Pusat kebudayaan Pasai adalah kehidupan di istana, termasuk di dalamnya hukum kerajaan, hubungan keturunan, hubungan ketaatan lawan penderhakaan,

peranan gundik dan termasuk juga penghormatan pada kesucian Islam yang baharu bertapak.

Kita dapat melihat betapa kukuhnya pemusatan pengarang pada dua corak kepercayaan adat dan Islam dengan meletakkan keduaduanya di dalam satu *vehicle* (landasan) yang dinamakan wasiat itu. Sesungguhnya wasiat itu menjadi satu *symbolic pendulum* yang menentukan hidup atau matinya Pasai. Wasiat itu harus hidup, bergerak dan bernyawa, dipelihara dan dipercayai seperti sebuah jam yang menentukan perjalanan masa secara simbolik. Kalau ia mati atau tidak dihargai, segalanya bagi tuan punya jam itu akan menjadi kacau. Hidup di dalam Pasai berjalan di luar perjalanan waktu yang sebenarnya dan akhirnya mengakibatkan ketidakwajaran hubungan dalam negeri dan di luar negeri, hilang kesejahteraan lalu melibatkan kerosakan pada negeri itu.

iii. Teknik Pemerian

Pengarang-pengarang sastera bercorak sejarah membina karyanya dengan menggunakan kisah-kisah yang dipilih berdasarkan kesesuaianya dengan tema karya berkaitan. Tidak kecuali bagi pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai*. Termasuklah di dalamnya kisah-kisah berunsur mitos dan legenda. Penggunaan mitos di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*, berlaku adalah di dalam bentuk yang amat natural bukan sisipan. Walaupun pada dasarnya ada hubungan dengan *supernatural* tetapi hal ini tidak ketara sangat, kerana kebesaran raja dan kedaulatan kerajaan tidak ditekankan oleh mitos ini. Islam menjadi persoalan utama dan oleh itu anasir *supernatural* di dalam kepercayaan agama Islam lebih memberi kesan daripada mitos tempatan. Di dalam berbuat demikian kelihatan daya mengembangkan cerita pada dasarnya adalah teratur rapi. Terlihat misalnya pengemukaan terus watak-watak utama dan pengguguran watak yang tidak berhubungan dirasakan berlaku dengan licin, seperti di dalam hal menghilangkan kisah Merah Hasum dan pengemukaan wasiat Nabi Muhammad s.a.w.

Keupayaan pengarang adalah didasarkan kepada kesedaran penuh pada tujuan ciptaan, peristiwa-peristiwa yang sejajar dan penujuan pada kesan akhir yang mahu dilaksanakan. Dengan kata lain ia berpegang kepada satu pemusat tertentu dan pemegangan pusat cerita inilah yang membolehkan dia melahirkan kesan akhir cerita. Sesungguhnya pusat cerita itu amat nyata dari awal; kepentingan kedudukah Pasai sebagai negeri pertama didatangi oleh

Islam. Islam dan Pasai (iaitu raja-raja dan falsafah hidupnya) seolah-olah berpadu teguh, bukan sahaja dimanifestasikan di dalam wasiat-wasiat bahkan dalam kejadian-kejadian yang berlaku kepada watak yang ditentukan oleh watak-watak itu sendiri. Hakikat bahawa pengarang tetus membuka cerita dengan alam atau watak yang langsung berkaitan dengan Pasai dan watak terkemuka, dapat dilihat juga daripada usaha pengarang menekankan kedudukan Pasai. Kedatangan Islam, ancaman Siam, kembalinya Raja Mansur ke Pasai, kedatangan Panglima Keling dan Puteri Gemerancang, semuanya meletakkan Pasai sebagai kuasa tarikan. Walaupun akhirnya Pasai dialahkan oleh Majapahit, tetapi penekanan yang diberikan kepada hargadiri Pasai sekali lagi membenarkan rumusan yang dibuat tadi bahawa pusat yang telah dimulakan pada Pasai di awal cerita telah diperkembangkan dan ditamatkan.

Meninjau lebih jauh akan soal penyusunan kisah-kisah ini dapat ditemui unsur-unsur yang umum bagi karya bercorak sejarah dan bagi naratif yang lain. Unsur tersendiri sebuah karya bercorak sejarah adalah asal usul dan jurai keturunan. Yang menarik tentang asal usul ini adalah pemilihan Raja Muhamad dan Raja Ahmad (keduanya makna Naib Muhammad) yang dapat dianggap sebagai 'nur' yang nanti membawa ketinggian bagi Pasai. Dapat dilihat juga jurai keturunan tidak pula diperturunkan secara terperinci tetapi memadai dengan beberapa watak yang terpilih semata-mata.

Di samping adanya unsur tersendiri, pada sebuah genre hasil corak sejarah, wujud juga unsur universal. Unsur konflik digunakan sebaik-baiknya oleh pengarang untuk mengembangkan cerita. Dari awal telah digunakan iaitu dari peristiwa berhubungan dengan rambut emas hingga menjelang akhir cerita. Konflik di antara Tun Beraim Bapa dan Sultan Ahmad menjadi bahagian yang paling memuncak di mana dengan jayanya pengarang terus-menerus mengekalkan satu urutan ketegangan yang natural. Amat menarik juga yang pengarang mengembangkannya dengan unsur cinta tiga segi iaitu sekitar Sultan Ahmad – Puteri Gemerancang – Tun Abdul Jalil yang menjadi genting dengan sifat lemah yang sedia ada pada Sultan Ahmad.

Ada lagi satu aspek periyawatan atau pemerian yang amat menarik di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*, iaitu yang berhubungan dengan pertarungan Tun Beraim Bapa. Pertama, ketika dia menunjukkan kekuatannya kepada perwira Keling dan kedua saat-saat poncak ketika dia menerima hukuman daripada ayahnya sendiri.

Kedua-dua peringkat aksi yang menjadi sebahagian daripada puncak plot *Hikayat Raja-raja Pasai* menyempurnakan tugas besar tema *Hikayat Raja-raja Pasai*, tetapi penelitian daripada struktur memperkenalkan beberapa keistimewaan. Pertamanya, ada kelancaran pemerian seolah-olah dirasakan pengarang berada pada mood yang paling puncak, penuh perasaan dan kekuatan di dalam penulisannya. Kedua, dirasakan pengarang amat terlibat di dalam cerita itu dengan unsur kritik, tragis, dan penyerahan dan tidak lupa diselitkan pengajaran dan sindiran secara halus dan langsung.

Segalanya ini tertakluk di dalam kebolehannya menulis dengan lancar dan terperinci. Kekuatan ini amat berlawanan dengan konklusi cerita itu. Dirasakan seolah-olah tugas pengarang sudah selesai bila Tun Beraim Bapa meninggal, Tun Abdul Jalil terbunuh dan Pasai dialahkuk oleh Majapahit. Perlawanan kerbau sepautunya tidak kurang dramatik daripada pertarungan Tun Beraim Bapa dengan maut, istimewa bila memikirkan bahawa yang mahu diejek atau dipersenda itu adalah orang-orang dari kerajaan besar Majapahit. Tetapi selaku mahu menyelesaikan cerita kerana tugasnya telah selesai peristiwa ini amat cepat berlaku tanpa gambaran yang dramatik.

Terdahulu dari ini telah dibicarakan bahawa ada unsur budaya, tepatnya wasiat sebagai landasan bagi sebab peristiwa-peristiwa. Tetapi apakah kewajaran sebab akibat diperhalusi oleh pengarang, supaya dengan ini dapat dielakkan kelonggaran hubungan bahagian-bahagian? Satu bahagian yang menarik mahu dikemukakan di sini, iaitu perihal kejatuhan Pasai. Dilihat dari sudut budaya, kehancuran Pasai sudah boleh berlaku ketika Tun Beraim Bapa dan adik-adiknya dizalimi oleh Sultan Ahmad. Pengarang tidak pun sedia menerima faktor budaya semata-mata, tambahan lagi ini belum cukup kuat, kerana Beraim Bapa boleh dihukum kerana derhaka. Maka itu pengarang menggunakan hukum sebab-musabab yang wajar. Kezaliman Sultan Ahmad ke atas Tun Abdul Jalil tidak sesekali bersebab dan juga dilakukan di luar perhitungan akibat. Kezaliman ini mengaitkan dengan satu kuasa luar yang amat besar dan kuat. Dengan tiadanya Tun Beraim Bapa tentu sekali Pasai alah oleh serangan dari Majapahit ini. Memperhitungkan segala hal yang kecil seperti ini pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* dapat melepaskan diri daripada teknik *deus ex-machina* yang lemah.

Sebagai pengarang karya klasik, pengarang hikayat ini bersikap serba tahu yang tidak terhad. Dia bertugas sepenuhnya di dalam

memperlihatkan sifat watak-watak itu di samping menyarankan amanatnya. Pada pokoknya suara pengarang dan daya pengembraannya tetap autoritatif. Ini bererti padanya terletak peranan utama bercerita dan membina khayalan di kepala pembaca-pembacanya. Tetapi ada sebab mengapa hal ini sebenarnya terjadi. Tujuan pengarang bercerita adalah menyatakan satu kebenaran. Oleh itu ia perlu datang dari satu suara yang bertanggungjawab, daripada seseorang "yang empunya cerita", bukan daripada khayalan yang tidak teguh puncanya.

Jadi, pengarang pada beberapa tempat menggunakan suara otoriti yang konvensional; "Maka ada diceritakan oleh yang empunya cerita ..." Tetapi dalam pada itu suara otoriti konvensional ini dirasakan hilang di beberapa tempat oleh keupayaan pengarang berbicara secara tidak langsung. Misalnya dia tidak langsung mengemukakan akan kejadian-kejadian tertentu tetapi daripada pelaku-pelaku sendiri malah daripada dialog-dialog paling jelas di bahagian konflik antara Beraim Bapa dan Sultan Ahmad. Di sini pengarang berjaya menghidupkan daya imaginasi pembaca-pembacanya.

Sejauh mana pula dapat dikatakan bahawa pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* bebas di dalam berbicara tentang kebenaran yang diinginkan? Cerita yang dipaparkan sendirinya memberi jawapan bahawa ada had tertentu di samping kebebasan bagi membentuk ceritanya. Hadnya adalah pada temanya – penekanan kepada ketinggian Pasai di dalam hubungannya dengan pengislaman dan adat Melayu Pasai. Pengarang amat berhati-hati untuk meluaskan pengajaran, sekadar satu dua baris pada keinsafan yang ada pada Sultan Ahmad sudah menceukupi. Sungguhpun begitu terlihat adanya luang yang diberikan bagi memperkecilkan peribadi Sultan Ahmad dibandingkan dengan kecekapan dan perhatian rakyat terhadap diri Tun Beraim Bapa. Ternyata sentimen yang tersorok terhadap Sultan Ahmad wujud pada suara pengarang hikayat ini – melalui pembesaran gambaran Tun Beraim Bapa pada sifat-sifat dan anggapan orang terhadapnya. Ini adalah secara tidak langsung merupakan pandangan berat sebelah pengarang di dalam konflik Sultan Ahmad dan Tun Beraim Bapa.

iv. Kesimpulan

Percubaan yang ringkas ini telah memperlihatkan beberapa kenyataan terhadap *Hikayat Raja-raja Pasai*. Pertama, ia sendiri

menyangkal tanggapan yang meragui akan kesatuan teks tersebut hanya kerana unsur-unsur dalaman, yang amat kecil. Kedua, penganalisaan teks yang teliti ini dapat memberikan jawapan yang lebih tepat kepada masalah persamaan dan perbezaan dengan *Sejarah Melayu* yang banyak diperkatakan oleh orientalis (lihat rencana Ali Ahmad, "Menghayati Semula Teks Melayu Klasik" *Dewan Sastera*, Mei 1980). Seterusnya, singkapan yang bertolak daripada pendekatan kesusastraan dapat dengan jelas menunjukkan daya kreatif penulis atau penyusunnya di dalam memenuhi tujuan budaya yang dimanifestasikan di dalam bentuk naratif yang singkat itu. Tidak mustahil juga ia digunakan sebagai tempat bertolak mengenai akan pandang hidup pengarang dari satu masyarakat Islam yang terawal di Nusantara ini.

BAB 5

SEJARAH MELAYU SEBAGAI SEBUAH NASKHAH KESUSASTERAAN

1. Pendahuluan

DI ANTARA karya-karya yang tergolong di dalam jenis sastera sejarah, *Sejarah Melayu* merupakan hasil yang utama memperoleh pemerhatian dan kajian para sarjana-sarjana sastera. Selain banyaknya versi dan naskhah yang ditemui, *Sejarah Melayu* juga memperlihatkan dengan jelas sifat perkembangan daripada nukleus kepada naskhah yang lebih lengkap. Kajian yang diperbuat oleh sarjana-sarjana menunjukkan pengambilan waktu yang amat panjang, misalnya daripada versi terawal 1535/36 menuju kepada bentuk yang panjang yang dibawa dari Goa, iaitu versi 1612. Huraian ini bukanlah bertujuan untuk meneiti akan proses penciptaan karya ini, tetapi melihat teks dari pendekatan dalaman, iaitu berhubungan dengan persoalan-persoalan tujuan pengarang, tema dan binaan diperhalusi supaya tersingkap nilai kesusasteraanya.

2. Sinopsis

Sejarah Melayu dibina di dalam bentuk kisah-kisah yang pendek-pendek, yang walaupun tersusun mengikut kronologi, tetapi tidak pula diatur di dalam urutan plot yang nyata. Kisah-kisah ini tidak bertumpu khusus kepada satu-satu watak ataupun tema, sebaliknya kelihatan secara kasarnya bertukar-tukar sewenangan. Penelitian yang lebih halus memberikan saranan yang berlainan, iaitu ada perhubungan yang munasabah di antara kisah-kisah, dan mana-mana kisah yang disisipkan dan berkesan sebagai merintangi perkembangan cerita mengenai Melaka atau kesultanan Melaka itu sebe-

narnya ada fungsi di dalam menyokong akan tujuan utama karya itu tertulis. Dengan meneliti secara halus akan *Sejarah Melaku* ini, akan dapat dilihat urutan kisah-kisah mengenai asal usul, pembukaan, kenaikan dan kejatuhan Melaka. Hakikat ini cuba diperturunkan di dalam huraian berikut.

Pemerian kisah dimulakan dengan mengemukakan perjalanan Raja Iskandar Zulkarnain dari Makedonia ke negeri Hindi mengislamkan rajanya dan mengambil Puteri Shahru'l-Bahriyah sebagai isterinya. Segala anak cucu kepada Iskandar – Shahru'l-Bahriyah inilah yang menakluki negeri-negeri di sebelah Timur dan dari situ berhajat menakluki negeri China. Cita-cita beliau terhalang oleh kebijaksanaan raja China mengaturkan mushihat bagi menunjukkan betapa mustahilnya untuk ke negeri China oleh kerana jauhnya. Musykil untuk ke negeri China maka Raja Suran mengambil keputusan untuk turun ke laut. Baginda turun ke laut dengan menggunakan peti kaca yang berkunci dan berpesawat dari dalam dan tiba ke negeri kaum Bersam yang diperintah oleh Raja Aftabu'l-Ardh. Di sini ia mengambil Puteri Mahtabul Bahri sebagai isterinya dan dengan perkahwinan itu memperoleh tiga orang anak laki-laki. Sebelum naik semula ke bumi baginda meninggalkan pesan agar Raja Aftabu'l-Ardh menghantar ketiga-tiga orang anaknya itu ke bumi apabila mereka besar kelak.

Setelah ketiga putera Raja Suran itu besar, mereka berasa ingin berhijrah ke bumi melihat kebesaran alam. Dengan berpakaian diraja dan mengenakan mahkota warisan Nabi Allah Sulaiman mereka menaiki lembu putih menuju ke dunia dan berhenti di Bukit Siguntang. Di sini berladang dua orang perempuan Wan Empuk dan Wan Malini yang memiliki huma yang amat luas. Sebelum masuk tidur pada malam itu mereka telah melihat seolah-olah di atas bukit itu ada api menyala-nyala. Pada keesokan pagi didapati padi mereka telah berbaukan emas, berdaun perak dan berbatang tembaga suasa dan segala bukit telah berwarna emas. Di dalam kehairanan itu mereka sedari di hadapan mereka telah berdiri tiga orang laki-laki muda dengan segala pakaian dan tanda-tanda kebesaran. Ketiga mereka memperkenalkan diri mereka sebagai cucu daripada Raja Iskandar Zulkarnain masing-masing bernama Nila Pahlawan, Krisyna Pandita dan Nila Utama.

Tiada berapa lama kemudian Demang Lebar Daun, raja negeri Palembang mengadap dan mempersempahkan anaknya Wan Sendari. Persembahan diperkenan oleh Sang Supurba Taramberi Teribuana

(Nila Utama) di samping kedua mereka mengikat satu perjanjian yang menjadi asas ketahanan kerajaan dan kesultanan Melaka. Bagi raja ada tanggungjawab untuk memelihara maruah rakyatnya, iaitu tidak difadhihatkan, dinista dengan kata-kata yang jahat dan hanya boleh dihukum bunuh mengikut hukum syarak. Rakyat pula mempunyai kewajipan untuk tidak derhaka kepada raja walaupun jahat dan zalim sekalipun raja itu. Sebaliknya sekiranya raja dan anak buahnya mengubah perjanjian ini akan berubahlah ikatan ini. Masing-masing mengaku bersetiaan janji dan bertawakal, barang siapa mengubahkan janji dibalikkan Allah bumbungnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas dan jika raja memberi aib kepada hambanya alamat negeri akan binasa. ³

Putera Sang Sapurba bernama Sang Nila Utama mula mengasaskan negeri Melayu di Semenanjung ini. Ia ke Bentan dan dari sana ke Temasik yang kemudian diberi nama Singapura sempena seekor binatang yang gagah yang ditemui ketika ia mendarat. Sang Nila Utama berjaya menjadikan Singapura sebagai pusat perdagangan yang sibuk dan dicemburui oleh negeri-negeri huar terutama Majapahit. Singapura dapat bertahan selama dua keturunan iaitu di bawah Paduka Seri Maharaja dan Raja Iskandar Syah. Singapura di bawah tangan Raja Iskandar Syah jatuh ke tangan Majapahit kerana kekejaman rajanya yang mengabaikan perjanjian yang lalu. Raja Iskandar Syah tergamak membunuh Jana Khatib, seorang alim dari Pasai, budak bijak yang menghapuskan todak dan anak Sang Rajuna Tapa. Puncaknya tiba apabila Sang Rajuna Tapa oleh kerana dimalukan akhirnya belot kepada Majapahit. ⁴

Setelah Singapura alah, Raja Iskandar menemui tempat baru yang dinamakan Biawak Busuk dan kemudian pindah ke Kota Buruk dan akhirnya membuka Melaka. Setelah memerintah selama tiga tahun, baginda mangkat dan digantikan oleh anaknya Raja Besar Muda. Beliaulah yang mengasaskan institusi pemerintahan, pentadbiran dan menetapkan adat istiadat. Setelah baginda mangkat Radin Tengah menggantikan baginda dan kemudiannya digantikan oleh Raja Kecil Besar. Raja Kecil Besar inilah yang diceritakan sebagai raja yang memeluk agama Islam. Mengikut ceteranya Raja Kecil Besar berpandangan dengan Nabi Muhammad di dalam mimpi dan nabi menyuruh ia mengucap dua kalimah syahadat. Setelah itu ia diberi nama Sultan Muhammad dan diberitahu seterusnya pada asar esok harinya akan datang kapal dari Judah untuk membawa ajaran Islam. Setelah itu baginda dapati beliau telah ter-

khatan dan dapat mengucap dua kalimah syahadat dan terbukti juga kepada baginda apa yang dikatakan oleh mimpi baginda itu benar-benar berlaku.

Sultan Muhammad dengan dibantu oleh Bendahara Tun Perpatih Permuka Berjajar dan Perdana Menterinya Seri Amar Diraja mengasaskan kerajaan Melayu Melaka yang kukuh. Tetapi selepas baginda mangkat, timbul kekecohan di dalam pewarisan takhta kerajaan. Ini timbul daripada perasaan yang berbalah daripada dua pihak. Sultan Muhammad oleh kerana mengikuti kehendak Raja Perempuan, telah merajakan Raja Ibrahim, iaitu putera baginda daripada isterinya anak Raja Rekan. Rakyat pula menyayangi Raja Kassim yang ada darah Raja Keling dan bendahara. Raja Kassim tersingkir dan menjadi seorang pengail tetapi dipelihara secara diam-diam oleh bendahara. Akhirnya dengan galakan daripada saudagar Maulana Jalaluddin, dan dibantu oleh Seri Nara Diraja, Raja Kassim melanggar istana, dengan kemenangan bagi Raja Kassim.

Raja Kassim dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah memerintah Melaka dengan kebijaksanaan dan dapat mengukuhkan kedudukan Melaka. Beliau memperlihatkan kebijaksanaan menyusun strategi pentadbiran negeri, iaitu dengan cara mengahwini anak bendahara yang baharu bernama Tun Kudu sebagai jalan mengukuhkan ikatan di antara sultan dan ketua pentadbiran. Baginda juga menghormati akan fikiran hamba rakyatnya seperti di dalam menerima cadangan orang-orang Kelang supaya Tun Perak diangkat menjadi penghulu mereka. Kemudian Tun Perak yang telah jelas menunjukkan sikap dan fikiran yang terbuka dan kecekapannya di dalam menyelesaikan masalah dijadikan betara di istana. Sultan Muzaffar juga teliti di dalam pertimbangannya dan tidak cepat termakan hasutan seperti fitnah orang terhadap Tun Perak, sebaliknya ia menggunakan sepenuhnya potensi Tun Perak dengan menaikkan pangkatnya kepada Perdana Menteri bergelar Paduka Raja. Prinsip pentadbiran beliau adalah mengukuhkan perpaduan dan mengelakkan perpecahan seperti apa yang dilihat di dalam menyelesaikan perbalahan di antara Paduka Raja dan Seri Nara Diraja. Sesungguhnya Melaka di bawah Muzaffar Syah bertambah kukuh dan ini bukan semata-mata kerana pandangan jauh beliau tetapi juga oleh kerana kepintaran Paduka Raja yang kemudian dinaikkan pangkat sebagai bendahara. Bendahara bertindak menghapuskan ancaman Siam yang kerap mencabar kekuatan Melaka.

Muzaffar Syah digantikan oleh Sultan Mansur Syah yang mewa-

risi kebijaksanaan bapanya. Sultan Mansur Syah telah mengukuhkan kedudukan Melaka dan dapat mengekalkan kestabilan politik di dalam negeri. Ia juga telah berjaya memperluaskan jajahan dan menaikkan imej Melaka di kalangan negeri-negeri besar. Inderapura telah dirampas dari Siam dan sekaligus ditaklukinya. Kampar dan Siak jatuh ke bawah pengaruhnya. Baginda tidak pula lupa memadamkan api perrusuhan dengan Siam kerana melalui diplomasi, beliau memulakan persahabatan dengan negeri musuh tersebut.

Kesungguhan Melaka untuk meninggalkan kesan kepada Majapahit tentang kebesarannya itu amat kuat dirasakan di dalam *Sejarah Melayu*. Dari pihak sultan dikatakan baginda berahi akan anak perempuan Betara Majapahit, Radin Galoh Candra Kirana lalu dihantarkan rombongan peminangan yang terdiri daripada pegawai kanan dan pahlawan-pahlawan yang ternama seperti Laksamana Hang Tuah dan empat orang sahabatnya. Segala tindakan mereka terhadap tipu helah yang diatur oleh Patih Gajah Mada semuanya berakhir dengan kemenangan dan berjaya menegakkan imej Melaka. Serupa juga halnya dengan kebijaksanaan Tun Perpatih Putih untuk dapat melihat akan wajah Raja China yang selama ini dilarang untuk dilihat oleh orang-orang China sendiri.

Sekali lagi kedamaian di dalam negeri Melaka tercabar oleh beberapa peristiwa. Di antaranya ialah peristiwa fitnah yang dikenakan ke atas Hang Tuah hingga ia dihukum bunuh. Sepeninggalan Hang Tuah, Hang Kasturi bertindak menderhaka menjadikan kecoh Melaka kerana tiada seorang pun yang dapat mengeluarkan beliau dari istana raja. Di dalam hal ini sekali lagi kebijaksanaan bendahara diperlihatkan. Secara rahsia bendahara telah menyelamatkan Hang Tuah dari dibunuh dan dengan pengampunan sultan beliau dibenarkan pulang untuk menghapuskan Hang Kasturi. Perihal berkaitan dengan tindakan ingin menderhaka dari anak buah bendahara atas sebab Raja Muhammad, putera kesayangan sultan membunuh Tun Besar hanya kerana raga yang disepaknya menyentuh dan menjatuhkan dastarnya merupakan satu lagi ujian terhadap ikatan antara rakyat dan raja. Bendahara Paduka Raja berlaku amat tegas untuk melarang anak buahnya daripada menderhaka tetapi dengan syarat Raja Muhammad tidak dijadikan raja Melaka. Sultan melaksanakan akan permintaan yang amat berat ini. Dengan dasar tolak ansur dan sefahaman yang berkekalan inilah Melaka dapat berdiri teguh sebagai kerajaan yang memayungi banyak negeri jajahannya.

Kerajaan yang disegani ini berlanjutan juga dengan pemerintahan Raja Hussain yang mengambil gelaran Sultan Alauddin Ri'ayat Syah. Pemerintahan Sultan Alauddin meninggalkan kesan sebagai satu-satunya sultan yang sendirinya bertindak cergas dan berani di dalam mengatasi masalah negara. Yang termasyhur adalah tindakan beliau mengatasi masalah pencuri yang bermaharajalela di dalam negeri Melaka. Baginda sendiri keluar menyamar di dalam pakaian pencuri dan berjaya menghapuskan kecurian dan menyedarkan pegawai-pegawai tentang kelalaian di dalam urusan keselamatan negeri. Ketegasan beliau juga diperlihatkan di dalam soal perhubungan di antara jajahan takluk yang diperintah dengan pentadbiran pusat.

Sultan Alauddin digantikan oleh anakanda baginda Raja Muhammad dengan gelaran Sultan Mahmud Syah. Dari awal lagi beliau telah kelihatan kurang bertimbang rasa. Banyak peristiwa-peristiwa berlaku memperlihatkan kesewenangan sultan di dalam memenuhi nafsu seksnya seperti bermain dengan isteri Tun Bajid dan membunuh adiknya sendiri, Raja Zainal. Kisah peminangan Puteri Gunung Ledang yang gagal itu dapat dianggap sebagai sindiran pengarang terhadap kelakuan raja ini. Ia inginkan puteri yang tiada tolok bandingnya supaya ia dapat mengatasi raja-raja lain, tetapi Puteri Gunung Ledang, melalui Dang Raya Rani, meminta sultan membuat satu jambatan emas dan satu jambatan perak dari Melaka ke Gunung Ledang dan menyediakan peminangannya yang ganjil-ganjil seperti tujuh dulang hati nyamuk, tujuh dulang hati kuman, air mata setempayan, air pinang dan lain-lain. Segala ini sanggup disediakan oleh Sultan Mahmud tetapi permintaan semangkuk darah Raja Ahmad itu sahaja yang tidak dapat dipenuhinya. Gagal memperoleh Puteri Gunung Ledang, sultan kemudian meminang Tun Teja, anak Bendahara Pahang yang juga pada mula-nya berhalangan tetapi akhirnya dapat dikuasai juga.

Di dalam hal itu perhubungan di antara sultan dengan Bendahara Tun Mutahir yang saksama dan adil itu tidaklah begitu menggalakkan. Keretakan berpunca daripada kegagalan bendahara mengemukakan anak perempuannya Tun Fatimah kepada sultan, sebaliknya bendahara telah mengahwinkan Tun Fatimah dengan Tun Ali. Melihat kecantikan paras Tun Fatimah di ketika perkahwinan tersebut, baginda murka dan menyimpan dendam. Tiba-tiba waktunya yang amat dinanti-nanti untuk sultan memenuhi rasa hati marahnya itu, apabila Bendahara Seri Maharaja telah difitnah-

kan oleh Raja Mendaliar bahawa orang bendahara telah bersedia untuk menderhaka untuk menjadi pemerintah Melaka. Mendengar khabar itu mabuklah raja dengan dendamnya lalu memerintah supaya bendahara dan anak buahnya dibunuh. Tun Fatimah diambilinya sebagai isteri.

Tindakan membunuh Bendahara Seri Maharaja membuka pintu kepada satu malapetaka yang menepati apa yang telah dibayangkan di dalam perjanjian di antara raja dan rakyat. Satu kuasa luar, Feringgi, yang memang sejak ia telah dihalau oleh orang-orang Melaka, memunggu-nunggu akan hilangnya Tun Mutahir yang bijaksana itu dan setelah terbunuhnya bendahara itu tepat sangat waktunya untuk bertindak. Alfonso d'Albuquerque mengepafai angkatan empat puluh tiga buah kapal memuju ke Melaka untuk mengganturnya. Akhirnya Melaka jatuh ke tangan Feringgi. Sultan Mahmud lari hingga ke Bentan di mana ia dapat membuat negeri, tetapi itu pun diserang Feringgi. Hidup baginda tiada jaminan hinggalah kepada beberapa keturunannya yang kemudian.

3. Tujuan Sejarah Melayu dikarang

Banyak perbicaraan telah dikemukakan mengenai *Sejarah Melayu* dan salah satu daripada persoalan yang dikemukakan adalah bersangkutan dengan tujuan buku ini dikarang. Salah seorang daripada sarjana Barat yang terkemuka P.H. de Josselin de Jong dengan sungguh meyakinkan menemukan jawapan kepada soalan ini. Di dalam esainya bertajuk "The Character of the *Malay Annals*", pengarang ini, setelah secara panjang lebar mencari bukti-bukti yang jelas, membuat kesimpulan berbunyi demikian:

"I think we may conclude that the aim of the Annalist was not merely to draw up a court chronicle. A more fundamental purpose was to vindicate a claim to greatness of the dynasty, the Bendahara, and the realm as a whole; and, most important, to provide a mythically based, a truly sacral, code of political conduct by which this greatness could be retained or restored."

Sungguhpun begitu huraian-huraian Josselin de Jong amat kuat berpandukan kepada fakta-fakta di luar teks *Sejarah Melayu* serta asumsi-asumsi mengenai tujuan penulisan karya-karya bercorak sejarah yang lain. Rumusan scumpama pandangan Josselin dapat dicari di dalam konteks isi dan binaan *Sejarah Melayu* itu.

Pemerhatian terhadap teks-teks sastera bercorak sejarah dengan kuat dapat merumuskan tentang adanya pengarang memperturun-

kan jurai keturunan raja-raja Melayu yang memerintah. Teks-teks ini biasanya dimulakan dengan mengemukakan asal usul bagi raja-raja dan negeri itu. Untuk menguatkan jurai keturunan ini ia dikaitkan dengan mitos asal usul. *Sejarah Melayu* mengemukakan Raja Iskandar Zulkarnain, iaitu seorang figura sejarah yang ulung, sebagai akar tunjang keturunan raja-raja Melayu Melaka. Secara kasar kemudiannya disusurgalur perhubungan di antara Sang Sapurba, raja Melayu yang pertama, dengan Raja Iskandar. Penu runan nama-nama keturunan raja-raja itu amat terperinci di dalam *Sejarah Melayu*.

Satu keistimewaan bagi *Sejarah Melayu* adalah di dalam mem perlihatkan kedudukan istimewa bendahara di kalangan raja-raja Melayu. Seperti kekeluargaan raja-raja Melayu Melaka, persambungan di antara bendahara-bendahara juga dapat disusurgalurkan daripada yang awal iaitu Mani Purindam hingga kepada Seri Nara Diraja, Bendahara Seri Maharaja, Tun Nara Wangsa, Bendahara Seri Maharaja dan Orang Kaya Paduka Raja. Sesungguhnya pada asasnya raja-raja Melayu dan bendahara-bendaharanya merupakan sekumpulan keluarga-keluarga yang mempunyai hubungan persaudaraan darah dan kepentingan yang sama-sama menentukan naik turunnya kerajaan Melayu Melaka.

Sekadar nama-nama sahaja tidaklah memberi makna kepada kewujudan kerajaan, kerana yang lebih penting adalah apa yang diusahakan oleh raja-raja ini di dalam pembentukan dan pengukuhan kerajaan tersebut. Maka itu setiap raja dan bendahara di dalam *Sejarah Melayu* mempunyai peranan yang tertentu dikenakan oleh pengarangnya secara jujur. Sultan Muzaffar Syah ditunjukkan sebagai watak yang dinamik dan bijaksana dan mempunyai sokongan rakyat yang kuat atas budi pekertinya yang tinggi dan dengan demikian dapat mengasaskan satu kerajaan yang kukuh. Peristiwa-peristiwa di sekitar perebutan kuasa dan ketegangan di kalangan orang-orang besar memerlukan kewibawaan yang cekap bagi membina asas yang kuat.

Sultan Mansur Syah telah menyambut warisan yang pengaruhnya masih boleh diperluaskan bagi memperoleh 'imej' yang baik sebagai raja dan kerajaan yang kuat dan berdaulat pegawai-pe gawaiinya diketengahkan sebagai peribadi yang penuh diplomasi dan kepintaran. Sultan Alauddin Ri'ayat Syah pula dikenakan sebagai sultan yang mempunyai stail yang tersendiri di dalam pemerintahannya. Manakala Sultan Mahmud, sesuai dengan kedudukannya

sebagai sultan terakhir yang memerintah Melaka mempunyai kelebihan-kelemahan yang ketara hingga membawa kepada hilangnya bendahara, tonggak kerajaan itu, dan mengakibatkan jatuhnya Melaka ke tangan Feringgi. Segalanya ini diceterakan dengan kesedaran yang penuh daripada pengarang terhadap perhubungan yang rapat di antara peristiwa dengan peribadi-peribadi yang mendukungi peristiwa-peristiwa tersebut. Tentunya tujuan utama catatan peribadi dan peristiwa di sekitar kerajaan Melaka adalah untuk menyatakan kewujudan dan kekuatan Melaka.

Apakah pengarang *Sejarah Melayu* tiada tujuan lain selain daripada sekadar mencatatkan nama-nama dan peristiwa-peristiwa yang dialami oleh kerajaan Melayu yang penuh sejarah itu? Keseluruhan mood atau suasana yang dibina daripada peristiwa-peristiwa, kesan-kesan, pertuturan-pertuturan dan tamsilan-tamsilan yang timbul menyarankan adanya tujuan yang lebih luas. Oleh kerana pengarang *Sejarah Melayu* menumpukan perhatian kepada kedudukan raja-raja Melayu dan bendahara sebagai teras kekuatannya, menjadi jelas di dalam karya itu adanya kesengajaan pengarang mengemukakan rahsia atau panduan yang membolehkan kerajaan itu menjadi teguh dan berpengaruh. Di dalam *Sejarah Melayu* terdapat pengucapan yang nyata tentang sifat raja-raja Melaka yang berdaulat itu. Ketinggian sultan Melaka ini adalah diasaskan kepada pertalian darah dengan Raja Iskandar dari Makedonia yang agung itu, raja yang berjaya menakluki dan membawa Islam ke India. Pengarang memulakan bukunya dengan menyusurgalur pertalian darah ini dengan penuh yakin dan bangga. Raja Iskandar ini berjaya digambarkan olehnya sebagai raja yang benar-benar berkedudukan tinggi, disanjungi dan mulia. Dengan penuh rela Raja Kida Hindi menyerahkan anaknya Shahru'l-Bahriah dan dari zuriat itulah turunnya raja-raja Melayu.

Warisan kebesaran itu bersambungan hingga ke anak cucunya. Dan raja yang berkait rapat dengan raja-raja Melayu pertama adalah Raja Suran. Raja Suran telah melaksanakan satu pekerjaan yang amat menakjubkan, khususnya turunnya ia ke laut dengan menggunakan peti besi yang berjentera. Raja negeri Bersam dan rakyat-rakyatnya sama-sama kagum melihatkan kebesaran raja besar dari atas bumi dan keadaan ini digambarkan dengan jelas oleh pengarang:

"Setelah orang dalam negeri itu memandang rupa Raja Suran

itu, maka ia pun terlalu hairan, syahdan takjub ia memandang pakaiannya.

Maka oleh orang dalam negeri itu akan Raja Suran itu dibawanya kepada rajanya. Adapun nama raja mereka itu Raja Aftabu'l-Ardh. Setelah raja itu melihat rupa Raja Suran, maka ia pun bertanya kepada orang yang membawa buginda itu, "Orang manakah ini?"

Maka sembah orang itu, "Tuanku orang baharu datang."

Maka titah raja, "Dari mana ia datang?"

Sembah orang itu, "Kami sekalian tiada tahu."

Maka Raja Aftabu'l-Ardh bertanya kepada Raja Suran, "Orang manakah kamu ini, dan dari mana datang kamu ke mari ini?"

Maka sahut Raja Suran, "Hamba ini datang dari dalam dunia; hambalah raja segala manusia; nama hamba Raja Suran."

Maka Raja Aftabu'l-Ardh pun terlalu hairan menengar kata Raja Suran itu, maka katanya, "Adakah dunia lain daripada dunia kami ini?"

Maka sahut Raja Suran, "Bahawa alam ini terlalu banyak pelbagai jenis ada di dalamnya."

Telah Raja Aftabu'l-Ardh menengar kata Raja Suran itu, terlalu ajaib ia, seraya mengucap subhana 'llahu '-maliku 'l-jabbar. Maka oleh Raja Aftabu'l-Ardh akan Raja Suran itu dibawanya naik duduk di atas takhta kerajaan."

Kebesaran Raja Suran ini sekali lagi digambarkan dengan berkesan dengan cara menjadikan Raja Jin memperhambakan diri untuk membawa tiga mahkota daripada perbendaharaan Nabi Allah Sulaiman untuk tiga orang puteranya. Menghubungkan putera-puteranya ini dengan Nabi Allah Sulaiman yang terbilang luas takluk dan yang bijaksana itu memperlihatkan lagi tujuan pengarang di dalam meningkatkan kedudukan anak raja-raja Melayu yang kemudian. Jelas wujud unsur mitos dan kesucian yang ingin diperturunkan kepada raja-raja Melayu yang memerintah Melaka, negeri yang menjadi pusat perhatian pengarang di dalam *Sejarah Melayu* ini.

Kerajaan Melaka dan negeri-negeri sebelumnya wujud di satu jangka waktu yang amat panjang, iaitu yang diperintah oleh satu rentetan raja-raja di samping luas pula kawasan pemerintahan dan pengaruhnya. Adalah sukar bagi kerajaan yang kuat dan berpengaruh itu untuk tegak tanpa satu-satu etika politik. Penekanan kepada pentingnya kerajaan ini berpandukan kepada etika politik dari

awal-awal telah dikemukakan. Keteguhan dan kekuatan Melaka sebenarnya berasaskan kepada ikatan perjanjian di antara Sang Sapurba, salah seorang anak Raja Suran sebagai raja Melayu pertama dan Demang Lebar Daun raja Palembang yang menyerah taat kepada raja ini atas pengakuannya terhadap kedaulatan raja yang 'didatangkan' ini. Kepada Demang Lebar Daun yang menjadi wakil bagi keseluruhan rakyat Melayu telah diberikan janji oleh Sang Sapurba bahawa mereka akan memperoleh hormat selayaknya sebagai manusia, tidak sesekali diperhinakan, akan diberikan perlindungan, diperintah dengan adil, dan jika dibunuh hanya dengan hukum syarak. Sekiranya itu hemat raja, maka hamba rakyat sedia patuh kepada raja mereka dan tidak sesekali akan menderhaka walaupun ia zalim dan jahat sekalipun. Hemah politik inilah yang menjadi asas kekuatan dinasti, bendahara dan raja-raja. Memungkari ikatan setia ini akan membawa kepada kehancuran dan tiada siapa yang dapat selamat. Segalanya ini jelas diucapkan oleh kedua-dua belah pihak seperti di bawah:

"Maka sembah Demang Lebar Daun, "Adapun Tuanku segala anak cucu patik sedia akan jadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besarnya dosanya pun, jangan ia difadhillahkan, dinista dengan kata-kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itupun jikalau berlaku pada hukum syarak."

Maka titah Sang Sapurba, "Akan pinta bapa itu hamba kabulkanlah, tetapi hamba minta satu janji pada bapa hamba."

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Janji yang mana itu, Tuanku?"

Maka titah Sang Sapurba, "Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan derhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun."

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah, Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah."

Maka titah Sang Sapurba, "Baiklah, kabullah hamba akan waadat itu."

Sesungguhnya sepanjang umur kerajaan Melayu Melaka, kesejahteraan di antara raja dan bendahara inilah yang kuat membantu menaikkan Melaka kepada kedudukan yang tinggi. Ketinggian atau keagungan ini sengaja ditekankan oleh pengarang *Sejarah Melayu*.

Keagungan dapat dilihat terpancar daripada kebesaran raja-raja Melaka itu. Pertamanya mari kita perhatikan Seri Teri Buana yang mengasaskan Singapura itu. Apabila Seri Teri Buana berniat untuk mengahwinkan anaknya Raja Kecil Besar dengan anak raja Keling bernama Puteri Nila Pacandi, raja Kerung itu sendiri datang membawa anaknya ke Singapura. Pengakuan raja-raja negeri lain akan ketinggian darjat anak Sang Sapurba ini dan keturunannya dapat diperhatikan juga ketika raja China mengirimkan anaknya Hang Li Po untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah yang dikatakan terlalu sibuk di dalam mentadbir negerinya yang luas itu. Amat kuat kesan kewibawaan yang mahu ditunjukkan oleh pengarang apabila wakil sultan sendiri telah dapat bersemuka dengan Maharaja China, manakala rakyatnya sendiri terlarang untuk berhadapan muka dengan Maharaja itu.

Ketinggian atau keagungan Melaka juga dapat dikemukakan dengan jalan perbandingan. Dengan cara yang amat halus pengarang *Sejarah Melayu* menjelaskan bahawa Raja Kecil Besar, raja Melaka itu, lebih suci daripada Merah Silu, Raja Perlak itu. Di dalam Bab 7 *Sejarah Melayu* diceritakan bahawa Merah Silu diislamkan oleh Syeikh Ismail dikirakan sebagai lebih rendah daripada kedudukan Raja Kecil Besar yang diislamkan oleh Nabi Muhammad sendiri melalui mimpinya dan dengan itu juga ia mendapat nama Muhammad. Di dalam cara perbandingan ini juga dan secara amat halus pengarang *Sejarah Melayu* menyarankan kerendahan Pasai dengan menjadikan raja Pasai tertangkap oleh panglima Siam dan kesempatan pula pengarangnya (yang juga seorang bendahara) mengemukakan kebijaksanaan bendahara Pasai untuk menyelamatkan rajanya itu dari diperhina oleh Siam. Ini amat berlawanan dengan kedudukan Melaka di dalam hubungannya dengan Siam, yang jelas digambarkan sebagai dapat dialahkan oleh Melaka beberapa kali malah akhirnya Siam mengakui akan kekuatan Melaka itu.

Secara implisitnya pengarang beberapa kali menggaskan bahawa negara atau dinasti yang kukuh itu mesti bertolak daripada raja yang kuat. Di dalam *Sejarah Melayu* kedua-dua raja yang kuat dan raja-raja yang rendah budinya, wujud. Kehadiran mereka di dalam pemerintahan kerajaan Melaka membawa implikasi yang berbeza sejajar dengan semangat ikatan pertalian yang dimeterai di antara kedua pihak raja dan rakyat itu. Dengan kata lain kewujudan kerajaan, raja-raja yang adil dan bendahara dan rakyat yang taat setia merupakan satu kewujudan iring beriring, atau satu kewujudan

yang satu bergantung kepada satu yang lain. Jatuhnya Singapura dan Melaka membenarkan akan hujahan ini kerana peristiwa-peristiwa tersebut datangnya daripada rosaknya budi hemah sultan dan hilangnya kesetiaan bendahara baik secara langsung atau tidak langsung.

Kekuatan kesultanan Melaka dapat dengan jelas diperhatikan di dalam keteguhan peribadi Sultan Muzaffar Syah. Sultan Muzaffar Syah sebenarnya tegak sebagai sultan yang mempunyai peribadi yang tinggi dan berwibawa di dalam memenuhi akan kehendak perjanjian di antara raja dan rakyat. Dapat dikesan akan kedukaannya apabila Bendahara Seri Wak Raja membunuh diri sebab difikirnya sultan murka terhadapnya. Ini tanda bahawa baginda amat mengambil perhatian yang berat terhadap kebajikan rakyatnya. Ketinggian hatinya tidak ada tandingnya apabila baginda mentalak isteri baginda Tun Kudu hanya kerana memelihara keharmonian di kalangan orang-orang besar. Sultan agak dukacita dengan perselisihan di antara orang-orang Tun Perak dengan orang-orang Seri Nara Diraja. Bagi tujuan mententeramkan Seri Nara Diraja, sultan mencadangkan ia memilih beberapa orang anak orang-orang besar sebagai isterinya, tetapi ia tidak berkenan kecuali Tun Kudu, isteri sultan dan saudara kepada Paduka Raja Tun Perak. Tindakan yang memperlihatkan pengorbanan yang besar bukan sahaja berjaya mententeramkan semula peselisihan tetapi tambah mengukuhkan perhubungan darah di antara raja dengan orang-orang besar Melaka.

Ketinggian Melaka difikirkan oleh pengarang perlu juga ditegaskan di kalangan kerajaan-kerajaan yang besar lainnya. Ini bukan sahaja berguna untuk menyatakan kedaulatan raja itu di kalangan rakyat Melaka dan takluknya tetapi juga menyesuaikan dengan darjah raja yang ditegaskan oleh pengarang dari awal *Sejarah Melayu* sebagai berasal daripada raja besar Iskandar Zulkarnain. Terhadap Siam ditunjukkan unsur diplomasi di dalam mengikat perhubungan yang dahulunya sengit kepada perhubungan persahabatan. Kepada pemerintah Majapahit ditunjukkan kehalusan tipu helah orang-orang besar Melaka dan juga ketangkasan pahlawannya Hang Tuah lima bersaudara yang tidak dapat ditandingi oleh panglima-panglima Majapahit yang terbilang.

Dan kedaulatan raja Melaka yang ingin dipermain-mainkan oleh Betara Majapahit itu kembali tertebus dan langsung menjalin keluarga dua kerajaan besar ini dengan perkahwinan di antara

Sultan Mansur Syah dengan Radin Galoh Candra Kirana. Demikian juga kesannya di dalam perhubungan di antara negeri China dan Melaka. Ditunjukkan satu tambahan yang amat menarik di sini tentang kedaulatan raja Melaka yang telah mendatangkan tulah kepada raja China dan hanya dengan air basuh kaki sultan sahaja dapat menyembuh penyakit tulah itu.

Di dalam mengenangkan keagungan Melaka dan ketinggian sultan-sultannya bendahara-bendahara memainkan peranan yang besar, bukan semata-mata sebagai penasihat yang amat rapat dengan raja tetapi juga menunjukkan kepintaran di dalam menjalankan pentadbiran negara. Kebijaksanaan adalah sifat bendahara Melaka, seperti Tun Perak yang dapat mengalahkan Siam di dalam dua ketika. Bendahara juga amat hati-hati di dalam melaksanakan perintah yang keras seperti perintah bunuh Hang Tuah, yang akhirnya nyata tindakan beliau tidak membunuhnya itu memberi kemanfaatan kepada sultan juga, iaitu di dalam menghapuskan Hang Kas-turi yang derhaka.

Bendahara Paduka Raja juga bertindak bijaksana dalam mengasuh Tun Mutahir dan Tun Tahir setelah ayahanda mereka meninggal. Bendahara menguji kedua-dua anak itu dahulu sebelum menyerahkan emas yang ditinggalkan untuk mereka dan hanya setelah mereka benar-benar menunjukkan amanah dan matang baharu diserahkan kepada mereka akan harta peninggalan bapanya. Selain itu ditunjukkan juga akan hemah tinggi bendahara yang sentiasa merendahkan diri untuk tidak bersetara dengan sultan di dalam menggunakan kemudahan berusungan. Sekali lagi hemah tinggi ini terbukti apabila bendahara tidak 'membalas dendam' akan tohmah laksamana terhadapnya apabila ia mempunyai peluang berbuat demikian tetapi, sebaliknya ia tetap memberi pujian kepada laksamana apabila sultan bertanyakan halnya.

Selagi ada paduan di antara sikap hormat sultan terhadap rakyatnya dan taat setia rakyat terhadap raja, selagi itulah kedudukan Melaka akan teguh dan pengaruhnya dapat dirasakan di sekitar wilayah. Sebenarnya kejatuhan Singapura di bawah tangan Majapahit menjadi petunjuk dan petanda berdaulatnya perjanjian itu. Kedua-dua raja dan rakyat menanggung sama akan akibat daripada memungkiri akan perjanjian iaitu dengan berlaku zalim kepada rakyatnya atau berpaling tadah kepada musuh. Ini telah menjadi ingatan kepada keturunan-keturunan yang berikut dan jelas telah dipegang teguh oleh beberapa generasi, tetapi tidak begitu oleh

Sultan Mahmud. Beberapa kali terjadi peristiwa-peristiwa yang menunjukkan beliau zalim dan aniaya, hingga terhadap saudaranya sendiri. Yang paling kejam adalah tindakannya menghukum bunuh sewenang-wenangnya akan bendahara dan kerabatnya hanya kerana murka akan kesalahan kecil bendahara tidak mengemukakan terlebih dahulu anaknya yang cantik dan untuk melayani dendam itu ia segera termakan akan fitnah orang terhadap bendahara. Oleh kerana Melaka perlu tegak di atas kehadiran kedua-dua pihak yang penting ini, maka hilangnya bendahara membawa kehancuran Melaka itu sendiri.

Kedua-dua peristiwa kejatuhan Singapura dan Melaka di tangan bangsa luar atas sebab ingkarnya kedua-dua belah pihak, raja dan rakyat, di dalam berpegang teguh mematuhi perjanjian asal yang telah dimeterai itu, adalah tanda yang tepat bagi menunjukkan hidupnya daulat perjanjian tersebut. Ini menjadi dasar bagi keselamatkan kerajaan Melaka dan inilah juga yang membawa kedua-dua pihak dapat hidup dengan penuh hargadiri dan kebanggaan hingga dihormati oleh kuasa-kuasa luar. Semangat ini amat dihayati oleh kedua-dua pihak di sepanjang umur negeri Melaka, seperti kejadian berhubungan dengan sepak raga yang jelas memperlihatkan rakyat tetap menuntut mereka dihormati dan raja terpaksa tunduk kepada permintaan itu.

Asas bagi kewujudan dan keteguhan bangsa ini tidak dilupai bersama luputnya kerajaan Melayu Melaka. Ia terus diperingatkan selagi ada dua golongan raja dan rakyat seperti yang dapat dipelajari daripada nasib yang menimpa ke atas sultan Melaka yang terpaksa merempat dari satu tempat ke satu tempat kerana lari daripada serangan Ferenggi yang tidak putus-putus itu dan sindiran daripada hambanya yang mengingatkan bahawa raja itulah juga yang menjatuhkan hukuman zalim ke atas bendahara. Sesungguhnya inilah tujuan *Sejarah Melayu* dicipta, iaitu bukan sahaja bagi mencatat kisah-kisah para raja dan bangsawan Melayu tetapi juga menekankan kesucian dan kedaulatan kerajaan yang berasaskan hidup saling semuafakatan dan hormat-menghormati dan selagi ini dijadikan pedoman, sepanjang itulah ada harapan untuk mereka menegakkan kembali akan kerajaan dan hargadiri mereka.

4. Tema Sejarah Melayu

Kisah-kisah di dalam *Sejarah Melayu* yang berasingan dengan watak-watak yang begitu ramai, masing-masing dengan peranan-

nya tidak mudah dapat memberikan rumusan tentang apa tema *Sejarah Melayu* itu. Dari satu kisah kepada kisah yang lain sukar dicari pertaliannya dan di dalam binaan yang sedemikian tentu sekali mustahil untuk mengharapkan mana-mana wira dan peristiwa sebagai petunjuk tema teks ini. Walau bagaimanapun kita melihat adanya persambungan dari sudut waktu dengan perkembangan yang kronologis, ada awal perkembangan dan akhirannya. Di dalam memerikan asal usul raja-raja Melayu dan pembukaan negeri-negeri sebelum Melaka ada satu penegasan yang amat nyata iaitu tentang wujudnya satu kerajaan yang besar, suci dan berdaulat yang akan menguasai seluruh negeri di bawah angin. Dari satu bab ke satu bab bayangan kepada kebesaran ini mula terlihat dan kemudian apabila cerita berkembang ditegaskan dengan amat kuat apa pengaruh yang ada pada kerajaan ini. Kerajaan itu kemudiannya nyata wujud dan diberi nama Melaka.

Dari awal hingga ke akhir teks bercorak sejarah ini, perihal Melakalah yang menjadi pusat perhatian pengarang dan Melaka itu adalah raja-raja, bendahara-bendahara dan pengaruh mereka. Bagaimanapun Melaka bukan sebuah negara kota semata-mata tetapi merupakan sebuah kerajaan yang mempunyai pengaruh dan kekuatan pada satu masa yang panjang. Bentan, Haru, Pahang dan Terengganu adalah jajahan takluknya. Manakala Campa, Kedah dan Patani merendahkan diri bernaung di bayahnya. Penaklukan dan pernaungan yang dapat diberikan ini tidak berasaskan kepada kekuatan dalam negeri itu sendiri. Dengan kekuatan itu pengaruhnya diperkembangkan melalui perkahwinan atau perkhidmatan-perkhidmatan tertentu serta juga dengan menunjukkan secara jelas bahawa raja Melaka itu adalah daripada raja-raja besar yang berdaulat dan suci. Semuanya ini ditunjukkan sama ada melalui kekuatan atau diplomasi dan perbandingan martabat dengan negeri-negeri lain. Justeru itu tidak hairanlah kerajaan yang jauh dan besar seperti Siam, Majapahit dan China pun terpaksa mengakui akan kedaulatan dan kesucian ini dan dengan demikian dapatlah Melaka berdiri tegak selama beberapa keturunan sultan dan bendahara.

Kekuatan, pengaruh, kedaulatan dan kesucian yang diberikan ke atas sebuah kerajaan bernama Melaka itu mempunyai asas tertentu. Asas utama adalah faktor keturunan atau asal usul. Hanya asal usul yang baik boleh menzahirkan keturunan-keturunan yang bermartabat tinggi. Bagi Melaka asas itu sengaja dibina melalui

gambaran legenda dan mitos yang amat kuat. Raja-raja Melaka adalah daripada keturunan Iskandar Zulkarnain yang gagah dan dihormati dan diselubungi oleh mitos-mitos seperti ia memperoleh restu daripada Nabi Hidhir di dalam perkahwinannya dengan *Shahru'l Bahriah*. Kesucian yang diturunkan ini dipancarkan secara fizikal dengan menggambarkan berlakunya tanda-tanda kebesaran itu seperti padi menjadi emas, daunnya menjadi perak dan batang menjadi tembaga ketika anak-anak Raja Suran turun ke *Bukit Siguntang*. Salah seorang daripada raja-raja Melaka pula bermimpikan Nabi Muhammad yang langsung diislamkan dan diberi nama Islam, khatan dan pandai mengaji Quran. Semuanya merupakan tanda kedaulatan raja-raja Melaka. Tanda-tanda kebesaran dan kesucian ini perlu dikemukakan bagi tujuan memenuhi kehendak penggambaran raja yang berdaulat dan disegani. Inilah juga harapan Raja Suran apabila ia mengatakan "Pada akhir zaman kelak ada seorang raja daripada anak cucu, ialah yang beroleh harta ini dan raja itulah yang menaklukkan segala negeri yang di bawah angin." Apa yang dimimpikan ini benar-benar termakbul seperti yang tercetera di dalam keseluruhan teks *Sejarah Melayu* dan itulah menjadi tumpuan pengarangnya.

Melaka yang teguh itu dikendalikan oleh satu keturunan raja-raja yang ditunjukkan oleh pengarang mempunyai peranan-peranan tertentu. Mereka perlu diberikan tempat yang selayaknya dan urutan keturunan itu mesti pula diperjelaskan akan kesahihannya. Ini kerana kewujudan Melaka perlu bergantung kepada syarat raja-raja daripada anak cucu Sang Sapurba. Maka itu pengarang teguh dengan semangat ini dan tidak akan mengenepekan perihal raja anak nelayan misalannya di dalam menyusurgalurkan keturunan yang sahih. Tidak juga lupa ia menekankan akan perhubungan yang bersifat mitos di antara raja Melaka dengan negeri yang lain seperti puteri buih dan juga anak raja Majapahit. Di dalam peringkat awal ini hanya dapat diperjelaskan dengan mitos-mitos semata-mata dan hanya pada peringkat lebih kemudian pula dapat diperjelaskan secara konkrit, seperti apa yang digambarkan mengenai raja Melaka dengan Puteri Li Po dan Raden Galoh Candra Kirana itu. Walau bagaimanapun di dalam cuba menyusurgalurkan asal usul raja-raja Melaka daripada Iskandar kepada Sultan Ahmad, pengarang cuba meninggalkan kesan kebesaran daripada perhubungan darah ini, bukan sahaja melalui mitos dan legenda tetapi juga di dalam perhubungan bercorak diplomasi.

Pengarang *Sejarah Melayu*, sebagai salah seorang bendahara Melaka, di samping mengemukakan kesucian, kebesaran dan kedaulatan raja-raja Melaka, mengambil kesempatan untuk mengenyahkan peranan bendahara di dalam pemerintahan kerajaan Melayu ini. Pada bendahara tidak diperlihatkan adanya kesucian dan kedaulatan, walaupun asalnya daripada keturunan raja juga, iaitu raja Palembang, tetapi sebaliknya diketengahkan unsur-unsur kebijaksanaan, diplomasi, tipu helah, hemah yang tinggi dan teliti. Selain itu dan yang paling penting ialah ketegasan di dalam kesetiaannya terhadap raja. Sungguhpun begitu bendahara-bendahara tetap juga memelihara akan kepentingan anak-anak buahnya, dan ini pada ketika-ketikanya kelihatan amat kukuh seolah-olah berupa tindakan penderhakaan, tetapi tidaklah pada peringkat mengakibatkan perbalahan di dalam perhubungan di antara raja dan rakyat.

Perhubungan di antara raja dan rakyat seperti yang telah dijelaskan di atas adalah berasaskan kepada perjanjian di antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun, iaitu perjanjian yang amat kuat satu bergantung dengan yang lain. Raja bertanggungjawab bertindak adil dan menjaga maruah rakyat manakala rakyat bertanggungjawab taat kepada raja walau zalim sekalipun. Semangat hormat-menghormati yang berlandaskan kepada mitos kesucian dan martabat manusia ini perlu terus hidup sekiranya kerajaan ingin kukuh dan mempertahankan diri daripada ancaman luar. Di dalam banyak ketika, semangat patuh kepadanya dan akibat daripada hilangnya semangat ini ditunjukkan bagi menjadi panduan kepada generasi yang akan datang. Sesungguhnya inilah 'formula' kewujudan dan keteguhan kerajaan Melaka. Ini amat penting dan pengarang menjadikan pusat perhatiannya kerana berdasarkan kepada 'formula' inilah ia memilih kisah-kisah dan mengaturnya bagi mendapat kesan yang maksimum.

Bagi pengkaji *Sejarah Melayu* 'formula' ini pula boleh memandunya di dalam mencari arah memahami tema teras karya ini. Ia bermula daripada satu titik dan darinya perkembangan di hari depan ditentukan pada tahap-tahapnya, oleh apa yang dilakukan oleh rajanya dan apa corak perhubungannya di antara raja dan rakyat. Dengan kata lain corak perhubungan raja-rakyat menjadi kayu ukur kepada keselamatan kerajaan. Jika panduan ini dipegang teguh dengan meneliti keseluruhan kisah-kisah di dalam *Sejarah Melayu* maka adalah wajar sekali bentuk kewujudan Melaka, kebangkitan dan kejatuhan itu disandarkan kepada prestasi

raja-rajanya di dalam melaksanakan tugasnya yang sepatutnya memberi perlindungan kepada rakyat dan menghormati martabat kemanusiaan. Tidak hairanlah dengan itu ketinggian Melaka berhubung rapat dengan peribadi-peribadi Sultan Muzaffar dan Sultan Mansur dan sebaliknya kejatuhanya dikaitkan dengan kezaliman Sultan Mahmud.

Inilah tema *Sejarah Melayu* yang dilahirkan oleh pengarang yang mempunyai kepentingan yang sama dengan raja penaungnya di dalam menegakkan kedudukan Melaka berdasarkan falsafah hormat dan penghamaan diri. Di dalam mengenangkan tema ini pengarang *Sejarah Melayu* menjadi begitu taksub terhadap pandangan pentingnya Melaka di dalam kewujudan daerah-daerah sekitar Melaka. Segala yang berlaku di daerah-daerah sekitar dan jauh dari Melaka adalah berkaitan dan banyak dipengaruhi oleh ketinggian dan kesucian raja-raja Melaka serta kebijaksanaan bendahara-bendaharanya. Ternyata benar faktor-faktor ini terkesan di dalam *Sejarah Melayu* dan sendirinya membayangkan kedudukan fikiran pengarang di dalam menyusun karya besar ini.

5. Binaan *Sejarah Melayu*

Kisah-kisah yang berkaitan dengan sultan-sultan Melaka, bendahara-bendahara dan panglima-panglimanya dan juga kejadian-kejadian di negeri-negeri yang dekat dan jauh dari Melaka merupakan sumber kepada pembentukan *Sejarah Melayu*. Kisah-kisah yang baik berupa mitos, legenda ataupun yang nyata di dalam sejarah disusun secara kronologi mengikut tahap-tahap permulaan, perkembangan dan kejatuhan Melaka.

Sekiranya kita ingin mengambil satu-satu objek yang konkrit bagi membayangkan rangka kisah-kisah ini disusun maka objek itu tidak lain dan tidak bukan ialah kerajaan Melaka atau pemerintahan Melaka. Bayangkan bagaimana protagonis di dalam sebuah roman misalnya membina cerita di dalam sebuah novel, letakkan Melaka pada tempat protagonis ini, maka ada kesejajarannya. Iaitu adanya susunan aktiviti pada peringkat-peringkat permulaan, perkembangan dan kejatuhanya. Cuma protagonis yang diketengahkan di dalam *Sejarah Melayu* bukannya seorang individu tetapi sebenarnya sebuah negara kota dengan jajahan takluknya. Sungguhpun ada peribadi-peribadi yang menjadi teras bagi negara kota itu, iaitu berupa sultan-sultan dan bendahara-bendaharanya.

namun mereka tidak dapat diberi nama protagonis oleh kerana mereka tidak menanggung secara perseorangan dan berasingan akan keteguhan atau kejatuhan Melaka itu.

Dari permulaan hingga kepada kejatuhan Melaka ada tiga peringkat yang amat ketara terhasil daripada penyusunan kisah-kisah yang terdiri dari 34 bab itu. Permulaan Melaka adalah terdiri daripada kisah-kisah mengenai asal usul rumpun Melayu dan perjanjian yang dimeterai di antara raja dan rakyat. Ini dilanjutkan dengan kisah-kisah perjalanan bagi membina negeri-negeri sebelum Melaka dibuka. Setelah itu baharulah kita tiba kepada soal pembukaan dan permulaan Melaka.

Peringkat perkembangan Melaka adalah mencakupi segala gambaran-gambaran mengenai aktiviti-aktiviti raja-raja, bendahara, bangsawan-bangsawan dan pentadbir di dalam pemerintahan yang memperlihatkan keteguhan kerajaan dan kemudiannya menekankan pengaruhnya di negara-negara jiran dan menyatakan ketinggian dan kedaulatannya di kalangan negara-negara seperti China dan Majapahit. Peringkat akhir adalah peringkat kejatuhan Melaka, yang sesuai dengan tema dan tujuan karya ini ditulis berada di atas pundak seorang raja yang zalm dan berjalan di dalam suasana tidak adanya semangat yang penuh patuh kepada perjanjian kesetiaan.

Peringkat permulaan *Sejarah Melayu* diikat di dalam beberapa bab permulaan teks ini. Dua bab awal mengisahkan permulaan rumpun Melayu dan persefahaman yang dimeterai di antara raja Melayu pertama dengan rakyat. Perihal ini diselubungi oleh mitos yang sukar diterima sebagai benar. Kajian mengenai sejarah dunia tidak memperlihatkan apa-apa pertalian di antara raja-raja Melayu dengan keturunan Iskandar Zulkarnain.

Selain itu unsur keajaiban tentang padi emas, daun perak yang menandakan kesucian dan kedaulatan zuriat Raja Suran sukar sekali diterima oleh akal, tetapi ada fungsinya di dalam membina sifat tinggi dan suci raja-raja. Selepas melukiskan darjah dan kesucian inilah maka sumpah hormat setia di antara raja dan rakyat dimeterai dan inilah yang menjadi akar tunjang kepada kehidupan sebuah kerajaan Melayu yang penting di dalam sejarah rantau ini.

Beberapa kesan yang penting mahu ditinggalkan oleh pengarang di dalam menyusun permulaan sedemikian. Kesan pertama adalah kesan bahawa raja-raja Melayu yang memerintah Melaka di dalam

zaman gemilangnya itu adalah keturunan daripada raja yang amat terkenal dan ditakjubi kekuatannya. Kesan ini diperteguhkan dengan keajaiban yang ditunjukkan oleh Raja Suran yang berjaya turun ke bawah laut. Zuriatnya juga, tiga orang putera, diberikan pula dengan mahkota-mahkota daripada perbendaharaan Raja Sulaiman yang agung itu dan kemudian memperlihatkan kesucian dan kedaulatannya. Segalanya ini dapat disimpulkan sebagai bertujuan menimbulkan *aura of sanctity* (pancaran kesucian) yang akhirnya membawa raja Palembang tunduk menyembah mengakui hamba. Atas dasar kesucian dan kedaulatan inilah pula maka apa juga perjanjian setia yang telah diikat itu mempunyai semangat yang bererti.

Bab-bab selanjutnya, secara tidak langsung selain daripada memenuhi tujuan mengemukakan sifat-sifat raja-raja yang mengembara dan membuka negeri adalah juga berperanan memperlihatkan betapa luasnya pemancaran zuriat keturunan Sang Sapurba, iaitu ke Bentan, Majapahit dan Minangkabau. Ini memberikan landasan bagi Melaka menekankan pengaruhnya ke daerah-daerah ini. Jika kita melangkau ke hadapan tentu sekali dapat dibaca tentang adanya rasa kewujudan Melaka itu di mana-mana dan kewujudan ini sama-sama mempengaruhi akan kedudukan daerah-daerah lain sekitar Melaka. Dengan kata lain Melaka tidak wujud terasing sendiri tanpa kaitan dengan kewujudan negeri-negeri kecil atau kerajaan besar, tetapi sebaliknya adalah merupakan pusat bagi seluruh aktiviti-aktiviti bagi daerah-daerah Nusantara khususnya dan negeri-negeri besar seperti Majapahit, Keling dan China.

Hanya setelah pengetahuan pembaca-pembaca sedia lengkap dengan gambaran asal usul yang penuh misteri ini baharulah tepat untuk mengenali Melaka. Tetapi ada satu peristiwa sebelumnya yang penting dirakamkan, iaitu pembukaan dan kejatuhan Singapura. Singapura adalah batu loncatan bagi menegakkan Melaka, bukan sahaja dilihat dari sudut lojika perjalanan anak-anak raja dan susunan kronologi sejarah tetapi juga dilihat dari segi memberikan ujian kepada kebenaran atau kebatilan sumpah setia yang telah diikat di antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun. Pada mulanya Singapura berdiri teguh sebagai negeri yang maju hingga dicemburui, tetapi kemudiannya dirosakkan oleh tindakan raja yang zalim dan diikuti pula dengan penderhakaan bendahara yang mengakibatkan kekalahan Singapura di tangan Majapahit. Kejadian ini menjelaskan satu kenyataan bahawa semangat perjanjian

itu adalah hidup dan secara langsung menjadi petunjuk kepada anak cucu yang kemudian untuk menginsafinya.

Dengan amaran daripada kejadian seumpama itulah maka Melaka didirikan. Seperti peringkat-peringkat awal memperkenalkan raja-raja Melayu dan pembukaan Singapura, pembukaan Melaka dibina daripada mitos jua, dan sesuai dengan ketentuan Melaka itu pada masa depan merupakan negeri yang kuat, maka mitos itu menyarankan hal ini. Mitos pelanduk putih menendang anjing buruan sesuai sekali digunakan di sini. Sunggupun begitu di dalam perkembangan berikutnya mitos pengislaman raja Melaka menjadi lebih utama. Pengislaman telah tergambar lebih awal daripada ini, tetapi ia adalah mengenai negeri Pasai, sebuah negeri yang umum mengetahui dan diakui oleh pengarang *Sejarah Melayu* masyhur kerana keislamannya. Pengarang *Sejarah Melayu* tidak dapat menerima hal ini di dalam rangka tujuannya menegakkan kedudukan tinggi Melaka dan kedaulatan rajanya. Oleh yang demikian beliau telah secara perbandingan mempertingkatkan raja Melaka sebagai lebih suci darjatnya daripada Merah Silu di dalam hakikat ianya diislamkan oleh Nabi Muhammad melalui mimpi dan tidak seperti Merah Silu yang diislamkan oleh orang biasa, iaitu faqir yang mendarat bersama rombongannya.

Setakat ini faktor-faktor asal usul, teras kewujudan dan darjah telah dengan halus dikemukakan melalui kisah-kisah yang tersusun secara kronologi itu. Ada faktor yang lain yang harus ditekankan sebelum pengarang beralih ke peringkat perkembangan Melaka. Ini adalah faktor kesahihan pemerintahan yang di dalam *Sejarah Melayu* dikemukakan melalui kisah kedua belas. Pada prinsipnya, dari awal lagi, sultan dan bendahara itu harus meneruskan perhubungan kekeluargaan. Ini penting dari semangat ikatan setia hormat yang termeterai itu. Semangat ini telah terungkai sedikit di dalam perlantikan Sultan Abu Syahid yang asalnya daripada keturunan Raja Rekan. Dari perhitungan perhubungan darah Raja Kasimlah lebih sah menjadi raja tetapi seketika ia tersingkir dan menjadi anak raja pengail hingga lah beliau dan Seri Nara Diraja semuafakat menyerang Sultan Abu Syahid. Tindakan ini bukan sahaja merupakan tindakan mengambil kembali apa yang hak bagi-nya tetapi juga membawa implikasi mengekalkan kesahihan yang berkaitan dengan pertalian orang-orang besar dan raja Melaka. Seperti yang telah terbukti di dalam sejarah sebelumnya pertalian erat antara raja dan bendahara mesti wujud demi mengekalkan

kerajaan Melayu.

Faktor-faktor di atas terbayang jelas di dalam pengarang mengisahkan perkembangan Melaka menjadi sebuah kerajaan yang kuat, berdaulat dan berpengaruh. Perhatian terawal pengarang berhubungan dengan kesan pengaruh Melaka terhadap kuasa luar adalah Siam. Faktor-faktor intelek, strategi, fizikal dan rohaniah digunakan di dalam menghadapi Siam. Perhubungan yang pada mulanya bersifat konfrontasi berakhir dengan persahabatan melalui diplomasi. Perhubungan dengan Majapahit pula, yang pada dasarnya merupakan bertujuan menghubungkan zuriat, berkembang menjadi peraduan tipu helah dan ketangkasan pahlawan. Di dalam peraduan ini Melaka sekali lagi berjaya menunjukkan kecekapannya. Pengarang seterusnya memperteguhkan strategi politiknya melalui perhubungan dengan China hingga China mengakui akan kekuasaan Melaka dan kedaulatan rajanya dirasakan. Segala tindakan ini dijalankan oleh pegawai-pegawai tinggi Melaka yang bersedia menjunjung duli tuanku sultan.

Keupayaan Melaka mengatasi martabat Siam, Majapahit dan China, tidak dapat tidak memperlihatkan usaha pengarang *Sejarah Melayu* untuk membina peringkat perkembangan Melaka pada tapak yang kukuh. Ia telah mengisi erti kedaulatan raja Melayu dan perpaduan yang kuat antara raja dengan pentadbirannya. Dengan itu tidak ada satu anasir pun baik dari dalam dan luar negeri dapat menggugat kedaulatan ini. Penderhaakaan Hang Kasturi melahirkan riak kecil, tetapi sekali lagi ternyata kedudukan sultan adalah kukuh dan kebijaksanaan bendahara membuangnya ke hulu Melaka dan taat setia Hang Tuah metuntuhkan kedurjanaan itu. Amat munasabah jadinya untuk mengikuti pengisahan selanjutnya, iaitu kisah-kisah yang menunjukkan kekuasaan Melaka ke atas Kampar, Siak dan akhirnya Haru dan Pahang. Negeri-negeri yang tidak takluk kepada Melaka seperti Pasai dan Mengkasar masih tetap lebih rendah daripada Melaka. Darjah Melaka ditunjukkan juga dengan cara lain – Semerluki yang mengganas dapat dihalauinya dan raja Pasai, Sultan Zainal Abidin yang disingkir oleh saudaranya diberikan pertolongan untuk duduk kembali di atas takhta kerajaannya.

Di dalam peringkat perkembangan, sekali lagi pengarang *Sejarah Melayu* menekankan perihal pentingnya dikekalkan semangat persefahaman dan saling mengerti antara sultan dan bendahara. Peristiwa Raja Muhammad membunuh anak buah bendahara, Tun Besar,

yang bermain sepak raga merupakan satu percubaan bagi semangat ini. Anak-anak buah bendahara sudah bersiap sedia untuk membela dendam, tetapi ditahan oleh bendahara, kerana setia pada janji pantang anak Melayu menderhaka. Sebalik itu bendahara bersungguh-sungguh menolak Raja Muhammad sebagai bakal raja dan tidak sesekali boleh diterima oleh anak buahnya. Sultan Mansur sendiri sedar akan kebenaran kata dua bendahara itu, lalu menghantarkan anak baginda yang disayanginya itu ke Pahang. Saling mengerti mengelakkan berlakunya krisis yang mengancam kestabilan Melaka. Walaupun ada beberapa masalah diselesaikan dengan cara yang baik, misalnya Hang Tuah yang terfitnah tidak terus dibunuhan tetapi disorokkan oleh bendahara dan masalah kecurian yang berleluasa diselesaikan oleh ketangkasan Sultan Alaudin dan kemudian ketegasannya itu diikuti oleh orang-orang besarnya.

Keretakan akhirnya menimpa kerajaan Melaka. Dari sudut binaan kisah ini merupakan permulaan bagi peringkat akhir *Sejarah Melayu*. Peringkat menurun ini dihubungkan dengan peribadi Sultan Mahmud Syah, seorang raja yang tidak terkawal dalam tindakannya. Kelemahan utamanya ialah kemahuan seks yang tidak terbatas. Ia senang menjatuhkan hukum bunuh, walaupun ke atas saudara baginda sendiri, Raja Zainal, hanya kerana Raja Zainal seorang yang kacak. Tepat sekali bagi pengarang *Sejarah Melayu* menemukan Sultan Mahmud dengan cita-cita yang amat tinggi, iaitu berkehendakkan Puteri Gunung Ledang. Inilah pertama kali seorang sultan Melaka gagal di dalam misinya.

Perkara yang remeh tetapi rapat sekali perhubungannya dengan kedudukan Melaka yang menurun, diambil perhatian oleh pengarang. Sebaliknya soal kuasa ke atas jajahan takluk tidak lagi dipentingkan. Apa yang dipentingkan adalah gejala-gejala yang negatif – tindakan sultan yang sewenang-wenang dan rasa kesangsian dan hampa yang mula timbul. Dengan kata lain disiplin yang selama ini dihormati oleh sultan telah luntur. Ini berlaku tepat pada waktu Feringgi telah tiba ke kawasan ini untuk mengadu kekuatannya. Ini merupakan latar bagi permulaan menurunnya Melaka.

Sifat Sultan Mahmud adalah bertentangan dengan semangat perjanjian antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di Bukit Siguntang dan juga melanggar wasiat bapa baginda. Dari sudut perhambaan diri, bendahara juga telah melanggar pegangannya, – apakah bendahara tidak lagi memandang kemuliaan sultan lalu tidak

menawarkan anaknya kepada sultan untuk diperisterikannya seperti adat-adat yang lampaui? Terasakan juga bendahara tidak lagi memperhitungkan akibat ia mengahwinkan anaknya kepada Tun Ali, walaupun kemurkaan sultan telah dibayangkan oleh raja di Baruh. Sultan Mahmud bukan orangnya untuk bertindak ikut perhitungan yang masak. Dengan mudah baginda melepaskan dendamnya terhadap bendahara apabila timbul fitnah yang mencabar kedudukan baginda sebagai raja. Bendahara dibunuh! Inilah puncak krisis terbesar bagi kerajaan Melaka.

Ada tiga faktor lain yang menyokong akan kenyataan di atas bagi membawa kejatuhan negeri Melaka. Faktor kurangnya disiplin pentadbiran di Melaka yang jelas tergambar pada cara bendahara dan temenggung membiarkan anak buah mereka berlaku sewenang-wenang. Kekayaan negeri membuka pintu kepada rasuah dan hasad dengki. Ini ternyata dengan masuknya jarum Raja Mendaril, yang dendam kepada Bendahara Seri Maharaja, di hati Liksamana Khoja Hasan akibat sogokan emas yang banyak. Faktor lain ialah kekurangan persiapan yang lebih munasabah bagi peredaran waktu melawan kedatangan musuh luar. Sultan Ahmad yang mengambil tempat ayahnya lebih mementingkan beribadat daripada soal pertahanan negeri. Ancaman luar telah berada di pintu Melaka sendiri. Inilah puncak seluruh kisah-kisah yang bertalian di peringkat akhir *Sejarah Melayu*.

Peringkat-peringkat perkembangan cerita dari awal hingga akhir adalah tersusun secara logika dengan jalanan yang erat dan anasir-anasir mitos dan legenda pada peringkat satu dan dua serta kisah-kisah *real* pada peringkat ketiga. Jika seluruh ini dipandang dari latar tempat, maka kelihatannya cerita bermula dari ruang yang luas dan kemudian menjadi bertambah kecil menuju kepada latar yang lebih sempit, jaitu rumah tangga Melaka sendiri dan berakhir kepada masalah diri sultan.

Pola ini menyarankan jangkauan fikiran yang melihat sesuatu secara global pada peringkat mengenali alam atau sesuatu objek dan kemudian menerus kepada yang lebih kecil. Ini adalah sejajar dengan kemampuan pengarang melihat proses sejarah dari sudut nilai kebudayaan tempatan, bukan daripada pengertian yang saintifik. Dan kerana itulah realiti hanya dapat dikemukakan setelah menyingskap mitos dan legenda. Mitos, legenda dan fakta-fakta realiti ini tidak dapat dilihat secara berasingan tetapi dalam satu kes-

tuan binaan *Sejarah Melayu*. Ternyata binaan itu bukan bersifat longgar, tetapi sebaliknya kuat.

6. Penutup

Di dalam huraian yang panjang ini penulis telah mencuba melihat *Sejarah Melayu* dari perspektif kesusastraan. Tinjauan mengenai tujuan pengarang, tema dan binaan telah menyingkap beberapa keistimewaan *Sejarah Melayu*. Pertamanya, pengarang *Sejarah Melayu* telah berpandukan kepada sentimennya terhadap keme-gahan kerajaan dan kesultanan Melayu dan inilah yang menjadi titik bertolak pengarang menulis sastera sejarah ini. Dengan ini pengarang dapat membulatkan satu tujuan yang bukan sahaja berguna bagi merakamkan dan mempertahankan kemegahan ini tetapi juga dapat melahirkan pengajaran yang berkesan. Kedua, di dalam memenuhi tujuan penulisan itu pengarang telah berpegang teguh untuk meneliti bahawa setiap kisah yang digunakan itu berhubungan dan sesuai dengan tema penulisannya. Ketiga, pengarang melalui ibarat, penekanan perbandingan dan penceritaan langsung, berjaya memenuhi tujuan penulisan *Sejarah Melayu* dan berjaya juga menyusun kisah-kisah yang bercorak mitos, legenda, cerita-cerita rakyat dan kisah-kisah sejarah menjadi satu binaan yang kukuh. Segala ini meyakinkan kita bahawa *Sejarah Melayu* tertulis dengan perencanaan yang rapi dan oleh seorang pengarang yang mempunyai bakat sastera yang besar.

BAB 6

PERSOALAN PERSAMAAN DAN PERBEZAAN *SEJARAH MELAYU DAN HIKAYAT RAJA-RAJA PASAI*

1. Pendahuluan

ISMAIL HUSSEIN di dalam usahanya menyingkap corak pengkajian kesusasteraan Melayu klasik, (lihat *The Study of Traditional Malay Literature*) telah menyentuh di antara lain sifat pengkajian yang ada mengenai teks-teks Melayu. Sifat umum adalah tentang condongnya kajian kepada corak historis dan komparatif. Ini paling tepat apabila dia menyentuh pengkajian dan dilakukan oleh orientalis yang pada dasarnya mempunyai latihan historis dan komparatif. Pengenalan-pengenalan dan pengkajian teks-teks Melayu lama yang diusahakan oleh mereka selalu menyarankan karya-karya ber-corak sejarah dan epik sebagai hasil berbentuk sejarah atau sekurang-kurangnya bertujuan menerapkan penglihatan sejarah. Oleh itu Ismail Hussein telah menyarankan usaha ke arah menilai karya-karya Melayu dari sudut kesusasteraan yang memperlihatkan daya kreatif tempatan.

Anjuran yang telah berlalu itu sehingga kini belum lagi ada tanda tindakbalas atau sambutan yang positif. Bukan sahaja usaha membina teks-teks lama ataupun memberi penilaian kembali kepada aspek kreatif penulisan karya sejarah, epik atau sebagainya itu tidak banyak dilakukan, malah perbicaraan mengenai teks-teks Melayu lama pun sangat merosot. Saban tahun kita mengeluarkan beratus graduan yang boleh berbicara mengenai sastera, tetapi di antara beratus-ratus itu sukar sekali ditemui mereka yang berminat

di dalam sastera klasik. Ada beberapa sebab hal ini berlaku;

Pertama, pendidikan mengenai sastera itu sendiri tidak diberikan asas yang kuat.

Kedua, jauhnya dunia sastera lama itu dengan dunia hari ini.

Ketiga tanggapan yang salah tentang sifat sastera Melayu lama yang selalu dikatakan seragam bentuknya.

Penulis tidak bercadang menghurai sebab pertama dan kedua, kerana ini merupakan pengetahuan umum. Tujuan utama karangan ini adalah cuba memecahkan tanggapan yang salah mengenai bentuk sastera Melayu klasik.

Untuk memenuhi tujuan utama ini, penulis membuat tumpuan mengkaji secara ringkas, dua buah karya bercorak sejarah *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Teks-teks ini diambil atas dasar persamaan dan perbezaan yang ada pada teks-teks tersebut. Kedua-dua karya ini adalah karya asli ciptaan penulis Melayu, bukan hasil terjemahan atau adaptasi daripada karya luar seperti India, Jawa ataupun Parsi. Dengan mengemukakan teks-teks ini dapatlah diperlihatkan beberapa aspek penting di dalam pembentulan karya-karya bercorak sejarah. Perbicaraan akan menyentuh juga salah anggapan yang dibuat oleh beberapa orang orientalis yang telah menulis tentang karya-karya ini.

Salah satu daripada aspek-aspek yang menarik mengenai karya-karya klasik bercorak sejarah adalah penggunaan bahan-bahannya. Didapati beberapa bahan yang sama digunakan di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Bahagian daripada *Sejarah Melayu* terdapat juga asal usul pembukaan Pasai, jurai keturunan raja-raja Pasai, peristiwa-peristiwa pembukaan negeri, kedatangan Islam ke Pasai dan sejarah Pasai hingga kepada kemangkatan Sultan Maliku'l-Mahmud dengan perbezaan-perbezaan pada butir-butir terperincinya di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*.

2. Wasiat di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*

Terdapatnya bahan-bahan yang sama di dalam kedua-dua teks yang dibincangkan ini adalah berpuncak daripada sumber budaya yang sama. Setiap budaya ada stok pengalaman-pengalaman yang dari-nya pengarang dapat mencedok dan bersama dengan bahan-bahan yang khas bagi satu-satu tujuan karya, diikat erat menjadi satu karya. Bahan-bahan yang sama ini bukan diletakkan secara sewenang-wenang tetapi dengan diperhitungkan kewajaran dan fungsi-nya dari sudut tujuan dan tema karya berkenaan.

Bagi menghuraikan hal ini secara tepat, elok sekiranya kita perbandingkan kedua-dua *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. *Hikayat Raja-raja Pasai* mengisahkan kebangkitan dan kejatuhan Pasai sebagai sebuah negeri Islam. Tujuan *Hikayat Raja-raja Pasai* mudah dan secara tepat dijelaskan pada bari-baris permulaan;

"Alkisah peri mengatakan ceritera raja yang pertama masuk agama Islam ini Pasai, maka ada diceterakan oleh orang yang empunya cetera negeri yang di bawah angin ini Pasailah yang pertama membawa iman akan Allah dan akan Rasul Allah."

Cerita selanjutnya adalah mengenai penemuan Puteri Buluh Betung (dari buluh betung) dan Merah Gajah (di belakang gajah) masing-masing adalah mengenai pengislaman Merah Silu. Merah Silu diislamkan oleh nabi sendiri di dalam mimpi dan pada waktu yang sama diberi nama Islamnya Maliku's-Salleh. Apabila Merah Silu meninggal kemudiannya digantikan oleh anaknya Sultan Maliku'l-Tahir yang memperoleh dua orang anak, Maliku'l-Mahmud dan Maliku'l-Mansur.

Satu unsur yang penting di dalam perkembangan zuriat keturunan raja-raja Pasai adalah penurunan wasiat di raja atau penurunan amanah memerintah. Sebenarnya wasiat telah timbul di dalam memerikan pengislaman Merah Silu. Nabi dikatakan mewasiatkan syarif di Mekah untuk mengislamkan sebuah negeri di bawah angin. Tersebut di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*:

Maka diceterakan oleh orang yang empunya cetera. Sekali persetua pada zaman Nabi Muhammad Rasulu 'Llahi sala 'Llahu 'alaibi wassallam hayat hadzrat yang maha mulia itu, maka bersabda ia kepada sahabat baginda di Mekah, demikian sabda baginda. "Bahawa ada sepeninggalanku wafat itu, ada sebuah negeri di bawah angin, Samudera namanya, apabila ada didengar khabar negeri itu, maka bawa'i orang suruh sebuah kapal membawa perkakas alat kerajaan dan kamu bawa'i orang dalam negeri itu masuk agama Islam serta mengucap dua kalimat alsyahada. Syahadan lagi akan dijadikan Allah subhanahu wa ta'ala dalam negeri itu terbanyak daripada segala wali Allah jadi dalam negeri itu. Adapun pertama ada seorang faqir di negeri Ma'abri namanya iaitulah kamu bawa serta kamu ke negeri Samudera itu."

(Dr. A. H. Hill, 1969, hlm. 55)

Tetapi wasiat yang muncul pada peringkat kemudiannya menjadi penting di dalam memperlihatkan bagaimana sistem kerajaan yang mudah itu berjalan. Seorang raja apabila merasa hampir mangkat akan memanggil waris kerajaannya lalu menurunkan pesanan atau wasiat.

Maka ada sekira-kira tiga hari sudah tabal itu, maka Sultan Maliku's-Salleh pun berwasiat kepada Sayid Amayud din dan Sayid Ali Ghiyatu'uddin "Hai Perdana Menteri kedua baik-baik kamu kedua ini memelihara cucuku kedua ini insya Allah ta'ala jangan kamu beri bersalahan ia dua bersaudara serta kamu kedua ajari; hendaklah jangan kamu kedua mengubah-ubah setia kamu akan cucuku kedua dan jangan kamu menyembah segala raja-raja yang lain daripada cucuku hubaya-hubaya jangan kamu beri teraniaya daripada segala hamba Allah dan jangan kamu mengerjakan segala pekerjaan yang bersalahan dengan hukmu'LLah, kerana firman Allah ta'ala di dalam Quran demikian ertinya; barang siapa tiada menghukumkan dengan barang hukum yang diturunkan Allah, maka bahawa-sanya mereka itu jadi kafir."

Maka kedua menteri itu pun sujud menundukkan kepalanya seraya ia menangis berdatang sembah keduanya menteri itu. "Ya Tuanku Syah Alam Zilhu 'Llahi fi'l-alam, demi Allah ta'ala Tuhan seru alam sekalian insya Allah ta'ala bahawa kedua kami yang diperhamba tiadalah dapat melalui seperti sabda Syah Alam Yang Maha Mulia itu dan tiadalah kami menyembah segala raja-raja yang lain daripada anak cucu Syah Alam yang di atas batu kepala kami kedua ini."

Maka disuruh oleh sultan panggil kedua cucunda baginda itu. Setelah datanglah kedua raja itu, maka Paduka Seri Sultan pun bersabdalah kepada cunda kedua itu dan kepada segala menteri dan kepada segala orang besar-besar sekalian, demikian sabda baginda, "Hai cucuku kedua! Kedua kamu yang sakit sangat rasanya hampirlah hukmu'LLah ta'ala akan daku berpindah dari negeri yang fana ke negeri yang baka itu: adapun peninggalanku ini baik-baik kamu kedua memeliharaan pekerjaan al-amru bi'lma'rufi wa'l-nahyu 'an'il-munkar. Sebermula jangan kamu banyak tamak akan harta dunia, kerana dunia ini tempat segala yang maghrur dan jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfaat akan kamu di akhirat, dan jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan

kamu; jangan sekali-kali bersalahkan antara kamu kedua bersaudara supaya dikararkan Allah ta'ala engkau kedua dalam kerajaan dan supaya diperkenankan Allah segala pinta kamu daripada segala yang kebijikan dan jangan kamu melakui seperti barang yang dititahkan Allah akan kamu dan jangan kamu tak-sir pada mengejarkan pekerjaan yang kebijikan dan mening-galkan pekerjaan yang kejahatan dan menyuruhkan segala orang berbuat kebijikan dan mlarangkan segala orang ber-buat kejahatan serta dengan adil kamu kedua bersaudara akan segala rakyat kamu itu. Hubaya-hubaya jangan tiada kamu turut wasiatku ini, hai cucuku kedua."

(Dr. A.H. Hill, 1960, hlm. 65-66)

Pada dasarnya wasiat yang berulang-ulang itu mempunyai ana-sir-anasir penting:

1. Tanggungjawab hamba rakyat untuk tidak menderhaka kepada raja.
2. Tanggungjawab raja tidak menganiayai hambanya.
3. Persemuafakatan antara saudara sekerabat.
4. Tanggungjawab raja mengikut ajaran Allah

Wasiat di atas dijadikan asas bagi keteguhan Pasai dan kesela-matan masyarakatnya. Ia harus dihormati, hidup dan dipelihara. Ini terbukti di dalam perhubungan antara dua saudara Sultan Mahmud dan Sultan Mansur. Apabila berlaku perlanggaran terhadap wasiat itu kehidupan kurang harmonis atau kehancuran berlaku. Maliku'l-Mahmud telah menyula Sayid Asmayu'd-din Perdana Menteri kepada saudaranya Maliku'l-Mansur yang dibuang negeri oleh kerana melanggar tatasusila berkeluarga. Telah menjadi per-geseran di sini, tetapi tidak pada tahap menghancurkan Pasai kerana Maliku'l-Mahmud cepat menyedari kesalahannya lalu dia bertaubat.

Ada kepercayaan di dalam masyarakat Melayu bahawa wasiat orang tua itu biasanya suci dan perlu sekali dipatuhi. Sultan Ahmad Perumudal Perumal, pengganti Maliku'l-Mahmud yang mewarisi kerajaan Pasai sepenuhnya mengabaikan wasiat yang diperturun-kan kepadanya. Beliau ingin mengahwini kedua-dua anak daranya sendiri Tun Midan Peria dan Tun Takiah Dara. Cita-citanya yang jahat itu dihalang oleh anaknya sendiri, iaitu Beraim Bapa, seorang pemuda yang gagah "Jika Pasai se-Pasainya, jika Jawa se-Jawanya, jika China se-Chinanya, jika Siam se-Siamnya, jika Keling se-Kelingnya tiada dapat melawan Si Beraim Bapa," iaitu dengan

milarikan kedua adiknya dari istana. Seboleh-bolehnya Sultan Ahmad bertindak membunuh Tun Beraim Bapa dan akhirnya Beraim Bapa bersama kedua anak dara itu pun mati. Jika diperhitungkan dari sudut hukum bala, Pasai sudah boleh dihancurkan kerana Sultan Ahmad telah melampaui batas. Sungguhpun begitu pengarang tidak mendatangkan hukuman begitu sahaja tanpa memperhitungkan lojika.

Dipandang dari sudut adat tindakan Sultan Ahmad memang tidak bersalah kerana ada dosa terhadap Sultan Ahmad. Walaupun begitu apabila tiba pada peringkat membunuh Tun Abdul Jalil kerana inginkan Puteri Gemerancang yang mencintai anaknya itu, Raja Ahmad sebenarnya menempah bala. Puteri Gemerancang apabila sampai ke Pasai mendengar pembunuhan kekasihnya itu berasa kecewa lalu memohon di dalam sumpah yang terkabul supaya dia mati untuk bersama-sama Tun Abdul Jalil. Kapalnya tenggelam di kuala negeri Pasai. Khabar tiba kepada Ratu Majapahit tentang tragedi ini lalu bertindak menyerangi Pasai. Pasai dapat dialahkan dan Raja Ahmad milarikan diri. Tetapi angkatan Pasai kemudiannya, di dalam pusingan keduanya menakluki negeri-negeri di rantau ini tapi dapat dikalahkan oleh Pulau Perca di dalam satu tipu helah perlagaan kerbau yang amat mengaibkan bagi satu angkatan sebuah negeri yang besar.

Di dalam rumusan yang sedemikian seorang pengkaji senang dapat menerima betapa pentingnya wasiat di dalam kehidupan yang menekankan soal perpanjangan warisan yang bersih. Ini dijadikan landasan bagi pengarang mengolah ceritanya dan menjadikan penekanan tema keislaman *Hikayat Raja-raja Pasai* itu tetap dan bersambungan. Selanjutnya, digniti Pasai sebagai sebuah negara Islam itu harus dipelihara. Oleh yang demikian episod akhir, kekalahan angkatan Majapahit di dalam pertandingan laga kerbau dengan Perca itu amat wajar kerana dengan menamatkan *Hikayat Raja-raja Pasai* sedemikian ia membela maruahnya dan menghukum kebiadaban Majapahit kerana melanggar dan menghancurkan Pasai, walaupun kerana marah kepada Raja Ahmad. Kebiadaban itu terbalas seperti tergambar di dalam kisah terakhir dan ini dapat memelihara hargadiri Pasai sebagai sebuah negara Islam.

3. Perjanjian di dalam *Sejarah Melayu*

Jika unsur wasiat ini dilihat di dalam teks *Sejarah Melayu* didapati ia masih wujud tetapi ciri ini tidak ditekankan. Begitu juga per-

soalan Islam tidak terkemuka sebagai paling utama. Karya ini lebih kompleks dengan garis aksi yang samar kerana terlalu banyak kisah-kisah yang kelihatan seolah-olah tidak berhubungan antara satu sama lain. Untuk memahami secara menyeluruh mengenai *Sejarah Melayu* rumusan P.E. de Josselin de Jong di dalam rencananya, "The Character of the Malay Annals" dapat menolong:

I think we may conclude that the aim of the Annalist was not merely to draw up a court chronical. A more fundamental purpose was to vindicate claim to greatness: of the dynasty, the Benda-hara, and realm as a whole; and, most important, to provide a mythically based, a truly sacral, code of political conduct by which this greatness could be retained or restored.

(Josselin de Jong, 1964, hlm. 241).

Rumusan yang dibuat ini adalah lebih berdasarkan kepada bahan-bahan perbandingan dari luar teks, seperti andaian dari *Hikayat Raja-raja Pasai* dan unsur-unsur kebudayaan Nusantara serta nukilan-nukilan yang terdapat di istana-istana Melayu.

Dari meneliti *Sejarah Melayu* semata-mata rumusan yang sama memang dapat dibuat. Usaha menggariskan jurai keturunan raja Melayu yang amat jelas dibuktikan dengan melihat betapa terperincinya pengarang mencatat nama-nama keturunan raja Melayu daripada generasi Sang Sapurba lagi. Mereka di dalam jurai keturunan ini dapat secara sahihnya dihubungkan dengan raja-raja besar Melaka yang digambarkan mempunyai pengaruh peribadinya terhadap pegawai dan rakyat serta negeri-negeri luar. Bukan sahaja kebesaran ini ditekankan dari sudut fizikal atau pemerintahan semata-mata tetapi dari sudut kedaulatan yang juga berkaitan dengan kesucian keturunan raja-raja Melaka. *Sejarah Melayu* juga tidak melihat khusus terhadap satu-satu watak raja Melayu, tetapi dari pandangan satu rangkaian raja-raja yang sahih dengan bantuan bendahara-bendaharanya. Tiada satu watak pun yang khususnya istimewa tersendiri dan menentukan akan kehidupan Melaka.

Di samping itu Melaka bukan pula dilihat sebagai sebuah negeri terasing tetapi adalah negeri yang mempunyai jajahan takluk dan luas pengaruhnya. Takluknya terpaksa tunduk pada hukum pemerintahan sultan Melaka. Manakala negeri-negeri besar di sekitar daerah takluknya seperti Majapahit, negeri Keling, Siam dan China pun mengakui akan kedaulatan raja dan kekuatan Melaka.

Keseluruhan fakta di atas memperlihatkan dasar falsafah politik

yang berasaskan mitos yang suci sifatnya. Ini dirakamkan di dalam perjanjian yang dibuat di antara Sang Sapurba (asal keturunan raja Melayu yang berasal daripada Iskandar Zulkarnain) dan Demang Lebar Daun (asal keturunan bendahara yang mewakili rakyat) seperti di dalam keratan di bawah:

Sembah Demang Lebar Daun, "Akan segala anak cucu patik bersedia lah menjadi hamba ke bawah Duli Yang Dipertuan, dengan dipelihara maruahnya oleh anak cucu Duli Tuanku. Jika ia berdosa, walau besar dosanya sekalipun jangan difadhillahkan, dinista dengan kata-kata yang jahat. Jikalau besar dosanya ikut hukum syarak baru dibunuh."

Jawab Sang Sapurba, "Kabullah permintaan itu, tetapi dengan janji juga. Jangan sekali anak cucu bapa hamba derhaka pada anak cucu kita walau jahat dan zalim sekalipun."

"Begitulah, tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah." Diikat teguh oleh kerana megeka akan janji itu dan dipelihara sampai ke anak cucu. Barangsiapa mengubahkan janji dibalikkan Allah bumbungnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Jikalau raja memberi aib kepada hambanya alamat negeri akan binasa.

Sejauh manakah perjanjian ini pada hakikatnya suci dan bermakna dan oleh itu perlu dijunjung oleh kedua pihak? Pada dasarnya keseluruhan kisah-kisah di dalam sejarah memperlihatkan semangat persefahaman dan saling menghormati di antara raja dan rakyat. Faktor inilah yang menegakkan kegemilangan dan memperluaskan pengaruh Melaka. Peranan bendahara amat besar di dalam meningkatkan negeri Melaka dari negeri baharu yang menggantikan Singapura yang telah dialahkan oleh Majapahit menjadi sebuah pusat kerajaan Melayu yang berpengaruh di rantau ini. Beberapa buah negara jiran menjadi takluk dan menjunjung setia, manakala dari negeri Keling pula datang inisiatif menjadi ikatan kekeluargaan dan Siam, yang sentiasa cemburu atas kemunculan manama kuasa besar di rantau ini, kini terpaksa mendiamkan diri dan kemudian mengakui kebebasan raja. Begitu pula Majapahit dan China mengakui kesucian raja Melaka. Segala ini adalah dari berkat perhubungan yang erat di antara kedua raja dan bendahara sebagai wakil rakyat.

Selagi sumpah taat setia dan harga-menghargai dipegang oleh kedua-kedua pihak, selagi itu Melaka terus berdiri tegak. Sahnya

kontrak ini dibuktikan pada beberapa peristiwa. Pertama jatuhnya Singapura oleh kerana Raja Iskandar Syah mengaibkan Sang Rajuna Tapa dan Rajuna Tapa menjadi batu kerana derhakanya. Kedua, pembunuhan anak buah bendahara, Tun Besar oleh Raja Muhammad. Ketiga kejatuhan Melaka sendiri oleh derhakanya bendahara pada Sultan Mahmud dan zalimnya Sultan Mahmud terhadap rakyat baginda.

Kejatuhan Melaka di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah ini bukan semata-mata berlaku kerana faktor kebudayaan, iaitu masing-masing raja dan rakyat tidak lagi mempunyai rasa penghargaan dan kesetiaan, tetapi juga dari segi perhitungan disiplin dan keadaan sosial yang tidak lagi kukuh. Kekurangan disiplin dan meluasnya rasuah membawa kepada peringkat terfitnahnya bendahara dan sultan menjatuhkan hukuman bunuh ke atasnya. Ketika Melaka kehilangan bendahara yang bijaksana, Portugis mengambil kesempatan yang paling baik untuk menyerang Melaka. Sultan Mahmud lari ke Pahang, Johor dan akhirnya membuat negeri di Bentan. Itu pun diserang oleh Portugis. Di dalam mengakhirkan cerita ini pengarang *Sejarah Melayu* tidak lupa meninggalkan satu pengajaran yang pahit:

Sultan Mahmud, raja perempuan dan putera baginda Sultan Alauddin menyusur kaki gunung Bentan. Apabila baginda lapar disuruhnya Seri Nara Diraja mencari nasi.

Maka berkata Seri Nara Diraja kepada Seri Wak Raja, sultan itulah yang membunuh bapa-bapa mereka, dan kepada raja itulah pula mereka curahkan khidmat mereka. Mendengar demikian berasa sesal sultan akan laku baginda yang sudah-sudah. Akhirnya Seri Wak Raja dapat merampas nasi dan lauk daripada tiga orang perempuan, dan dipersembahkan kepada sultan.

Jika *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* diperbandingkan, jelas yang kedua-dua cerita berkembang berdasarkan kepada falsafah budaya masyarakat atau oleh Jong disebut *political ethic*. (Lihat Josselin de Jong, hlm. 237). Sungguhpun demikian faktor-faktor utama yang menentukan kejadian adalah berbeza. *Hikayat Raja-raja Pasai* menekankan peranan wasiat di dalam mengukuhkan atau merantuhkan kerajaan Islam itu. Di dalam *Sejarah Melayu* walaupun wasiat wujud tetapi peranannya tidak utama. Sebaliknya perjanjianlah merupakan faktor menentukan kekuatan atau keharusan Melaka.

4. Kekreatifan Pengarang-pengarang

Kajian yang lebih teliti dapat menjelaskan tentang adanya unsur-unsur yang khas atau istimewa yang menyarankan tentang kebijaksanaan kreatif masing-masing pengarang. Ini dapat didekati dengan cara meneliti persamaan dan perbezaan yang dinampakkan pada beberapa kisah yang seakan-akan serupa. Kisah-kisah itu adalah; pertama, pengislaman Merah Silu, kedua, perkahwinan Merah Silu dengan anak gundik raja Perlak dan ketiga, serangan Siam terhadap Pasai.

Hikayat Raja-raja Pasai menerangkan Pasailah negeri pertama yang diislamkan di bawah angin ini. Merah Silu diislamkan oleh Nabi manakala rakyat oleh Syeikh dari Mekah. *Sejarah Melayu* menyatakan sebelum Syeikh Ismail tiba ke Pasai dan mengislamkan Merah Silu yang sedang mencari karang di pantai, beberapa buah negeri seperti Fansuri dan Haru telah Islam. Hanya di malam harinya baharu Nabi Muhammad menjelma di dalam mimpi Merah Silu. Perhatikan juga ada episod pengislaman raja Kecil Besar, raja Melaka, oleh Nabi sendiri di ketika mimpinya di dalam *Sejarah Melayu*.

Hikayat Raja-raja Pasai menceritakan anak gundik raja Perlak yang baik kelakuannya dibiasi dengan indah-indah dan didirikan di atas peterakna yang tertinggi di kalangan anak-anaknya sendiri. Diterangkan seikhlasnya siapa sebenar yang di atas sekali kepada utusan Merah Silu. Perihal ini dibawa pulang ke pengetahuan Merah Silu dan dilihat reaksinya dan Merah Silu bersetuju mengambilnya. Lain pula gambarannya di dalam *Sejarah Melayu*. Dikatakannya yang Puteri Ganggang itu sengaja diletakkan paling atas dan raja Perlak ketawa apabila ketua rombongan mengambilnya.

Hikayat Raja-raja Pasai menceritakan Siam datang menyerang Pasai dan Pasai berlawan hampir alah. Hanya setelah raja Maliku'l-Mahmud turun menyertai perang, Siam alah. *Sejarah Melayu* menceritakan raja Samudera telah ditawan oleh askar Siam yang keluar dari peta hadiah rombongan Siam dan dibawa pulang ke Siam dijadikan pengembala ayam. Mangkubumi Sidi Ali Ghiatu'd-Din telah menyelamatkan rajanya dengan menyamar sebagai seorang saudagar Arab dan meminta raja Samudera sebagai tukaran hadiah besar yang telah dianugerahkan kepada raja Siam itu.

A. Teeuw di dalam makalahnya "*Hikayat Raja-raja Pasai dan Sejarah Melayu*", (Lihat, John Bastin & R. Roolvink, 1964), telah

cuba meneliti masalah persamaan dan perbezaan yang terlihat di dalam dua teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai*. Seperti kebiasaan orientalis, Teeuw mencari bahan-bahan di luar kedua-dua teks bagi mendapatkan jawapan kepada perkara yang menarik ini. Sungguhpun usaha beliau itu dipandang bermakna, istimewa apabila antara lainnya dikatakan masing-masing teks lahir untuk kegunaan khusus istana-istana yang menciptanya, namun huraian yang nyata tentang unsur-unsur kesusasteraan di dalam teks itu sendiri sedikit sekali dititikberatkan. Ini berlaku kerana kecenderungan yang utama masih berbentuk sejarah, bukan kesusasteraan. Huraian berikut ditujukan bagi memperlihatkan kedudukan bahagian-bahagian teks ini di dalam konteks binaan karya-karya tertentu.

Jika dikaji kedua-dua teks itu secara teliti, dapat dilihat keistimewaan masing-masing teks itu dari segi penekanannya. Penekanan pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai* adalah di dalam pengislaman raja Pasai dan kebenaran nilai-nilai moral Islam yang murni itu. Walaupun *Hikayat Raja-raja Pasai* kecil dari segi bentuknya tetapi ia dapat merangkumi idea mengenai kemurnian pengajaran Islam dan hubungannya dengan kestabilan kerajaan. *Sejarah Melayu* mengambil perhatian yang jauh lebih konkret kepada falsafah kebudayaan tempatan dan pandangan tinggi terhadap kerajaan Melayu Melaka di dalam konteks politik di daerah ini. Falsafah budaya ini adalah keteguhan melalui persefahaman dan hormat-menghormati di antara raja dan rakyat. Berdasarkan falsafah inilah Melaka dapat berdiri tegak berdaulat dan berpengaruh mengatasi seluruh wilayah di Nusantara dan disegani oleh negara-negara besar yang lain.

Telah dinyatakan di awal makalah bahawa *Hikayat Raja-raja Pasai* tidak lain adalah keistimewaan Pasai sebagai sebuah negeri yang pertama menerima Islam di kawasan ini. Jadi tidaklah menghairankan mengapa diceritakan Nabilah yang mengislamkan Merah Silu di dalam mimpinya. Dan bagi menekankan tingginya martabat raja maka raja dan rakyat menerima pengislaman di dalam cara yang berbeza, raja oleh Nabi dan rakyat melalui Sycikh. Berbeza halnya di dalam *Sejarah Melayu* yang khusus menekankan kedudukan istimewa Melaka sebagai negeri yang utama, terkuat dan terpengaruh di rantau ini. Tidak dapat tidak apa jua gambaran yang menguntungkan kedudukan negeri-negeri lain akan melemahkan imejnya. Oleh yang demikian wajarlah ada perbezaan di dalam pengislaman Raja Kecil Besar dengan pengislaman Merah Silu di dalam teks *Sejarah Melayu* itu. Raja Kecil.Besar kelihatan lebih

tinggi martabat dan kesuciannya apabila diceritakan yang Raja Kecil diislamkan oleh Nabi sendiri manakala Merah Silu diislamkan oleh faqir.

Keterangan di atas tidak bermakna bahawa pengarang *Sejarah Melayu* menekankan persoalan Islam mengatasi pandangan terhadap Islam oleh pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai*. Pengarang *Sejarah Melayu* hanya menggunakan kemungkinan yang sebaik-baiknya yang boleh dilakukan daripada unsur-unsur mitos yang terkumpul di dalam kebudayaan Melayu untuk meletakkan kedudukan Melaka lebih tinggi daripada rakan sedaerahnya. Ini terbukti dengan percubaan pengarang merendah-rendahkan perihal perjodohan antara Sultan Maliku's-Salleh dengan anak gahara. Nyata di dalam *Sejarah Melayu* betapa tertipunya Sidi Ali Ghiathu'd-Din apabila berkenan mengambil gadis yang terletak paling atas sekali, tanpa mengetahui yang Puteri Ganggang ini adalah seorang anak gundik. Unsur mempersendakan Maliku's-Salleh ini ketara apabila pengarang memperlihatkan reaksi tersebut:

Tetapi Sidi Ali Ghiathu'd-Din tiada tahu akan Puteri Ganggang itu anak gundik raja Perlak. Maka raja Perlak pun tertawa gelak-gelak, seraya katanya, "Baiklah, yang mana kehendak anakku."

(*Sejarah Melayu*, 1977, hlm. 42)

Tetapi soal kedudukan taraf tidak sekali-kali menjadi persoalan bagi pengarang *Hikayat Raja-raja Pasai*. Malah penerimaan ini amat nyata dilukiskan:

Maka apabila sampailah ke Samudera dipersembahkan orang kepada baginda, demikian bunyinya, "Ya Tuanku Syah Alam sungguhnya ada anak raja Perlak itu tiga bersaudara, ada yang seorang itu anak gundik baginda tetapi pada patik sekalian penglihat patik yang diperhamba yang terbaik rupanya itu anak gundik itu juga yang amat manis segala keleluannya lagi dengan muhtasyimnya syahadan kedudukannya pun tertinggi rupanya martabatnya daripada saudaranya yang kedua itu."

Maka setelah sudah habis dipersembahkan oleh orang yang melihat itu, maka disuruh Sultan Maliku's-Salleh panggil ahlu'u-nujum. Maka datanglah segala ahlu'u-nujum itu. Maka titah sultan, "Hai ahlu'u-nujum lihat apalah oleh tuantuan sekalian dalam nujum kamu akan anak raja Perlak pun itu, yang mana baik kita ambil." Maka segala ahlu'u-nujum

pun melihat nujumnya dan membilang-bilang ramalnya lalu ia menggerakkan kepalanya lalu ia berdatang sembah segala ahlu'u-nujum itu, maka sembahnya "Ya Tuanku Syah Alam, jikalau tuan puteri yang duduk tinggi pada martabatnya itu ambil Syah Alam, nescaya datang kepada anak cucu Syah Alam kerajaan tiada lagi berkeputusan terlalu sekali berbahagia."

(A.H. Hill, hlm. 60-61)

Corak pemikiran yang demikian juga dapat menerangkan perbezaan yang terlihat bethubungan dengan serangan Siam terhadap Pasai. Bagi pengarang *Hikyat Raja-raja Pasai* tidak terfikir bahawa negeri Pasai yang berdaulat dapat dialahkan oleh Siam. Di samping itu kedaulatan raja perlu diketengahkan dan di sini tiba waktunya untuk memperlihatkan ketokohan dan kedaulatannya:

Maka pada keesokan harinya Tun Aria Jong pula akan panglimanya, maka peranglah kedua pihak lasykar itu, maka patahlah perang Tun Aria Jong lalu masuklah ke dalam kotanya, maka pada keesokan harinya, maka Sultan Maliku'l-Mahmud terlalu marah melihat hal yang demikian itu.

Maka sultan pun menyuruh menghimpunkan segala rakyat besar kecil; hingga dapat memegang senjata masing-masing dengan senjatanya. Maka sultan pun keluarlah sendirinya pergi mendatangi Talak Sembang, maka ia pun keluarlah dari dalam kotanya berdiri di medan bersaf-saf, maka berhadapanlah kedua pihak lasykar itu. Maka peranglah mereka itu terlalu ramai gegak-gempita ketam-kabut duai berterbangan ke udara, tiadalah berkenalan segala manusia dan bunyi tempik segala hulubulang dan segala rakyat juga yang kedengaran dan gemerencang bunyi segala senjata bahaninya datang ke tengah rimba. Maka daripada sangat daripada perang itu jadi gempitalah, maka daripada kedua pihak lasykar itu banyaklah mati dan luka.

Bermula panglimanya yang bernama Talak Sembang kena panah dadanya terus ke belakangnya lalu matilah ia. Maka sorak orang Pasai pun gemurnih seperti tagar, kemudian dari itu, maka patahlah perang rakyat Siam itu lalu lari membuang belakang cerai-berai tiada berketauan, yang lari ke darat habis dibunuh oleh orang Pasai dan yang lepas ke laut itu lalu naik ia ke perahuanya lalu ia belayar pulang menuju negeri Siam.

(A.H. Hill, hlm. 68).

Tidak demikian pula halnya di dalam *Sejarah Melayu* yang digubah oleh pengarang yang penuh terlibat di dalam meletakkan Melaka sebagai negeri tertinggi di kawasan ini. Baginya Pasai dipandang tidak lebih daripada negeri biasa yang boleh diancam oleh satu kuasa besar seperti Siam dan rajanya dipandang tidak sedaualat raja Melaka dan oleh demikian dapat ditawan oleh Siam dan diaibkan kedudukannya. Kemudian perlu pula diingat bahawa penulis *Sejarah Melayu* adalah daripada keluarga bendahara yang nyata menekankan secara sungguh-sungguh akan kebijaksanaan bendahara dan orang besar di dalam mentadbirkan Melaka. Dengan mempunyai rasa tinggi diri demikian maka tidak hairanlah untuk pengarang *Sejarah Melayu* memberikan kebijaksanaan kepada orang besar sultan Pasai itu.

5. Kesimpulan

Tiga contoh yang besar diambil daripada kedudukan peristiwa-peristiwa di dalam konteks masing-masing teks *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*, cukup untuk meyakinkan bagaimana bahan-bahan yang sama atau serupa dapat digunakan bagi tujuan memenuhi kehendak teks-teks tertentu. Jika dilihat dari sudut daya kreatif penulisan karya sastera, tidak dapat tidak fakta ini menjelaskan yang setiap pengarang lama Melayu mempunyai kesedaran yang nyata di dalam mengutip bahan-bahan daripada kumpulan motif-motif yang sedia ada di dalam kebudayaan atau kesusasteraananya. Bahan-bahan ini digunakan di dalam usaha memenuhi tujuan mengapa hasil itu dicipta.

Keupayaan kreatif penulis-penulis Melayu seperti inilah yang jarang dapat disingkap oleh orientalis apabila berbicara tentang hasil-hasil karya Melayu lama kita. Kecenderungan mereka untuk lebih menekankan faktor sejarah, istimewa apabila melihat karya bercorak sejarah, mengakibatkan terketepinya faktor kreatif ini. Analisa yang bercorak struktural boleh menolong seseorang mengenali teks Melayu secara dekat, menghayati akan binaan dan keistimewaannya di dalam zaman-zaman tertentu perkembangan kebudayaan Melayu. Ke jurusan inilah seharusnya pengkaji sastera Melayu klasik harus menunjukkan perhatiannya.

BAB 7

HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA

1. Pendahuluan

DI ANTARA naskhab-naskhab tradisi ciptaan penulis tempatan, *Hikayat Merong Mahawangsa* kurang sekali diperkatakan. Barangkali hikayat yang meriwayatkan salasilah negeri Kedah ini cenderung dianggap sebagai mendekati dongeng, kerana pada permukaannya penuh dengan kisah-kisah di luar kehidupan manusia biasa jika dibandingkan dengan *Sejarah Melayu* yang terkemuka itu. Memang kelihatannya bahan-bahan yang membina hikayat ini terdiri dari-pada legenda-legenda yang sukar diterima oleh akal manusia seperti perihal burung geroda dan makhluk ghaib seperti iblis. Mungkin juga karya bercorak sejarah ini adalah mengenai satu pemerintahan kecil yang tidak setinggi kedudukan Melaka atau Pasai yang mempunyai peninggalan sejarah yang lebih mengesankan.

Sungguhpun demikian, penilaian yang dekat mengenai *Hikayat Merong Mahawangsa*, iaitu keistimewaannya sebagai sebuah karya sastera amat diperlukan. Dari sudut penjenisan amat mudah dilakukan. Oleh kerana ia jelas berusaha mengisahkan asal mula negeri dan raja-rajanya, memperjelaskan tentang adat istiadat raja-raja di istana Kedah. Hikayat ini dapat digolongkan sebagai karya bercorak sejarah. Dipandang dari sudut isinya secara halus terdapat pula 'makna sastera' yang lain, di dalam karya ini.

2. Sinopsis

Hikayat Merong Mahawangsa meriwayatkan tentang permulaan Kedah hingga ia diislamkan. Kedah mula dibuka oleh Raja

Merong Mahawangsa, seorang raja gergasi dari Rom yang telah dititahkan oleh raja Rom untuk menghantarkan puteranya ke China supaya dapat dikahwinkan dengan puteri China. Ketika raja yang perkasa ini tiba di perairan Langkapuri datang burung geroda menyerang angkatan Merong Mahawangsa. Sebelum itu, geroda telah menghadap Nabi Allah Sulaiman mengkhabarkan niatnya untuk menghalang rancangan perkahwinan putera Rom dan puteri raja China. Nabi Allah Sulaiman mengingatkan burung geroda, jodoh kedua anak raja itu berada di tangan Allah, dan jika lau telah tetap demikian tiada siapa dapat mengubahnya. Burung geroda masih berkeyakinan yang ia dapat menceraikan kedua mereka dan sanggup mengikuti perintah Nabi Sulaiman untuk keluar dari dunia manusia sekiranya ia gagal. Burung geroda segera bertindak dengan terbang ke negeri China dan menyambar puteri raja China berserta pengasuhnya. Mereka ini dibawa tinggal di Langkapuri. Setelah itu ia menunggu angkatan dari Rom.

Pertentangan di antara burung geroda, yang sungguh-sungguh mahu melihat putera raja Rom musnah, dengan Merong Mahawangsa yang diamanahkan untuk menjaga putera raja Rom itu berlaku dengan hebatnya. Burung geroda memperlihatkan kekuatan dan ketangkasannya semula jadinya. Manakala Merong Mahawangsa memperlihatkan kecekapan dan kesaktian senjatanya. Perlawanan yang amat dramatik ini berlangsung beberapa hari, tetapi Merong Mahawangsa masih dapat menangkis serangan burung geroda. Hingga selang beberapa hari tidak kelihatan burung geroda itu keluar lagi. Pada hemat Merong Mahawangsa tiadalah lagi burung geroda itu menyerang angkatannya. Ia pun mengambil tindakan singgah ke Pulau Salang untuk mengambil kayu api dan air dan meninggalkan kapal putera raja Rom dan pengiringnya belayar ke laut. Pada masa itulah, burung geroda yang mengintip menanti kesempatan terbaik datang menyambar semua kapal-kapal hingga hancur kesemuanya. Usaha telah dicari untuk mengesan putera raja Rom tetapi akhirnya gagal. Setelah itu Merong Mahawangsa pun membuka negeri diberi nama Langkasuka.

Akan anak raja Rom itu sebenarnya masih hidup, terapung di dalam laut dengan bertahan hanya pada sekeping papan dan akhirnya terdampar di pantai Langkapuri. Oleh kerana lama di laut badannya menjadi kurus dan penuh dengan kepang dan teritip. Tuan puteri China memelihara putera itu, jauh dari pengetahuan burung geroda. Dan burung geroda, yakin akan kejayaannya, pergi menghadap

Nabi Sulaiman menceritakan segala tindakannya menghalang perkahwinan putera puteri berdua itu. Alangkah terkejutnya ia, apabila jin Nabi Sulaiman membawa kedua putera puteri itu ke hadapannya sebagai bukti membenarkan kuasa Allah mengatasi segala usaha makhluknya yang lain. Dengan itu burung geroda pun diperintahkan keluar dari bumi dan langit yang dapat dilihat oleh manusia.

Akan Raja Merong Mahawangsa yang telah membuka Langkasuka dan kemudiannya menemui utusan dari raja Rom tentang ranangan meneruskan perkahwinan puteranya, mengambil keputusan pulang ke Rom. Sebelum itu ia merajakan anaknya Merong Mahapudisat sebagai raja Langkasuka yang diberi nama baru iaitu Kedah Zamin Turan. Raja Merong Mahapudisat inilah yang membentuk asas negeri-negeri Perak, Siam dan Patani. Raja Mahapudisat digantikan oleh Raja Seri Mahawangsa. Raja Seri Mahawangsa ini di samping amat sibuk dengan membina kota, gemar juga membuat pohon bunga dari emas. Setelah siap bunga emas dan perak ini beliau pun mengutusnya ke Siam sebagai hadiah kepada anak saudaranya raja Siam. Raja Seri Mahawangsa meninggal kerana sakit teramat kesal hatinya terhadap anaknya yang beristerikan anak gergasi walaupun amat dilarang olehnya. Raja Seri Maha Inderawangsa yang menggantikan kerajaan itu memperoleh anak bernama Raja Ong Maha Perita Deria.

Raja Ong Maha Perita Deria yang amat kasar dan bengis menaiki takhta kerajaan, kemudiannya lebih terkenal dengan gelaran Raja Bersiung. Ini kerana di mulut beliau tumbuh semacam taring. Bagaimana boleh tumbuh siung itu tidaklah diketahui, tetapi barangkali kerana ia gemar makan gulai lecek yang bertumis daripada sejak muda-muda lagi. Kekasaran beliau meningkat hingga gemar kepada memakan darah manusia. Keinginan ini timbul setelah ia dapati amat sedap rasa santapan yang terkena darah geraunya. Sejak itu ia memerintahkan supaya diambil darah rakyatnya yang disula. Malah sampai kepada peringkat mengambil hatihatinya sekali untuk digulai.

Kezaliman Raja Bersiung didengar oleh seorang Seri Gunung Ledang bernama Kampar. Ia datang mencabar agar keganasan itu dikenakan ke atasnya. Raja Bersiung amat marah lalu melawan akan Kampar. Tetapi Kampar amat tangkas dan dapat mengelakkan daripada serangan-serangan Raja Bersiung. Tambahan pula Kampar mempunyai ilmu sakti yang membolehkannya menukar diri menjadi binatang seperti babi dan tedung yang tidak boleh

dimakan oleh senjata. Haru-birulah keadaan di istana dengan begitu ramai orang menyerang binatang samaran itu, hingga hal harimau binatang terakhir itu keluar meninggalkan istana. Setelah itu menteri keempat mencari Raja Bersiung dan didapati ia bersembunyi telanjang bogel di balik kayu.

Bimbang akan nasib rakyat jelata negeri Kedah, menteri keempat menghadap Raja Bersiung menasihatkan agar ia berhenti dari pada kezalimannya itu. Nasihat ini enggan didengar oleh Raja Bersiung, malah menekankan ia akan terus dengan pekertinya, hingga kepada rakyat yang terakhir sekalipun.

Jawapan sedemikian amat mendukacitakan menteri keempat lalu memberi kata duta yang mereka akan memusuhi dan menyerang Raja Bersiung. Raja Bersiung, menerima cabaran itu, lalu mengarah segala bentara di istana untuk bersiap menghadapi akan serangan menteri keempat. Sementara itu menteri keempat telah muafakat dengan raja perempuan yang amat bersimpati dengan rakyat supaya soldadu di istana jangan membedil dengan peluru kerana takut menceederakan rakyat. Tambahan pula maksud mereka hanyalah untuk menentang Raja Bersiung semata-mata. Setelah muafakat, berlakulah perperangan di antara kedua belah pihak. Raja Bersiung menjadi panik lalu lari dari istana dan terus diburu oleh rakyat jelata.

Raja Bersiung sebenarnya bersembunyi di sebuah huma dan menjalankan kerja huma. Di situ juga ia bersekedudukan dengan anak dara tuan huma itu hingga beroleh anak laki-laki yang elok parasnya. Akan perihal adanya Raja Bersiung di situ diketahui orang juga lalu mereka bertindak mengejarnya sekali lagi. Raja Bersiung menyelamatkan dirinya ke dalam rumpun buluh betung dan di situlah ia hilang. Jadi Kedah tiadalah beraja. Atas nasihat raja Siam, gajah Gemala Johari telah digunakan bagi mencari seorang raja baru. Gajah sakti itu telah memilih anak Raja Bersiung yang di huma itu untuk menjadi raja.

Sementara itu seorang raja bernama Kelana Hitam dari Pulau Ayer Tawas berhajat mengisi tempat kosong yang ditinggalkan oleh Raja Bersiung itu. Atas nasihat Maharaja Darul Salam, ia pun bersetuju untuk mengarah segala rakyatnya menyerang Kedah. Di waktu yang sama pula raja Benua Siam telah mengarahkan Menteri Kelaham membawa utusan ke Kedah bagi menerangkan perihal pertabalan raja negeri Kedah. Maka kedua-dua bala tentera itu bertemu dan berperang di antara satu sama lain. Setelah beberapa

lama berperang alahlah pihak Raja Kelana Hitam.

Anak Raja Bersium, Raja Phra Ong Mahapudisat pun dirajakan dengan segala istiadat kebesaran. Pemerintahan beliau amat baik dan perhubungan dengan negeri Siam sentiasa erat. Baginda beroleh seorang anak laki-laki diberi nama Raja Phra Ong Mahawangsa. Baginda amat kasih akan semaihan buluh betung. Dari buluh betung itulah keluar seorang anak lelaki dan diberi nama **Raja Buluh Betung**. Raja Perempuan pula menjumpai anak dari buih diberi nama Seluang. Setelah kedua Raja Buluh Betung dan Seluang besar, lalu dikahwinkan. Begitu juga di antara Phra Ong Mahawangsa dengan seorang puteri raja yang baik-baik.

Setelah menteri keempat meninggal masyhullah Raja Phra Ong Mahapudisat. Baginda bertindak merajakan anaknya Raja Phra Ong Mahawangsa menjadi raja bagi negeri Kedah. Tiada berapa lama kemudian baginda pun mangkat. Akan Raja Phra Ong Mahawangsa itu sangat gemar minum arak api dan arak nasi untuk menjadikan tubuhnya sihat. Bertempayan banyaknya air arak disediakan untuknya supaya tidak putus. Setiap pagi dimulakan dengan meminum arak. Walaupun demikian tidaklah ia khayal dan hilang akal kerananya.

Diceritakan pula bahawa di Baghdad tinggal seorang guru agama yang mulia bernama Syeikh Abdullah Baghdad. Ramai orang berguru dengannya termasuklah seorang dari Mekah bernama Syeikh Abdullah Yamani. Syeikh Abdullah berkeinginan mempelajari segala ilmu iblis. Gurunya mengingatkan bahayanya usaha demikian kerana ditakuti rosak dirinya oleh tarikan iblis. Berkeras juga ia hendak mencari pengetahuan mengenai dunia iblis itu, maka kehendaknya diperkenankan. Dengan petunjuk daripada Syeikh Baghdad dapatlah ia bertemu dengan penghulu iblis yang meminta ia memegang tongkatnya dan dilarang menegur apa perbuatan yang dilakukannya.

Syeikh Abdullah Yamani dapatlah melihat segala tipu daya penghulu iblis. Dilihatnya bagaimana penghulu iblis menggalakkan seisi kampung bergaduh sesama sendiri, kemudian dendki-mendeki dan seterusnya. Iblis juga menggunakan kecantikan tubuh wanita dan nafsu bagi berlaku maksiat dan pergaduhan. Ditunjukkan juga kisah perkelahian dari sebab berjudi yang menghabiskan harta isteri dan yang membawa kepada bergadai. Iblis juga memasukkan jarum jahatnya di dalam perhubungan jual beli yang boleh mengakibatkan pergaduhan dan pembunuhan. Hasutan iblis ber-

laku juga ke atas sekumpulan pencuri. Oleh rasa tamak, mereka bergaduh di dalam menentukan bahagian barang yang dicurinya. Demikian seterusnya pekerjaan penghulu iblis ini, tidak reda dari menghasut dan menggalakkkan pergaduhan dan pembunuhan. Tidak pula ia memilih daripada kalangan orang-orang jahat sahaja tetapi termasuk juga orang seperti kadi dan fakir, habis digoda olehnya.

Akhirnya sampailah penghulu iblis dan Syeikh Abdullah Yamani di istana Phra Ong Mahawangsa. Ketika itu Phra Ong Mahawangsa baharu bangkit dari tidurnya dan seperti kebiasaan-nya menuang arak ke dalam gelasnya. Akan iblis dikencingkan ke dalam piala itu. Raja Phra Ong Mahawangsa meneguk air di dalam piala itu. Syeikh Abdullah tidak dapat menahan sabarnya lalu menyatakan perbuatannya yang hina itu terhadap seorang raja besar. Penghulu iblis menjadi marah pula kerana Syeikh Abdullah mungkir di dalam mematuhi akan janjinya di awal perjalanan. Batal sudah hikmat tersembunyinya ia dari mata kasar.

Syeikh Abdullah Yamani berhadapan dengan Raja Phra Ong Mahawangsa. Kepada raja itu diberitahu tentang perbuatan iblis kencing di dalam piala araknya itu dan juga tentang syiar Islam. Raja Phra Ong Mahawangsa kemudian berkenan meninggalkan agama menyembah berhalanya dan menganut agama Islam dengan gelaran Sultan Mudzalfal Syah. Kemudian daripada itu menteri-menteri menjadi Islam dan seterusnya rakyat jelata. Syeikh Abdullah memperoleh kebenaran meruntuhkan segala berhala dan mendirikan masjid dan jemaah. Beliau, seterusnya mengajar isi al-Quran dan kitab-kitab kepada raja, orang-orang besar dan rakyat. Bertambah makmur dan besarlah Kedah dengan pemerintahan yang adil dan bijaksana.

3. Aspek Sejarah

Dapat dilihat daripada sinopsis di atas *Hikayat Merong Mahawangsa* itu adalah terbina daripada pelbagai legenda dan unsur-unsur mitos. Sedikit sekali terdapat unsur-unsur yang benar-benar konkrit atau bersifat sejarah, baik daripada jangka masa, latar, kewajaran peristiwa dan perwatakan raja-raja. Unsur-unsur dongeng yang menyelubungi karya ini hingga hampir membenarkan tanggapan fiksyen mengenainya. Sekiranya tidak ada pembukaan Kedah, asal usul raja dan warisannya, *Hikayat Merong Maha-*

wangsa ini sukar untuk diterima sebagai tertulis berdasarkan kepada jurai keturunan raja-raja Kedah. Begitu juga mengenai adat istiadat diraja, kecuali dengan adanya institusi bunga emas dan menteri keempat, sukar untuk menerima tujuan pengarang menentukan "Peri peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali supaya boleh diketahui oleh segala anak cucu kita kemudian kita ini serta dengan sejarahnya" itu telah berjaya. Walaupun demikian elok kita melihat karya ini dari sudut sastera.

4. *Hikayat Merong Mahawangsa* Sebagai Sebuah Karya Sastera

Hikayat Merong Mahawangsa sebagai sebuah teks sastera sejarah tidak memperlihatkan satu jalan cerita yang mudah, dengan bahagian-bahagian permulaan perkembangan dan resolusi yang nyata garisannya. Ia terlalu jauh berbeza daripada bentuk roman dan tidak pula serupa dengan *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah Melayu*. Manakala *Hikayat Raja-raja Pasai* dapat disoroti atas dasar pengislaman Pasai dengan wasiat sebagai kunci bagi pemahaman seluruh peristiwa, *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak menekankan soal pengislaman rajanya. Pengislaman ini merupakan satu episod kecil yang terletak di akhir cerita. Bukan pula ia mengambil tema *Sejarah Melayu* yang menekankan akan keagungan, kedaulatan dan kebesaran kerajaan Melaka, kerana Kedah bukan merupakan satu kerajaan yang besar dan tidak pula ada raja yang mengemukakan gagasan ini.

Jalan bagi mengenali tujuan pengarang menulis *Hikayat Merong Mahawangsa* dan memahami tema teks ini adalah dengan mempertimbangkan suasana yang terbina oleh hikayat ini. Membaca teks ini dari awal hingga akhir, dapat dengan mudah dirasakan suasana mengenai perjalanan hidup yang penuh dengan persengketaan dan kedujuan makhluk Allah di zaman silam yang berlaku di alam nyata dan alam ghaib. Segala peristiwa yang tragik dan ngeri, yang berbentuk tamsilan dan penuh pengajaran ini bukan serupa dengan khayalan penglipur-penglipur lara, tetapi sebaliknya terbina oleh satu keinginan memperjelaskan rahsia alam makhluk.

Persengketaan pertama adalah berhubung dengan tindakan burung geroda menghindar berlakunya perkahwinan yang direncanakan oleh raja Rom di antara puteranya dan puteri raja China. Walaupun telah dinasihatkan oleh Nabi Sulaiman bahawa penentuan jodoh itu adalah hak Allah semata-mata, burung geroda terus

berkeras untuk menghalang perkahwinan di antara putera raja Rom dengan puteri raja China. Sedaya upaya geroda menghalang pelayaran Merong Mahawangsa, raja keturunan gergasi yang diperintah untuk mengetuai rombongan ke China itu. Pertarungan yang amat hebat berlaku di laut di antara Merong Mahawangsa dan burung geroda itu harus dilihat sebagai perlawanan di antara cita-cita kebajikan dengan percubaan menggagalkan jalan kebajikan. Kelalaian Merong Mahawangsa, juga tipu daya anasir pemusnah yang licin tergambar daripada kecerdasan geroda mendiamkan diri dan akhirnya dapat memusnahkan bahtera putera raja Rom.

Dengan kata lain telah berlaku satu perjuangan antara baik dan jahat. Pada peringkat awal kejahatan telah menang melawan kebaikan. Tetapi kekuasaan Allah mengatasi segala-galanya, dan pertolongan yang diberikan amat tersembunyi hingga geroda tidak dapat menjelaki akan kehadiran anak raja Rom yang berada di dalam daerah kekuasaannya. Tafsiran terhadap kekalahan sebenar geroda dikemukakan secara langsung di dalam bentuk rumusan yang diberikan oleh Nabi Sulaiman, iaitu perjodohan, hidup, mati dan rezeki itu semuanya terletak di tangan Allah.

Huraian di atas scolah-solah sengaja dicari-cari di dalam membincarkan masalah yang sebenarnya mudah. Dilihat dari sudut pembahagian cerita, memanglah bahagian ini sebagai permulaan bagi satu rentetan peristiwa pembukaan negeri Kedah. Tetapi soalnya mengapa kisah burung geroda yang penuh dramatik, daripada begitu banyak peristiwa-peristiwa khayal dari stok cerita popular rakyat tradisi, yang dipilih oleh pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa*? Sengaja cerita ini dipilih untuk memperturunkan beberapa hal:

1. Pengajaran tentang hakikat hidup, iaitu di sebalik wujudnya kegagahan makhluk Allah di dunia ini, yang pada mata kasarnya dapat menentukan peristiwa di dunia nyata ini, dia tidak dapat berbuat sesuatu, kecuali atas kehendak Allah semata-mata.
2. Ada beberapa hukum Allah yang paling nyata buat perhatian makhluk-Nya, iaitu rezeki, maut, jodoh pertemuan dan penceraian yang semuanya adalah ditentukan oleh Allah semata-mata, tiada siapa yang dapat ingkar akan ketentuan-Nya.
3. Kesan tragedi yang ditimbulkan oleh konflik di antara kebajikan dengan kebatilan (cita-cita mendirikan perkahwinan

dengan cita-cita geroda menghalang perkahwinan) amat terasa sekali ditinggalkan di dalam bahagian awal hikayat ini.

Perihal kesan dramatik dan hebatnya pertarungan inilah yang menarik sekali. Kebaikan lawan kejahanan merupakan satu motif yang amat biasa di dalam kesusasteraan tradisi Melayu. Di dalam banyak pertarungan seumpama ini kebijakanlah yang digambarkan akhirnya menang. Demikianlah pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* memperoleh anggapan terhadap dunia yang lampau iaitu sebelum lahirnya Kedah. Aspirasi pengarang kelihatannya lebih jauh daripada itu, iaitu cuba membina satu generalisasi tentang latar belakang kehidupan yang wujud di Kedah di satu zaman tertentu.

Aliran fikiran pengarang ini dapat dengan mudah dirasakan dengan berulangnya motif kebaikan lawan kejahanan yang telah timbul di bahagian awal hikayat ini. Adapun yang berkaitan dengan Raja Bersiung adalah perulangan motif yang sama tetapi di dalam latar yang berbeza. Kini kejahanan berlaku setelah Kedah terbuka dengan asas pemerintahan yang sudah pun terbina, iaitu dengan istana dan kota, dengan menteri keempat, permaisuri dan negeri-negeri pancarannya seperti Perak, Siam dan Patani.

Kisah Raja Bersiung ini seperti juga kisah burung geroda, tidak berdasarkan kepada kenyataan. Sungguhpun demikian ia mempunyai fungsi yang jelas, baik dipandang daripada tamsilannya ataupun dari sudut binaan cerita. Kisah yang diambil dari Jataka itu mudah dianggap sebagai satu alegori yang berperanan menyembunyikan hasrat pengarang mengkritik akan kezaliman raja tertentu di dalam jurai keturunan raja-raja Kedah. Kesannya lebih mendalam daripada kisah meminang Puteri Gunung Ledang di dalam *Sejarah Melayu*. Raja Ong Maha Perita Deria dikatakan sebagai zalim dan penganiaya. Tingkat kezaliman ini dikemukakan dengan gambaran tamsilan tumbuhnya siung dan gemarnya dia kepada darah dan hati hambanya.

Suatu hal yang menarik dari episod di atas adalah gejala-gejala memperkecilkan atau merendahkan kedudukan dan sifat raja yang sedemikian itu. Pertama dia datang dari Kampar, seorang dari Seri Gunung Ledang. Kampar bukan seorang yang mulia hatinya, sebaliknya sama jahat lakunya. Pertemuan ini tepat memenuhi erti 'penumbuk bertemu ruas'. Dan tidak kurang pula gejala jahat itu

meninggalkan sindiran, seperti katanya apabila berhadapan dengan Raja Bersiung.

"Hai Raja Bersiung gilakah hendak membunuh orang tiada dengan periksa sungguhpun memakan hati darah orang, lepas-kanlah ikatan aku ini serta aku tiada dengan senjata ini adakah boleh aku melawan? Bunuhlah sekarang nescaya puaslah raja memakan hati darahku!"

Walaupun pertarungan ini amat menarik kerana ejekan (ridicule) yang ditujukan kepada raja yang kejam dan zalim, segala akibat yang dihadapi oleh Raja Bersiung tidak memberi apa-apa kesan kepada suasana cerita. Raja Bersiung masih tetap dengan kehendaknya kepada darah dan hati manusia.

Nekadnya Raja Bersiung untuk meneruskan pemusnahan terhadap hamba rakyat ("Jangan ditegah larang akan beta, pada jalan itu tiadalah beta didengarkan lagi") memaksa menteri berempat mengambil tindakan menentang Raja Bersiung. Di sini kelihatan keunikian perhubungan di antara raja dan orang besar. Penentangan tidak dianggap sebagai penderhakaan, malah perkataan derhaka tidak digunakan di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Faktor ini tambah meyakinkan penulis tentang pengemukaan pada gagasan utama itu tidak lain daripada perlawanannya terhadap unsur batil oleh unsur kebijikan.

Tindakan menteri keempat adalah tindakan terakhir untuk mempertahankan agar tidak pupus rakyat Kedah dari kekuasaan rajanya. Ini mendapat simpati daripada raja perempuan yang lemah lembut sifatnya. Dengan menggunakan tipu helah yang bijaksana, Raja Bersiung dapat ditakutkan tanpa ada sesiapa yang terkorban. Beliau gempar apabila mendengar dan melihat gemparan terhadap istananya lalu lari menyembunyikan diri ke hutan, hingga beristeri di huma dan hilang kemudiannya di dalam buluh betung.

Konflik lain yang diketengahkan oleh pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* adalah di antara pihak Raja Kelana Hitam dengan Menteri Kelaham yang berpunca daripada kekosongan raja bagi negeri Kedah. Raja Kelana Hitam telah menghimpunkan bala tenteranya untuk berangkat menuju ke Kedah. Kebetulan pula Menteri Kelaham berada di dalam perjalanan menuju ke negeri yang sama sebagai utusan daripada raja Siam berkaitan dengan urusan memahkotakan 'anak raja gajah' sebagai pengganti Raja Ong Maha Perita Deria. Sekali lagi di dalam perlawanannya di antara

yang hak dan yang batil ini, kemenangan diberikan kepada pihak yang benar.

Setakat ini pembaca *Hikayat Merong Mahawangsa* telah menemui peristiwa-peristiwa dari satu motif yang sama iaitu perlawaman di antara unsur jahat dan baik. Di dalam penelitian penulis terhadap karya sastera bercorak sejarah selalu ditemui jalan fikir yang tersendiri, yang lahir bukan oleh tujuan mencipta keindahan semata-mata atau mencipta cerita selaku barang seni atau barang hiburan. Ada satu motivasi atau gesaan yang kuat untuk meninggalkan satu pengajaran atau gagasan kehidupan. Di dalam *Sejarah Melayu* falsafah kewujudan bangsa Melayu, di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai* kebenaran hukum-hukum Allah – hasil daripada pandangan yang mendalam terhadap kejadian yang berlaku di sekitar daerah yang menjadi bahan tulisan.

Sesuai dengan kenyataan di atas, segala peristiwa daripada satu motif tadi dapat dianggap sebagai longgokkan keterangan hidup yang mesti diberi jawapan akan sebab dan asalnya. Mengapa terjadinya kekerapan pertarungan di antara jahat dan baik? Inilah barangkali terjadinya pertanyaan yang ingin dikemukakan oleh pengarang setelah menyusun peristiwa-peristiwa yang diletakkan di atas garis jurai keturunan raja-raja Kedah. Tidak ada jawapan yang mudah kepada persoalan serupa ini. Ia berada di lingkungan falsafah kepercayaan atau di dalam pengetahuan metafizika.

Jawapan terhadap keanehan fenomena ini diberikan oleh pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* di dalam bentuk pemerian alam metafizika juga. Selaku karya sastera, jawapan ini dikemukakan di dalam bentuk naratif yang amat menarik. Pembaca dibawaikan ke latar baharu, iaitu Baghdad untuk bertemu dengan watak-watak baharu pula iaitu Syeikh Abdullah Baghdad dan anak muridnya Syeikh Abdullah Yamani. Syeikh Abdullah Yamani lebih berperanan di sini, iaitu dengan tindakannya menemui penghulu iblis untuk berguru mengenai segala rahsia pekerti dan kehidupan para iblis. Selanjutnya Syeikh Abdullah mengikut penghulu iblis melihat segala kejadian yang berlaku di luar penglihatan mata kasar manusia.

Bahagian perjalanan Syeikh Abdullah Yamani ini amat menarik dari sudut isinya. Sekurang-kurangnya dikemukakan oleh pengarang tiga belas kes tipu daya syaitan terhadap manusia. Kes-kes ini adalah menyeluruh, melibatkan sama ada orang-orang perseorangan, kumpulan, mahupun masyarakat. Melibatkan juga orang-orang seperti kadi, pencuri, laki-laki, perempuan, tua, muda, juga yang

sedang menuju kebajikan mahupun yang berada di dalam maksiat. Pendek kata liputan pengarang adalah amat menyeluruh. Di samping itu segalanya menyingkap akan daya laku syaitan yang di dalam bahasa penghulu iblis itu sendiri disebut dengan pelbagai istilah seumpama ‘membaca kitab’ dan ‘mengaji’. Segala peristiwa-peristiwa ini digambarkan dengan penuh keyakinan dan sungguh-sungguh, dirasakan ada tujuan untuk menekankan cita-cita perosak yang semula jadi wujud di dalam diri penghulu iblis ini.

Bagaimanakah bahagian ini dapat dihubungkan dengan segala peristiwa yang telah dibicarakan lebih awal tadi? Ia dapat dipandang sebagai memenuhi jawapan kepada soalan mengapa terjadinya segala sengketa yang begitu besar sebelum dan sesudah Kedah dibuka yang dibicarakan di bahagian awal hikayat ini. Soalan dan jawapan ini tentunya tidak dinyatakan terus terang sebagai kebiasaan sebuah hasil kesasteraan yang sewajarnya atau kadang-kadang amat tersembunyi segala maksud susunannya. Tambahan pula Syeikh Abdullah Yamani ada dihubungkan secara langsung dengan raja Kedah, Raja Phra Ong Mahawangsa. Perhubungan ini amat diperlukan di dalam melicinkan jalan cerita. Persambungan ini dilakukan dengan cara mengakhirkan perjalanan penghulu iblis ke istana Raja Phra Ong Mahawangsa dan akibat teguran Syeikh Abdullah Yamani terhadap perbuatannya mengencingkan minuman arak anak raja itu, ia telah memisahkan diri dengan syeikh tersebut. Akibat daripada perpisahan ini Syeikh Abdullah kembali di alam penglihatan manusia. Dan akhirnya beliau dapat menyambungkan syiar Islam di Kedah, bermula dengan mengislamkan raja, kemudian menteri berempat dan diikuti oleh rakyat biasa.

Jadi, segala peristiwa berakhir menuju kepada pengislamkan raja Kedah, yang selama ini mengikut agama menyembah berhala dan menjalankan beberapa rupa maksiat yang lain. Setelah raja, menteri-menteri dan rakyat Kedah memeluk Islam dan setelah termusnahnya berhala-berhala dan terdirinya masjid dan jemaah di Kedah, pengarang tidak berkecenderungan mengenangkan apa-apa peristiwa kecuali amat terhad. Sebaliknya dia memperpanjangkan keturunan raja-raja Kedah yang telah Islam. Ini membawa saranan seolah-olah setelah Islam, tidak berlaku sesuatu peristiwa yang genting. Dan oleh kerana pada pengarang krisis hidup merupakan sesuatu yang istimewa, maka dapat diertikan permasalahan atau krisis telah diselesaikan setelah Islam bertapak di Kedah. Jadi,

pengislaman Raja Phra Ong Mahawangsa itu sendiri bukan sekadar seperti pengislaman raja-raja Melaka atau Pasai di dalam karyakarya sastera sejarah tetapi jauh daripada itu ia bererti satu pembersihan kepada segala kebatilan yang pernah wujud di sekitar ruang waktu yang melibatkan pembinaan dan pengukuhan negeri Kedah.

Dengan pengolahan cerita yang sedemikian dapatlah dirumuskan bahawa pembinaan *Hikayat Merong Mahawangsa* diringkaskan seperti rangka di bawah:

Jurai Keturunan Raja-raja Kedah	<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="vertical-align: top; width: 50%;"> 1. Penusuhan angkatan Merong Mahawangsa oleh Geroda 2. Kezaliman Raja Bersiung dan akibatnya 3. Perburuan kuda Menteri Kelana Hitam </td><td style="vertical-align: top; width: 50%; text-align: right; padding-right: 10px;"> } Peristiwa-peristiwa bermotif kebaikan liwan kepahlawan sebagaimana krisis kehidupan. </td></tr> <tr> <td style="vertical-align: top; width: 50%;"> Perjalanan Syeikh Abdullah Yamani dan penghulu ilahi </td><td style="vertical-align: top; width: 50%; text-align: right; padding-right: 10px;"> } Jawapan kepada sebab-sebab krisis </td></tr> <tr> <td style="vertical-align: top; width: 50%;"> Pengislaman Phra Ong Mahawangsa </td><td style="vertical-align: top; width: 50%; text-align: right; padding-right: 10px;"> } Penyucian </td></tr> </table>	1. Penusuhan angkatan Merong Mahawangsa oleh Geroda 2. Kezaliman Raja Bersiung dan akibatnya 3. Perburuan kuda Menteri Kelana Hitam	} Peristiwa-peristiwa bermotif kebaikan liwan kepahlawan sebagaimana krisis kehidupan.	Perjalanan Syeikh Abdullah Yamani dan penghulu ilahi	} Jawapan kepada sebab-sebab krisis	Pengislaman Phra Ong Mahawangsa	} Penyucian
1. Penusuhan angkatan Merong Mahawangsa oleh Geroda 2. Kezaliman Raja Bersiung dan akibatnya 3. Perburuan kuda Menteri Kelana Hitam	} Peristiwa-peristiwa bermotif kebaikan liwan kepahlawan sebagaimana krisis kehidupan.						
Perjalanan Syeikh Abdullah Yamani dan penghulu ilahi	} Jawapan kepada sebab-sebab krisis						
Pengislaman Phra Ong Mahawangsa	} Penyucian						

Kelihatan dari sini garis jurai keturunan raja-raja Kedah, yang berasal daripada Merong Mahawangsa hingga ke raja-raja Islam masih menjadi garis dasar cerita bagi *Hikayat Merong Mahawangsa*. Di dalam membina cerita ini pengarang menyisipkan kejadian-kejadian yang dianggap *significant* di dalam kehidupan manusia dan menghuraikan rahsia kewinjudannya di dalam bentuk naratif.

Susunan di atas ternyata mengatasi susunan karya yang berdasarkan kepada susunan peristiwa-peristiwa mengikut perjalanan waktu yang kronologis seperti di dalam karya bercorak roman. Jika ia mahu ditinjau dari asas jalan fikiran pengarangnya tentulah tidak terlalu untuk mengatakan adanya pengaruh unsur metafizika di dalam penyusunannya. Jalan fikiran pengarang bukan selapis iaitu semata-mata sekadar melihat perhubungan di antara peristiwa yang dijeniskan sebagai satu fenomena yang umum. Dan dengan menggunakan pemahaman beliau mengenai kejadian-kejadian dari sudut kepercayaan Islam, beliau mengemukakan jawapannya. Jawapannya bukan pula melalui penghayatan kejadian di alam nyata, tetapi dari apa yang dialami oleh mereka yang pernah mengenali alam ghaib.

Apakah penulisan sedemikian tidak dipengaruhi oleh wawasan pengarangnya terhadap persoalan sekitar masyarakat? Barangkali ada kaitannya. Sebelum Kedah Islam, masyarakat Melayu di sini telah mengamut agama Hindu dan Buddha dengan teguh, seperti ternyata dengan peninggalan-peninggalan sejarah, dan dicatat juga oleh pengarang *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan kata-kata yang agak umum sebagai agama 'menyembah berhala'. Mengapa pula penganutan itu berubah kepada agama baru, iaitu Islam? Ini merupakan satu pertanyaan yang sukar dijawab. Dengan berdasarkan kepada ketakjuban pengarang sendiri terhadap kewibawaan pembawa Islam itu, iaitu seorang ahli Sufi, atau barangkali juga pengarang sendiri pengikut ajaran Sufi, pengarang dapat mengemukakan satu perjalanan di alam ghaib sebagai jawapan kepada perubahan tadi. Sekiranya ini dapat diterima sebagai satu saranan yang kuat maka tidak salah pula untuk memberikan pengertian bahawa pengisian Kedah bererti bermulanya satu zaman kesejahteraan, kerana telah hapus kebatilan.

5. Kesimpulan

Untuk merumuskan *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai sebuah hasil yang tersendiri sifatnya, iaitu di samping mengurutkan jurai keturunan raja-raja Kedah, ia mengemukakan satu masalah moral yang amat tajam di dalam bentuk tamsilan dan pendekatan yang tidak langsung. Dengan ini sekali lagi kita berhadapan dengan satu contoh karya Melayu yang unik, dengan ketajaman pandangan pengarang terhadap fenomena masyarakatnya. Ia mencerminkan keupayaan kreatif yang amat tinggi dengan keaslian daya seninya.

BAB 8

TUHFAT AL-NAFIS – BUKU PERANG BUGIS

1. Pengenalan

TUHFAT AL-NAFIS dapat dikatakan sebagai karya sastera sejarah yang kedua eloknya selepas *Sejarah Melayu* dari sudut kandungan dan nilainya. Dari sudut isinya karya ini melanjutkan pemerian terhadap persambungan kerajaan yang dibentuk oleh keturunan raja-raja Melayu Melaka. Latar sejarah yang dijadikan pusat pemerintahan pengarang adalah pemerintahan raja-raja Johor, raja-raja Riau dan Bugis, selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Oleh kerana ia ditulis oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, dan Raja Ali Haji, orang bangsawan yang luas perjalannya dan telah terbuka kepada fahaman sejarah yang objektif, maka *Tuhfat al-Nafis* terhasil di dalam sifat yang lebih mendekati pengkisahan sejarah. Sungguhpun begitu tujuan penulisan karya sejarah, iaitu untuk merakamkan asal usul dan jurai keturunan raja-raja yang memerintah masih dikekalkan. Walau bagaimanapun karya ini memperlukan binaan yang tersendiri.

2. Ringkasan Cerita

Tuhfat al-Nafis dimulakan dengan menyusungalur asal mula raja-raja Melayu. Dikatakan asal raja Melayu adalah Raja Seri Teribuana yang turun di Bukit Siguntang dan berpindah ke Bentan dan Singapura yang nama asalnya Temasik. Setelah Raja Seri Teribuana mangkat baginda digantikan oleh Seri Pikrama Wira yang membunuh seorang ulama yang alim dan akibatnya Singapura mendapat bala berupa serangan todak. Raja Iskandar Syah yang meng-

gantikannya tidak luput daripada kesilapan kerana baginda membunuh gundiknya tanpa usul periksa dan oleh kerana itu Penghulu Bendahari, bapa gundiknya itu, belot kepada Majapahit lalu mengakibatkan Singapura hancur daripada langgaran Majapahit. Raja Besar Muda yang mula membuka Melaka menggantikan Raja Iskandar dan kemudian digantikan pula oleh Raja Tengah, digantikan oleh Raja Kecil Besar. Raja Kecil Besar inilah yang mula-mula memeluk Islam setelah bermimpi bertemu Nabi Muhammad s.a.w. dengan nama Islamnya Sultan Muhammad Syah. Beliau memerintah dengan amat adilnya menjadikan Melaka makmur.

Apabila Sultan Muhammad Syah mangkat, Raja Ibrahim dari-pada isteri keturunan Raja Rekan menggantinya dengan gelaran Sultan Abu Syahid Syah. Pemerintahannya tidaklah lama kerana Raja Kassim merebut takhta kerajaan kemudian memerintah dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah. Sultan Muzaffar Syah digantikan pula oleh Sultan Mansur Syah yang mula-mula berhubungan dengan raja Bugis. Bagindalah yang memperoleh seorang anak raja-raja Bugis yang terhandal yang kemudian bergelar Laksamana Hang Tuah. Kerajaan kemudian diperintah oleh Sultan Alauddin Ri'ayat Syah digantikan pula kemudiannya oleh Raja Mahmud yang terkenal dengan pekertinya yang kurang baik. Sultan Mahmud Syah membunuh Bendahara Seri Maharaja yang membuka kepada serangan Feringgi hingga ia kalah dan terpaksa meninggalkan Melaka berpindah ke Batu Hampar, Muar, Penarikan, Pahang dan ke Johor, Bantam, ke Pahang dan Johor semula kerana sentiasa diburu oleh Feringgi.

Bermulalah kerajaan baru Johor dengan raja pertamanya Sultan Alauddin Ri'ayat Syah. Baginda kemudiannya digantikan oleh Sultan Muzaffar Syah yang baik pekertinya itu. Yang menggantinya ialah Sultan Abdul Jalil Syah. Baginda merajakan anak-anak baginda Raja Hassan di negeri Siak, Raja Hussain di Kelantan dan Raja Mahmud di Kampar. Apabila beliau mangkat Sultan Alauddin Ri'ayat Syah menggantikannya, tetapi baginda tiada mempedulikan kerajaan, maka Raja Abdullah bersama-sama bendahara yang memangku kerajaan. Setelah mangkat Raja Abdullah langsung meneruskan pemerintahannya dengan gelaran Sultan Hemat Syah. Puteranya bernama Sultan Abdul Jalil mengambil tempat baginda dan digantikan pula oleh puteranya Sultan Ibrahim Syah. Kemudian baginda digantikan oleh Sultan Mahmud Syah yang mati terbunuh oleh panglimanya Megat Seri Rama.

Adapun asal mula raja-raja Bugis itu adalah daripada keturunan seorang raja perempuan bernama Sitti Mallangkik dipercayai keturunan Puteri Balkis yang kahwin dengan Nabi Allah Sulaiman. Sitti Mallangkik meraja kerajaan Selangi dan kahwin dengan raja Bugis di Luwuk. Dari perkahwinan itu terpancarlah keturunan raja-raja Bugis yang masyhur-masyhur di dalam dunia pelayaran dan pengembangan. Maka yang terpenting di antara mereka adalah lima beradik anak kepada Opu Tendriburang Daing Kilaga. Mereka ialah Opu Daing Perani, Opu Daing Menambun, Opu Daing Marewah, Opu Daing Cellak dan Opu Daing Kemasi. Mereka ini telah bersemua fakat untuk belayar melihat negeri orang.

Apabila Sultan Mahmud mangkat, Datuk Bendahara menjadi raja Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil serta melantik saudaranya, Temenggung menjadi Raja Muda. Di masa pemerintahannya kerajaan Johor menjadi makmur. Hanya setelah muncul Raja Kecik timbul perubahan. Raja Kecik dikisahkan sebagai anak Sultan Mahmud daripada persatuannya dengan Encik Pong yang setelah terbunuhnya Sultan Mahmud telah dipelihara oleh Puteri Janilan, Pagar Ruyung. Setelah mengukuhkan kedudukannya, Raja Kecik menjadi raja di Batu Bahara dan menyiapkan kelengkapan untuk melanggar Johor. Ia telah mengajak opu-opu anak raja Bugis melanggar sama, tetapi tidak dapat sokongan. Begitu juga ia gagal memperoleh kerjasama dari Bugis di Langat.

Walaupun gagal mendapat kerjasama daripada orang Bugis, Raja Kecik terus dengan cita-citanya untuk merebut kerajaan pusakanya. Dengan tipu helah panglima-panglimanya amat mudah pasukannya mendarat di Johor dan mengalahkan pertahanan Johor. Raja Kecik mengambil Tengku Kamariah sebagai isterinya dan menjadikan bapa mertuanya, Sultan Abdul Jalil, sebagai bendahara. Walaupun pada dasarnya Sultan Abdul Jalil masih berpengaruh tetapi tidaklah senang hatinya di atas perbuatan Raja Kecik, lalu ia mengahwinkan anaknya Tengku Tengah dengan salah seorang opu-opu Bugis dengan harapan kebaikan. Tengku Tengah mencabar opu-opu Bugis itu untuk menebus malu keluarganya dan cabaran ini dengan mudah diterima oleh mereka.

Di dalam hal itu kelakuan Raja Kecik tidak lagi diterima oleh keluarga Sultan Abdul Jalil. Akibatnya berlakulah perperangan di antara dua pihak. Akibat daripada permusuhan itu Sultan Abdul Jalil mati ditikam oleh orang suruhan. Putera Almarhum Sultan Abdul Jalil iaitu Raja Sulaiman telah bermesuarat dengan Datuk

Bendahara lalu menulis surat kepada opu-opu Bugis berlima itu. Mereka menerima cabaran selaku tanggungjawab yang utama untuk meletakkan Raja Sulaiman ke pemerintahan Riau itu. Dengan dikepalai oleh Opu Kelana Jaya Putera mereka berlima meninggalkan Matan menuju ke Riau. Berlakulah perperangan yang hebat di antara anak-anak Bugis dengan Raja Kecik. Adapun yang menyebelahi Raja Kecik termasuklah orang-orang Linggi dan di pihak opu-opu Bugis adalah Bugis-bugis yang berdagang di negeri-negeri Melayu dan juga orang-orang Pahang. Akhirnya Raja Kecik kalah dan Raja Sulaiman ditabalkan menjadi sultan, manakala Kelana Jaya Putera diangkat menjadi Yang Dipertuan Muda, memerintah kerajaan Johor, Riau, Pahang dan segala daerah takluknya.

Setelah itu raja Kedah yang baharu sahaja disingkir oleh saudaranya yang muda, telah meminta bantuan daripada Bugis. Maka berperanglah kedua-dua pihak itu hingga menang raja yang tua. Tiada berapa lama kemudian adik kepada raja Kedah dengan bantuan Raja Kecik dari Siak menyerang sultan Kedah, dan di dalam perperangan yang hebat inilah Opu Daing Perani terkena peluru lalu mati. Setelah gagal di Kedah Raja Kecik cuba melanggar Riau tetapi akhirnya kedua-dua pihak, iaitu Riau dan Siak, berdamai dengan sumpah yang berat.

Tiada lama selepas Yang Dipertuan Muda meninggal dunia dan beliau digantikan oleh Opu Daing Cellak bergelar Sultan Alauddin Syah. Beliau mengambil kesempatan daripada perdamaian dengan Raja Kecik untuk memperbaiki jajahannya termasuklah Mempawah. Malangnya perdamaian itu tiadalah kekal kerana Raja Kecik telah menerima pelawaan Daing Matekkuh untuk menyerang Riau. Tetapi rancangannya itu segera diketahui dan Yang Dipertuan Muda dengan cepat menyusun kelengkapan perang sepanjang perairan Riau. Begitu pun Raja Kecik meneruskan rencananya lalu disambut oleh Yang Dipertuan Muda dengan ketangkasan Bugis hingga membuat Raja Kecik undur dan pulang ke Siak. Setelah itu Raja Alam pula cuba melanggar Riau, tetapi dapat dipatahkan dan seperti angkatan Raja Kecik juga banyak kerugian dialaminya. Bukannya itu sahaja, Raja Kecik jatuh sakit dan berlaku perang saudara dan hingga kematian Raja Kecik perpecahan ini berterusan. Dengan itu Siak menjadi lemah.

Dengan Perak timbul pula perselisihan yang mengakibatkan Yang Dipertuan Muda melanggarnya dan berakhir dengan keka-

Iahan Perak. Yang Dipertuan Muda pun mengatur pemerintahan negeri itu mengikut fahamannya dan membawa perjanjian persetiaan negeri Perak dengan Selangor. Dengan perdamaian ini dapatlah Riau berdiri sebagai sebuah negeri yang makmur dengan dagangan yang berlipat ganda. Manakala di dalam lapangan pertanian, Riau telah memperkenalkan penanaman gambir yang menjadi bahan eksport. Sungguhpun begitu kemakmuran ini terjejas juga setelah meninggalnya Opu Daing Cellak. Di dalam pemerintahan Daing Kemboja muncul riak perpecahan di antara Melayu dan Bugis, iaitu di atas rasa irihati akan kedudukan yang istimewa diberikan kepada anak-anak Bugis yang mendatang itu. Riak perpecahan ini ditambah dengan keengganannya Yang Dipertuan Muda memberi bantuan kepada Sultan Mahmud dari Siak yang berhajat menyingsir Raja Alam daripada takhta kerajaan Siak. Akan Sultan Sulaiman di dalam keadaan serba salah telah membantu Sultan Mahmud untuk mengambil semula kerajaan Siak. Dengan bantuan Holanda berjayalah usahanya. Tetapi Sultan Mahmud tidak bertanggungjawab di dalam memerintah negeri. Sebaliknya ia terlibat di dalam kerja menyamun dan merompak. Sekali lagi ia dihalau dari Siak, dan kali ini oleh Holanda, tetapi akhirnya berjaya juga ia ke Siak. Sementara itu Raja Alam telah mengambil Siantan keputaan Riau untuk mengukuhkan cengkamannya. Ia telah mengusul kepada Sultan Mahmud untuk bersatu menentang angkatan Sultan Sulaiman yang dibantu oleh orang-orang Terengganu. Gagallah Sultan Sulaiman. Hanya setelah Yang Dipertuan Muda datang membawa bantuan bersama-sama Bugis dari Selangor baharulah pihak musuh dapat dialahkan.

Permusuhan setengah puak Melayu terhadap Bugis bertambah hebat dengan fitnah yang berlanjutan. Ini kerana Sultan Sulaiman tambah rapat dengan Yang Dipertuan Muda. Musuh utama Bugis adalah puak Raja Kecik Terengganu dan beliaulah yang merancangkan fitnah yang tidak berkeputusan itu. Untuk mengelakkan daripada pergeseran yang membahayakan, Yang Dipertuan Muda pun mengambil keputusan untuk keluar dari Riau suhaja, walaupun kuat dipujuk oleh Sultan Sulaiman. Dalam hal itu pun tidak juga reda muslihat Raja Kecik. Ia telah meminta bantuan Holanda untuk mengeluarkan Raja Haji tiga beradik, putera puteri Yang Dipertuan Muda dari Riau. Mendengarkan berita itu Raja Haji menjadi marah lalu keluar mencabar Raja Kecik untuk keluar berperang. Cabaran itu tidak diterima oleh Raja Kecik. Maka cuba

diperdamaikan oleh bendahara hingga bersemaufakat Raja Kecik dan Raja Haji untuk ke Linggi menjemput Yang Dipertuan Muda pulang ke Riau. Alangkah aniyanya Raja Kecik kerana apabila ia singgah di Melaka ia telah berbohong kepada Gabenor Melaka mengatakan Sultan Sulaiman telah meminta Holanda tolong memusnahkan Yang Dipertuan Muda di Linggi dengan biaya perang ditanggung oleh Riau. Nyarislah rahsia ini bocor dan Raja Haji dapat menyelamatkan diri. Sungguhpun begitu pihak Yang Dipertuan Muda, amat lambat untuk bersedia menghadapi pelanggaran Belanda. Yang Dipertuan Muda mengalami kekalahan lalu berundur ke Rembau.

Yang Dipertuan Muda telah bersemaufakat dengan Rembau untuk menyerang Melaka. Beliau juga memperoleh bantuan daripada Raja Alam dari Matan. Tiba masa yang baik, Yang Dipertuan Muda pun melakukan serangan ke atas Melaka. Hampir kalah Melaka sehingga Holanda mendapat pertolongan dari Betawi. Selama sembilan bulan berperang tiada keputusan siapa yang alah menang, lalu Belanda mengusul untuk berdamai. Yang Dipertuan Muda meminta tangguh supaya ia dapat pulang ke Linggi bagi memberitakan segala perihal kepada Sultan Sulaiman. Semenara itu Raja Kecik Terengganu yang telah tiba di Riau telah membuat honar lain, iaitu mengumpam mahu membawa Sultan Sulaiman dan beberapa orang anak-anak raja ke Terengganu. Jadi kelam kabut keadaan di Riau hingga Raja Kecik lari dari Riau kerana dicabar oleh raja di Baruh. Kemudian Sultan Sulaiman telah ke Melaka atas permintaan Holanda untuk mendengar daripada Gabenor akan telatah Raja Kecik sambil menuntut ganti rugi perang. Sultan Sulaiman meminta tangguh untuk pulang ke Riau dahulu.

Yang Dipertuan Muda berhajat pulang ke Riau untuk menjerihkan kekeruhan. Sebelum itu beliau telah mengikat perjanjian damai dengan Belanda di Melaka. Di dalam masa yang sama juga tergerak hati Sultan Sulaiman untuk memanggil pulang Yang Dipertuan Muda kerana dilihatnya keadaan Riau bertambah mundur dan rakyat menjadi susah akibat angkara Raja Kecik. Rombongan yang Dipertuan Muda ke Riau dan suruhan dari Sultan Sulaiman ke Linggi tidak bertemu di jalan. Apabila Yang Dipertuan Muda masuk ke Riau suku-suku sebelah Melayu menjadi gempar dan mengancam membedilnya, tidak diendah oleh Raja Haji dan dihalang pula oleh Sultan Sulaiman. Kedatangan Yang Dipertuan Muda amat disenangi oleh Sultan Sulaiman. Satu sumpah setia

baru telah dibuat di antara mereka. Tiada berapa lama setelah itu **Sultan Sulaiman** sakit gering dan pulang ke rahmatullah. Raja **Ahmad** yang berumur lapan tahun dirajakan menggantikan **baginda** sultan.

Tatkala di dalam pemerintahan Yang Dipertuan Muda, Riau kembali makmur oleh kerana pedagang-pedagang datang bermiaga semula. Pengaruh Riau bertambah juga, seperti dengan Inderagiri yang dengannya terikat perhubungan persaudaraan hasil perkahwinan di antara Engku Kelana Raja Haji, dan Tengku Ratu Emas. Apabila Inderagiri diserang oleh raja Minangkabau, Kelana Raja Haji datang menolong Inderagiri. Demikian juga apabila Datuk Malaikat cuba mempengaruhi orang ramai tentang ilmunya dan akhirnya dapat mengambil banyak jajahan Inderagiri. Atas kejayaannya itu Kelana Raja Haji semakin dihormati. Tiada berapa lama setelah itu Belanda datang menuntut ganti rugi perang. Oleh kerana Riau telah miskin, tertanggung di atas Yang Dipertuan masalah untuk membayarnya. Perselisihan di antara Yang Dipertuan Muda dengan bendahara dan puak-puak Melayu timbul semula apabila Sultan Ahmad mangkat. Yang Dipertuan Muda berkeras dan berjaya untuk meletakkan Raja Mahmud yang masih kecil itu sebagai gantinya.

Riau di bawah pemerintahan Yang Dipertuan Muda Daing Kemboja bertambah makmur. Tetapi bagi bendahara dan lain-lain puak Melayu, hal ini tidaklah diterima dengan senang. Raja Bendahara mengambil inisiatif menulis surat ke Terengganu membuat fitnah bahawa orang Bugis sedang merancang menghapuskan semua orang-orang Melayu di Riau. Dari surat ini juga serta hasil utusan kepada Raja Alam terbentuklah kata semuafakat untuk melanggar Riau. Yang Dipertuan Muda Daing Kemboja telah dapat mengesan akan cita-cita ini dan rancangan belot puak-puak tertentu termasuk Raja Tua (anak Bugis) di dalam Riau sendiri. Daing Kemboja bertindak segera untuk mengatur strategi menghadapi musuh. Raja Tua disisih dan anak-anak Melayu serta senjata-senjatanya dikawal secara rapi di samping meminta bantuan dari Selangor. Raja Ismail tajam juga tipu helahnya mengakibatkan peperangan meletus di Singapura. Akhirnya alahlah puak-puak Melayu. Raja Ismail lari ke Siak dan Palembang. Sungguhpun begitu, setelah mengalahkan Siantan dan menang memerangi Kelantan, Raja Ismail memperoleh pengaruh yang kuat.

Tersebutlah kemudian dari itu peristiwa serangan Raja Haji dari

Inderagiri terhadap Kedah. Raja Haji Engku Kelana Pangutan Sutan Wijaya menuntut raja Kedah membayar dua belas bahara wang yang telah dijanjikan dahulu sekiranya Kedah telah menjadi maju. Yang Dipertuan Kedah enggan membayarnya kerana pada anggapannya bukan dia yang mengikat perjanjian itu. Berperanglah kedua belah pihak dengan hebatnya kerana Kedah telah menjadi kuat kini, tetapi akhirnya Kedah alah. Berikutnya kedua-dua pihak mengikat keteguhan setia semula berdasarkan semangat Islam. Setelah itu Raja Haji berangkat ke Pontianak bagi menamatkan ancaman Panembahan Sanggau. Selesai sabaja mengalahkan Panembahan Sanggau, Raja Haji melantik Pangutan Syarif Abdul Rahman menjadi sultan Pontianak.

Ketika masih berada di Pontianak, Raja Haji mendapat berita Yang Dipertuan Muda Riau gering dan tiada lama kemudian mangkat. Raja Haji berangkat ke Riau melalui Pahang di mana ia diangkat menjadi Yang Dipertuan Muda bagi Pahang, Johor dan Riau, oleh bendahara Pahang. Kemudian Yang Dipertuan Muda Raja Haji pulang ke Riau menjalankan pemerintahan dengan bijaksana. Riau bertambah makmur tetapi masih dicemburui oleh puak-puak Melayu. Fitnah juga datang daripada Yang Dipertuan Terengganu, Raja Indera Bangsu dan bendahara Pahang. Mereka berkirim surat ke Betawi dan Melaka membuat fitnah. Di dalam hal itu berlaku perbalahan di antara kerajaan Holanda di Melaka dengan Raja Haji mengenai persetiaan mereka berkaitan dengan kedudukan rampasan kapal masuk di perairan Riau. Berlakulah peperangan yang hebat di antara kedua pihak selama lebih sebelas bulan tetapi Holanda tidak terdaya menundukkan Riau. Apabila kapal perang Belanda yang besar bernama "Malak Suar Fat" meletup, maka berhentilah peperangan di antara kedua pihak itu buat seketika.

Pada ketika yang sama angkatan Yang Dipertuan Selangor, Sultan Ibrahim, turun bersama-sama angkatan-angkatan penghulu Rembau dan penghulu Pedas, memerangi Melaka. Soldadu Holanda yang di Riau itu terpaksa pulang menghadapi peperangan di Melaka. Atas permintaan Selangor, Raja Haji dan Sultan Mahmud mengikuti perang di Melaka itu. Dalam peperangan itu banyak korban di kedua-dua belah pihak. Walaupun Holanda hanya bertahan di sekitar Kota Melaka, Raja Haji belum juga memperoleh kemenangan di dalam peperangan selama satu tahun itu. Gabenor Melaka yang amat kecewa kerana pertolongan dari Betawi lambat tiba telah meminta pertolongan daripada beberapa puak Melayu

dari Siak, dan kebetulan pula akhirnya tiba bantuan dari Betawi. Pasukan Raja Haji di Ketapang berhadapanlah dengan serangan yang hebat. Di dalam beramuk-amuk perang di Ketapang inilah ramai pahlawan-pahlawan ternama Bugis termasuk Raja Haji mati syahid. Maka Sultan Mahmud dan soldadunya pulang ke Riau meninggalkan Selangor di dalam serangan Melaka dan Siak.

Di Riau, Sultan Mahmud menghadapi masalah di dalam soal perlantikan Yang Dipertuan Muda yang baru. Di kalangan suku-suku Melayu timbul semula rasa tidak senang yang sedia wujud terhadap Bugis, tetapi sebaliknya Sultan Mahmud yang telah banyak bergantung kepada Bugis, dengan mudah telah menerima tuntutan keturunan Bugis. Raja Ali menjadi Yang Dipertuan Muda. Tetapi oleh kerana perselisihan di antara Bugis dan Melayu berterusan, puak Bugis telah mengambil keputusan untuk keluar sahaja dari Riau, meninggalkan suku-suku Melayu merampas istana Yang Dipertuan Muda dan harta orang-orang Bugis lain yang tinggal. Sultan Mahmud terpaksa lah bersetuju dengan tuntutan kuasa daripada empat orang besar Melayu di dalam hal mentadbir. Di waktu yang sama Holanda tiba ke Riau dan termeterailah perjanjian di antara Belanda dan orang-orang besar Melayu. Di antara fasal yang penting ialah pemaktuban bahawa Bugis tidak lagi berhak memerintah Riau dan penempatan agen Belanda di Tanjung Pinang.

Kehadiran agen Belanda tidak membawa kesejahteraan hidup di Riau. Agen ini mengarah sesuatu kehendak dengan kerasnya tanpa menimbang perasaan halus pemimpin dan penduduk Riau. Maka Sultan Mahmud pun bermuafakat dengan Raja Tempasuk mencari jalan menghalau Belanda. Agen dan pegawai-pegawaiannya berjaya diserang mengakibatkan ramai yang mati. Oleh kerana dirasakan tidak akan selamat, tinggal di Riau sultan dan pengikut-pengikutnya serta ramai daripada orang-orang Melayu dan Bugis berpindah ke Lingga dan ada juga yang ke Pahang. Apabila angkatan Belanda datang semula dilihatnya Riau sudah menjadi sunyi tinggal hanya Cina-cina yang bekerja di kebun-kebun gambir. Diusahakan oleh Belanda bagi menggalakkan kapal-kapal dari Jawa berdagang, tetapi kehidupan di Riau berpanjangan di dalam kesukaran kerana kekurangan makanan.

Sultan Mahmud berasa amat dukacita di atas kerosakan Riau lalu terfikir mendapatkan bantuan Yang Dipertuan Terengganu bagi berdamai dengan Belanda. Yang Dipertuan Terengganu pun menulis surat kepada Belanda akan cadangan berdamai itu. Piter

Jakub Pamberam merasakan ia lebih suka mempercayai orang-orang Bugis daripada raja Terengganu. Rasa musykil dan kesalnya terhadap tindakan-tindakan dan fitnah-fitnah raja Terengganu selama ini tercurah dengan pedasnya di dalam surat balasnya kepada raja Terengganu itu. Raja Terengganu terasa amat malu dan tersentak sedar akan segala keburukan pekertinya dan amat berharap dapat memperbaiki pertalian di antara dirinya dan Yang Dipertuan Muda Riau. Sultan Mahmud, yang hampa di dalam memperoleh perkhabaran dari Yang Dipertuan Terengganu meninggalkan Pahang pulang ke Lingga. Dari masa ke semasa bertambah pedagang masuk ke negeri itu kerana telah mula perusahaan membijih timah. Tidak lama selepas itu Holanda telah memindahkan takluk Melaka di bawah pemerintahan British dan Riau diserahkan oleh British kepada Sultan Mahmud.

Yang Dipertuan Muda Raja Ali, yang selama keluar dari Lingga itu membuat negeri di Sukadana tetapi kerana perselisihan kemudiannya berpindah ke Siantan, datang menghadap Sultan Mahmud di Lingga. Beliau diterima baik oleh Sultan Mahmud, kerana perginya Raja Ali keluar itu atas kehendaknya sendiri, tetapi Raja Ali meminta izin untuk ke Muar dahulu. Di dalam waktu yang sama sultan Selangor mengunjungi Sultan Mahmud dan kedua-dua merundingkan usaha "mendekatkan yang jauh, membaiki yang rosak dan mengadakan yang tiada." Kerja ini amat sukar dijalankan kerana orang-orang besar Melayu amat keras tidak mahu Yang Dipertuan Muda diangkat daripada keturunan Bugis. Raja Selangor tidak dapat melayani perbalahan pendapat ini lalu pulang ke Selangor bersama-sama anak-anak Bugis. Tambahan pula baginda mempunyai tugas untuk 'mengajar' raja Perak yang berlaku kurang manis kerana mengenepikan adat istiadat menghadap ke Selangor seperti yang sediakala. Di dalam perperangan di antara Perak dan Selangor itu Selangor beroleh kemenangan.

Selang tiada lama daripada itu Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun berangkat ke Riau dan tinggal di Tanjung Ungkat. Yang menjadi wakil Sultan Mahmud di Riau ketika itu ialah Engku Muda, sepupu dari sebelah Melayu kepada Yang Dipertuan Muda. Berpecahlah kesetiaan di antara dua golongan pemimpin, Raja Ali di Tanjung Ungkat, Engku Muda di Tanjung Pinang. Raja Ali bertahan tegas sepatutnya jawatan Yang Dipertuan Muda disandang oleh keturunan Bugis. Akhirnya meletuslah pergaduhan di antara kedua pihak dengan kekalahan bagi pihak Engku Muda. Peristiwa

peperangan di antara kedua pihak ini didengar oleh Sultan Mahmud. Baginda pun berangkat ke Bulang di mana Engku Muda sedang bersiap untuk menebus kekalahannya, lalu menasihatkan agar Engku Muda membatalkan maksudnya, kerana menurut baginda tiada gunanya berperang di antara bersaudara itu. Engku Muda bersetuju dengan pandangan Sultan Mahmud dan berikutnya daripada itu utusan pun dihantar kepada Yang Dipertuan Muda Raja Ali menyatakan usaha Sultan Mahmud untuk memperdamaikan kedua belah pihak. Dengan usaha ini terhapuslah perselisihan di antara kedua mereka.

Maka Riau pun bertambah makmur di bawah pemerintahan Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Selain itu Riau terkenal pula kerana kegiatan pendidikan agamanya di bawah Syeikh Abdul Ghafur. Kemudian Raja Jaafar dipilih oleh Sultan Mahmud menggantikan Yang Dipertuan Muda yang telah mangkat, bergelar Sultan Alauddin Raja Muda. Di ketika pemerintahannya, munculajaran Ilmu Hakikat, Ilmu "Isa", konon dibawa oleh Lebai Tamat yang mengakui dirinya Allah ta'ala. Maka ditaubatkan serta ditakzir dan digondolkan kepala lebai ini dan anak-anak muridnya. Tidak juga ia serik, kerana setelah keluar dari Riau ia kembali semula mengakui dirinya jelmaan Raja Haji. Mendengar hal itu murka lah Sultan Mahmud lalu menjatuhkan hukum bunuh terhadap lebai dan murid-muridnya. Lebai Tamat terselamat kerana disembunyikan oleh Raja Idris, dan ia lepas dari ke Inderagiri. Yang Dipertuan Muda telah menjalankan tipu helah hingga terdorong lebai ini pulang semula ke Riau. Apabila tepat masanya Lebai Tamat pun ditangkap dan lehernya dipancung. Tiada lama daripada peristiwa ini Sultan Mahmud mangkat dan digantikan oleh Sultan Abdul Rahman, seorang sultan yang banyak ibadatnya. Bertambah luaslah pengajaran agama dan ramai pula ulama-ulama besar datang ke Lingga.

Setelah itu tersebut pula kisah perebutan pengaruh di antara Holanda dan Inggeris. Mejah Wilim Ferkuar telah melihat pergetakan Holanda di Pontianak lalu ke Lingga mengkhabarkan anggapannya tentang cita-cita Belanda untuk mengambil semula Riau. Sultan Abdul Rahman memberitahu bahawa elok sekiranya berkhabar kepada Yang Dipertuan Muda kerana urusan mengenai Riau telah diserahkan sepenuhnya kepada beliau. Raja Melaka menemui Yang Dipertuan Muda dan memujuk untuk berkeras dengan Belanda. Dari perundingan dengan orang-orang besar tim-

bul kata semuafakat untuk bertindak memerangi Holanda sekiranya Belanda datang. Sibuklah orang-orang Riau membina kubu dan bersiap dengan senjata. Di dalam keadaan yang tegang itu datanglah seorang Belanda bernama Adriang Kok, sahabat kepada Yang Dipertuan Muda, memujuk Yang Dipertuan Muda dengan kata yang halus-halus dan manis-manis menerangkan bahawa hajat sebenar Belanda adalah bersahabat. Lembutlah hati Yang Dipertuan Muda lalu terikat perjanjian persahabatan dengan Belanda dan Belanda meletakkan seorang residen bernama Kapten Gones di Tanjung Pinang.

Inggeris tiadalah senang dengan perubahan itu lalu bertindak untuk membuka Singapura. Melalui seorang suruhan dapatlah Inggeris memasukkan jarum memujuk Tengku Long menjadi sultan bagi Singapura. Bersetujulah Tengku Long akan cadangan Inggeris itu. Setelah itu segeralah dijalankan upacara pertabalan Tengku Long sebagai sultan Singapura. Bermulalah sejarah baharu bagi pulau itu dengan terbukanya perdagangan sebaliknya menjadi berkurangan orang ke Pulau Penyengat. Belanda di Riau bersegera juga memperbanyakkan pedagang di Riau. Di dalam hal itu Yang Dipertuan Muda pergi ke Lingga dan ketika ketiadaannya itulah meletus percaduhan di antara Bugis dan Holanda dengan korban yang bukan sedikit dan berakhir dengan kekalahan bagi pihak Bugis. Apabila Yang Dipertuan Muda pulang berusahalah ia membetulkan semula perniagaan di Riau.

Yang Dipertuan Muda telah mengutus Engku Saiyid Muhammad Zainul Kudsi sebagai ketua utusan ke Betawi. Tiba di Betawi rombongan itu diperintahkan oleh Gabenor Jeneral. Di dalam ber-suka-sukaan itu beberapa orang di dalam rombongan itu jatuh uzur mengidap sakit Betawi, ada di antaranya yang meninggal. Segeralah rombongan itu pulang ke Riau. Kemudian daripada itu Sultan Abdul Rahman yang berada di Terengganu pun dijemput pulang. Tiada berapa lama kemudian berlakulah upacara pemulangan Riau, Lingga, Johor dan Pahang kepada Sultan Abdul Rahman oleh Jeneral Betawi, melalui wakilnya Raja Laut bernama Sekebenakti. Sungguhpun begitu Riau masih menghadapi masalah-masalah lain seperti keganasan lanun-lanun.

Raja Ahmad, saudara kepada Yang Dipertuan Muda yang telah diserang penyakit Betawi telah bernazar untuk menunaikan haji sekiranya sembah penyakitnya. Yang Dipertuan Muda mencadangkan agar ia membuat perdagangan dahulu untuk memperoleh

wang bagi naik haji itu. Dengan pertolongan Allah berjaya ia menjalankan perdagangan di pulau sebelah timur dan pulang semula ke Riau sebelum berangkat naik haji melalui Singapura dan Pulau Pinang bersama-sama anak dan menantunya serta sepuluh orang yang lain. Mereka menaiki kapal Turki menuju ke Jeddah. Tiba waktunya mereka pun mengerjakan segala ibadat yang wajib dan beberapa yang sunat. Ketika di Madinah, Raja Ahmad membeli satu kebun dan di Mekah ia membeli dua buah rumah juga sekeping tanah di Mina yang semuanya diwakafkan. Setelah selesai haji pulanglah ia ke Riau. Diketahui ia bahawa sepeninggalannya telah berlaku perperangan di Karimun berkaitan dengan pencerobohan kawasan.

Yang Dipertuan Muda sudah kelihatan uzur, dan tiada berapa lama kemudian gering. Sebelum mangkat sempatlah beliau mengakadkan anakanda baginda Raja Abdullah dengan cucundanya Raja Aisyah, anak kepada Sultan Abdul Rahman. Puteranya bernama Raja Abdul Rahman dilantik sebagai penggantinya. Tiada berapa lama selepas itu Sultan Abdul Rahman pula jatuh gering dan mangkat. Tengku Besar diangkat menjadi gantinya bergelar Sultan Muhammad Syah. Di dalam masa pemerintahan mereka ini lanun amat bermaharajalela, hingga sanggup merampas tanah taklik Riau-Lingga. Kedua-dua raja itu pun menghimpun soldadunya dan bersama-sama dengan soldadu Belanda mereka menggempur musuh hingga alah lanun-lanun itu. Selanjutnya kerjasama di antara Riau-Lingga dan Betawi diteruskan bagi menghapuskan lanun-lanun yang amat luas gerakannya.

Holanda menggunakan persahabatan di antara Riau-Lingga untuk memperluaskan pengaruhnya ke Inderagiri. Oleh kerana kedua-dua Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda sama-sama pergi mengiringi Holanda ke Inderagiri mudahlah tercapai perjanjian persahabatan dan dengannya Holanda dapat bertapak di situ. Tiada berapa lama setelah itu Sultan Muhammad Syah gering dan mangkat digantikan oleh Sultan Mahmud Syah. Akan Sultan Mahmud ini kuranglah mengambil berat tentang kerajaannya, tetapi sebaliknya banyak bermain-main di Singapura, telah dinasihati oleh wakil Yang Dipertuan Muda tiada juga ia mengambil berat. Begitu juga tidak sesekali ia mahu mendengar akan nasihat Temenggong di Singapura. Demikianlah amat musykil jadinya Yang Dipertuan Muda dan Residen Belanda mengenangkan tingkah laku sultan yang mengikuti akan kehendak muda itu. Hanya

setelah Yang Dipertuan Muda mengerahkan angkatannya ke Lingga meminta Sultan Mahmud bersumpah setia baharulah Sultan Mahmud insaf.

Yang Dipertuan Muda meninggal dunia tidak lama kemudian, tetapi tidaklah Sultan Mahmud menyegerakan perlantikan Yang Dipertuan Muda baru, walaupun dipinta oleh Residen Riau. Terpaksa lah sanak-saudara almarhum muafakat mencari gantinya. Sekatalah di antara mereka melantik Raja Ali. Pemerintahan Raja Ali telah membawakan kemakmuran dan kegemilangan kepada Riau selain mengatur pekerjaan-pekerjaan bagi kaum kerabatnya. Ia juga memperluaskan pengajaran agama. Beliau sendiri suka duduk bersama-sama orang yang berilmu.

Dilarang juga olehnya kerja-kerja maksiat seperti menyabung dan berjudi. Keras pula hukumannya terhadap mereka yang salah mencuri dan merompak, dikenakan hukuman mati bagi memberi takut kepada yang melihatnya. Dengan kewibawaan pemerintahan beliau itu juga Pulau Karimun yang sebelumnya telah menjadi lengang hidup kembali dengan penduduk dan pedagang yang ramai.

Kembali kepada kisah mengenai Sultan Mahmud. Semakin lama sangat menurunlah namanya sebagai raja. Bukan sahaja baginda suka bermain-main di Singapura tetapi juga telah terlibat dengan iktikad yang salah seperti Fermisun dan bersahabat dengan orang Parsi yang bukan Islam. Baginda mengikuti cara hidup orang putih bila pulang ke Riau dengan mendirikan istana ala-Barat dan membela anjing. Di dalam pada itu Yang Dipertuan Muda Raja Ali mangkat. Akan tetapi menjadi sukar ia melantik gantinya dengan segera kerana orang yang ingin diangkatnya, iaitu anak Yang Dipertuan Muda juga anak menantunya, Raja Muhammad Yusof, enggan menerimanya selagi Engku Haji Abdullah, bapa saudaranya, masih hidup. Bagi residen, Engku Haji Abdullah itu pilihannya, kerana ia lebih berpengalaman dan berilmu. Sultan Mahmud enggan menerimanya, malah meninggalkan sahaja perkara itu lalu pergi ke Singapura, betapa dinasihatkan residen dan Engku Haji Abdullah, tidak juga ia peduli. Residen Belanda berasa malu kerana tidak dihormati dan ini menjadi salah satu sebab sultan Belanda menggulingkan Sultan Mahmud dari takhta kerajaannya. Baginda digantikan oleh Raja Sulaiman dan Raja Abdullah menjadi yang Dipertuan Muda. Raja Abdullah tidak lama di dalam pemerintahan, kerana meninggal diserang sakit pak ipa. Anaknya

Raja Muhammad Yusof mengantikannya. Tugas mula-mula Yang Dipertuan Muda ialah mengarahkan supaya diteruskan cita-cita ayahandanya menyerang Retih. Angkatan Riau dibantu oleh soldado Holanda. Akhirnya Retih dapat ditawan balik daripada Panglima Besar.

Tuhfat al-Nafis ditutup dengan bab yang menceritakan tingkah Jaku Sultan Mahmud yang berpindah dari Singapura ke Pahang, ke Terengganu dan Kelantan. Diceritakan peri Sultan Mahmud ke Siam dengan membawa adiknya Tengku Safiah yang terpaksa diserahkan kepada raja Siam untuk dijadikan isteri. Akan raja Siam menjanjikan bantuan untuknya, tetapi setelah sembilan bulan tidak terbukti janjinya baginda pulang ke Terengganu. Seterusnya tiada-lah tetap duduknya sekejap di Pahang. Tambahan lagi badannya bertambah uzur, dan sentiasa sakit, akhirnya baginda meninggal dunia di Pahang.

3. Beberapa Keistimewaan *Tuhfat al-Nafis*

Membaca *Tuhfat al-Nafis* kita dengan mudah dapat bertemu dengan sifat-sifat yang tepat untuk menggolongkannya ke dalam karya-karya bercorak sejarah. Pengarang *Tuhfat al-Nafis* mempunyai objektif yang jelas seperti dinyatakan di awal buku itu:

"... dan berbangkitlah bahawa memperbuat kitab ini yang simpan, dan di dalamnya menyatakan salasilah raja-raja Melayu serta Bugis dan pada segala anak-anak mereka itu."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 1).

Telah terpenuhlah akan tujuan tadi apabila pengarangnya menu-runkan akan peristiwa-peristiwa yang penting dan yang khusus ber-laku di Riau dan di daerah-daerah di dalam jarak waktu di antara pemerintahan Sultan Abdul Jalil di Johor dan Sultan Sulaiman di Riau hingga-lah kepada pemerintahan Sultan Sulaiman di Riau dan Lingga. Bertambah tegas pula pengarang di dalam menekankan penurunan salasilah ini apabila ia memulakan segalanya dengan satu pengesaman dan huraian pendek bagi kedua-dua keturunan raja-raja Melayu dan raja-raja Bugis yang memerintah Johor dan Riau.

Sifat yang nyata pula dari hal penghuraian dan pemerian salasi-lah ini ialah tentang kesedaramnya mengenai ketepatan sejarah dan realiti. Pertama, pengarangnya telah menggunakan tarikh yang tepat bagi peristiwa kelahiran, kemangkatan, pertabalan bagi setengah-setengah raja. Ini sebenarnya tidak pernah berlaku di dalam penulisan karya sastera bercorak sejarah sebelumnya. Kedua-naya,

pengarang menggunakan peristiwa-peristiwa sejarahnya dengan lebih tepat dan nyata ada usaha mengenepikan unsur mitos dan legenda. Mitos dan legenda yang berkaitan dengan salasilah ada dimasukkan tetapi pengarang sentiasa mengingatkan kepada pembaca akan kejanggalan dari penerimaan akal biasa.

Sifat kesedaran pengarang tentang sejarah ini di dalam *Tuhfat al-Nafis* penting diberi perhatian oleh kerana karya-karya bercorak sejarah sebelumnya tidak sampai kepada kesedaran ini. *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Hikayat Merong Muahawangsa* sebagai perbandingannya amat kuat dipengaruhi oleh mitos dan legenda hingga sukar mencari realiti sejarahnya. Manakala *Sejarah Melayu* pula walaupun pemilih di dalam kegunaan mitos dan legenda untuk sesuai dengan pemerian keagungan negeri Melaka yang menempa sejarah di rantau ini, tidak pula melihatkan kepada kewaspadaan di dalam mencari sumber yang benar-benar sahih. Oleh kerana pengarang *Tuhfat al-Nafis* menyambung salasilah raja-raja Melayu dari zaman Singapura lagi maka ia perlu merujuk kepada *Sejarah Melayu* sebagai sumber utama. Di dalam berbuat demikian itu pun ia telah mengenepikan banyak peristiwa-peristiwa yang terdapat di dalam *Sejarah Melayu* bukan semata-mata oleh kerana ia kurang berkaitan tetapi juga oleh kerana ia kurang dapat diterima oleh akal. Mitos usul usul raja-raja Melaka daripada keturunan Iskandar Zulkarnain, mitos raja-raja Suran turun ke laut dan putera Raja Suran tiga saudara naik ke darat dan oleh kesucian dan kedaulatannya, padi menjadi emas dan batangnya menjadi perak semuanya tidak dimasukkan ke dalam *Tuhfat al-Nafis*. Seseorang boleh menghujah akan adanya sikap berat sebelah pada pengarang untuk tidak mahu membesarkan kedudukan raja-raja Melayu. Tetapi ternyata sikap pengarang *Tuhfat al-Nafis* terhadap raja-raja Melayu adalah penuh hormat, meletakkan orang tertentu pada tahap yang tinggi di mana yang patut dan sebaliknya memberi hukuman pada sesiapa juga yang patut diberikan hukuman.

Sungguhpun begitu pengarang *Tuhfat al-Nafis* tidak akan menolak legenda yang mungkin dapat diterima, tetapi dengan suatu kehematan (reservation). Contohnya mengikut *Tuhfat al-Nafis*:

“Adapun bendaharanya anak Tun Permata Muka Berjajar, dan masanya kerajaannya mendapat seorang datipada rakyatnya yang gagah perkasa bernama Si Badang yang boleh mencabut kayu-kayu dua tiga pemeluk sebab ia makan muntah hantu konon.”

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 3)

atau

"Adapun Sang Rajuna Tapa itu apabila Raja Iskandar Syah itu sudah keluar dari Singapura, maka lalulah ia masuk ke belubur beras. Maka tumbanglah belubur beras itu ke dalam parit. Maka terjatuhlah Sang Rajuna itu bersama-sama rumah belubur beras itu ke dalam parit. Lalulah ia mati dengan anak bini-nya menjadilah batu *konon*."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 4).

Pemilihan legenda-legenda seumpama di atas tidaklah sewenang-wenang, sebaliknya bergantung sangat kepada fungsinya. Pemerian legenda asal usul raja-raja Siak yang agak cabul kedenarannya mendekati akan sifat peribadi Raja Keeik yang rendah yang bertanggungjawab membawa huru-hara di kawasan Johor dan Riau. Di dalam kata-kata pengarang *Tuhfat al-Nafis* itu sendiri:

"Adalah setengah kaul sejarah mengatakan tutkala mangkat baginda (Sultan Mahmud) itu zakarnya berdiri, maka tiada berani orang menutam baginda itu. Maka musyawarahlah segala orang besarnya apa pekerjaan itu, sangat ajalih. Maka daripada isi istana adalah baginda itu tengah berbahikan Encik Pong, maka baginda pun mangkat. Maka takbir segala orang besar-besar itu, baginda itu takut tiada meninggalkan anak encu yang bangsa daripadanya. Maka disuruhkan orang besar-besar itu akan Encik Pong itu setubuh dengan baginda itu. Maka apabila selesai baharulah rebuh zakar bagindaritu. Maka Encik Pong buntinglah *konon*."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 16-17).

Sungguhpun terasakan agak lucu dan kotor ia ada kaitan dengan sifat Raja Keeik itu sendiri seperti akan tergambar nanti, dan ternyata juga ia diakhiri selalu dengan kenyataan sifat kedongengan cerita ini secara menyebut *konon*.

Perjalanan cerita *Tuhfat al-Nafis* pada dasarnya berkait dengan interaksi di antara tiga golongan raja-raja, raja-raja Melayu Johor (keturunan dari raja Melaka), raja-raja Bugis dan raja-raja Siak. Ruang lingkup waktu berlakunya peristiwa-peristiwa adalah hampir dua abad. Pengarang menyedari akan kesulitan merencanakan salasilah itu. Oleh itu ia memulakannya menyusun ringkasan salasilah bagi setiap golongan di bab paling awal dan kemudian baharu disusuli dengan peristiwa-peristiwa utama yang didukung oleh watak-watak penting. Watak-watak terpenting tidaklah

seperti watak-watak cereka yang hidup bertindak dan mewarnai mereka dengan gambaran yang terhurai, tetapi adalah lebih merupakan watak representatif satu puak atau golongan yang menentukan martabat atau hargadiri satu-satu golongan.

Jika dilihat dari sudut intipatinya *Tuhfat al-Nafis* boleh dirumuskan sebagai satu kitab mengenai peperangan. Peperangan bererti permusuhan di antara individu atau puak-puak. Di dalam *Tuhfat al-Nafis* peperangan itu adalah di antara Bugis dan Siak atau Terengganu ataupun di antara Bugis dengan Belanda. Peperangan bererti penentuan dan penunjulan kekuatan. Di dalam *Tuhfat al-Nafis* kekuatan Bugislah lebih terkemuka dari yang lain. Peperangan mesti berlandaskan objektif dan di dalam *Tuhfat al-Nafis* objektif ini berbagai-bagai. Bagi Bugis adalah untuk memenuhi nafuri perantauannya dan memperlihatkan kegemilangan dan kekuatan bangsanya khususnya opu-opu lima bersaudara. Manakala daripada pihak musuhnya Raja Kecik memenuhi selera dendam dan kesukaan bergaduh. Di dalam peperangan ada *intrigue*, strategi, kenekatan dan pelbagai unsur-unsur yang menarik. Segala ini ditambah dengan motif-motif lain menjadikan *Tuhfat al-Nafis* kompleks dan menarik dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Oleh kerana cerita di dalam *Tuhfat al-Nafis* itu kompleks, maka sukar ia dikaji dengan secara amat menyeluruh dan tidak mungkin berupaya dijalankan di dalam ruang yang singkat ini. Walau bagaimanapun tanpa melupakan akan sifat sejarahnya yang berbeza dengan sifat karya-karya naratif fiksyen, kita boleh merumuskan keistimewaannya dengan menumpukan perhatian kita kepada tiga persoalan; apa yang penting, apa yang menarik dan apa yang terkesan mengenai *Tuhfat al-Nafis* ini.

Salah satu daripada anasir-anasir yang terpenting adalah salasilah. Ini telah dibincangkan lebih awal tadi. Yang menarik mengenai salasilah ini adalah perihal adanya tiga salasilah yang menunjukkan interaksi utama di antara tiga kumpulan raja-raja, iaitu raja-raja Melayu Johor, raja-raja Bugis dan raja Siak. Asal terjadinya pertembungan ini perlu perhatian. Ia harus disusul daripada Sultan Mahmud Marhum Mangkat Dijulang. Melalui gundiknya Eneik Pong, Sultan Mahmud memperoleh anak yang dibela kemudiannya oleh Puteri Janilan (Siak) hingga ia memperoleh kuasa dan pengikut di Siak dan negeri-negeri sekitarnya. Raja Kecik mempunyai cita-cita untuk merampas kuasa warisan dari Sultan Mahmud

Marhum Mangkat Dijulang yang telah dipegang oleh Sultan Abdul Jalil, dahulunya bendahara kepada Sultan Mahmud, selama sembilan belas tahun. Di dalam masa yang sama pula opu-opu Bugis telah sedia di perairan sebelah Riau dan Semenanjung mengukuhkan perdagangan dan pengaruhnya. Raja Kecik mengetahui kekuatan Bugis dan cuba memperoleh semuafakatan dengan Bugis bagi melanggar Johor, tetapi perlawanan ini ditolak oleh opu-opu Bugis sebab "tiada kebetulan dengan timu-timunya". Dengan itu tanpa bantuan Bugis, Raja Kecik bersama-sama anak Minangkabau dari Bengkalis mengatur langkah melaksanakan cita-citanya. Dengan tipu helah yang termakan oleh rakyat Johor mudahlah takhta kerajaan Abdul Jalil dirampasnya.

Ini merupakan satu peringkat menuju kepada bermulanya interaksi tiga segi Johor – Siak – Bugis. Kejadian selanjutnya menentukan sifat interaksi ini. Perkembangan ini terjadi disebabkan oleh tindak laku Raja Kecik sebagai peringkat baharu, terutamanya terhadap Bendahara Abdul Jalil dan keluarganya. Abdul Jalil dan keluarganya diperhinanya. Sementara itu opu-opu Bugis lima bersaudara memainkan pengaruhnya setelah Puteri Abdul Jalil, Raja Tengah mempelawa mereka mempertahankan nama baik mereka sekeluarga. Dengan membina persemuafakatan yang amat teguh dan melalui perkahwinan Puteri Abdul Jalil iaitu Tengku Tengah dengan Daing Perani, terbinalah satu strategi yang amat menguntungkan. Ini digambarkan di dalam *Tuhfat al-Nafis*:

Syahadan tersebut di dalam siaroh Siak, adalah Tengku Tengah itulah yang sangat-sangat hendak menghapuskan kemaluan itu. Maka muafakat ia dengan saudaranya Raja Sulaiman. Maka lalulah dijemputlah opu-opu itu makan. Kemudian Tengku Tengah pun berdiri di pintu selasar membuka bidai, melepak subang di telinganya, sambil ia berkata, "Hai raja Bugis, jika kau sungguh tuan hamba berani, tutupkanlah kemaluan beta anak-beranak adik-beradik! Maka apabila tertutup kemaluan beta semua, maka relalah beta menjadi hamba raja Bugis. Jika hendak disuruh jadi penganak nasi raja sekalipun relalah beta."

Maka apabila Opu Daing Perani mendengar kata Tengku Tengah itu maka ia pun menjawab seraya berkata, "Insya Allah, seboleh-bolehnya hambalah menutup kemaluan tengku semua anak-beranak adik-beradik." Kemudian baharulah berjanji Raja Sulaiman dengan opu-opu itu jika hasil

maksudnya yang opu-opu lima beradik, salah seoranglah menjadi yang Dipertuan Muda turun-temurun. Setelah selesai berjanji-janji itu maka mengadaplah ia kepada ayahandanya menghabarkan hal-hewal maksudnya itu. Maka dibenarkan oleh ayahandanya itu ikhtiar anakandanya itu. Maka lalu dini-kahkannya saudara Tengku Tengah itu dengan Opu Daing Perani betapa adat istiadat raja-raja nikah kahwin.

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 60).

Daing Perani saudara tertua bagi opu-opu Bugis bersaudara tidak terburu-buru bertindak, sebaliknya ia mengambil masa untuk mengumpulkan kelengkapan perang ketika ia berada di Matan. Di dalam masa itu perhubungan di antara Raja Kecik dengan keluarga Bendahara Abdul Jalil menjadi semakin runcing. Raja Kecik amat zalim, tergamak ia memerintahkan Laksamana Nakhoda Sekam membunuh bapa mertuanya yang juga bendaharanya ketika ia berada di Kuala Pahang. Gambaran peristiwa ini amat nyata dilukiskan oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis*:

"Syahadan kata sabibul hikayat di dalam hal antara itu datanglah pula seorang suruhan Raja Kecik, bernama Si Emas Raden membawa surat kepada Laksamana Nakhoda Sekam. Maka tersebut di dalam surat itu, 'Janganlah Sultan Abdul Jalil dibawa ke Riau lagi, bunuhlah sekali, kita tahuhan matinya sahaja.' Syahadan apabila Laksamana Nakhoda Sekam mendengar surat daripada Raja Kecik itu, maka ia pun terdiamlah sejurus berfikir kerana asalnya titah tidak begitu sekarang, demikian pula jadi hairanlah ia, hendak pun tiada diturut takut pula dapat salah kerana surat titah itu dengan capnya sekali. Maka apabila telah habis fikirannya maka lalulah ia menyuruh empat orang panglima berbaju rantai serta dengan beberapa orang pergi mengamuk kenaikan baginda itu."

"Maka pada waktu Minangkabau mengamuk itu baginda lagi di tikar sembahyangnya, baharu lepas sembahyang subuh tengah membaca wirid. Maka panglima Minangkabau itu pun naiklah, pada sangka juak-juak baginda itu panglima sengaja hendak mengadap baginda, maka tiadalah dihiraukannya. Maka seketika lagi ia pun naik maka diparangnya hulu baginda. Maka baginda pun terkejut lalu disambar baginda pedang panglima itu, maka dapatlah pada tangan baginda. Maka mengaruklah baginda diparangnya panglima-panglima itu. Syahadan tersebut di dalam siarah Siak delapan orang pang-

lima-panglima itu mati dibunuh oleh baginda itu. Maka baginda pun rebahlah lalu mangkat.”

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 68-69)

Anak-anak Raja Sulaiman bersabar menghadapi penderitaan itu, hingga ke puncaknya lalu menulis surat kepada opu-opu lima beradik yang berada di Matan.

Daripada pemerian pengarang *Tuhfat al-Nafis* kelihatannya peluang ini sedia dinanti-nantikan kerana apabila opu Daing Perani mendengar bunyi surat itu berbangkitlah gembiranya seperti api yang bernyala-nyala dan selanjutnya Kelana Jaya Putera berkata,

“Jika belum aku ambil Riau dengan segala takluk daerahnya aku serahkan kepada Raja Sulaiman, aku baramkan menjejak tanah Bugis atau aku mati.”

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 70).

Dengan kebijaksanaan dan taktik perang yang wajar, dan dengan kekuatan dan keberanian, Bugis dengan mudah dapat mengalahkan Raja Kecik hingga terpaksa Raja Kecik berundur sahaja pulang ke Siak.

Peristiwa yang berlaku seperti ini amat penting dan ia menjadi satu titik tolak perkembangan selanjutnya. Peristiwa ini adalah persemuaafakatan yang teguh di antara Raja Sulaiman dan anak-anak raja Bugis. Raja Bugis dikahwinkan dengan puteri-puteri sebelah Sultan Sulaiman. Ia mengukuhkan perjanjian di antara raja-raja Melayu Johor dengan Bugis. Persemuaafakatan itu berupa persemuaafakatan di dalam pemerintahan dengan kedua-dua pihak raja-raja Melayu dan Bugis. Ini bermaksud pada raja-raja Melayu itu terletak kedaulatan kerajaan, seperti yang diproklamirkan oleh Kelana Jaya Putera.

“Barang tahu kiranya segala anak Bugis dan Melayu, maka adalah hari ini Raja Sulaiman bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah menjadi Raja Yang Dipertuan Besar memerintahkan negeri Johor dan Riau dan Pahang dengan segala takluk daerahnya!”

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 82).

Sungguhpun begitu Sultan Sulaiman yang telah memperoleh bantuan daripada anak-anak Bugis merasakan amat perlu dan terikat dengan janji-asalnya mendapat bantuan anak-anak Bugis dalam pekerjaan memerintah dan ini terletak pada jawatan Yang

Dipertuan Muda yang dibentuk dan pada anak-anak Bugis itu difahamkan mempunyai tanggungjawab yang tegas seperti kata Kelana Jaya Putera,

"Yakinlah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, akulah Yang Dipertuan Muda yang memerintahkan kerajaanmu. Barang yang tidak suka engkau membujur di hadapanmu aku lintangkan, dan barang yang tiada suka melintang di hadapanmu aku bujurkan. Barang yang semak di hadapanmu, aku cucikan."

Demikian telah kita lihat corak interaksi tiga segi Melayu – Bugis – Siak dan secara kasar perkembangan itu bergerak seperti di bawah:

Peringkat 1: Johor – Bugis – Siak

Peringkat 2: Johor + Bugis – Siak

Persemaufakatan dan persetiaan ini amat perlu bagi mengekalkan kedudukan kerajaan Melayu Johor-Riau. Pengingatan semula terhadap persemaufakatan dan persetiaan raja Melaka dan bendaranya di dalam *Sejarah Melayu* dapat menolong memahami pentingnya pertalian ini bagi kepentingan kerajaan Johor-Riau. Di dalam *Sejarah Melayu* persetiaan di antara raja-raja Melayu dengan bendaharanyaalah yang menentukan keteguhan kerajaan Melaka, dan sebaliknya pengkhianatan oleh salah seorang dapat mengakibatkan kepada kejatuhan bagi kerajaan.

Di dalam *Sejarah Melayu* bendahara tertakluk di dalam persetiaan ini atas dasar ia lebih rendah di dalam martabat dan kedaulatan. Tetapi berbeza di dalam *Tuhfat al-Nufis* pada sebab situasi dan kenyataan yang berlaku. Kerajaan Johor-Riau sedang melalui satu era di waktu kedaulatan semata-mata tidak mencukupi bagi menegakkan dan mempertahankan kerajaan. Kejatuhan kerajaan telah banyak berlaku sebelumnya dan kini pun pertarungan untuk merebut kerajaan sedang berlaku. Lebih penting daripada itu adalah kekuatan bagi menegakkan dan mempertahankan kerajaan, kekuatan yang bergantung kepada pengaruh, kepintaran dan kepahlawanan. Maka kerana itulah Sultan Sulaiman menekankan kepada opu-opu Bugis, salah seorang mereka sekurang-kurangnya mesti tinggal di Riau.

Jadi, di dalam persetiaan di antara Johor-Bugis tidak timbul satu mengatasi yang lain. Yang wujud adalah persetiaan satu menghendaki yang lain dan perkhidmatan ini perlu dibayar sewajarnya.

seperti yang telah dijanjikan. Pada raja Melayu ada kerajaan yang dianggap berdaulat dan pada Bugis ada keupayaan dan kekuatan dan ketahanan bagi mempertahankan akan kerajaan itu. Kesetiaan seumpama ini jelas tidak ditetapkan oleh nasib yang didasarkan oleh etika budaya tetapi ditentukan oleh realiti sejarah di zaman tersebut di mana keteguhan kuasa tidak bergantung semata-mata kepada mitos tetapi bergantung kepada kepintaran di dalam menyusun strategi dan teknik perang. Strategi dan teknik perang dipunyai oleh Bugis, maka itu raja-raja Melayu yang lemah itu harus bergantung kepada Bugis.

Pergantungan raja-raja Melayu terhadap opu-opu Bugis bererti mengenepikan orang besar-besar Melayu yang sepatutnya mempunyai peranan yang setanding dengan Bugis, jika tidak pun lebih tinggi di dalam pentadbiran negeri. Walaupun mereka tidak kehilangan pendapatan tetapi di dalam hal pengaruh dan harga diri mereka menjadi lebih rendah daripada kedudukan Yang Dipertuan Muda dan anak-anak Bugis. Oleh itu timbulah rasa tidak senang hati dan khianat dendki dan fitnah terhadap opu-opu Bugis. Di sinilah bermulanya puncak keretakan di dalam perhubungan yang dulunya harmonis.

Beberapa kali pengarang *Tuhfat al-Nafiv* menggambarkan pergeseran yang berlaku di antara pihak-pihak Bugis dengan orang-orang besar Melayu di Riau. Di antara yang terpenting ialah:

1. Ketika pemerintahan dan Yang Dipertuan Muda Daing Kemboja, Raja Kecik Terengganu memasukkan fitnah mengatakan Bugis hendak mengamuk dan membakar rumah, atau hendak membakar kota dan berturut-turutlah fitnah seumpama itu.
2. Di dalam pemerintahan yang sama Raja Kecik membuat bohong kepada Gabenor Melaka mengatakan bahawa Sultan Sulaiman meminta bantuan Belanda membuang Bugis dari Riau.
3. Apabila Melaka dan Riau diserahkan kepada kompeni Inggeris, timbulah perselisihan supaya dilantik Yang Dipertuan Muda baharu bagi menggantikan tempat Raja Ali yang telah keluar dari Riau itu.

Pergeseran seumpama di atas yang bercampur-baur dengan fitnah dan niat basar adalah berhasrat untuk mengurangkan pengaruh

Bugis terhadap Yang Dipertuan Besar Riau. Sungguhpun begitu, oleh kerana orang-orang Melayu yang anti-Bugis di Riau itu tidak mempunyai kekuatan bagi menandingi pengaruh dan kebijaksanaan Bugis, kerapkali puak-puak Melayu mengheret anasir-anasir luar ke dalam kancab pergeseran ini, termasuklah Terengganu, Siak dan Holanda. Malah dari awal lagi Raja Kecik Terengganu yang merupakan punca fitnah utama, khususnya di dalam fitnah yang paling buruk, iaitu meminta Holanda Melaka menangkap Raja Haji tiga bersaudara. Fitnah ini membawa kepada perperangan di antara Bugis dan Holanda, peristiwa yang amat besar kesannya di dalam sejarah. Harga pertentangan ini amat mahal bagi Riau – Riau terpaksa membayar kepada Belanda belanja perang, kehidupan ekonomi terjejas dan martabat Sultan Sulaiman merosot. Begitu juga di ketika yang lain permuafakatan di antara Raja Terengganu untuk melanggar Riau menggugat akan kemakmuran dan kesejahteraan Riau yang baharu dibina semula oleh Raja Haji.

Kedudukan anak-anak Bugis sebagai Yang Dipertuan Muda tidaklah bergantung sepenuhnya kepada Yang Dipertuan Besar Riau seperti halnya bendahara-bendahara di dalam kerajaan Melayu Melaka dahulu. Bukan hanya di Riau sahaja tempat ia boleh bernaung. Ia boleh menetap di Riau dan boleh juga keluar meninggalkan Riau. Tetapi sebaliknya pula raja-raja Melayu, oleh sebab kelebihannya mereka merasakan perlu sangat Bugis terus menetap di Riau bagi mempertahankan kedudukannya di samping mentadbir negeri seperti yang jelas dirumuskan daripada kata-kata Sultan Sulaiman:

“Syahadan tersebut perkataan Sultan Sulaiman di dalam Riau, yang duduk di dalam percintaan sebab perbuatan Raja Kecik Terengganu itu dan negeri pun sudah rosak, beras pun mahal. Maka kesakitanlah segala orang miskin, rakyat-rakyat pun banyaklah kelaparan.”

Syahadan setelah baginda melihat hal yang demikian itu, maka baginda pun memanggil paduka anakanda raja di Baruh. Maka raja di Baruh pun mengadaplah paduka ayahanda baginda itu. Maka apabila berhadapan maka titah baginda, “Awang baiklah engkau pergi ambilkan Raja Muda ke Linggi, kerana jangan kita dimakan sumpah setia. Seperkara lagi negeri kita inilah rupanya pada hal negeri cukup dengan Bendahara, Temenggung serta orang-orang besarnya, maka negeri pun mangkin sehari mangkin rosak sebab perdagangan sudah

mati, dikacau oleh Wan Dalam serta suku-suku kita sebelah Melayu. Dan lagi niat hatiku, jika aku sudah berjumpa dengan Raja Muda jika aku mati pun syukurlah, aku minta jemah juga kepadanya dan aku hendak petaruhkan engkau semua kepadanya."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 147).

Oleh kerana itu di dalam *Tuhfat al-Nafis* pembaharuan taat setia berlaku setiap kali ada pergeseran. Umpamanya semasa pemerintahan Sultan Sulaiman taat setia itu diperbaharui apabila Sultan Sulaiman bertitah:

"Barang tahu kiranya antara kedua pihak, sebelah suku-suku Melayu dan sebelah suku-suku Bugis, adalah kita menetapkan sumpah setia antara Bugis dengan Melayu, seperti Setia Marhum Sungai Baharu, yang dipegang hingga sampai kepada anak cucu cicitnya. Barang siapa mungkir seperti yang telah tersebut ini, dibinasakan Allah dan dikutuknya tiada selamat dunia akhirat."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 149)

Kita sekarang boleh mengikuti beberapa perkara yang dianggap menarik di dalam *Tuhfat al-Nafis*. Yang menarik mestilah merupakan sesuatu yang 'terkemuka' yang dengan sifat-sifat tertentunya menuntut pemerhatian yang lebih khusus dari perkara-perkara lain. Penulis cuba membicarakan tiga hal yang menarik – watak-watak tertentu, peristiwa-peristiwa dan pandangan hidup pengarangnya.

Pada umumnya peristiwa-peristiwa di dalam *Tuhfat al-Nafis* dapat dianggap sebagai unsur yang paling penting malah memenuhi sebahagian besar daripada isi. Secara kasarnya ia dapat dikelaskan kepada peristiwa-peristiwa berkaitan dengan salasilah, perpindahan, perjalanan, peperangan dan pentadbiran negeri. Yang paling utama dan menonjol adalah peristiwa-peristiwa peperangan yang mencakupi tujuan-tujuan menekankan pengaruh, merebut kuasa dan mengadu kekuatan, menegakkan kebenaran dan peperangan yang berpunca daripada hasil hasutan. Sebahagian besarnya pula adalah melibatkan pihak Bugis atau kerajaan yang di bawah pengaruhnya melawan akan musuh-musuh dari luar ataupun musuh di dalam selimut. Di sini dikemukakan beberapa peristiwa peperangan yang penting sahaja.

Pertarungan pertama di antara opu-opu Bugis dan Raja Kecik Siak amat menarik sebagai satu penentuan kepada pengaruh yang

akan bertapak di kawasan ini. Raja Kecik yang dikatakan keturunan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang dari ‘persatuannya’ dengan Encik Pong, telah terfikir bahawa ia berhak untuk mengambil balik takhta kerajaan Johor lalu mengumpulkan kekuatan dari Siak dan pengikut-pengikutnya dari Bengkalis dan Pulau Bahara. Dengan bermodalkan kepada mitos keturunan dan berstrategikan kepada ‘memujuk dan menipu-nipu’ hati rakyat Johor, mudah sekali Raja Kecik mengalahkan Sultan Abdul Jalil Johor. Sayangnya ia tidak bijak membina satu pemerintahan yang teguh tetapi sebaliknya sentiasa menimbulkan kebencian di kalangan peribadi-peribadi utama yang ditakluknya.

Asas bagi kedatangan anak-anak Bugis ke Johor menjadi lebih diperlukan dan lebih tepat. Ia bermula daripada perjanjian di antara anak-anak Bugis dan Raja Jalil dan dikira daripada perhitungan (timu-timuan) anak-anak Bugis itu sendiri dengan sumpah panglima perang yang berpengalaman, Kelana Jaya Putera.

“Jika belum aku ambil Riau dengan segala takluk daerahnya dan serahkan kepada Raja Sulaiman aku haramkan menjelajah tanah Bugis atau aku mati.”

Suasana perang ini lebih elok dilihat daripada kacamata pengarangnya sendiri yang terbayang dengan jelas simpati pengarang dan rasa megah yang timbul daripadanya.

“Maka apabila sampai ke Pengujan lululah berperang berbedil-bedilan, azamatlah bunyi bahana meriam, sebelah-menyebelah, gegak gempita, tiada kedengaran apa lagi, asap pun naik ke udara menggerbak. Maka seketika berperang itu Bugis pun turun ke sampan tundanya membawa terakul dan pemburusnya, lalu dipintasnya sebelah peminggangnya perahu-perahu Minangkabau itu, lululah dirapatnya. Maka tiadaalah tertahan oleh Minangkabau kerana tiada boleh mengisi meriam lagi, serta banyaklah matinya. Ada kira-kira sehari semalam maka pecahlah perang Raja Kecik itu, pecah-belah lintang-pukang tiada tentu haluannya sebab kerana sudah dirapati oleh Bugis itu dengan terakul dan pemburusnya. Maka beranyutlah Raja Kecik undur, melawan sampai lari. Maka diikut oleh Bugis sambil dibedilnya dengan meriam dan rentaknya dan senapang-senapangnya. Malah larilah segala kelengkapan Raja Kecik itu membawa dirinya ke Pulau Bayan dan manamana yang tenggelam tinggallah ia sepanjang laut itu berhanyutan. Maka naiklah Raja Kecik ke Pulau Bayan kerana kubunya ada

memang di situ dan segala perahu-perahunya berkeliling di situ setengah orangnya naik ke darat.

Syahadan apabila opu-opu itu melihat hal yang demikian itu, maka dibahaginyaalah kelengkapannya itu pula dua bahagi dan satu bahagian naik ke Tanjung Pinang diperbuatnya kubu di situ membedil ke Pulau Bayan, dan satu bahagian berdayung masuk ke hulu Riau, jangan dihiraukan bedil orang yang dari Pulau Bayan itu. Maka apabila sampai ke hulu, hadapkan haluannya ke hilir langgar perahu-perahunya yang di Pulau Bayan itu, demikian titah opu-opu itu. Maka diperbuatlah oleh segala Bugis itu seperti titah opu-opu itu adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat maka serba-salahlah kelengkapan Raja Kecik. Maka Raja Kecik pun menyuruh orang-orangnya turun ke perahu semula, menyuruh lawan perahu Bugis yang masuk itu. Maka apabila dilihat Bugis Pulau Bayan itu tiada orangnya lagi habis turun ke perahunya, maka direbutnya pula Pulau Bayan. Maka lalu diamuknya, maka berterjunanlah segala orang-orang dari Pulau Bayan itu. Maka Raja Kecik pun turunlah ke kenaikannya hendak mudik, maka dibedil pula oleh perahu-perahu Bugis yang dari sebelah hulu, sebab haluannya sudah menghadap ke kuala. Maka tiadalah jadi Raja Kecik itu mudik, lalu merapati Tanjung Ungkat pula. Maka baharu hendak naik ke darat, kira-kira setengah orang-orangnya hendak lari ke hulu, maka dipintasi oleh Bugis-bugis dari darat, lalulah dibedilnya dengan terakul dan pemburasnya. Maka berterjunanlah pula turun ke perahunya.

Maka kenaikan Raja Kecik pun undurlah lari ke Pulau Penyengat. Maka tinggallah orang-orang dan panglima-panglima Raja Kecik di darat itu kerana tiada sempat turun lagi. Maka hujan pun lebat, sabur-menyalurkan. Maka beramuk di darat. Adapun Minangkabau dengan pedang, dan Bugis dengan pemburas dan lembing dan berbaju rantai. Maka larilah segala Minangkabau ke tepi pantai. Maka apabila perahu-perahu Bugis melihat Minangkabau lari ke tepi pantai itu, maka didekatkannyalah segala perahu-perahunya, lalulah naik ke darat. Maka dibunuuhnya segala Minangkabau itu, beberapa yang terkerat kepalanya, habislah mati semuanya dan Pulau Bayan pun dapat diamuk oleh Bugis-bugis yang dari Tanjung Pinang itu. Maka opu-opu itu pun turun kepada gurabnya, lalu mengusir Raja Kecik yang lari ke Pulau Penyengat itu.

Syahadan apabila Raja Kecik itu melihat perahu-perahu Bugis menuju Pulau Penyengat, maka ia pun menarik layar lalulah

belayar dengan dayung-dayungnya menuju negeri Lingga. Maka bersoraklah Bugis-bugis azamatlah bunyinya. Maka alahlah Raja Melayu Minangkabau berperang dengan opu raja Bugis yang bernama Kelana Jaya Putera. Maka gempalah di dalam Riau mengatakan Minangkabau sudah habis mati dan Raja Kecik sudah lari ke Lingga, dan dapatlah Riau oleh raja Bugis sekali. Maka banyaklah Melayu Minangkabau tertawan oleh Bugis mana-mana pihak sebelah Raja Kecik, melainkan kecuali yang di dalam istana Raja Kecik yang tiada diberi opu-opu itu tawan."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 71-73)

Peperangan di antara Bugis dan Raja Kecik di atas merupakan salah satu daripada peperangan-peperangan yang amat penting, seperti dirasakan oleh opu-opu Bugis itu sendiri bahawa ijtihad berperang dengan Raja Kecik akan berpanjangan. Walaupun Raja Kecik telah alah dan meminta berdamai, namun ia masih gemar menunjukkan 'taring'nya, walaupun ia tidak dapat menundukkan Bugis.

Satu lagi peperangan yang dikirakan penting dan jelas gambarannya ialah peperangan di antara Raja Haji dengan Belanda di Melaka. Peperangan ini adalah ikutan daripada hasad dendki Raja Kecik Terengganu terhadap opu-opu Bugis yang dicemburui akan pengaruhnya. Holanda menerima sahaja pelawaan Raja Kecik Terengganu untuk mengusir Raja Haji yang berada di Linggi, kononnya mengikut kehendak Sultan Sulaiman. Serangan Belanda datang secara tiba-tiba tanpa ada masa untuk Raja Haji membuat kubu. Peristiwa ini jelas digambarkan:

"Syahadan ada kira-kira dua hari maka kapal-kapal langgaran dari Melaka pun datanglah. Ada kira-kira dua belas buah dengan selubnya sekali dengan perahu Terengganu, menjadi ada kira-kira empat puluh buah. Maka datanglah ia dengan terserkap. Maka tiada sempat Yang Dipertuan Muda itu, beramuklah Bugis-bugis dengan Holanda. Adapun orang Terengganu seorang pun tidak masuk perang, beberapa kali disuruh oleh Raja Haji teriak naik ke darat dengan perkataan yang keji-keji, tiada juga ia naik ke darat bertikam.

Maka Bugis-bugis pun tiada dapat melawan betul sebab gaduh dengan bimbang, hendak melepaskan segala perempuan pada hal baris sudah masuk kampung. Maka Raja Haji itu pun mengamuklah berlawan dengan baris, maka lukalah Raja Haji kena sangkur senapang pada pahanya, maka ia pun tiada boleh

berdiri, maka lalulah didukung orang dilarikan keluar dari pada peperangan itu, maka di dalam hal itu Linggi pun alah. Maka Raja Muda larilah ke Rembau, tetaplah di dalam Rembau muafakat dengan penghulu Rembau itu pada pekerjaan hendak melanggar Melaka pula."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 138-139).

Tetapi perkembangan selanjutnya, memperlihatkan kekuatan Bugis:

"Syahadan setelah mustaid kubu-kubu itu maka Yang Dipertuan Muda pun melanggar Peringgit, maka Peringgit pun alah-lah. Maka lalu melanggar Bukit Cina, maka tiga kali langgar Bukit Cina pun alah juga. Kemudian Semabuk pula dilanggarinya, lalu ke Teluk Ketapang. Maka yang Dipertuan balik semula ke Kelebang. Maka tiada berapa lamanya Raja Sa'id datang dari Selangor membawa petikaman dari Selangor, beberapa ratus Bugis. Kemudian Raja Alam pun datang membawa segala petikaman beberapa ratus. Lalu Raja Alam berbuat kubu besar satu."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 141).

Walaupun kemudiannya Holanda mendapat bantuan yang kuat dari Betawi kedudukan Bugis masih pada tahap tinggi:

"Kemudian datanglah Langgar dari Melaka terlalu banyak soldadunya sebab bantunya sudah datang dari Betawi, iaitu ada enam bangsa yang datang itu. Pertama soldadu Holanda serta Nasrani, kedua soldadu Bali, ketiga soldadu Jawa, keempat soldadu Bugis, kelima Cina, keenam Melayu. Maka rapatlah segala soldadu itu, mengepung kubu tiga buah itu. Maka lalu beramuk-amukan bunyi senapang pemburiasnya pun tiada keputusan. Maka dengan tolong Allah subhanahu wataala tiada juga afah. Maka banyaklah mati soldadu hari itu. Adapun pakaian soldadu yang mati-mati seperti cepiau-cepiau dan kasut-kasut itu pun bertimbun-timbun. Kemudian berhenti perang."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 141-142).

Peperangan di antara Belanda dan Raja Haji ini kemudian berakhir dengan perdamaian setelah Belanda diberitahu dan memeriksa sendiri akan asal usul segala perkara ini.

Konflik di antara Belanda dan Riau berlaku beberapa tahun kemudiannya di dalam bentuk yang lebih hebat. Ia adalah ekoran daripada perbalahan mengenai perjanjian pembahagian rampasan. Peperangan ini berlarutan hingga satu tahun lamanya tanpa ada

penentuan siapa yang menang, tetapi pelukisan pengarang memperlihatkan kekuatan Bugis. Puncak peperangan yang digambaran jelas memperlihatkan ketangkasan pihak Bugis yang berjuang dengan penuh azam dan dengan tekad jihad fi sabilillah:

"Sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Raja Haji serta Paduka Anakanda Yang Dipertuan Selangor Raja Ibrahim musyawarahlah ia pada pekerjaan perangnya itu. Maka Yang Dipertuan Selangor pun pergila ke Batang Tiga berbuat kubu di situ serta menyuruh melanggar sebelah darat Melaka. Maka dikeluarilah oleh orang-orang Melaka serta soldadu Holanda. Maka berperanglah kedua pihak bermati-matian sebelah-menyebelah. Maka tiada berapa antaranya tewaslah orang Melaka maka lalu undur masuk ke negeri Melaka.

Syahadan sebermula adapun Yang Dipertuan Muda Raja Haji menyuruh pula melanggar sebelah timur Melaka itu dengan beberapa ratus Bugis dan Melayu. Maka dikeluari pula oleh orang Melaka beratus-ratus soldadunya. Maka lalulah berperang beramuk-amukan azamatlah bunyinya. Maka seketika berperang itu bermati-matianlah antara kedua pihak. Maka Penggawa pun menyuruh mara mengamuk merebut meriam keretanya. Maka maralah Bugis-bugis dan orang-orang Riau lalu beramuk. Maka seketika beramuk-amuk itu maka dapatlah meriam itu. Maka orang-orang Melaka pun undurlah masuk ke negeri. Syahadan mangkin sehari mangkin tewaslah orang-orang Melaka hingga telah habislah sekeliling negeri Melaka itu didapat Yang Dipertuan Muda Raja Haji itu tinggal kota-nya sahaja bulat-bulat.

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 207).

Sekiranya tidak disebabkan Holanda memperoleh bantuan dari Betawi mungkin berbeza sejarah yang berlaku di kawasan ini. Dan kedatangan bantuan bagi pihak Holanda juga menyebabkan syahidnya Raja Haji yang amat terkenal itu. Perihal ini dilukiskan secara halus oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis*:

Syahadan kata sahibul hikayat di dalam hal perang yang demikian itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun bersukacukaan jua tiap-tiap malam serta berjamu makan minum sebagaimana kedudukan orang yang tiada di dalam kesusahan demikianlah khabarnya. Syahadan apabila sampailah sudah waktu dan bilangan janjinya qadak dan qadarnya daripada Allah taala, maka naiklah soldadu Holanda beribu-ribu sebelah Pernu dipintasinya dari sebelah darat belakang kubu di Tanjung Palas kubu yang besarnya sekali tempat Yang Dipert-

tuan Muda itu dan satu kubu kecil di sebelah darat, iaitu kubu Encik Ibrahim anak Bandar Hasan. Maka Holanda itu pun menyerakaplah kepada kubu Encik Ibrahim itu maka lalu berperang beramuk-amukan. Maka kubu itu pun alahilah maka Encik Ibrahim itu pun lari ke kubu besar tempat Yang Dipertuan Muda Raja Haji semayam itu memberitahu mengatakan soldadu sudah dekat memintas sebelah barat.

Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun menyuruh panglimanya keluar mengamuk. Maka adalah Raja Haji itu istighlal ia dengan membaca Dala'il al-Khairat. Maka panglima-panglima itu pun beramuk-amukan bermati-matian sebelah-menyebelah. Maka soldadu Holanda yang beribu-ribu itu pun membedilah akan senapangnya menggerutuplah bunyinya seperti orang menggoreng bertih. Maka banyaklah Bugis-bugis itu mati syahid fi sabil Allah taala. Maka seketika beramuk-amukan itu, maka segala soldadu Holanda beribu-ribu itu pun mengepunglah kubu besar Yang Dipertuan Muda itu bersaf-safiah ia mengelilingi kubu itu. Maka Yang Dipertuan Muda pun bertitah menyuruh amuk. Maka Arung Lenga pun memacu kodanya padabul ia tengah sakit pak ipa. Maka keluarlah ia menempuh baris Holanda itu maka jalulah ia mengamuk. Maka matilah ia dan kodanya pun mati juga dan Holanda banyak juga mati dibunuhinya. Maka dimasukkan-nyalah kubu Yang Dipertuan Muda oleh segala orang besar-besar Holanda itu serta dengan soldadunya. Maka mengamuklah Daing Saliking dan Panglima To Lesang serta Haji Ahmad maka ketiganya menyerbukan diri kepada baris Holanda yang berlapis-lapis itu. Maka seketika ia mengamuk maka matilah ia pun syahid fi sabil Allah ketiganya dengan nama laki-laki. Dan beberapa lagi orang yang baik syahid itu dengan tiada melebuang belakang. Syahadan adapun Holanda mati di dalam perang itu ada kira-kira tujuh puluh orang dan tiga orang besarnya yang mati. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun bangkit menghunus badiknya dan sebelah tangannya memegang Dala'il al-Khairat. Maka dipeluk oleh beberapa orang maka di dalam tengah berpeluk-peluk itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun kenalah peluru baris senapang. Maka ia pun rebahan mangkat syahidlah ia inna lillahi wa inna ilaihi raijun."

(*Tuhfat al-Nafix*, hlm. 208-209)

Sungguhpun peristiwa-peristiwa perang, baik yang melibatkan Bugis mahupun tidak, baik yang terikat dengan negeri Riau atau

yang melibatkan negeri-negeri yang jauh seperti Kedah, Terengganu dan Kelantan, memang mengambil ruang yang amat luas di dalam teks *Tuhfat al-Nafis*. Ini tidak pula bererti peristiwa-peristiwa lain tidak menarik. Peristiwa-peristiwa seperti pembinaan semula ekonomi negeri setelah berlaku perang, kegiatan-kegiatan agama, bertapaknya Belanda di Riau dan Inggeris di Singapura, penggulingan Sultan Mahmud oleh Belanda semuanya menyumbang kepada perkembangan Riau sebagai sebuah negeri yang mempunyai kedudukan istimewa di zaman sebelum Belanda dan Inggeris mengukuhkan pengaruhnya di sebelah sini.

Aspek lain yang dirasakan amat menarik di dalam *Tuhfat al-Nafis* adalah aspek watak-watak. Istilah watak-watak digunakan di sini kerana ia lebih tepat daripada istilah 'perwatakan' yang termasuk di dalamnya proses pembentukan atau gambaran watak di dalam sesebuah karya sastera. Tiada terlihat *sophistication* di dalam melukiskan watak di dalam *Tuhfat al-Nafis* malah dapat dikatakan pengarang hanya berbicara mengenai watak dan tidak membentuk watak. Sesuatu yang memang wajar bagi karya yang menitikberatkan kebenaran sejarah daripada aspek seninya. Watak-watak yang terpapar secara umum bersifat golongan dan tipikal. Golongan dimaksudkan adanya satu kumpulan yang mempunyai sifat-sifat yang hampir serupa manakala tipikal dimaksudkan sebagai mendukung peranan dan sifat-sifat yang hampir sama. Golongan-golongan watak itu adalah golongan raja-raja Melayu Riau, golongan opu-opu Bugis dan raja-raja di bawah pengaruhnya, raja-raja Siak dan yang sepekeriti dengannya seperti Raja Kecik Siak dan Raja Kecik Terengganu. Golongan-golongan ini diperlukutkan seperti mempunyai sifat-sifat yang hampir serupa cocok dengan watak golongan. Seperti raja-raja Melayu dengan sifat-sifatnya amat bergantungan dan tidak aktif, anak-anak Bugis dengan keperwiraan, keberanian dan tawakalnya dan golongan Raja Kecik dengan sifat-sifat negatifnya.

Peranan golongan Raja-raja Melayu seperti di dalam karya betacorak sejarah yang lain adalah merupakan pemerintah di dalam tangannya dan kata putus di dalam pentadbiran negeri. Di dalam *Sejarah Melayu* terlihat golongan ini tidak aktif, tidak terkeluar atau terpancar sebagai watak-watak yang kuat, walaupun ia mempunyai kata putus di dalam satu-satu perkara.

Demikian juga dengan raja-raja Melayu di dalam *Tuhfat al-Nafis*, mereka terletak di belakang segala peristiwa-peristiwa yang

penting ataupun hanya berperanan sebagai pemerhati yang daif. Dapat dikesan bahawa mereka kurang mempunyai 'kekuatan' dan 'ketentuan' di dalam banyak hal baik di masa damai maupun di masa perang. Malah di dalam setiap sifat kebiasaan manusia, setengah daripada raja-raja itu digambarkan sebagai amat lemah. Sultan Mahmud Mangkat Dijulang jelas merupakan watak yang lemah dengan sifat bengis menuntut bunuh Seri Rama hanya atas sebab memakan seulas nangka. Sultan Abdul Jalil yang dahulunya bendahara dan kemudian diangkat menjadi raja digambarkan sebagai raja yang tidak mempunyai apa-apa kekuatan bagi mempertahankan kerajaan daripada serangan Raja Kecik. Malah tepat untuk dikatakan bahawa raja-raja Melayu amat perlukan pertanggungan kepada Bugis, baik di dalam pertahanan maupun pentadbiran negeri. Yang amat nyata ialah sikap Sultan Sulaiman. Setelah selesai tugas Bugis mengembalikan takhta kerajaan kepada tangannya, ia menahan anak-anak Bugis itu daripada meninggalkan Riau, katanya, janganlah balik ke Bugis dahulu mintanyalah salah seorang daripada opu-opu yang lima beradik itu menjadi Yang Dipertuan Muda memerintahkan kerajaan Riau Johor dan Pahang dengan segala takluk daerahnya.

Di dalam banyak peristiwa ia ditunjukkan sebagai berada di dalam keadaan bimbang dan takut. Ia masih perlukan taat setia daripada bangsawan Melayu dan kerabat-kerabatnya tetapi mereka kurang setia dan mempermudahkan kuasa seperti kejadian Raja Kecik Terengganu melibatkan namanya di dalam mendapatkan bantuan Belanda menyerang Raja Haji. Malah apa yang menjadi amat penting di dalam *Tuhfat al-Nafis* adalah penekanan kepada persetujuan di antara Bugis-Melayu bukan di antara raja-bendahara seperti di dalam *Sejarah Melayu*.

Kedudukan raja-raja Melayu kelihatan berada di dalam tahap yang paling rendah dengan pemerian tingkah laku Sultan Mahmud. Akan Sultan Mahmud ini lebih gemar menghabiskan waktu bermain-main, khususnya ke Singapura, tidak hiraukan usaha membaikkan negerinya. Kegemarannya ini tidaklah digalakkkan oleh Yang Dipertuan Muda Raja Ali oleh kerana telah banyak didapati khabar yang tidak elok dilakukan oleh baginda di Singapura bersama-sama dengan juak-juaknya yang muda-muda belaka. Jarang sekali nasihat dari Yang Dipertuan Muda dan Residen Riau masuk di akalnya. Kadang-kadang tindakan juak-juak Sultan Mahmud terhadap Yang Dipertuan Muda itu amat keterlaluan mengakibat-

kan goncangnya perhubungan di antara Sultan Mahmud dan Yang Dipertuan Muda Raja Ali. Ia juga membina istana seperti rumah orang putih yang indah dan besar. Dari pandangan pengarang agak semakin rendahlah martabatnya itu. Kedudukannya menurun sehingga telah dijatuhkan oleh Belanda akan takhta kerajaan, satu tindakan yang pada kaca mata kepentingan pentadbiran adalah wajar tetapi tidak pernah terjadi sebelumnya di kawasan ini.

Ketokohan raja-raja Melayu di dalam konteks karya peperangan seperti *Tuhfat al-Nafis* tentu sekali tidak dapat dikemukakan sebagai 'wira-wira' yang dimegahkan. Wira-wira yang nyata di dalam *Tuhfat al-Nafis* adalah opu-opu Bugis, Yang Dipertuan Muda bagi kerajaan Riau. Kita dapat katakan bahawa *Tuhfat al-Nafis* mengemukakan satu kelompok wira yang terdiri daripada opu-opu Bugis lima bersaudara. Perkelompokan ini dapat dianggap teguh sebagai satu kumpulan yang terikat erat dengan pandangan yang sama mengenai nilai hidup, persaudaraan dan persemuafakatan di dalam tindakan-tindakan mereka. Atas nilai inilah maka raja-raja Bugis dapat menekankan pengaruhnya di Riau walaupun beberapa kali datang cubaan-cubaan untuk mengusirnya. Anak-anak Bugis yang diketengahkan sebagai wira ini tidaklah mendekati sifat wira-wira sastera Melayu yang biasa dengan memperoleh kuasa sekadar daripada sebab keturunan tetapi lebih daripada itu oleh sifat-sifat yang sejati lelaki iaitu – perwira, berani, nekad, bijaksana – dan memperoleh sokongan daripada pengikut-pengikutnya.

Kesimpulannya anak-anak Bugis ini adalah kembara perang. Jadi, wajarlah legenda yang menyokong kewujudan sifat-sifat itu dikemukakan seperti kebiasaan di dalam karya-karya bercorak sejarah. Legenda asal usul ini tidaklah kurang hebatnya daripada legenda asal usul raja-raja yang lain. Ia timbul dan dirakamkan di dalam *Tuhfat al-Nafis* dengan kewajaran. Dengan penuh waspada akan kebenarannya, pengarang *Tuhfat al-Nafis* menghuraikan bahawa anak-anak Bugis yang membawa diri ke sebelah barat tanah Bugis itu adalah berasal daripada keturunan seorang raja perempuan negeri Luwuk bernama Sitti Mallangkik. Dan opu-opu Bugis lima bersaudara itu adalah anak-anak kepada Opu Tendriburang Daing Kilaga yang kelak menjadi orang-orang besar bagi negeri Luwuk tetapi lebih suka keluar mengembara dahulu ke sebelah barat. Dibawanyaalah bersama anak-anak mereka yang bernama Opu Daing Peram, Opu Daing Menambun, Opu Daing Marewah, Opu Daing Cellak

dan Opu Daing Kemasi. Lima opu-opu bersaudara inilah yang masuk ke Johor dan Melaka kerana mengikut kata-kata pengarang *Tuhfat al-Nafis* sendiri:

"Apabila sudah siap maka muafakatlah ia hendak masuk ke negeri Johor dan Melaka mengembara pada sebelah tanah itu, kerana ia sudah mendapat alamat tatkala masa hendak ia semua keluar daripada tanah Bugis itu; iaitu Opu Daing Menambun ada bermimpi akan zakar saudaranya Opu Daing Cellak itu menjulur menjadi naga. Adalah kepalanya meng-adap ke sebelah pihak barat Johor. Maka ditakbirkan orang, anak cucunya akan mendapat kerajaan di sebelah Johor dan Riau yang berpanjangan masanya."

(*Tuhfat al-Nafis*, blm. 52-53).

Kejayaan terawal opu-opu Bugis lima bersaudara adalah di Matan. Di bawah pengetuaan Daing Perani mereka dapat menebus semula takhta kerajaan Sultan Muhammad Zainal Din. Yang amat menarik di dalam pergerakan opu-opu Bugis ini ialah sifat semuafakatan mereka. Mereka menyusun akan jawatan perang dengan sak-sama serta menjadikan mesyuarat dan kebulatan kata sebagai panduan pergerakan mereka. Mereka kemudian membantu Raja Sulaiman untuk menentang Raja Kecik dan dengan mudah' Raja Kecik ditewaskan. Setelah bertapak di Riau segera kemudiannya ia memperoleh sokongan daripada anak-anak Bugis yang berniaga di Selangor dan Langat dan menempa nama di Kedah pula. Mereka juga dikenali sebagai anak raja-raja besar, rupawan dan berkeberanian pula dan di kalangan orang-orang Bugis mereka dianggap sebagai penghulu mereka dan mengharapkan mendapat nama dan pangkat di tanah barat dengan berkekalan turun-temurun.

Berbicara mengenai opu-opu Bugis di dalam *Tuhfat al-Nafis* tidak dapat tidak kita adalah juga memperkatakan mengenai Yang Dipertuan Muda. Bagi raja-raja Melayu kedudukan Yang Dipertuan Muda adalah sama dengan kedudukan bendahari di dalam konteks kerajaan Melayu Melaka di dalam *Sejarah Melayu*. Yang Dipertuan Muda berupa tunggak dan pentadbir bagi pihak raja-raja Melayu, tanpanya raja-raja Melayu tidak dapat bertahan di takhtanya, khususnya di dalam satu era di mana kerap berlaku perebutan kuasa di antara raja-raja. Kehadiran opu-opu Bugis di kawasan ini amat tepat sekali dan pergerakan mereka di barat memberi mereka satu darjah dunia yang mereka hajatkan. Kesungguhan mereka ini dapat dilihat daripada ketahanan mereka apabila mereka akan berangkat membantu Raja Sulaiman, iaitu dengan sumpahnya dan

upacara berangkatnya, penyusunan ketua-ketuanya dan perlengkapan perangnya.

Penghormatan pertama bagi menyandang jawatan istimewa ini diberikan kepada Opu Kelana Jaya Putera. Ia merupakan saudara opu Bugis yang kedua setelah Opu Perani menolak apa-apa penganugerahan dan adik-adiknya yang lain tidak sesekali akan mendahului abang tua mereka atau oleh kerana telah adanya perjanjian dengan pihak-pihak tertentu. Yang lain – atas desakan Sultan Sulaiman yang merasakan opu-opu Bugis tidak dapat tidak perlu membantu baginda mentadbir, opu Bugis lima bersaudara memperoleh ketetapan yang Opu Kelana Jaya Puteralah yang elok menjawat jawatan Yang Dipertuan Muda itu. Cabaran besar yang pertama yang dihadapi oleh Yang Dipertuan Muda adalah serangan Raja Kecik dan peperangan dengan Raja Kedah yang muda. Di dalam Perang Kedah yang kedua ini Daing Perani mati tertembak, tetapi akhirnya pasukan Yang Dipertuan Muda memperoleh kemenangan. Setelah kembali ke Siak Raja Kecik mengatur semula persiapan lalu melanggar Riau. Akibat perang ini kehidupan menjadi susah. Dengan gesaan orang-orang tua, kedua-dua mereka berdamai dan setelah itu Yang Dipertuan Muda berusaha memeriksa jajahan-jajahan di Johor untuk dibina semula. Di dalam melaksanakan urusan inilah beliau meninggal dunia.

Opu Daing Cellak mengambil tempat almarhum dengan gelaran Sultan Alauddin Syah. Bagindalah yang meneruskan cita-cita saudaranya untuk ke Mampawah di mana ia dapat meninggalkan pengaruhnya. Baginda juga kerap memeriksa keselamatan laut dan jajahannya. Hasilnya kubu pertahanan laut amat kuat hingga percubaan Raja Kecik Siak gagal untuk masuk ke Riau dan kemudiannya angkatan Raja Alam (anak Raja Kecik) dengan mudah dapat dialahkannya. Percubaan Raja Mahmud Siak untuk mengambil Muar pun dapat dipatahkannya. Perselisihan dengan Perak pula membawa kepada peperangan sehingga terlaksana perjanjian di antara Perak dengan Selangor, sebuah jajahan di bawah pengaruh Riau. Di dalam pembangunan Riau Opu Daing Cellaklah yang memperkenalkan tanaman gambir. Kejayaan Sultan Alauddin Syah dapat dibayangkan dengan keterangan pengarang *Tuhfat al-Nafis* seperti berikut:

"Syahadan kata sahibul hikayat ada pada masa inilah negeri Riau itu ramai serta makmurnya dan segala dagang-dagang dari Jawa dan Benggal membawa apiun dan lain-lain dagangan dan perahu-

perahu dagang pun di Kuala Riau, daripada kapal-kapal dan kecik-kecik dan selub dan senat dan wangkang dan top Siam. Dan apa lagi di dalam Sungai Riau segala perahu-perahu rantau seperti bercocok ikanlah, bersambung dan berpendarat.

Syahadan pada masa inilah Yang Dipertuan Muda Opu Daing Cellak menyuruh penggawa Tarum dan Penghulu J-n-d-w-a-n mengambil benih gambir di sebelah tanah Pulau Perca dibawa ke Riau memulai bertanam gambir.

Maka bertanamlah segala Bugis-bugis dan Melayu membuat beberapa ratus ladang gambir. Adalah kuli memasaknya, iaitu segala Cina yang datang dari negeri China. Maka apabila jadi-lah gambir itu mangkin ramailah negeri Riau kerana segala dagang-dagang itu berpalu-palu dagangannya itu dengan gambir. Maka Sultan Sulaiman serta Yang Dipertuan Muda pun banyaklah dapat hasilnya adanya."

(*Tuhfut al-Nafis*, hlm. 122).

Daing Kemboja, Yang Dipertuan Muda yang berikutnya, menghadapi cabaran-cabaran yang sulit. Persemuafakatan di antara Bugis dengan Melayu mula retak oleh sebab pada pemikiran anak-anak raja Melayu mengapa harus orang luar yang baharu datang itu diberi kuasa yang lebih? Yang menyulitkan ialah hampir keseluruhan orang-orang besar Melayu seperti Yang Dipertuan Besar Terengganu iaitu Raja Kecik, bendahara, temenggung bersekata inginkan orang-orang Bugis dari Riau. Walaupun Sultan Sulaiman teguh di dalam pemikirannya bahawa orang-orang Bugis selayaknya diberikan keistimewaan daripada sebab jasa-jasanya, tetapi baginda sendiri amat lemah untuk mengambil satu-satu tindakan yang tegas. Ia kelihatan tidak berpihak ke mana-mana golongan walaupun berat memerlukan akan sokongan anak-anak Bugis. Oleh itu semakin bertambahlah fitnah diletakkan ke atas Yang Dipertuan Muda dari masa ke satu masa. Tekanan fitnah yang paling dahsyat ialah apabila Raja Kecik meminta Holanda menghalau keluar Bugis dari Riau atas permintaan Sultan Sulaiman konon. Sungguhpun Yang Dipertuan Muda berkemampuan untuk bertindak keras, tetapi jelas memperlihatkan kesabarannya di dalam menghadapi akan fitnah-fitnah ini. Ia bertindak keluar dari Riau. Sesungguhnya ternyata dengan ketiadaan Yang Dipertuan Muda dan anak-anak Bugis, di Riau berhadapan dengan keadaan yang buruk, negeri menjadi rosak, beras mahal, rakyat khusunya orang-

orang miskin banyak kelaparan. Hal ini diakui sendiri oleh Sultan Sulaiman seperti apa yang dikatakannya kepada raja di Baruh:

"Awang, baiklah engkau pergi ambilkan Raja Muda ke Linggi, kerana jangan kita dimakan sumpah setia. Seperkara lagi negeri kita inilah rupaya pada hal negeri cukup dengan Benda-hara, Temenggung serta orang-orang besarnya, maka negeri pun mangkin sehari mangkin rosak sebab perdagangan sudah mati, dikacau oleh Wan Dalam serta suku-suku kita sebelah Melayu. Dan lagi niat hatiku, jika aku sudah berjumpa dengan Raja Muda jika aku mati pun, syukurlah aku minta jemah juga kepadanya dan aku hendak pertaruhkan engkau semua kepadanya."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 147).

Betapa berubahnya keadaan kemudiannya setelah kembalinya Yang Dipertuan Muda di Riau. Pengarang *Tuhfat al-Nafis* menulis demikian:

"Syahadan maka tetapiyah Yang Dipertuan Muda memerintahkan Riau itu. Maka negeri Riau pun ramailah dan segala dagang pun datanglah dari pihak barat dan timur, maka amanlah Riau pada masa itu serta banyak mendapat hasil-hasil."

Kembalinya Yang Dipertuan Muda adalah dengan satu sikap yang berbeza, iaitu dengan satu ketegasan yang amat lantang dan keras hingga di dalam soal menentukan pengganti bagi Sultan Ahmad atau di dalam soal menghadapi ancaman-ancaman musuh di dalam selimut dan di dalam menghadapi ancaman dari Siak-Terengganu. Di dalam keseluruhan tindakannya Yang Dipertuan Muda memperlihatkan kebijaksanaan seorang pentadbir hingga berjaya membawa kemakmuran kepada Riau atau seperti di dalam menyelesaikan hutang-hutang dengan Belanda.

Yang Dipertuan Muda Raja Haji, putera Daing Cellak meninggalkan nama yang masyhur pada pandangan pengarang *Tuhfat al-Nafis*. Sebelum menyandang jawatan ini pun beliau telah aktif di dalam pentadbiran negara iaitu sebagai 'Kelana Kapit' kepada Daing Kemboja. Sikap beliau adalah keras dan tegas. Seperti pandangannya terhadap kelakuan Raja Kecik Terengganu:

"Apabila Raja Kecik itu memperbuat haru-biru di atas adinda maka tiadalah adinda panjangkan lagi melainkan adinda ajak keluar saja dari Riau ini, di mana-mana tempat dia suka berpe-

rang atau bertikam boleh segera habis ketentuan maksud kedua pihak."

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 134).

Sememang begitulah tindakan beliau apabila diberitahu kepada-nya yang Raja Kecik meminta Holanda mengambil Raja Haji dan saudaranya Raja Aminah dan Raja Halimah, iaitu secara pantas ia menyiapkan alat senjatanya dan segala penjajabnya dan dihadap-kannya kepada kelengkapan Terengganu lalu kemudiannya menyuruh Raja Kecik berperang di mana-mana tempat yang disukainya supaya lekas habis perkara. Dan di dalam peristiwa yang lain ia telah memberi kata dua kepada Sultan Sulaiman untuk memper-betulkan akan kekusutan yang telah berlanjutan itu. Diceritakan di dalam *Tuhfat al-Nafis*:

Syahadan adapun Raja Haji belayar itu tiadalah singgah-singgah selalu ia ke Riau jalan Singapura. Maka berselisihlah per-jalanannya itu dengan raja di Baruuh sebab tiada ia berjumpa di laut. Maka apabila masuk ia ke dalam Riau gemparkan suku-suku sebelah Melayu menyangka-nyangka Raja Haji datang itu hendak melanggar Riau. Maka raja-raja Melayu serta panglima-panglima Melayu ada setengah sangat hendak membedil Raja Haji itu. Maka tiadalah diendahkan oleh Raja Haji, dilayarkan juga "Bulang Linggi" itu hingga sampai ke Batangan, bertentangan dengan istana baginda itu baharu dilabuh-nya. Maka gaduhlah suku-suku Melayu hendak membedil itu. Maka apabila Sultan Sulaiman mendengar hal itu, maka baginda pun sangatlah murkanya. Maka titah baginda, "Pergi tanya siapa bercakap-cakap hendak membedil itu. Aku minta jalannya dan sebabnya. Jikalau tiada berbetulan jalannya kepada aku nanti dia adalah yang patut dibedil, tiada lain isi perutnya itu dengki khianat dan dendam khusmat juga yang diper-nuhkannya perutnya." Maka lalu senyap segala suku-suku Melayu menyebut-nyebut pekerjaan bedil-membedil itu.

Maka Raja Haji pun naik ke darat mengadap baginda. Apabila berjumpa dengan baginda itu maka titah baginda, "Apa kehendak Raja Haji datang ini?" Maka sembah Raja Haji, "Tiada apa sebab, lama patik tiada mengadap, inilah patik datang mengadap." Maka titah baginda, "Apa bicara Raja Haji sekurang ini?" Maka sembah Raja Haji, "Tiada bicara apa kepada patik, melainkan kepada duli tuanku juga." Maka titah baginda, "Adat yang mana hendak dipakai oleh Raja

Haji, kerana adat ini ada dua. Satu adat Marhum di Sungai Baharu, dan satu adat Marhum Mangkat di Kota. Yang mana hendak dipakai oleh Raja Haji?" Maka sembah Raja Haji. "Adat Marhum Mangkat di Sungai Baharu, itulah adat di dalam sumpah setia."

Sebagai Kelana Raja Haji juga mengawasi akhir perjalanan pentadbiran wilayah-wilayah takluk Riau. Ia juga terlibat sama dalam perperangan di antara Riau dengan Kedah dan kejayaannya memberi nama yang masyhur hingga ditakuti oleh wilayah-wilayah lain seperti Palembang dan sambil itu pula mempunyai kuasa pula untuk melantik raja bagi Pontianak.

Dengan pengalaman yang luas itu urusan di bawah Yang Dipertuan Muda menjadi lebih mudah dan memberi kesan yang menggembirakan. Tidaklah syak lagi Riau terus dapat melanjutkan keadaan kemakmuran seperti di dalam masa Yang Dipertuan Muda Opu Daing Kemboja. *Tuhfat al-Nafis* menyimpulkan demikian:

Syahadan kata sahibul hikayat adalah pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Haji ini makin ramai Riau, serta dengan makmurnya serta banyaklah orang-orang negeri Riau kaya-kaya. Syahadan baginda Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda pun banyaklah mendapat hasil-hasil dan cukai-cukai. Syahadan segala penjajah perang pun beraturlah di pelabuhan serta cukup ubat pelurunya serta panglima-panglimanya, tiga puluh turun, tiga puluh naik ke darat. Syahadan demikianlah di dalam beberapa tahun bersuka-sukaan kerana negeri aman lagi makmur, dan segala makan-makanan pun murah dan segala orang-orang dagang pun banyaklah dapat untung kerana terlalu ramai orang-orangnya."

Di dalam pada itu pun suku-suku Melayu daripada golongan raja Terengganu, dan bendahara Pahang tidak juga berasa senang. Tergamak mereka meminta Holanda dan Inggeris melanggar Riau. Selain itu, walaupun tidak wujud krisis di antara Bugis dan bangsa-bangsa luar namun satu sebab telah mencetuskan perperangan di antara Bugis dan Belanda. Satu perbalahan yang berlangsung dengan armat lama dan mengakibatkan merosot ketenteraman dan perdagangan Riau. Perbalahan ini adalah berpunca daripada keengganan Belanda mematuhi perjanjian membahagi rampasan yang berlaku di daerah Riau. Di dalam perperangan ini sekali lagi dapat dilihat kekerasan, ketegasan dan kenekadan Raja Haji terhadap musuh. Raja Ali amat tegas, misalnya, apabila ia tidak membela-

kan kapal perang Holanda masuk ke pelabuhan Riau walaupun dengan maksud berdamai. Kekuatan, keberanian dan kesungguhan Bugis di bawah Raja Haji ditunjukkan beberapa kali di dalam perang-rangan ini hingga pada ketika-ketikanya Belanda hampir tewas. Oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis* perang ini dianggap sebagai perang sabil dan mereka yang terkorban sebagai mati syahid fi sabil Allah taala. Raja Haji sendiri mati syahid apabila terperangkap di dalam serangan yang tidak disangka-sangka dari Belanda di Tanjung Palas. Kematian Raja Haji ditingkatkan menjadi satu legenda yang amat mengagumkan seperti rakaman pengarangnya:

Syahadan adalah aku dapat khabar daripada orang tua-tua adalah sebelum lagi ditanam mayat Raja Haji al-Marhum itu, maka ditaruhnya di dalam peti hendak dibawanya ke Betawi, sudah sedia kapal akan membawanya hanya menantikan keesokan hari sahaja. Maka pada malam itu keluar memancar ke atas seperti api daripada peti itu. Maka gaduhlah orang Melaka itu melihatkan hal itu. Maka di dalam tengah-tengah bergaduh itu maka kapal yang akan membawa jenazah al-Marhum Raja Haji itupun meletuplah terbakar terbang ke udara segala isinya serta orangnya, scorang pun tiada yang lepas. Syahadan kata kaul yang menuturkan itu tiadalah jadi dibawanya ke Betawi jenazah marhum itu. Maka ditanamnya juga di Melaka hingga datang ambil dari Riau. Syahadan kata kaul yang menutur itu, sebab itulah digelar Holanda - Holanda yang dithulu-dahulu dengan nama Raja Api marhum itu

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 211).

Yang Dipertuan Muda berikutnya, iaitu Raja Ali, menghadapi satu zaman yang lebih sulit di dalam mentadbir Riau. Yang Dipertuan Muda menghadapi kekurangan sokongan daripada raja-raja Melayu yang lebih gemar kepada Raja Jaafar. Raja Jaafar dijadikan Yang Dipertuan Muda kerana Raja Jaafar masih kanak-kanak dan oleh itu kehendak mereka senang diperalatkan. Raja Ali bertindak keluar dari Riau. Ketika itulah Riau didatangi oleh Belanda dan menekankan kuasa pentadbirannya dengan meninggalkan seorang *fetur* di Tanjung Pinang bagi melihat soal-soal perdagangan. Yang Dipertuan Muda pulang ke Riau hanya setelah ada permaian di antara Melayu dan Bugis. Yang Dipertuan Muda Raja Ali berjaya menempa satu sejarah kebangkitan semula Riau. Di masa beliaulah Riau terkenal ketama rumai ulamanya. Ini berlaku kerana Raja Ali sendiri belajar agama dan mendekati diri dengan orang-orang alim; dan secara langsung menggerakkan

pegawai-pegawai negerinya menuntut ilmu agama, membaca al-Quran. Segala kebiasaan berjudi dan bersabung dilarang di Riau. Persemuafakatan dengan Residen membuat ia memperoleh banyak hadiah. Dari sudut pembangunan beliau mengambil langkah meramaikan pulau-pulau yang telah terbiar. Tetapi pemerintahan beliau ini amat singkat dan pengarang *Tuhfat al-Nafis* tidak memberikan huraian yang panjang mengenai ketokohan Yang Dipertuan Muda ini.

Kedudukan yang demikian diwarisi pula oleh Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar yang kuat ibadatnya sambil berjaya memulihkan semula perdagangan di Riau. Di masa Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar juga perdamaian dengan Holanda bertambah kukuh dengan Belanda meletakkan seorang Residen. Yang Dipertuan Muda Abdul Rahman pula menghadapi masalah lanun yang amat hebat. Dan walaupun setelah beliau *Tuhfat al-Nafis* mencatatkan peranan tiga orang Yang Dipertuan Muda yang lain iaitu Yang Dipertuan Muda Raja Ali, Yang Dipertuan Muda Raja Abdullah dan Yang Dipertuan Muda Raja Muhammad Yusuf, mereka ini dibandingkan dengan Yang Dipertuan Muda yang terdahulu tidaklah memperlihatkan sifat-sifat istimewa.

Setakat ini kita telah mengenali beberapa orang Yang Dipertuan Muda yang menjadi tunggak bagi kesultanan Riau. Mereka dapat dianggap sebagai wira kelompok atau protagonis bagi *Tuhfat al-Nafis*. Soalannya siapakah pula dapat dianggap sebagai antagonis kepada protagonis ini? Ada dua watak utama yang diketengahkan oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis*, dan bagi analisa, kita dapat dianggap sebagai antagonis. Kebetulan mereka ini mempunyai nama yang sama. Mereka adalah Raja Kecik Siak dan Raja Kecik Terengganu.

Pertamanya kita tumpukan perhatian kepada Raja Kecik Siak. Raja Kecik Siak adalah juga seorang raja berpengaruh dan asal usulnya juga diselubungi dengan legenda. Anihnya legenda mengenai asal usul beliau berbeza sifatnya, dan diperturunkan daripada perkataan pengarang *Tuhfat al-Nafis* sendiri:

Adalah setengah kaul sejarah mengatakan tatkala mangkat baginda itu zakarnya berdiri, maka tiada berani orang menanam baginda itu. Maka musyawarahlah segala orang besarnya apa sebab pekerjaan itu, sangat ajaib. Maka kata daripada isi istana adalah baginda itu tengah berrahikan Encik Pong, maka baginda pun mangkat. Maka takbir segala orang besar-besar itu, baginda itu takut tiada meninggalkan anak cucu yang

bangsa daripadanya. Maka disuruhkan orang besar-besar itu akan Encik Pong itu setubuh dengan baginda itu. Maka apabila selesat baharulah rebah zakar baginda itu. Maka Encik Pong pun buntinglah konon. Dan tersebut di dalam sejarah yang lain pula pada pihak Terengganu, adalah Encik Pong itu dipakai oleh baginda sudah bunting memang konon.

Legenda di atas kedengaran lucu, buruk dan rendah. Apakah ia dilahirkan secara sengaja bagi disesuaikan dengan sifat Raja Kecik yang dapat dianggap rendah pada moralnya?

Tanpa menghiraukan sangat akan sebab-sebab kelahiran legenda yang demikian, kita dapat mengenali dengan jelas akan sifat-sifat hitam yang ada pada Raja Kecik Siak ini. Tujuan hidup Raja Siak ini kelihatannya hanya satu, memperlihatkan kekuatannya dengan segala tipu helah tanpa mengukur akan keupayaan dirinya. Langkah pertama yang dilakukan olehnya setelah memperoleh kekuatan di Siak ialah merancang merebut kuasa pemerintahan daripada tangan Raja Abdul Jalil, iaitu atas dasar dia adalah satu-satunya anak Almarhum Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Strategi yang dilakukan olehnya ialah tipu helah, pecah belah dan ugutan. Oleh kerana rakyat takut kepada ‘daulat’ Almarhum Mangkat Dijulang ramailah yang belot menyebabkan Sultan Abdul Jalil mudah dialahkkan. Raja Kecik digambarkan mempunyai sifat yang kasar dan tidak memelihara hati raja yang dijatuhkannya, malah ia tergamak mencemarkan maruah orang tua itu, misalannya tanpa hemah membuang tunangnya Tengku Kamariah dan kemudian mengambil adiknya Tengku Tengah sebagai isterinya, atau menyuruh putera-putera Raja Abdul Jalil membawa semberat jawatan. Ia amat zalim sekali apabila ia memerintahkan Laksamana Nakhoda Sekam,

“Janganlah Sultan Abdul Jalil dibawa ke Riau lagi, bunuhlah sekali kita tahuhan matinya sahaja.”

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 68).

Ini menunjukkan hatinya yang zalim dan fikirannya yang singkat. Dari peristiwa inilah opu-opu Bugis mengambil tindakan melawan Raja Kecik, satu serangan yang tidak sesekali dapat ditandingi dan akhirnya ia terpaksa mengundurkan diri. Tetapi selepas itu kita melihat kedegilan Raja Kecik, ia enggan memulangkan kebesaran kerajaan Johor hingga Yang Dipertuan Muda Kelana Jaya Putera terpaksa menyerang Siak dan menundukkan Raja Kecik bagi mengambil kebesaran kerajaan itu.

Contoh-contoh selanjutnya menunjukkan sifat Raja Kecik yang degil di dalam usahanya menentang Bugis habis-habisan. Ia terlibat di dalam menentang Bugis yang menyelamatkan takhta kerajaan raja Kedah yang asal setelah mengalahkan raja Kedah yang muda. Ia berpihak kepada raja Kedah yang muda dan bersungguh-sungguh ingin menunjukkan kekuatannya. Walaupun ia berjaya membunuh Opu Daing Perani tetapi akhirnya ia kalah juga dan pulang ke Siak. Tidak puas dengan penglibatannya di Kedah, sekali lagi ia menyerang Riau, dan perang berlanjutan hingga mengakibatkan kesusahan di Riau. Sifatnya yang lemah terbukti pula pada janji perdamaian dengan Bugis untuk tidak mengganggu Riau lagi. Pertentangan dengan Bugis berterusan hingga kepada zaman anaknya Raja Alam. Keburukan peribadinya yang sukaan permusuhan dan perang ini bukan sahaja membawa kemusuhan bagi dirinya, iaitu ia jatuh gila dan kemudiannya sakit tenat, tetapi juga memperpanjangkan huru-hara di antara anak-anaknya sendiri, Raja Alam dan Tengku Mahmud, dan kehancuran Siak.

Antagonis yang lain, membawa nama yang sama, iaitu Raja Kecik, Yang Dipertuan Besar negeri Terengganu. Ia mula diperkenalkan oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis* sebagai putera kepada Sultan Zainal Abidin Syah Terengganu yang dikahwinkan dengan Raja Bulang, puteri Sultan Sulaiman. Raja Kecik berperanan sebagai ketua suku-suku Melayu yang amat anti-Bugis di Riau. Beberapa fitnah dan percubaan menghapuskan Bugis telah dilaksanakan sepanjang ia berada di Riau. Usaha yang terawal ialah dengan tujuan memburukkan nama Bugis atau menakut-nakutkan akan orang terhadap kedudukan Bugis, misalannya seperti fitnah yang mengatakan orang-orang Bugis hendak membakar dan mengamuk rumah-rumah Melayu. Fitnah-fitnah yang seumpama itu membuat Sultan Sulaiman, mertuanya, dan Bugis-bugis serba salah. Tindakan lebih kasar dan besar daripada itu adalah hasutan supaya Belanda membantu Riau menghalau Bugis, atas kehendak Sultan Sulaiman konon. Tindakan ini membawa akibat yang berat ditanggung oleh Bugis dan Riau. Raja Haji berperang hebat dengan Belanda beberapa lama dan Riau menanggung hutang kepada Gabenor Melaka, yang akhirnya Bugis juga yang menyelesaikan pembayarannya, dan Sultan Sulaiman menanggung malu terhadap Gabenor Melaka. Sungguhpun akhirnya Sultan Sulaiman bertegas dan membuat Raja Kecik balik ke Terengganu, namun ia masih terus menghasut orang-orang besar Melayu tertentu untuk menyer-

tai Siak di dalam menghapuskan Bugis. Kesan daripada tindakan Raja Kecik ini menjelaskan kedudukan Riau, baik dari sudut politik, ekonomi dan keselamatan. Kesan buruk berbalik juga kepada-nya, ia tidak dihormati dan dipercayai walaupun akhirnya ia insaf akan kekejilan dirinya, ia telah lemah dan tidak berupaya.

Perbicaraan secara umum mengenai watak-watak tertentu dari-pada beberapa golongan raja di dalam *Tuhfat al-Nafis* menarik per-hatian kita kepada beberapa ragaman manusia di dunia nyata. Kita ber-hadapan dengan raja-raja yang zalim dan suka perang, tetapi di samping itu ada pula yang bijaksana dan penuh dengan tekad mem-per-tahankan kebenaran. Walaupun pada dasarnya sekalian watak-watak yang utama itu terdiri daripada raja-raja dan orang-orang bangsawan, manakala orang awam hanya merupakan pengikut-pengikut yang setia, namun sifat-sifat manusia yang universal ter-serlah daripada watak-watak tersebut. Sifat-sifat penuh cita-cita yang disertai dengan keberanian dan kebijaksanaan serta prinsip yang teguh kelihatannya milik khusus anak raja-raja Bugis tergamb-bar secara realitinya tidak kesemua anak-anak Bugis ini mem-pu-nyai sifat keberanian walaupun ada ketikanya salah seorang dari-pada mereka, Raja Ali, mengalah dengan keluar daripada Riau, manakala ada pula yang lebih berat menjurus kepada aktiviti iba-dat. Pada satu pihak yang lain pula raja-raja Melayu digambarkan sebagai patung tidak bertenaga amat kuat bergantung kepada Bugis sebagai dalang yang menggerakkan kehidupan di Riau, manakala yang paling lemah pula, seperti Sultan Mahmud yang mengabaikan pentadbiran negeri akhirnya tersingkir dari kerajaan.

Pengemukaan watak seperti ini pada keseluruhannya berat kepada memberikan martabat yang tinggi kepada watak-watak Bugis tetapi tidak pula dirasakan amat melampau hingga menjadi terasakan yang ia sengaja diada-adakan. Oleh kerana penegasan kepada ketepatan sejarah sudah dijelaskan dan dipelihara di sepan-jang penulisan *Tuhfat al-Nafis* maka mudah sekali diterima yang pemerian watak-watak itu sebagai gambaran watak-watak yang nyata di dalam sejarah.

Oleh kerana pengarang berjaya menganegahkan watak-watak yang hidup dan bulat maka amat mudah *Tuhfat al-Nafis* meninggal-kan kesan kepada pembacanya. Di antara kesan-kesan yang diting-galkan itu adalah berhubungan dengan nilai-nilai kemanusiaan, kebudayaan dan kepercayaan. Walaupun sebahagian besar dari-pada penceritaan adalah sekitar peperangan-peperangan namun di

dalam perperangan itu terpancar beberapa motif kemanusiaan yang jelas. Pertama sekali daripada pihak yang terkemuka kedudukannya dan dapat dianggap sebagai protagonis, perperangan itu bukanlah merupakan satu tujuan tetapi sebagai satu jalan terakhir bagi memenuhi kepercayaan dan kebenaran. Perang mungkin dianggap penting oleh orang-orang Bugis tetapi ia digerakkan di atas perhitungan keuntungan bagi generasi masa depan dan perhitungan prinsip. Ini berbeza sekali dengan erti perperangan bagi Raja Kecik Siak dan Raja Kecik Terengganu. Bagi mereka perperangan hanya bagi memuaskan nafsu semata-mata.

Nilai kemanusiaan atau sebaliknya, sehubungan dengan sifat peribadi manusia. Kehalusan pekerti raja-raja Bugis diperkatakan oleh pengarang *Tuhfat al-Nafis* dengan sumar-sumur, tetapi walaupun bagaimanapun ia dipastikan dengan jelas. Kehalusan pekerti ini dikawal oleh kebiasaan hidup bersemuaafakat sesama bersaudara, oleh itu sukar timbul keakuan dan kesombongan individu yang mendadak. Mereka juga telah biasa dengan kesabaran yang diperolehi dari latihan bertindak mengikut kesesuaian timu-timunya. Di dalam banyak tindakan atau keputusan-keputusan yang mereka ambil, biasanya mereka memperhitungkan kebenaran dan hak, dan tidak semata-mata atas dasar keuntungan. Walaupun mereka dikenali sebagai ahli perang tidak kurang pula mereka memperhitungkan perdamaian, tetapi di dalam hal ini mereka lebih suka mengharapkan persetiaan daripada perdamaian yang telah diikat itu. Jika sebaliknya, mereka akan bertindak dengan tegas. Selain daripada sifat-sifat kemanusiaan yang amat dihargakan pada opu-opu Bugis itu wujud juga perhatian mereka kepada kepentingan orang ramai. Beberapa kali di dalam menentukan perperangan mereka suka ianya berlaku jauh daripada tempat-tempat yang boleh mengakibatkan kesejahteraan orang-orang ramai.

(*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 71).

Nilai kebudayaan yang terakam di dalam *Tuhfat al-Nafis* adalah unsur-unsur dari dua cara hidup dan fikiran, iaitu kebudayaan tempatan Melayu Bugis dan Islam. Kedua-dua ciri bersatu di dalam kehidupan mereka. Walaupun orang-orang Melayu Johor-Riau dan Bugis pada dasarnya berasal daripada satu rumpun bangsa, *Tuhfat al-Nafis* jelas memperlihatkan perbezaan di antara kedua bangsa ini. Raja-raja Melayu Johor-Riau terus-menerus mewariskan pemerintahan atas dasar keturunan semata-mata manakala

Bugis atas dasar keturunan dan persemuafakan. Kedua cara ini kemudian digabungkan di dalam membentuk satu sistem pemerintahan yang baharu, iaitu kerajaan Riau. Perihal kezaliman setengah daripada raja-raja Melayu terhadap rakyatnya masih dirasakan, tetapi jarang berlaku di dalam sejarah orang-orang Melayu terlihat pengamalan derhaka yang amat terbuka. *Tuhfat al-Nafis* juga memperlihatkan berterusannya kewenangan raja-raja Melayu. Ini berbeza sekali dengan ketertiban tindak-tanduk bangsa Bugis. Pada Bugis terlihat juga amalan mereka yang istimewa sebagai bangsa berdarah perang dengan mengaruk-aruk dan berkanjarkanjar dan menyembelih kerbau meneerah senjatanya sebagai persediaan untuk berperang. Walaupun mereka taksub dengan adat-adat tempatan seperti ini mereka tetap teguh memegang kepada istiadat agama seperti di dalam istiadat pengkebumian dan di dalam meluaskan akan ajaran Islam.

Kesan kecenderungan kepada Islam juga jelas terpancar dari pada suara pengarang sendiri. Seperti kebanyakan pengarang-pengarang sastera bercorak sejarah, *Tuhfat al-Nafis* memulakan karangannya dengan Bismillahirrahman nirrahim. Penyataan tawaduk pengarang dapat dilihat kemudiannya di dalam kata-kata, "Padahal mengharapkan aku akan Allah yang mengampuni daripada tersalah pada segala tawarikh dan pada perjalananaya. Ya, Tuhan-ku, perkenankan leh-Mu akan pinta hamba-Mu ini." Pada ketika-ketikanya pengarang membuat interpretasi peristiwa-peristiwa tertentu berdasarkan kepada fahaman Islamnya dengan kata-kata seperti "Maka apabila mati ulama itu maka bala daripada Allah subhanahu wataala pun turunlah, ..." (*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 3) atau "Maka apabila lepas baginda Sultan Mahmud itu membunuh Bendahara Seri Maharaja dengan tiada sebenarnya itu, maka datanglah qadha Allah subhanahu wataala ..." (*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 8), atau mengenai qudrah iradah pengarang berkata, "... maka apabila sampailah waktunya berlaku hikmat Allah taala hamba-Nya, hendak menjalankan asbab, ..." (*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 49) atau "Maka datanglah pula dengan beberapa asbab daripada Allah subhanahu wataala, dengan hikmat-Nya: ..." (*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 54) atau membuat nilaiann peristiwa dengan katanya, "Maka matilah kedua-duanya sebab kerana pekerjaan kebesaran dan pekerjaan dunia ini ada-nya." (*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 6). Penggunaan ungkapan-ungkapan tersebut terasa amat bersahaja menunjukkan kesebatian rasa keislaman itu.

4. Kesimpulan

Sebagaimana pengarang karya-karya bercorak sejarah yang lain, pengarang *Tuhfat al-Nafis* sedar akan tujuan penulisannya hingga dapat menyimpulkan sendiri akan penyempurnaan tujuan asalnya itu, barangkali untuk disambungkan ke zaman-zaman berikutnya. Nyata kitab yang telah disempurnakan oleh Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji ini memberi satu bukti kemampuan mereka untuk merakamkan kejadian sejarah setepat yang mungkin berlandaskan kepada kesedaran bahawa apa yang ditulis itu perlu dipertanggungjawabkan. Mereka berhasil mengeluarkan sebuah buku sejarah yang boleh juga digelar buku "Perang Bugis" yang bukan sahaja memperturunkan salasilah raja-raja Melayu dan Bugis, tetapi juga menggambarkan akan latar belakang politik, kebudayaan dan ekonomi di sekitar Riau dan Johor. Buku ini juga berjaya memancarkan peranan Bugis mempertahankan maruah bangsa Melayu yang dicabar oleh bangsa-bangsa luar dan percaturan politik di antara raja-raja Melayu tempatan. *Tuhfat al-Nafis* menimbulkan satu kesan, di sebalik kancang perebutan kuasa di rantau ini terserlah satu tenaga yang menyelamat maruah bangsa Melayu dengan sifat-sifat kuat, berpadu dan berwibawa dan sifat-sifat inilah yang berjaya yang menjadi asas kejayaan mereka untuk menyusun strategi peperangan dan pentadbiran. Tenaga penyelamat inilah yang menyambung keharuman nama bangsa Melayu yang telah mengasaskan kerajaan besar di kawasan ini sejak kurun Masihi kelima belas.

BAB 9

SALASILAH MELAYU DAN BUGIS

1. Pengenalan

SALASILAH MELAYU DAN BUGIS merupakan salah sebuah karya beroorak sejarah yang mengutarakan kisah-kisah opu-opu Bugis yang meluaskan kuasanya di Tanah Melayu, Riau dan beberapa buah negeri lain di rantau ini. Selain daripada buku ini, *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Johor* dan *Sejarah Raja-raja Riau* juga menyentuh kisah-kisah anak-anak Bugis. Sementangnya perihal opu-opu Bugis merupakan tumpuan amat popular bagi masyarakat di zaman tersebut dan selepasnya oleh sebah keperwiraan dan kebijaksanaan mereka serta luas kuasa mereka. *Salasilah Melayu dan Bugis* ini sendiri pun, kerana sifat-sifat ringan isinya dan elok gaya penyampaianya menjadi digemari, iaitu diukur dari hakikat ia tersebar luas bukan sahaja di Riau dan Johor tetapi juga di Selangor, Perak dan di Selatan Sulawesi.

Dari membaca tajuk buku ini iaitu "Salasilah Melayu dan Bugis" kita mengharapkan ia secara penuh tumpuan memperturunkan peribah salasilah raja-raja Melayu dan raja-raja Bugis semata-mata, iaitu mereka yang memerintah di Riau, seperti juga apa yang terdapat di dalam *Tuhfat al-Nafis*. Sebaliknya daripada pembacaan sepenuhnya, kita dapat iaitu tidak menumpukan perhatian kepada satu baris salasilah yang menyeluruh mengenai pemerintah kerajaan Riau. Walaupun ada bab yang khusus memperturunkan asal usul raja-raja Bugis lima bersaudara, iaitu asalnya daripada raja-raja di negeri Luwuk yang bernama Opu La Meddusalat dan juga asal raja-raja Melayu yang memerintah Johor-Riau, tetapi tumpuan pemfian kepada peribadi raja-raja ini amatlah terbatas kepada beberapa orang raja semata-mata. Penceritaan peristiwa melingkupi

hanya bagi diri Sultan Sulaiman di pihak raja Melayu dan Yamtuan Muda Daing Marewah dan Yang Dipertuan Muda Daing Cellak di pihak raja-raja Bugis.

Bab-bab di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* terbahagi kepada Bab 1, Mukaddimah yang mengandungi fasal-fasal serta Bab-bab 2 hingga 20 yang terdiri daripada huraian-huraian peristiwa-peristiwa. Fasal-fasal yang merupakan catatan-catatan yang amat pendek merupakan keterangan khilaf pada 'Sejarah Bugis' dan pembetulan mengenainya. Bab 2 dan 3 menumpukan kepada salasilah asal usul dan keturunan raja-raja Bugis yang dimulakan daripada Sitti Mallangkik turun kepada opu-opu Bugis lima bersaudara dan termasuk juga salasilah keturunan raja-raja lain di negeri Borneo. Manakala salasilah bagi keturunan raja-raja Melayu tercipta di dalam Bab 5 yang mencatatkan secara ringkas asal keturunannya konon daripada Iskandar Zulkarnain hingga ke kepada menceritakan perihal Sultan Abdul Jalil yang kerajaannya jatuh ke tangan Raja Kecil Siak.

Pada hakikatnya *Salasilah Melayu dan Bugis* lebih menumpukan kepada menceritakan beberapa peristiwa terpilih berkaitan dengan tokoh-tokoh tertentu, khususnya Yamtuan Muda Daing Marewah dan Yamtuan Muda Daing Cellak. Sebahagian daripada gambaran-gambaran ini amat naratif sifatnya hingga lahir 'mood' yang biasanya wujud di dalam cerita naratif bercorak roman, sebagai contoh seperti di dalam episod percintaan. Selain itu dirasakan ada kesedaran pengarang untuk mengekaikan persambungan cerita walau-pun ia terpaksa memindahkan tumpuan dari satu tokoh atau tempat ke satu tokoh atau tempat yang lain. Juga wujud di dalam buku ini syair yang amat panjang bagi sebahagian besar setiap naratif menjadikan buku ini amat berbeza dengan *Tuhfat al-Nafis* dan kebanyakannya karya-karya bercorak sejarah yang lain.

2. Kandungan *Salasilah Melayu dan Bugis*

Kisah-kisah naratif dimulakan daripada Bab IV dengan menceritakan perihal Sultan Muhammad Zainuddin lari dari Matan ke Negeri Banjar kerana adiknya Pangeran Agung merampas kerajaannya. Walaupun kemudian baginda memperoleh bantuan dari Banjar, ia akhirnya terkepung oleh soldado Pangeran Agung dan memerangkap dirinya sendiri di dalam masjid. Kisah ini melincung sedikit kepada perihal Daing Rilaka dan anak-anaknya opu-opu lima bersaudara yang berbaur dengan beberapa legenda sekitar atas kemasy-

huran dan kegagahan mereka. Khususnya opu-opu Bugis lima bersaudara ini dikatakan dapat mengalahkan Raja Culan di dalam perlagaan ayam di Kemboja dan darinya ia berhasil memperoleh keuntungan yang amat besar, iaitu merupakan pertaruhan Raja Culan hanya dengan mereka mempertaruhkan dua belas buah peti berisi batu.

Kepada opu-opu lima bersaudara yang sedang berada di Siantan inilah juga datang surat daripada Sultan Muhammad Zainuddin meminta bantuan mengambil kembali takhta kerajaannya. Mereka berlima pun belayarlah ke Matan, menemui Sultan Muhammad Zainuddin di dalam masjid. Mereka kemudian meminta dengan baik daripada Penembahan Agung untuk dilepaskan sahaja Sultan Muhammad Zainuddin itu. Setelah permintaan mereka itu ditolak oleh Penembahan Agung, opu lima bersaudara itu pun bertindak mlarikan Sultan Muhammad Zainuddin ke Banjar. Sementara itu Daing Menambun jatuh berahi kepada Puteri Kesumba, anak Sultan Muhammad Zainuddin, lalu dinikahkan dengannya seperti adat anak raja-raja besar bernikah kahwin. Setelah itu Sultan Muhammad Zainuddin bersama-sama opu lima bersaudara menyentrang dan mengalahkan Penembahan Agung.

Opu-opu Bugis lima bersaudara kemudian menumpukan perhatian mereka terhadap permintaan bantuan daripada Raja Sulaiman di Riau. Baginda mendapat malu kerana Raja Kecil telah merampas kuasa kerajaannya, membunuh ayahandanya dan memperhina akan keluarganya. Setelah siap segala kelengkapan tujuh buah perahu yang besar-besar bermeriam maka mereka pun belayarlah ke Riau. Bertemulah kedua-dua angkatan itu dan berperang sehari semalam hingga alahlah Raja Kecil dan lari ke Lingga. Opu-opu lima bersaudara pun kemudiannya mengadap Raja Sulaiman, lalu berlakulah perundingan dan semua fakatan seperti tersebut oleh pengarangnya sendiri.

Sebelum opu-opu lima bersaudara belayar ke Siak mereka terlebih dahulu pergi ke Selangor untuk mengumpulkan Bugis-bugis di Selangor dan menyediakan kelengkapan-kelengkapannya. Di dalam hal itu Siak mendengar berita bahawa Linggi telah dilanggar, maka Raja Kecil pun datang membantu penghulu-penghulu Linggi itu. Pukulan opu-opu Bugis itu amat kuat dirasakan olehnya hingga menyebabkan Raja Kecil memutuskan pulang ke Siak sahaja bagi mengukuhkan semula persiapan perangnya. Melihat hal yang demikian penghulu-penghulu Linggi pun menaikkan bendera putih

menyerah kalah tunduk di bawah perintah Bugis. Setelah opu-opu Bugis kembali ke Riau mengukuhkan janji dengan Raja Sulaiman dan menyusun persiapan bagi menyerang Raja Kecil dengan tujuan mendapatkan semula barang-barang kerajaan Johor seperti sembrap dan lela majnun itu.

Apabila tiba di Siak berperanglah kedua-dua pihak dengan hebatnya. Orang-orang Bugis yang sedia ada di Siak pun turut berperang di pihak opu-opu Bugis. Amat hebat tentang Bugis itu hingga terpaksa Raja Kecil berundur membawa bersama-samanya harta-harta dan isteri orang-orang besar, tetapi dihambat oleh orang-orang Bugis hingga ramailah orang-orang Siak yang mati. Setelah Raja Kecil hilang di dalam hutan belantara baharulah orang-orang Bugis itu berhenti mengejar. Banyaklah harta-harta yang diperolehi oleh segala perajurit-perajurit Bugis itu dan opu-opu Bugis beroleh semula segala barang-barang kebesaran negeri Riau.

Setelah mereka semua kembali ke Riau, Raja Sulaiman pun meminta opu-opu Bugis menetapkan siapa di antara mereka yang akan dijadikan Yamtuhan Muda. Opu-opu Bugis lima bersaudara bersemuafakat yang Opu Daing Marewahlah selayaknya menjadi Yamtuhan Muda. Maka Daing Marewah pun dilantiklah sebagai Yamtuhan Muda di hadapan Raja Sulaiman dan orang-orang besar Melayu. Setelah dilantik lalu ia mengaruk-aruk diikuti dengan aruk-arukan saudara-saudaranya. Kemudian daripada itu mereka pula menabalkan Raja Sulaiman menjadi Sultan Sulaiman. Maka Datuk Bendahara, Temenggung dan Indera Bungsu pula menjunjung duli dan segala perjanjian setia di antara Melayu dan Bugis pun ditakrifkan di hadapan khalayak ramai. Bagi mengukuhkan perhubungan di antara Melayu dan Bugis Daing Cellak dikahwinkan dengan adinda Sultan Sulaiman yang bernama Tengku Mandak.

Tiada lama setelah itu Opu Daing Perani, Opu Daing Menambun dan Opu Daing Kemasi belayar ke Selangor. Daing Perani bernikah dengan anakanda Yamtuhan Selangor. Ketika di Selangor opu-opu Bugis menerima surat daripada raja Kedah meminta bantuan di dalam perkara perbalahan mengenai takhta kerajaan. Opu-opu Bugis ini pulang ke Riau untuk bermesyuarat dan mengambil kata muafakat. Pada hari yang baik mereka belayar ke Kedah menemui raja Kedah. Raja Kedah memberitahu bahawa adindanya telah mengambil kerajaannya dan ia meminta mereka membantu baginda meletakkan dirinya semula sebagai raja dengan upah lima

belas bahara ringgit. Opu-opu lima bersaudara itu bersetuju dengan permintaan raja Kedah yang tua lalu dengan senyap-senyap mereka mengumpulkan orang-orangnya di dalam kota raja Kedah yang sulung itu dan menabalkannya sebagai raja. Apabila raja Kedah yang muda mendengarnya ia pun mengumpulkan rakyatnya melanggar kota raja Kedah yang tua. Peperangan berlangsung selama sebulan dengan kemenangan bagi pihak Bugis.

Sungguhpun begitu tiadalah berakhir campurtangan opu-opu Bugis di Kedah. Ini disebabkan Raja Kecil Siak telah datang ke Kedah memihak kepada raja Kedah yang muda. Maka opu-opu lima bersaudara pun mengadap Sultan Sulaiman meminta izin pergi ke Kedah dan mereka pun belseyarlah menemui raja Kedah yang tua. Sementara itu Raja Kecil telah pun menyiapkan kubu-kubu di sebelah bahagian orang-orangnya dan raja Kedah yang muda. Opu-opu Bugis bermuafakat menulis surat dahulu kepada Raja Kecil meminta agar tidak diteruskan tindakannya yang membawa perselisihan itu supaya terselamat kehidupan dan perdagangan di Kedah. Raja Kecil menolak. Maka berlakulah peperangan yang amat hebat di antara kedua belah pihak - tidak berkesudahan hingga dua tahun, sekejap berhenti, sekejap perang, hingga menjadikan rakyat susah. Daing Perani mempelawa bertikam seorang sama seorang dan Raja Kecil menyanggupinya dengan niat tipu helah jua. Berperanglah terus-menerus kedua belah pihak dan di ketika inilah Raja Kecil menjalankan tipu musihatnya yang menyebabkan Daing Perani maut terkena peluru musuh. Melihat ketua mereka terbunuh Bugis-bugis pun mengamuklah dengan kerasnya hingga kalah pihak Raja Kecil dan raja Kedah yang muda itu. Raja Kecil pulang ke Siak dan opu-opu Bugis ke Riau.

Beberapa lama Riau menjadi makmur dengan perdagangan yang bertambah. Akan Raja Kecil tiadalah ia berasa senang melihat kemakmuran raja itu, lalu ia merancang untuk cuba menaklukinya, atau sekurang-kurangnya menimbulkan huru-hara. Dengan membawa beberapa orang yang dipercayainya ia pun belseyarlah menuju ke Riau dengan memberi khabar yang ia suka berbaik-baik, manakala isterinya pun ada juga di Riau. Akan Sultan Sulaiman dan Yamtuan Muda menerima mereka, tetapi dengan berjaga-jaga juga kerana mereka mengetahui pekerti Raja Kecil itu. Di dalam hal itu Raja Kecil membuat kubu-kubu di waktu malam. Perkara ini dibentahu orang kepada Yamtuan Muda dan Yamtuan Muda pun menitahkan ia dirobohkan. Berlakulah pertempuran di antara orang

Bugis dengan orang Siak. Walhal Raja Kecil tetap bermuka-muka berbaik-baik dengan Yamtuan Muda dan Sultan Sulaiman. Begitulah pekerti Raja Kecil tetap dengan ikhtiar jahatnya hingga akhirnya orang-orang besarnya sendiri pun bosan dengan perlakunya itu. Raja Kecil berbicara berdamai tetapi ia hanya boleh diterima oleh Yamtuan Muda dengan tiga syarat. Pertama Raja Kecil mero-bohkan kubunya dan bersumpah di dalam masjid. Kedua, tidak akan khianat ke atas negeri Riau dan ketiga memulangkan rakyat Johor yang telah ditawannya di masa-masa yang lalu. Oleh amat keras tekanan Bugis terhadapnya tunduklah ia akan permintaan itu. Tiada berapa lama kemudian ia pun kembali ke Siak membawa bersama-sama isterinya Tengku Kamariah.

Sungguhpun begitu Raja Kecil tidaklah berdiam diri di dalam mencari usaha melanggar Riau. Disuruhnya sekalian orang besar-besarnya, menyediakan segala kelengkapan menyerang. Tiba waktunya angkatannya pun belayar menuju ke Riau lalu berkubu di Pulau Bayan. Gemparlah Riau dan Yamtuan Muda pun amat murka oleh sebab Raja Kecil baharu sahaja bersumpah tidak sesekali akan mengganggu Riau lagi, lalu ia pun memerintah memeriksa apakah Raja Kecil ada niat jahat. Apabila sahih pada penglihatan Yamtuan Muda, Raja Kecil berniat jahat ia pun mengerahkan orang-orang Bugis mengepung Pulau Bayan dan memerangi akan orang-orang Raja Kecil. Akhirnya Raja Kecil alah dan pulanglah ia ke Siak.

Di Sambas, Sultan Adil, raja Sambas berutus surat kepada opu-opu Bugis menjemput mereka ke Sambas. Opu Daing Kemasi dan Daing Menambun diutus ke Sambas. Merka disambut oleh Sultan Adil dengan baiknya dan akan Opu Daing Kemasi itu dijodohkan dengan saudara baginda Radin Tengah. Selepas lebih kurang empat puluh hari Daing Menambun meninggalkan Sambas belayar ke Matan. Tiba di Matan ia disambut meriah oleh mertuanya Sultan Muhammad Zainuddin, lalu digelar ia Pangeran Emas Surya Negara. Setelah Duli Penambahan Sangkawa mangkat, Pangeran Emas Surya Negara ini disuruh ke Mempawah membawa pulang Ratu Puteri Cermin dan anaknya Ratu Sultan Emas Inderawati, untuk menguruskan pusaka peninggalan Penambahan. Ketika pulang ke Mempawah, Pangeran Dipati memulangkan segala pusaka Penambahan kecuali enggan ia melepaskan kuasa terhadap dayak-dayak.

Opu Bigase Mayor di Betawi menganjurkan anaknya, Opu Daing Kalola, belayar ke Riau menemui sepupu-sepupunya opu-opu lima

bersaudara. Di tengah laut perahunya dipukul ribut dan dihanyutkan ke Kuala Mempawah, lalu ia mudik ke Sebukit, kemudian mengadap Pangeran Emas Surya Negara. Melihat anak saudaranya itu sukacitalah ia, dan betapa lagi setelah membaca surat Opu Daing Bigase itu dan baharu pertama kali inilah ia bertemu dengan sepupunya itu.

Setelah sebulan tinggal di Mempawah, Opu Daing Kalola pun bermohon pulang ke Betawi bersama-sama Gusti Jamril anak Pangeran itu untuk dikahwinkannya dengan Daing Muda. Maka diizinkan oleh Pangeran Emas Surya Negara. Setelah beberapa lama berada di Betawi maka Gusti Jamril dan Daing Muda pun dikahwinkan dengan istiadat yang amat meriah. Lebih kurang lima bulan setelah tinggal di Betawi Gusti Jamril meminta izin untuk pulang ke Mempawah mengunjungi ayahandanya serta membawa sedikit barang-barang untuk diniagakan. Maka belayarlah Gusti Jamril seperti hajatnya pulang menemui bapanya. Akan bapanya meminta ia menemui nenda saudaranya Pangeran Dipati di Pinang Sekayuk dan di samping itu bolchlah ia menjual barang dagangannya. Ia pun pergilah mengadap nendanya Pangeran Dipati dan diizinkan mudik ke hulu berdagang dengan dayak-dayak. Banyak laku dengan keuntungannya.

Akan Pangeran Dipati timbul di hatinya hendak mengahwinkan salah seorang anaknya dengan Gusti Jamril dan mahu melakukannya dengan paksa. Gusti Jamril meminta ia dibenarkan mengkhabarkan perkara tersebut kepada ayahandanya dan dipersetujui oleh Pangeran tetapi tiada dibenarkan ia membawa bersama-samanya perahu-perahu yang berisi barang-barangnya itu. Maka Gusti Jamril pun pulanglah dan berbincang dengan ayahandanya. Pangeran Emas Surya Negara tiadalah menyetujui akan hajat Pangeran Dipati kerana takut Daing Muda enggan datang ke Mempawah dan hajat ayahandanya itu ia mahukan keluarga Daing Muda itu duduk bersama-sama mereka di Mempawah. Setelah putus bicara itu, Gusti Jamril pun memerintah Demang Rilaka mudik ke Pangkalan Salih membawa surat serta memerintah membawa pulang perahu-perahu dagangannya setelah mengutip hutang-hutang daripada dayak-dayak. Ketika di Mempawah Demang Rilaka beroleh kesukaran mengutip hutang itu di samping difitnah melakukan kekerasan. Berdasarkan fitnah itu Radin Jaka, anak Pangeran Dipati melanggar Demang Rilaka. Oleh kerana tidak bersiap sedia dan berkuangan orang terpaksalah ia melarikan diri pulang ke Mempawah.

Maka Pangeran Emas Surya Negara pun menulis surat meminta bantuan daripada saudaranya yang di Sambas dan di Riau. Bantuan daripada Daing Kemasi segera tiba manakala bantuan dari Riau lambat sedikit disebabkan ketika Andre Guru La Mala yang membawa surat itu berada di Riau, Yamtuhan Muda Opu Daing Marewah, meninggal dunia. Maka angkatan Riau itu kini dikepalai oleh Yamtuhan Muda baharu, iaitu Opu Daing Cellak. Dengan serangan dari angkatan yang amat besar itu alahlah Pangeran Dipati dan segala dayak-dayak mengaku tunduk kepada perintah Pangeran Emas Surya Negara. Selepas bersuka-sukaan kerana kemenangan itu Yamtuhan Muda Riau dan Mangkubumi Sambas pun pulang ke negeri masing-masing.

Seterusnya diceterakan perihal Raja Kecil Siak telah membawa kelengkappannya di Kuala Selat Tiong lalu menyeberangi ke Riau. Ketika itu Yamtuhan Muda berada di Tanjung Pinang lalu menyuruh pembantu-pembantunya memerintahkan supaya segala kelengkapan yang ada di sungai itu beratur di Sengkarang hingga hampir ke Penyengat supaya terpelihara segala perahu-perahu dagang. Apabila Raja Kecil melihatkan keadaan yang sedemikian itu ia pun berhenti di Penyengat untuk bermesyuarat mencari jalan menyeberang Riau. Orang-orang besar tidaklah menyetujuji akan niatnya itu. Sementara itu segala orang-orang dagang, anak-anak raja dan sekalian rakyat keluar dengan meriahnya melihat bagaimana akan berlaku peperangan itu. Yamtuhan Muda menghantar surat kepada Raja Kecil dengan sindiran yang amat tajam mengatakan betapa tertunggu-tunggu orang ramai melihat temasya perang.

Setelah tiba pada tujuh haribulan Safar Yamtuhan Muda pun menitahkan memukul gendang perang. Apabila mendengar sahaja, Raja Kecil segera membalaik. Dengan itu bermulalah peperangan di antara kedua pihak itu. Yamtuhan Muda memerintah anak buahnya melakukan perang secara bermain-main sahaja. Akan hulubalang menteri Raja Kecil tahuolah akan makna tindakan angkatan Riau itu lalu mereka bermuafakat melarikan pulang sahaja angkatan mereka itu kerana terasa sangat malunya. Raja Kecil akhirnya merasakan juga tetapi untuk berundur di waktu siang tidaklah manis lalu ia memerintah berundur sahaja pada sebelah malam menuju ke Siak. Tiada lama setelah itu Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda berangkat ke Perguran membayar nazar, mengaji sambil bersuka-sukaan. Berikutnya Raja Kecil telah memerintahkan anaknya Raja Alam melanggar Riau. Sekali lagi

gemparlah Riau tetapi angkatan Siak itu terpaksa berundur juga setelah berperang hebat beberapa hari lamanya. Setelah itu Yam-tuan Muda pun berangkat ke Selangor. Demikianlah selesainya kisah-kisah di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis*.

3. Nilaian Teks

Riau di kurun ke 18 dan 19 menyamai Melaka di kurun ke 15 dari sudut kemegahannya sebagai sebuah kerajaan Melayu dan pusat perdagangan. Sejak jatuhnya Melaka ke tangan Feringgi pada awal abad ke 16, tiada sebuah kerajaan Melayu yang dapat didirikan segagah Riau-Johor, yang diterajui oleh opu-opu Bugis yang terkenal. Ada percubaan oleh waris-waris Sultan Mahmud untuk membina semula pusat pemerintahan dan perdagangan di Sungai Johor dan di pulau-pulau di hujung Semenanjung tetapi ini sentiasa berhadapan dengan halangan-halangan berupa serangan-serangan daripada Portugis dan Aceh. Apa yang berjaya ditegakkan kembali oleh kerajaan Johor adalah struktur perdagangan yang amat diperlukan bagi meneruskan kemakmuran semula jadi. Hanya setelah munculnya satu 'sumber baru' di kawasan ini baharulah kemakmuran ini terjamin dan ditingkatkan.

'Sumber baru' yang dimaksudkan ini adalah tenaga manusia, iaitu bangsa Bugis, yang bersama-sama dengan bangsa Minangkabau, menduduki tempat-tempat tertentu di Semenanjung. Paling penting daripada kalangan mereka ialah opu-opu lima bersaudara iaitu Daing Perani, Daing Menambun, Daing Marewah, Daing Cellak dan Daing Kemasi. Mereka memainkan peranan utama di dalam memperluaskan pengaruh Bugis dan langsung memperoleh kuasa memerintah di Riau, Johor, Sambas dan Mempawah. Pada mereka terdapat sifat-sifat kepahlawanann, berani dan tegas. Kejayaan mereka bukanlah semata-mata terletak pada kedudukan mereka sebagai kuasa laut dan kebijaksanaan berperang yang kuat tetapi juga pada kebijaksanaan mereka menyusun strategi pentadbiran di samping persemuafakatan yang amat kuat. Oleh sebab ketinggian martabat mereka serta luasnya pengaruh mereka inilah maka mereka menjadi sumber beberapa buah buku bercorak sejarah termasuklah *Salasilah Melayu dan Bugis*.

Tidak mungkin dapat dinafikan yang *Salasilah Melayu dan Bugis* ini sebuah karya yang bercorak sejarah seperti juga *Tuhfat al-Nafis* dan *Sejarah Melayu*. Ia adalah nyata sebuah buku yang memperturunkan salasilah raja-raja Melayu dan Bugis. Pemerintah-pemerintah Melayu adalah waris-waris daripada sultan-sultan Melayu

Melaka dan Johor dan kemudian disebabkan oleh keadaan politik berakhir dengan Sultan Mahmud Marhum Mangkat Dijulang yang digantikan oleh Bendahara Abdul Jalil dan keturunannya. Raja-raja Bugis pula adalah keturunan daripada raja negeri Luwuk yang bernama Sitti Mallangkik keturunan daripada Balkis kononnya, yang menurunkan beberapa orang raja-raja besar di Bugis. Opu-opu lima bersaudara itu adalah anak kepada Opu Tandari Borang Daing Rilaka anak kepada La Meddusalat raja Bugis terawal yang masuk Islam.

Ada sebab-sebab yang khusus mengapa Raja Haji menulis *Salasilah Melayu dan Bugis* seperti yang tersurat di dalam kata-kata beliau sendiri:

"Adapun kemudian daripada itu maka tatkala adalah pada masa Hijrah al-nabawiyah seribu dua ratus delapan puluh dua tahun dan, iaitu pada lima haribulan Rabiul-akhir dan berbangkitlah hatiku bahawa aku memperbuatkan salasilah ini pada ketika aku peroleh akan satu kitab daripada tangan saudara kami yang salih yang kepercayaan, dan, iaitu Syed Syarif Rahman ibni Syed Syarif Kassim, Sultan Pontianak bin Syed Syarif Abdul Rahman al-Qadri. Dan di dalam kitab itu disebutkan setengah daripada keturunan raja-raja dan anak raja-raja yang mereka itu mengembara menjauhi daripada pihak pulau Bugis dan menuntut daripada kelebihan Allah taala daripada kemegahan dan berkelilingkan mereka itu pada beberapa negeri yang hampir dan jauh. Maka diperoleh mereka itulah atas niatnya yang bertuah."

"Fa'ajibatu wa aradtu min raqmiha liyabqa bi dhalika ila'l-awtadi wa'l-abfadi bi hawli' Llahi wa karamihi'ala'l-'ibadi. Maka mencengangkan daku yakni memperbuat akan dia kitab itu supaya berkekalan dengan demikian itu hingga anak-anakku dan cucuku di belakangnya dengan tolong Allah dan kurnianya atas segala hambanya. Intiha."

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 7-8).

"Maka mencengangkan daku dan menyukakan daku" itu adalah mungkin pendorong utama bagi Raja Ali Haji untuk mengarang *Salasilah Melayu dan Bugis*. Dipandang dari segi pencapaian hidup, kejayaan opu-opu lima bersaudara memanglah merupakan satu pencapaian gemilang yang dapat dimegahkan oleh waris-warisnya seperti pengarang *Salasilah Melayu dan Bugis* ini. Kemegahan ini bukan didasarkan di atas pemujaan mitos seperti yang mungkin timbul di dalam diri waris-waris raja-raja Melaka. Opu-opu Bugis

yang berkenaan mencapai kemuncak kejayaan mereka dari kebolehan mereka di dalam menyusun strategi peperangan, mentadbir dengan bijak, menyatukan diri mereka berdasarkan semuafakatan yang kukuh bukan sahaja sesama mereka tetapi juga di antara anak-anak Bugis yang telah keluar mencari penghidupan di seluruh negeri di rantau ini dan mengukuhkan pengaruh mereka di hati raja-raja tempatan. Sememangnya pemerhatian dan rumusan pengarang kebanyakannya berdasarkan kepada realiti dan bukan kepada mitos-mitos yang seperti selalu ditimbulkan oleh pengarang-pengarang sebelumnya.

Kenyataan di atas dapat dibuktikan dengan memerhatikan yang *Salasilah Melayu dan Bugis* tidak menghidupkan mitos bagi mengangkat kedudukan asal usul dan keturunan raja-raja Bugis. Tiada juga pemitosan kedatangan Islam di tanah Bugis. Pengislaman salah seorang raja Jawa amat biasa, dengan kata pengarang:

“ ... dan ia beranakkan Duli Maulana Sultan Muhamad Safiyuddin yang mula-mula masuk Islam, diislamkan oleh Tuan Syeikh Syamsuddin, iaitu membawa kiriman satu Quran kecil dan sebentuk cincin yakut merah dari Mekah Al-Mukkattab Masyrafah.”

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 10).

Mentiadakan mitos bermakna memilih untuk mengenepikan segala cerita yang jauh dari kebenaran.

Sumber lain bagi pengarang *Salasilah Melayu dan Bugis* adalah legenda yang selalunya berdampingan dengan peribadi-peribadi yang gagah perkasa. Legenda-legenda yang dikemukakan oleh pengarang *Salasilah Melayu dan Bugis* adalah sederhana ju. Legenda yang paling menarik berkaitan dengan kehandalan opu-opu Bugis ialah punca mereka mempunyai tuah. Kononnya di masa Opu Daing Rilaka ada seorang gembala kerbau yang mendapati salah seekor kerbaunya telah hilang. Setelah dicarinya, didapati ia mati disebabkan memakan pucuk daun simpur. Pada batang simpur itu dilihatnya sesuatu seperti besi, lalu dipotong kayu simpur itu dan dijumpai sepotong besi menyerupai badik. Badik itu pun dibawanya pulang dan disimpannya. Melalui ucapan seorang pawang, raja mengetahui ada kiriman daripada air dan tanah tidak disampaikan oleh pengembala itu. Raja itu segera memerintah supaya dicari barang itu. Maka terjumpalah barang besi serupa badik. Barang besi itu pun ditempa dengan tukang besi diajukan

badik. Manakala ada lebih sedikit besi itu lalu dibuatkan taji yang amat bisa, dinamakan ia 'Taji Kerami'. Barang-barang ini menjadi warisan yang terpenting.

Legenda lain yang penting adalah perihal opu-opu lima bersaudara itu memperoleh laba. Ketika Opu Daing Rilaka dan anak-anaknya opu-opu lima bersaudara itu berada di Melaka mereka terdengar ada seorang anak raja Minangkabau iaitu Raja Culan sedang berada di Kemboja mencari lawan laga ayam. Sudah sembilan negeri dilawatinya tiada seorang pun berani berlawan sebab amat gagah ayamnya itu. Maka Daing Rilaka dan anak-anaknya itu bersemuafakat untuk melawan ayam Raja Culan dengan menggunakan 'Taji Kerami'. Mereka tawakal atas tafsir mereka terhadap mimpi Opu Daing Menambun yang zakat Daing Cellak menjulur ke laut menjadi naga, kepalanya menghadap ke barat. Dengan bermodalkan dua belas peti berisikan batu tetapi dikatakan berisi wang rial dan sebagainya, mereka menerima cabaran Raja Culan. Berlakulah perlagaan ayam yang amat hebat berakhir dengan kemenangan ayam ber'Taji Kerami'. Daing Rilaka dan anak-anaknya pulang dengan satu keci bermuat barang-barang berharga bersama orang-orang keci itu sekali.

Kedua-dua legenda di atas mempunyai fungsi yang jelas, iaitu memberikan pengenalan bagi sifat-sifat gemilang pahlawan-pahlawan Bugis. Ia seolah-olah menunjukkan asal mula mereka menempa kejayaan demi kejayaan di masa depan, walaupun pada hakikatnya pencapaian mereka tidaklah bergantung kepada apa-apa gejala ajaib, tetapi sebaliknya pada sifat-sifat berani, kebijaksanaan, tawakal dan bersemuafakatan. Legenda pertama, jelas mengandungi unsur misteri dan magis yang biasa di dalam cerita-cerita popular rakyat. Manakala legenda berkaitan dengan persabungan ayam mengingatkan masyarakat tempatan kepada sayembara yang luas digemari bagi semua lapisan masyarakat tempatan dan di dalam kesusasteraan Melayu terkenal di dalam cerita-cerita rakyat. Tetapi khusus mengenai kisah ini kita dibawa kepada cerita Pak Kaduk yang tergadai negerinya, walaupun tidaklah sedemikian buruk nasib Raja Culan. Ditambah di dalam peristiwa ini motif 'tipudaya' (trickery) dengan memuatkan batu-batu di dalam peti, bagi menghasilkan kesan jenaka lucu yang juga wujud di dalam karya bercorak sejarah. Pilihan pengubah legenda ini untuk menemukan anak raja Bugis dan anak raja Minangkabau adalah amat wajar jika ia dihubungkan dengan keseluruhan perkembangan cerita ini,

oleh sebab musuh utama yang ditemui oleh opu-opu Bugis adalah Raja Kecil yang datang dari Minangkabau.

Tema kembara dan kepahlawanannya yang dapat kita simpulkan daripada segala naratif di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis*. Pengarangnya memilih secara khusus motif-motif perang yang secara langsung dapat mengemukakan kehandalan mereka melawan dan mengatasi musuh-musuh. Kemenangan mereka di dalam keseluruhan penglibatan mereka tidaklah berdasarkan semata-mata kepada sifat kegagahan dan keberanian tetapi juga bergantung kepada kebolehan mereka menyusun langkah-langkah yang wajar dan mengikut situasi-situasi tertentu. Susunan organisasi perang itu sendiri amat menjamin ketahanan mereka. Mereka juga penuh teliti di dalam membuat persediaan bagi mencari katasemuafakat. Mereka memperoleh kesetiaan daripada anak-anak Bugis yang berada di seluruh kawasan. Oleh kerana menurut mereka:

"Adapun seperti hamba-hamba sekalian ini di mana-mana raja Bugis bekerja, di situlah hamba-hamba sekalian ini serta, kerana ia raja kita yang sebenar benarnya."

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 112).

Salah satu daripada bukti yang nyata opu-opu Bugis bersatu di dalam menghadapi musuhnya adalah ketika Pangeran Emas Surya Negara menghadapi permusuhan daripada Pangeran Dipati. Betapa cepatnya dia memperolehi sokongan dan bantuan daripada Pangeran Mangkubumi dan Yamtuan Muda Riau. Sebelum dilakukan serangan yang hebat ke atas musuh, Pangeran Emas Surya Negara segera membawa beberapa bangsa dayak masuk ke sebelahnya dengan menghabarkan dia sebagai waris yang sah. Sebagai raja mereka segera mengambil keputusan menerima pelawaan daripada Ratu Bagus untuk membawa dia masuk ke dalam lingkungan keluarga raja-raja Bugis dan dengan itu melemahkan kedudukan Pangeran Dipati yang banyak bergantungan kepada ketatasetiaan dayak-dayak. Tindakan Daing Cellak untuk menolak usaha perdamaian Ratu Bagus dan memilih perang adalah amat bijak kerana dia dapat menyelesaikan sama sekali dan secara muktamad persoalan kuasa pemerintahan di Mempawah itu dan ketaatian dayak-dayak.

Strategi peperangan yang lebih sulit digunakan bagi melawan Raja Kecil Siak. Pemeriksaan yang teliti terhadap perlawaan dengan Raja Kecil yang berlaku berkali-kali dan memakan masa

yang berlarutan itu jelas memperlihatkan kepintaran opu-opu Bugis di dalam menjalankan muslihat peperangannya. Pertama kali kita melihat opu-opu Bugis menghadapi Raja Kecil yang menguasai Riau itu ialah apabila mereka menyahut permintaan Raja Sulaiman. Mereka memulakan dengan tumpuannya mengumpulkan Bugis-bugis di Selangor dan kemudian melanggar Linggi yang berada di bawah kuasa Raja Kecil itu, hingga terpaksalah Raja Kecil Linggi membantu penghulu-penghulu Linggi. Persemuafakatan opu-opu Bugis menemukan satu tindakan yang bijak seperti dipetik di bawah:

Syahadan tatkala putus kemuafakatan itu, maka apabila hari siang maka berkemaslah ia segala hulubalangnya itu dengan menyediakan pakaian perangnya. Maka segala hulubalangnya dan andre gurunya pun memakailah akan pakaian perang, iaitu memakai seluar sampak dan memakai baju rantai dan ikat pinggangnya dan tandur batung dan memakailah akan keris lembingnya dan memakai pemuras senapangnya. Dan demikian lagi perahu-perabunya pun mengisih segala-meriam dan rentakannya. Maka apabila telah mustaidlah seketiaka lagi maka berbunyilah gendang perang pihak sebelah Raja Kecil dipulu oranglah seperti belah bunyinya tanda akan perang. Maka segala opu-opu pun tersenyumlah mendengarnya. Maka gemuruhlah bunyinya antara keduanya pihak itu. Seketiaka lagi talulah berperang berbedil-bedilan dengan meriam rentakannya. Dan guguplah bunyi-bunyinya meriam lela rentaknya hingga kelam-kabutlah asapnya dan guguplah bunyi bahana meriamnya, yang kubu bertembak-tembakkan sama kubunya dan perahu-perahu pun demikian juga dan bermatianlah dan berluka-lukalah sebelah-menyeselah orangnya, serta dengan riuh-rendah dengan sorak tempiknya, dan pihak sebelah Bugis dengan kelong maosongnya.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 71).

Tipu helah perang yang bijaksana itu membawa kejayaan kepada opu-opu Bugis. Riau dengan mudah jatuh ke tangan opu-opu Bugis kerana musuh berfikir untuk menyerang balas ditakuti akan mengakibatkan kemalangan kepada isteri-isteri dan anak-anak. Maka terpaksalah Raja Kecil pulang ke Siak dan meninggalkan orang-orang Linggi menyerah kalah kepada orang-orang Bugis.

Huraian di atas hanya merupakan beberapa contoh mengenai kebijaksanaan opu-opu Bugis mengendalikan peperangan. Dengannya

jelas mereka bukan bergantung kepada tenaga magis atau pun 'nasi' tetapi sebaliknya amat kuat bergantung kepada mesyuarah dan 'akal perang'. Di mana-mana mereka pergi orang-orang Bugis menempah kemenangan. Mereka menang di Kedah, walaupun Daing Perani mati di sini, menang juga di Matan, di Riau dan di Mempawah. Mereka juga menempa kedudukan di Jawa di atas kekuatan dan keberanian mereka. Sekaligus kita melihat bahawa opu-opu Bugis adalah kembara perang yang mudah berpindah dari satu tempat ke satu tempat bagi memenuhi hajat satu-satu raja atau atas sebab perkahwinan dan kekeluargaan. Walaupun mereka akhirnya berpisah namun semangat persaudaraan Bugis secara umumnya dan persaudaraan opu-opu Bugis khususnya amat teguh dipelihara.

Oleh itu adalah tepat sekali untuk berbicara tentang perkembangan cerita atas susunannya berpandukan kepada watak-watak lima bersaudara ini sebagai watak kelompok dan mereka inilah protagonis bagi *Salasilah Melayu dan Bugis*. Sayangnya kita tidak mengenali watak lima bersaudara ini ketika mereka masih kecil. Walaupun begitu ada juga peristiwa yang menggambarkan latar belakang peribadi mereka sebelum mereka berada di negeri-negeri sebelah barat ini. Jika kita ketepikan huraihan mengenai salasilah asal usul mereka dan bebej, ia peristiwa latar belakang politik Matan, maka pengembaran opu-opu Bugis lima bersaudara ini dapat dijadikan asas perkembangan cerita bagi *Salasilah Melayu dan Bugis* ini. Asal mula perjalanan anak-anak Bugis ini ialah ketika Daing Rilaka dan anak-anaknya pergi bermain di Topamana. Ketika mereka berada di Topamana inilah berlakunya peristiwa legenda penemuan besi berupa badik itu. Daing Rilaka dianugerahkan besi tersebut oleh raja dan ia juga yang membuat 'Taji kerami' itu dari pada yang lebihnya.

Dari Topamana mereka pergi pula ke Bone dan mereka disambut oleh Seri Paduka Arang Bone seperti menyambut anak raja-raja yang besar. Mereka turut mengiring raja Bone ke Mangkasar dan di Mangkasar raja Bone berkahwin. Ketika raja Bone pulang ke negeri Bone mereka diamanahkan untuk menjaga isterinya. Sepeninggalan raja Bone itu anak raja Mangkasar didapati membuat jahat dengan gundik Seri Paduka Arang Bone, lalu ditikam mati oleh Opu Daing Perani. Gemparlah seluruh Mangkasar, tetapi tidak banyak orang bertanya akan hal itu. Akan Seri Paduka Arang Bone apabila menerima pengaduan Opu Daing Rilaka akan peris-

tiwa itu amat memuji-muji akan tindakan Opu Daing Perani yang berani di dalam menghapuskan segera kejahatan di masa ia memegang amanah rajanya.

Dari Bone mereka mula berangkat mengembara ke barat dengan hasrat seperti apa yang dikatakan oleh Opu Daing Rilaka kepada Seri Paduka Arang Bone;

"Adapun yang seperti adinda serta anakanda-anakanda sekalian ini, jika ada ampun kurnia maka adinda hendak bermohonlah pergi mengembara mengadu tuah ke sebelah barat, mudah-mudahan dengan tolong Rabullalamin supaya menjadi masyhur nama raja-raja Bugis di tempat itu.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 23).

Sebenarnya seluruh peristiwa mengenai opu-opu lima bersaudara dan kejayaan-kejayaan mereka itu adalah pemenuhan hasrat Opu Daing Rilaka itu. Setelah mengalahkan Raja Culan di dalam pertarungan ayam di Kemboja, bintang setiap opu-opu Bugis ini terus cemerlang. Mereka dapat menebus semula takhta Raja Abdul Jalil daripada genggaman Raja Kecil untuk dipulangkan kepada warisnya Raja Sulaiman dan dengan itu juga mendapat kedudukan di dalam mentadbir Riau-Johor. Khususnya sebagai Yamtuun Muda yang jatuh kepada Opu Daing Marewah dan kemudiannya kepada Opu Daing Cellak. Opu Daing Kemasi menjadi Pangeran Mangkubumi bagi Sambas dan Opu Daing Menambun menjadi Duli Pangeran Emas Surya Negara Sebukit. Hanya Daing Perani yang singkat umurnya, gugur di medan perang iaitu ketika berlaku peperangan di antara opu-opu Bugis dengan orang-orang Raja Kecil. Segala kejayaan mereka bukan datang mengbolek tetapi terpaksa mengharungi berbagai-bagai dugaan sebelum dan sesudahnya, dan segalanya mereka atasi dengan terhormat.

Apa yang menarik ketika Raja Haji memaparkan peristiwa-peristiwa di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* ini ialah susunannya yang amat rapi. Terasakan pengarangnya menyedari akan keperluan kepada susunan yang membawa kepada alur cerita yang licin. Jika kita ketepikan unsur-unsur salasilah dan diambil naratif semata-mata kita dapat merasakan ia seolah-olah satu susunan roman yang amat licin. Ada permulaan yang jelas dengan latar belakang 'protagonis kelompok'nya serta latar belakang politik, dilanjutkan dengan objektif pengembaraan dan kemudian perjalanan-perjalanan mereka yang menemukan mereka dengan dugaan-dugaan,

ancaman-ancaman yang kesemuanya berjaya diatasi dan kemudian kestabilan daripada kejayaan mereka. Jauh lebih mengatasi susunan roman ialah wujudnya kehalusan di dalam menggerakkan peralihan watak dari satu tempat ke satu tempat dan menyatukan mereka semula pada situasi yang gemilang dan bersejarah.

Kedudukan watak-watak di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* juga adalah menarik. Amat mudah kita dapat melihat dan merasakan perbezaan satu-satu watak di dalam *Sejarah Melayu dan Bugis*. Pertama Sultan Sulaiman sebagai raja Melayu yang paling utama di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* dapat dikatakan tidak aktif. Memang begitu kehendak opu-opu Bugis dan dipersetujui oleh Raja Sulaiman di dalam perjanjian asalnya dengan opu-opu Bugis itu.

"Dan lagi pula Yamtuan Besar jadi seperti perempuan sahaba, jika diberi makan maka baharu makan ia. Dan Yamtuan Muda jadi seperti laki-laki; dan jika datang satu-satu hal atau apa-apa juga bicara melaninkan apa yang kata Yamtuan Muda."

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 67).

Raja Kecil Siak walaupun aktif tetapi lebih merupakan antagonis yang bersifat negatif. Kegemarannya adalah berperang tetapi nyata ia tidak mempunyai kemahiran perang. Hatinya penuh tipu daya dan basad, maka itu pemikirannya dan perhitungannya amatlah cetek. Tidaklah hairan mengapa ia tidak pernah dapat mengalahkan Bugis, malah sebaliknya ia mengalami malu.

Anak-anak raja Bugis sebaliknya tergambar sebagai watak yang aktif, paling berperanan, berkemampuan serta mempunyai martabat yang tinggi. Walaupun mereka ini dapat dianggap sebagai 'protagonis kelompok' namun setiap watak mempunyai kelebihan yang tersendiri. Di antara lima bersaudara itu Opu Daing Cellak lebih terkemuka wataknya. Di dalam menghadapi telatah Raja Kecil ia amat tegas, seperti katanya,

"Suruhkan dianya masuk, kemudian kita tanya nafsunya jika ia hendak bertikam kita lawan ia bertikam. Dan jika ia hendak baik kita lawan baik kerana peperangan itu harus tunduk dan terus berdamai keduanya tiada menghilangkan nama laki-laki. Kerana di dalam peperangan itu ada untung ada menang. Adalah jika mati di dalam peperangan itu jika berkehendakkan belanya melaninkan di dalam peperangan juga. Setelah itulah adat laki-laki."

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 154-155).

Perasaan hargadiri dan penuh mencabar tergambar di dalam katanya.

"Jangan dirimu semua mengikut orang-orang yang sudah lari itu kerana bukannya adat laki-laki mengejar musuhnya yang sudah alah itu. Dan lagipun biar dia datang sekali lagi."

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 175).

Manakala di lain ketika ia amat tegas dan keras katanya.

"Adapun yang seperti sahaya ini dipanggil khabarnya hendak dibawa perang. Maka sampai sahaya datang ini hendak dibawa berdamai pula. Maka itu perkara damai jika boleh dengan sebolehnya, sahaya mintalah walau dengan sehari pun, hendak saya cuba juga beperang dengan Pangeran Dipati serta dengan Raden Jaka itu."

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 228).

Unsur lain yang amat menarik adalah suasana yang dilahirkan oleh pengarangnya di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* ini. Kepintaran pengarang bercerita dapat menimbulkan berbagai-bagai ragam suasana yang menjadikan karya ini amat menarik dibaca. Di antaranya suasana serius, kemeriahian, suasana romantis dan suasana lucu. Pada banyak tempat di dalam *Salasilah Melayu dan Bugis* terasa benar suasana 'serius', iaitu daripada sebab ianya banyak mengisahkan perihal peperangan yang oleh Bugis dianggap berat dan sentiasa dilaksanakan dengan sungguh-sungguh bagi memperoleh kemenangan. Perhatikan petikan di bawah bagaimana suasana perang jelas tergambar.

Syahadan tatkala putus kemuafakatan itu, maka apabila hari siang maka berkemaslah ia segala hulubalangnya itu dengan menyediakan pakaian perangnya. Maka segala hulubalangnya dan andre gurunya pun memakailah akan pakaian perang, iaitu memakai seluar sampak dan memakai baju rantai dan ikat pinggangnya dan tandur batung dan memakailah akan keris lemingnya dan memakai pemuras senapangnya. Dan demikian lagi perahu-perahunya pun mengisilah segala meriam dan rentakannya. Maka apabila telah mustaidlah seketika lagi maka berbunyilah gendang pihak sebelah Raja Kecil dipulu oranglah seperti belah bunyinya tanda akan perang. Maka segala opu-opu pun tersenyumlah mendengarnya. Maka disuruhnya balas pulak palu gendang sebelah pihak Bugis pula. Maka gemuruhlah bunyinya antara keduanya pihak itu. Seketika lagi laulah berperang berbedil-bedilan dengan meriam rentakannya. Dan guguplah bunyi-bunyian meriam lela rentaknya hingga

kelam-kabutlah asapnya dan guguplah bunyinya bahana meriamnya, yang kubu bertembak-tembak sama kubunya dan perahu-perahu pun demikian juga bermatiolah dan berluka-lukalah sebelah-menyebelah orangnya, serta dengan riuh-rendah dengan sorak tempiknya, dan pihak sebelah Bugis dengan kelong maosongnya.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 71).

Begitu juga dengan gambaran Bugis-bugis mengaruk seperti di bawah ini membawa kesan yang amat dramatis:

Syahadan apabila sudah mustaidlah sekaliannya maka Datuk Bendahara pun membawa Opu Daing Marewah masuk ke dalam istana dipakaikan orang dengan pakaian kerajaan seperti adat pakaian raja-raja berlantik. Maka apabila telah sudah selesai daripada memakai-makai itu maka baharulah dibawanya turun ke balairung seri. Adapun Raja Sulaiman pun sudahlah diaturkan oleh Datuk Bendahara duduk di singgahsana kerajaan. Maka Opu Daing Marewah pun mengaruklah kepada hadapan Raja Sulaiman. Adapun mengaruk itu dengan bahasa Bugis maknanya: "Lihatlah Raja Sulaiman akulah yang menjadi Raja Muda akan mengakui memangku kerajaan Raja Sulaiman yang boleh kuasa yang melintang kubujurkan dan yang bujur kulintangkan dan yang semak berduri aku cucikan sebolch-bolehnnya." Telah selesai ia mengaruk itu maka saudara-saudaranya pun mengaruk pula kepada Yamtuhan Muda, masing-masing dengan cakapnya. Kemudian baharulah segala Bugis yang banyak-banyak itu pula mengaruk-aruk berkanjar-kanjar. Maka azmatlah bunyinya suara Bugis-bugis yang banyak itu mengaruk.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 93-94).

Di dalam keseluruhan suasana yang serius itu wujud juga suasana kemeriahinan. Kemeriahannya biasanya timbul tatkala pengarang menggambarkan majlis perkahwinan atau di dalam waktu memperolehi kemenangan perang. Di bawah merupakan satu petikan dari suasana meriah ini:

Maka mengilailah bini Raja Negara katanya, "Jikalau sama berteguh-teguhan mika dengan hamba, maka hamba pun begitulah pula." Sambil ia berpantun memukul herehana:

Pinang muda dilambung kuda,

Rama-rama di tudung saji,

Tuan muda saya pun muda,

Sama-sama memegang janji.

Setelah Opu Daing Cellak mendengar pantun orang Kupit itu maka baginda pun tersenyum seraya dipegangnya tangan adinda baginda itu seraya katanya, "Tuan dengurlah pantun orang Kupit itu". Maka Tengku Mandak pun menyentak tangannya seraya berselubung. Maka baginda pun tertawa dan penghulu istana pun serta inangda tertawa gelak-gelak pula. Syahadan adapun bini-bini Batin Kupit dan bini Batin Sengira yang bernyanyi keduanya itu tertawalah lalu terlepas berebana dari tangannya sambil berkata, "Marilah kita bersumpah bersetia berjanji benar-benar". Maka kata bini Raja Negara, "Marilah, entahkan jikalau mika yang mungkir. Jikalau hambar, kata hamba itu kotalah". Maka lalu sama tertawa beramai-ramai.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 98).

Di samping itu suasana romantis yang lebih halus dapat juga dilahirkan oleh pengarang. Perhatikan petikan di bawah:

Kata setengah yang bercetera maka apabila Opu Daing Menumbun terpandang kepada paras Puteri Kesumba itu maka jatuhlah berahinya kepada Puteri Kesumba itu. Maka apabila ia mendengar khabar orang-orang Matan itu makin bertambah-tambahlah berahinya sepertikan tiada dapat ditahaninya lagi melainkan daripada sebab sangat segan malunya akan baginda itu, maka duduklah ia menahan hatinya serta mengharap-harap akan takdir dan pertemuannya daripada Allah Taala juga yang dinantinya, intiba.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 48-49).

atau

Maka masing-masing bermohonlah kepada isterinya akan turun ke perahu pergi belayar. Maka Daing Perani bersabda kepada isterinya, iaitu Tengku Tengah, adapun timang-timangan Tengku Tengah itu Tun Irang seraya kata-katanya, "Tinggallah adinda, kakanda ini bermohon serta maaflah apa-apa yang salah silapnya kakanda dengan adinda; serta adinda jangan lupa-lupa daripada mendoakan kakanda tiap-tiap waktu". Syahadan apabila Tengku Tengah mendengar sabda kakanda baginda itu maka sangatlah pilu rasa hatinya sepertikan tiada berjumpa lagi dengan paduka kakanda baginda itu, seraya cucur air matanya sambil menjawab sabda kakanda bagindā itu dengan putus-putus suaranya seraya meniarap di atas ribaan kakanda baginda itu sambil menangis seraya berkata, "Adinda pun demikian juu harapkan diampun apa-apa

dosa adinda kepada kakanda". Setelah baginda melihat hal isterinya itu lalu cucur air matanya seraya disapunya dengan sapu tangan selepnya lalu ia berangkat turun berjalan pergi mengadap Sultan Sulaiman.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 126).

Lebih menarik mengenai *Salasilah Melayu dan Bugis* ini adalah wujudnya suasana lucu atau 'humor' yang jarang ditemui di dalam karya-karya bercorak sejarah. Walaupun di dalam konteks sebuah buku yang serius ia dapat berfungsi sebagai *comic relief*, tetapi di dalam konteks *Salasilah Melayu dan Bugis* ia lebih menggambarkan kesungguhan pengarang menghidupkan karyanya tanpa merobakan kedudukan *Salasilah Melayu dan Bugis* sebagai sebuah karya bercorak sejarah. Episod yang penuh dengan 'humor' adalah episod 'temasya perang' yang bermaksud memperkecilkan kedudukan Raja Kecil yang amat degil itu. Percubaan Raja Kecil hendak melanggar Riau yang telah makmur itu hanya terbalik mengenai dirinya di dalam bentuk malu yang tiada terhingga. Peperangan yang ia angan-angankan itu sekadar menjadi peristiwa temasya ditontoni oleh rakyat Riau yang bersorak-sorakkan melihat ketidakmampuannya menentang angkatan Riau dan gembira melihat angkatan perang Riau memperolokkannya. Akhirnya Raja Kecil mengikut nasihat menterinya untuk berundur sahaja. Pengarang menggambarkan hujungan episod ini sedemikian:

Setelah Raja Kecil melihat hal yang demikian itu adanya, lalu disuruhnya balas pula. Maka berperanglah bagaimana seperti adat orang berperang aturannya pada hari itu. Syahadan makin beramailah orang-orang yang datang melihat di atas bukit Tanjung Pinang itu dengan sukanya dan rianya serta dengan sorak tempiknya serta memalu gong, gendang permainannya. Syahadan tatkala Raja Kecil melihat hal yang demikian itu, tiadalah terbicara lagi hatinya seraya katanya, "Benarlah kita ini diperbuat oleh Raja Muda seperti permainan dia". Maka kata segala orang besar-besarnya, "Sebenarnyalah titah tuanku itu. Baiklah silakan berangkat undur sahaja kerana tiap-tiap hari kita diperolok-lookkannya". Maka jawab Raja Kecil, "Baiklah. Akan tetapi siang ini kami lalu lari makin disorakkannya. Nantilah sekarang malam kita undur dari sini".

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 255).

Pelbagai suasana yang menghiasi buku *Salasilah Melayu dan Bugis* ini tidak mungkin dapat ditimbulkan jika pengarangnya tidak mempunyai keupayaan di dalam mengubah ayat-ayat yang hidup dan berasa. Stail pengarang *Salasilah Melayu dan Bugis* sedikit berbeza daripada lain-lain stail pengarang karya bercorak sejarah. Bahasanya amat bersahaja, mudah dan lancar terbentuk bersama-sama perasaan pengarang sekali. Pengarang lebih gemar menggunakan ayat-ayat pendek, maka dengan itu mudah terbentuk nada-nada yang dikehendaki. Ia juga amat halus di dalam menggambarkan satu-satu episod yang penting, seperti peperangan misalnya, pembaca dapat merasakan dengan jelas tahap-tahap peristiwa atau perincian di dalam satu-satu babak itu.

Satu sifat lain yang istimewa di dalam penyampaian pengarang ialah di dalam penggubahan syair-syair yang amat panjang bagi hampir setiap bab. Tujuan syair-syair itu jelas dikemukakan seperti katanya, "kemudian aku datangkan pula dengan syair pada kisah yang tersebut di dalam sejarah dan siarah yang di sebelah pihak Johor demikian bunyinya", atau "Disyairkan supaya menambahi peringatan supaya tetap, demikian bunyinya", atau "maka disyairkanlah perang ini supaya menambah targhib pada orang yang membacanya demikianlah bunyinya". Dan keistimewaan syair-syair ini ialah tentang nilai gubahannya yang tinggi. Ia digubah secara amat halus, seolah-olah terkeluar secara spontan tanpa dirasakan pengarangnya tercari kata-kata bagi menemukan sanjaknya. Salah satu petikan daripada syair yang menggambarkan satu peperangan diperturunkan sebagai contoh untuk memperlihatkan betapa halusnya gubahan syair Raja Ali Haji, pengarang *Salasilah Melayu dan Bugis* ini:

Ia pun rebah di tengah terang,
Datang kawannya beberapa orang,
Hendak membantu kawannya berperang,
Memegang perisai berderang-derang.

Sambil memencakkan golok melela,
Dengan Bugis berhadapan pula,
Dibedil Bugis kena kepala,
Berseburuan otak berjela-jela.

Banyaklah mati panglima Siak,
Bugis mengamuk kawan berteriak,
"Ada pik komi iti ya",
Ku kejangi Melayu peruk nak koyak".

Kira-kira tiga hari serta malamnya,
Melayu pun pecahlah konon perangnya.
Berhamburan lari membawa dirinya,
Tiadalah ketahuan akan perginya.

Raja Kecil tinggal di dalam kubu.
Di Pulau Bayan bergundah kalbu.
Serta gundah takut diserbu.
Turun ke perahu duli perabu.

Bugis segera mengikutnya,
Dengan senapang pemuras dihujannya.
Minangkabau pun terjun sekaliannya.
Masing-masing merebut akan perahunya.

Di dalam lari banyak yang mati.
Ada yang jatuh tengah meniti,
Bugis melihat demikian pekerti,
Bersoraklah ia bersungguh hati.

Gemuruhlah sorak di Tanjung Pinang.
Melihatkan Minangkabau terjun berenang.
Sambil memukul tawak-tawak canang.
Tanda Bugis sudahlah menang.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 62).

Sungguhpun begitu sebagai penulis karya lama, Raja Ali Haji tidak dapat lari dari konvensi zamannya untuk melibatkan pandangannya baik bagi mengajar atau sebagainya. Di antara lain ia berkata,

Alkisah maka tersebut pula perkataan Raja Kecil yang alah berperang di Kedah itu sudah lari ia balik ke Siak. Di dalam tiada berapa lamanya dapatlah ia khabar akan Riau terlalu ramai segala perdagangan. Maka tatkala itu berbangkitlah pula adat dunia sifat syaitan yang kena rejim, iaitu hasad yakni dendki. Maka apabila berpanjangunlah sifat hasad dendki itu jadi ia hakad yakni dendam. Maka apabila tertanamlah dendam itu jadi buahnya, *khatarnya talabul intaqam*, yakni menghendaki menyakiti atas yang didengkikan. Maka tatkala tetap khatar itu kepada hati seseorang pada yang demikian itu, serta diamalkannya khatar itu jadilah "*adawuh berseteru api*, jadi seteru *amma assawab*, yakni benar, *wa amma alkhata*", yakni salah. Maka jadilah keduanya itu *amma al jannah wa ammannaar nauzu billahi minhu*. Yakni adakalanya jadi ahli syurga jika

benar dan adakalanya jadi isi neraka jika salah. Berlindung kita Allah Taala daripada neraka jahanam itu. Intinya.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 153).

atau,

Maka bertangisanlah sekaliannya kerana baginda-baginda itu tiada pernah bercerai-cerai, lebih-lebih maklumlah orang zaman dahulu bersaudara bukannya seperti orang zaman sekarang ini.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 179).

Kemudian baginda pun bermohon pulang ke rumahnya. Dan tiadalah kami panjangkan kalam lebih-lebih maklumlah sahaja tuan-tuan yang membacanya akan hikayat sejarah ini.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 189).

dan

Maka sangatlah terasa sukacitanya kerana negeri tengah ramai orangnya dan makmur lebih-lebih maklumlah saja bunga tengah kembang itu baunya pun merbaklah terciup masa itu.

(*Salasilah Melayu dan Bugis*, hlm. 252).

Nilaian terhadap *Salasilah Melayu dan Bugis* dari sudut sastera seperti di atas jelas memperlihatkan keelokan *Salasilah Melayu dan Bugis* ini daripada aspek susunannya, persempahan dan stil bahasanya yang dapat melahirkan berbagai-bagai suasana. *Salasilah Melayu dan Bugis* menggambarkan watak-watak yang amat menarik penuh dengan kejayaan-kejayaan, khususnya di dalam perperangan menentang musuh. Peristiwa-peristiwa perang ini bukanlah dikemukakan secara stereotaip tetapi beragam yang serius dan lucu. Segala sifat ini menandakan pengarang mempunyai kemahiran semulajadi sebagai penulis. Walaupun *Salasilah Melayu dan Bugis* ditulis dengan tujuan menurunkan salasilah raja-raja Melayu dan Bugis tetapi ia telah meninggalkan kesan sebagai sebuah buku bertemakan kembara perang dengan jalinan unsur-unsur sastera yang amat menarik. Gabungan dua unsur salasilah dan sastera yang terterap dengan baik inilah yang menjadi sifat utama *Salasilah Melayu dan Bugis* dan di dalam hal inilah ia dipandang lebih istimewa daripada karya bercorak sejarah yang lain.

BAB 10

MISA MELAYU **ASTERA SEJARAH DARI PERAK**

1. Pengenalan

BERBEZA dengan karya-karya bercorak sejarah yang telah kita bicarakan, sebuah karya bercorak sejarah dari negeri Perak membawa judul yang agak berbeza – *Misa Melayu*, iaitu tidak mengambil judul *sejarah*, *salasilah* atau *hikayat*. Pengarang *Misa Melayu*, Raja Culan mungkin mengambil contoh karya roman Jawa yang popular seperti *Misa Perbu Jaya* atau ringkasnya *Misa Jawa*, walau-pun barangkali beliau tidak mengamati akan makna ‘misa’ itu adalah ‘lembu’ yang membawa pengertian ‘gagah perkasa’, yang di dalam konteks masyarakat Melayu Semenanjung tidak wujud. Bagaimanapun dari sudut isi jelas *Misa Melayu* ini dibandingkan dengan *Sejarah Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis*, ia tidak setanding di dalam bentuk dan kemasyhurannya, namun ia tetap mengemukakan beberapa sifat-sifat istimewa dan merupakan sumber pengetahuan bagi mengenali salah sebuah negeri Melayu yang berdaulat.

Pengarang *Misa Melayu*, Raja Culan, adalah putera kepada Raja Hamid ibni Mansur Syah, yang menjadi salah seorang Yang Dipertuan Muda Perak atau terkenal juga dengan nama Marhum Pulau Tiga, dan oleh itu amat dekat dengan kehidupan di istana sultan Perak. Tidak hairanlah bahawa sebahagian besar daripada *Misa Melayu* adalah berligar di sekitar peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan salah seorang daripada raja-raja Perak dan dikatakan beliau sendiri terlibat di dalam peristiwa-peristiwa tertentu, seperti di dalam hal perundingan peminangan Raja Muda akan

Raja Budak Rasul atau di dalam perjalanan Sultan Iskandar bermain-main di laut. Bolehlah dikatakan bahawa pengarang adalah sezaman dengan peristiwa-peristiwa yang dianggap penting bagi *Misa Melayu*.

Tidak seperti pengarang-pengarang karya bercorak sejarah yang lain, Raja Culan tidak membuka tulisannya dengan mukadimah dan objektif tulisannya itu. Tetapi dari bahagian syair di dalam *Misa Melayu* yang diberi judul "Sultan Iskandar Bermain-main ke Laut" menyarankan akan tujuan ia menggubah syairnya itu adalah untuk dipersembahkan kepada rajanya:

Daulat tuanku duli mahkota,
Limpah, karal di atas takhta,
Patik persesembahkan suatu cerita,
Di Tanjung Putus membangunkan kota.

(*Misa Melayu*, hlm. 118).

Tanpa mukadimah yang biasanya merendahkan diri, dan dengan pengarangnya jelas merakamkan muslihat tulisannya, apakah Raja Culan telah lari daripada kebiasaan pengarang Melayu lama merendahkan dirinya? Tidak demikian. Raja Culan di dalam syairnya jelas menyatakan kerendahan dirinya seperti berikut:

Patik persesembahkan suatu rencana,
Kisah hadzrat yang amat gana,
Patik nan hamba tiada berguna,
Sekadar mengiringkan barang ke mana,

Patik nan dzaiif, hamba terbuang,
Hidup pun serupa dengan keluang,
Tambahan diam di awang-awang
Sebarang maksud hingga terkarang.

Maka berani berdatang sembah,
Harapkan ampun juga bertambah,
Patik nan hamba di bawah limbah,
Hidup seumpama sehelai sampah.

Sungguhpun patik duduk menyurat,
Banyak tak faham tamsil ibarat,
Laksana perahu sauhnya sarat,
Melainkan ampun duli hadzrat.

(*Misa Melayu*, hlm. 118).

Pengakuan yang sedemikian tambah perlu bagi Raja Culan yang mengarang sebahagian besarnya mengenai seorang raja yang masih hidup di dalam zamannya.

2. Salasilah di dalam *Misa Melayu*

Pengarang *Misa Melayu* tidak luput dari memperturunkan asal usul sultan-sultan bagi negeri Perak. Setelah membuka kata dengan Bismillah, Raja Culan terus mengemukakan asal usul raja-raja Melayu Perak itu sedemikian:

Wabihi nasta'inu bi'llahi 'ala 'l-kisah. Maka inilah h-kayat yang kemudian daripada zaman as-Sultan Iskandar Syah Khalifatu'r-Rahman johan berdaulat dzillu 'llahi fi' Jalami. Adapun asalnya raja itu diceritakan oleh orang yang empunya cerita dahulu kala daripada hijrah Raja Iskandar Dzu'lkarnain yang menjalani daripada matahari masuk ke matahari naik dan nasabnya daripada Raja Nushirwan Adil, cucu cicit daripada Raja Suran yang turun ke dalam laut jatuh ke negeri Fatihul-ardzi. Maka anak puteranya tajalli di Bukit Siguntang Mahabiru. Maka lalu turun-temurunlah ganti berganti Khalifatullah dengan beberapa julat sudah dahulu daripada zaman ini, maka sampailah sekarang.

(*Misa Melayu*, hlm. 21).

Nyata ia mengambil nisab daripada keturunan raja-raja Melaka seperti juga di dalam *Sejarah Melayu*.

Sungguhpun begitu pengarang *Misa Melayu* tidaklah mengesani akan raja-raja negeri Perak yang asal, iaitu daripada nisab Kesultanan Melaka yang turun ke Pahang. Pengarang *Misa Melayu* hanya meneruskan dengan meletakkan Almarhum Jalilullah, iaitu Raja Sulung sebagai sultan Perak yang pertama. Sebenarnya mengikut sejarah, Sultan Muzaffar Syah II, adalah raja yang dilantik oleh Sultan Iskandar Thani Aceh ketika Aceh menakluki Perak. Selanjutnya sehingga tamat *Misa Melayu*, sultan-sultan yang disebut adalah Sultan Mahmud Syah (Marhum Besar), Sultan Alauddin Riayat Syah (Raja Radin atau Marhum Sulung), Sultan Muhammad Syah (Raja Bisnu atau Marhum Aminullah), Sultan Iskandar Zulkarnain atau Sultan Iskandar Inayat Syah (Raja Iskandar atau Marhum Kaharullah), Sultan Muhammad Syah (Raja Kimas atau Marhum Muda) dan Sultan Alauddin Mansor Syah Iskandar Muda (Raja Alauddin).

3. Unsur-unsur dan Bentuk *Misa Melayu*

Oleh kerana pengarang *Misa Melayu* menumpukan pemerhatiannya kepada perihal sezaman dengannya, tidaklah wujud mitos dan legenda di dalam *Misa Melayu*. Peristiwa-peristiwa yang terkandung di dalamnya merupakan peristiwa-peristiwa harian yang sebenar yang berlaku di negeri Perak. Keseluruhananya bersifat tempatan, iaitu khusus berligar di istana raja-raja Perak semata-mata sesuai dengan kedudukan Perak yang bukan merupakan satu pelabuhan kosmopolitan seperti Melaka atau Riau. Wujud juga perhubungan dengan orang-orang luar seperti dengan Belanda, Inggeris dan Bugis, tetapi mereka ini amat terhad peranannya di dalam menentukan kedudukan Perak sebagai sebuah kerajaan Melayu. Oleh yang demikian pembaca tidaklah dapat menemui unsur-unsur ragaman kebudayaan, kenegaraan yang kompleks atau etika politik atau penentuan naik turunnya satu-satu kerajaan.

Sungguhpun begitu *Misa Melayu* menarik dari sudut keupayaan pengarangnya menulis peristiwa-peristiwa dan perihal-perihal tempatan di masa pemerintahan Sultan Iskandar Syah Perak. Segalanya ini dikarang di dalam satu bentuk tersendiri, iaitu dimulakan dengan bentuk prosa diselangi dengan bentuk puisi syair khusus bagi satu tumpuan tajuk dan diteruskan semula dengan prosa. Di bahagian awal karangan prosanya ia menyentuh tentang salasilah sultan Perak secara amat ringkas. Berikutnya ia menceritakan secara lanjut akan peristiwa-peristiwa yang berlaku di masa pemerintahan Sultan Iskandar Syah, mengenai corak pemerintahan, adat-adat diraja, pembinaan istana dan sebagainya. Bahagian syair yang mengikutinya pula adalah tertumpu kepada perjalanan Sultan Iskandar dan rombongannya melayari kapal ke laut bertemasya dan melihat-lihat jajahannya. Di dalam bahagian ini termuat juga akan huraian mengenai orang-orang besar dan sumbangan-sumbangan mereka. Bahagian akhir yang berbentuk prosa pula menyambung perihal Sultan Iskandar menggantikan tempat semayamnya dan juga secara amat ringkas menyentuh akan dua orang sultan selepasnya.

4. Isi Kandungan *Misa Melayu*

Raja pertama bagi negeri Perak Darul Ridzwan adalah Almarhum Jalilullah yang memperoleh beberapa orang putera, di antaranya Marhum Besar yang setelah meninggal baginda menjadi raja berge-

tar Sultan Mahmud Syah dan memerintah selama 120 tahun dengan dibantu oleh adinda baginda Marhum Mangkat di Pulau Tiga sebagai Yang Dipertuan Muda. Oleh kerana Yang Dipertuan Muda telah lebih dahulu mangkat maka anakanda baginda Raja Radin menggantikan tempat baginda sebagai sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah dengan adindanya Raja Inu sebagai Yang Dipertuan Muda. Setelah memerintah selama dua puluh tahun baginda mangkat dan digantikan oleh Raja Inu dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah. Tiada berapa lama memerintah timbullah hura-hara di Perak lalu baginda mudik ke Kuala Kangsar membuat istana dan kota di situ. Dengan itu jadi berpecah dualah kerajaan Perak, yang satu lagi di bawah perintah adinda baginda Raja Muda di Pulau Tiga bergelar Sultan Muhammad Syah. Anakanda baginda yang bernama Raja Iskandar menjadi Raja Muda dan dia adalah memerintah secara berkesan dan menjadi ikutan segala anak-anak raja, ditakuti dan dikasihi sekalian hamba rakyat.

Setelah Sultan Muhammad Syah memerintah beberapa lama, terasa di hatinya untuk mempersilakan kakandanya Sultan Muzaffar Syah kembali bertakhta di Berahman Indera, kerana tiadalah patut, pada fikirnya Perak beraja dua dan dirinya melebihi kakandanya itu. Sultan Muzaffar Syah pun sedia mengikut ajakan adindanya itu lalu bertakhta di Berahman Indera manakala anakanda baginda Raja Iskandar kekal sebagai Raja Muda. Maka Perak pun bertambah eloklah daripada masa-masa lalu bersultankan seorang yang kaya dan alim ulama itu. Perjalanan pemerintahan banyak didukung oleh Raja Muda yang bijaksana dan berpengaruh itu.

Sultan Berkabat, anak Raja Kecil Minangkabau yang mendapat peliharaan Sultan Muzaffar Syah di Kuala Kangsar datang ke Perak bersama-sama Daing Matekkoh dan Daing Cellak untuk mengadap Sultan Muzaffar Syah di Berahman Indera. Apabila mereka tiba di Bukit Gantang, mereka tiada dibenarkan oleh orang-orang Perak meng-adap. Raja Kecil Muda dan Datuk Bendahara dititah melihat keduhan perkara tetapi Sultan Berkabat telah terlebih dahulu melanggar Bukit Gantang. Berlakulah pertempuran dan kesulitan di hulu lalu disampaikan berita ke Berahman Indera dan baginda sultan memerintahkan Raja Muda ke Bukit Gantang. Setelah Raja Muda masuk perang maka pecahlah perang musuh dan akhirnya mereka berundur dari Perak.

Orang-orang Belanda yang diutuskan dari Betawi mendapat kebenaran mendirikan gedung di Pangkalan Halban serta membeli

kesemua timah dari negeri Perak. Orang-orang Perak pun berdagang dengan menggunakan rial sahaja. Dan setiap tiga tahun Holanda bertukar kaptennya di Pangkalan Halban. Tersebut pula kisah Raja Alam yang bergelar Raja Kecil Besar dan telah berkhidmat di bawah Sultan Muhammad Syah ketika di Kuala Kangsar. Tetapi tidaklah ia suka ikut sama ke Berahman Indera.

Tatkala Perak memerangi Raja Berkabat tidaklah ia menunjukkan sokongannya terhadap Raja Muda. Oleh Sultan Muzaffar dipintakan Raja Alam itu duduk di bawah Raja Muda, tetapi tidaklah ia tunduk seperti anak raja-raja lain. Sebaliknya ia bersemuafakat dengan orang-orang jahat dan akhirnya mempengaruhi orang-orang di Tanjung Putus untuk melanggar Raja Muda. Apabila sampai khabar itu kepada Sultan Muzaffar maka baginda pun menulis sepucuk surat kepada Kapten Holanda. Kesan dari surat itu Raja Alam dan Encik Hasil pun dibawa ke Melaka dibuang negeri.

Dengan takdir Allah, Sultan Muhammad Syah mangkat. Setelah mangkat ayahandanya itu, Raja Muda pun bertambah-tambah rapat dengan Sultan Muzaffar Syah. Maka terasalah di dalam fikiran Sultan Muzaffar Syah betapa eloknya jika Raja Muda itu menjadi menantunya. Kebetulan pula beberapa orang anak raja-raja membawa fikiran yang sama kepada Raja Muda. Jalu dipersestui oleh Raja Muda. Selanjutnya setelah mengikut adat istiadat, Raja Muda dan Raja Budak Rasul pun bertunang dengan tempoh tiga tahun baharu dijalankan pekerjaan nikah kahwin diraja. Adat bertindik pun dijalankan untuk Raja Budak Rasul. Oleh kerana adat ini amat besar maka hulubalang dan rakyat jelata pun dikerahkan semuanya bagi menjalankan kerja itu. Di masa yang sama gelaran-gelaran diberikan kepada orang-orang tertentu.

Setelah tiga tahun berlalu pertunangan di antara Raja Muda dan Raja Budak Rasul maka Sultan Muzaffar Syah pun berbicaralah dengan isterinya hendak menjalankan kerja perkahwinan anak mereka itu. Segala orang besar-besar, hulubalang dan rakyat jelata menjalankan kerja masing-masing dengan jawatan kerja dan persembahan bagi pekerjaan yang amat besar itu. Segala rakyat dari merata pelosok rantau negeri Perak pun berhimpun ke Pulau Tiga dan Berahman Indera untuk turut serta dan melihat segala permainan dan adat istiadat perkahwinan yang amat meriah itu. Perayaan bermula dari awal Raja Muda meninggalkan Pulau Tiga ke istana Berahman Indera untuk mengadap ayahandanya hingga masa akad nikahnya dan dipersandingkan mereka berdua di atas

peterana. Setelah sudah segala orang besar-besar, hulubalang dan rakyat jelata pun diperjamulah.

Tiada berapa lama selepas itu Sultan Muzaffar Syah jatuh sakit selama lebih kurang dua bulan lalu mangkat dan kemudian dikebumikan menurut adat istiadat raja mangkat dan Raja Muda sebagai pengganti almarhum. Baginda mengambil gelaran Sultan Iskandar Inayat Syah dan dibantu oleh adinda baginda sebagai Raja Kecil di dalam merintahan baginda itu. Pada satu hari terasa di hatinya untuk berpindah tempat semayam kerana tidak senang hatinya bernobat berhampiran makam ayahandanya itu. Lalu baginda memerintahkan orang besar-besar membina istana baharu di Pulau Cempaka Sari.

Di dalam hal itu seorang Keling bernama Pir Muhammad tiada dibenarkan mengadap baginda sultan kerana tiada terlebih dahulu memberitahu Syahbandar dan Laksamana dan surat dari Holanda tiada berbingkis. Oleh kerana marah ia pun memfitnah mengatakan kepada Kapten Holanda. Sultan Iskandar telah mengerahkan rakyatnya untuk melanggar gedung di Pangkalan Halban. Dialah yang mengarangkan surat untuk disampaikan ke Betawi itu. Disebabkan surat itu Holanda menghantar tujuh buah sulab ke Perak untuk memeriksa benar tidaknya berita itu.

Akan Sultan Iskandar terus juga membina negeri di Pulau Cempaka Sari bersama orang besar-besar dan rakyat jelata dan merancang membina kota. Apabila utusan Belanda berhajat mengadap, diminta tempoh tiga hari sehingga kota telah terbina. Setelah sampai masanya Sultan Iskandar Inayat Syah pun bersemayam di singgahsana dikelilingi oleh orang besar-besar dan panglima-panglima dengan segala senjata. Comissary R.E.F. Lybroke pun dibawa masuk mengadap. Demi terpandang olehnya akan kebesaran raja Perak itu takjublah dan takutlah ia lalu terkeluar hanya bicara yang elok-elok sahaja. Maka oleh Sultan Iskandar Inayat Syah disambutnya wakil itu dengan penuh hormat serta memperkenankan permintaan Holanda untuk membeli timah dan seterusnya masing-masing membuat surat berteguh janji di antara satu sama lain.

Selepas kembali Holanda ke Betawi, Raja Muda dan orang besar-besar terus membina Pulau Cempaka Sari hingga bertambah hebat dan teguh jadinya negeri dan kota. Manakala di sebelah seberang Pulau Cempaka Sari itu dibina pekan dan bandar tempat segala bangsa bermiaga. Setelah segalanya siap maka baginda dan anak raja-raja serta pengasuh-pengasuh istana pun pindahlah dari

Berahman Indera ke Pulau Cempaka Sari dengan membawa bersama-sama segala isi istana di dalam kapal baginda diiringkan oleh perahu-perahu yang lain. Semakin makmurlah negeri baharu itu dan kemudian terkenal dengan nama Kota Pulau Indera Sakti.

Pada suatu ketika Sultan Iskandar Inayat Syah ingin membawa isterinya bermain-main menua ikan. Ia pun memanggil pawang-pawang besar bertanyakan tempat yang baik untuk menua. Pada pandangan mereka di Sungai Budimanlah patut mereka menua. Maka baginda pun segera menyuruh Raja Muda dan sekalian anak raja-raja, orang besar-besar dan rakyat semua ber lengkap dengan segala tuba dan alat-alatan untuk menua. Baginda sultan kemudian berangkatlah diiringi oleh hamba rakyat. Sukacitalah baginda dan sekalian mereka lelaki dan perempuan bermain-main menangkap ikan dan menjadi riuh-rendah bunyinya. Di satu ketika yang lain apabila menjelang Hari Raya Haji, Sultan Iskandar Inayat Syah memerintah segala pegawai dan rakyatnya membina masjid di Pulau Indera Sakti. Tiba Hari Raya Haji baginda pun diarak ke masjid bersempahyang bersama-sama rakyat dan sekembalinya di istana dijamu oleh baginda segala orang besar-besar dan rakyat.

Akan Sultan Iskandar Inayat Syah itu amat gemar memelihara gajah dan amat banyak gajah yang telah dimilikinya. Baginda memerintahkan Tambi Kecil seorang Keling pergi ke Benua Keling mencari saudagar yang mahu membeli gajah di Perak. Maka tertariklah saudagar Nakhoda Pakir Sa'ib Maba untuk ke Perak membeli gajah baginda. Di atas kejayaan Tambi Kecil itu ia diberi gelar Raja Mutabar Khan. Selang tiada berapa lama daripada itu Sultan Iskandar mengerah pula orang besar-besar dan hamba rakyat menjalankan kerja memandikan isterinya yang sedang mengandung tujuh bulan. Dengan itu segala rakyat termasuk orang-orang Cina, Keling dan orang-orang Holanda berhimpun di Pulau Indera Sakti untuk mempersembahkan dan menonton berbagai-bagai permainan. Maka berlangsunglah permainan itu selama empat puluh hari empat puluh malam baharulah dijalankan adat bermandi mengikut adat dahulu kala.

Kemudian daripada itu Sultan Iskandar berbicara dengan anak raja-raja dan orang besar-besarnya untuk membuat satu mahligai yang tiada dibuat oleh mana-mana raja sebelumnya. Segala rakyat pun dikerah menetak ramuan bagi istana itu. Mengikut adatnya kepada Orang Kaya Besar dan Penghulu Bendahari dipertanggung-jawabkan membina istana. Tiada berapa lama siap sedialah ramuan

dibawa daripada segala teluk dan segala anak sungai dan segala sakai-sakai berhimpun di Pulau Indera Sakti untuk bekerja membina mahligai itu di bawah Amar Diwangsa sebagai kepala kerjanya. Amat sulit segala tukang membuatnya kerana membina sesuatu yang tidak pernah diperbuatnya. Atas perintah sultanlah segala pekerjaan mereka. Di dalam hal itu Bendahara, Temenggung dan Orang Kaya Menteri meletakan jawatannya. Akhirnya siaplah mahligai yang amat indah tiada tolok bandingnya. Setelah itu Sultan Iskandar pun mengadakan maulud, maka ramailah orang-orang alim dan lebai serta rakyat datang membaca maulud dan berzikir.

Pada satu ketika Sultan Iskandar berangkat ke Sayung kerana ada utusan mengatakan ada seekor gajah yang telah terjerat. Bersuka-sukaanlah baginda dengan rakyat di Sayung itu. Apabila baginda akan berangkat belayar, pulang berbagai-bagailah kurniaan yang dibawa pulang oleh baginda. Di dalam perjalanan pulang itu baginda jatuh gering, sampai beberapa hari tidak juga pulih, walaupun telah diubat oleh tabib. Bila tiba di istana beberapa tabib disuruh mengubat dan berniat kaul dan memberi sedekah, maka sembuhlah baginda.

Selang tidak berapa lama daripada itu datang utusan Holanda dari Betawi di bawah ketuanya bernama R.E.F. Lybroke lalu disambut oleh Iskandar Inayat Syah. Lybroke meminta membeli timah dihantar timbang ke lojinya. Tidak diperkenankan olehnya kecuali jika ia ditimbang di balai yang akan dibina di Bidor. Satu hari Kapten Holanda melihat Dato' Syahbandar sedang mudik hendak mendapatkan Dato' Menteri di balai lalu dipanggilnya suruh singgah di kecinya tetapi tidak diendahkan oleh Syahbandar. Marahlah kapten itu lalu meminta kelasinya mengikutinya dikeraskan suruh ke kecinya juga. Oleh kerana Dato' Syahbandar masih enggan, Holanda pun melepaskan tembakan meriam untuk menakutkan Syahbandar. Apabila Sultan Iskandar mendapat tahu mengenainya maka Sultan Iskandar pun murkalah dan enggan mengirim timah kerana orang besarnya dibedil.

Apabila Holanda mendengar akan kemurkaan Sultan Iskandar itu maka mereka pun takutlah lalu mencari helah mengatakan tialah mereka membedil dengan sengaja sebab kebiasaan Holanda pantang melihat monyet, akan segera membedilnya. Itulah mereka membedil. Lembut hati sultan mendengarkannya, tetapi masih tetap juga baginda menunjukkan kebesarannya dengan menghim-

pun perahu-perahu ikut sama baginda bermain di Tanjung Putus. Tiada berapa lama selepas itu Raja Perempuan jatuh gering lalu mangkat. Segala orang besar-besar dan rakyat jelata berhimpunlah ke Pulau Indera Sakti untuk menghadiri upacara mengkebumikan jenazah baginda.

Misa Melayu diteruskan dengan karangan bercorak syair dengan judul "Sultan Iskandar Bermain-main ke Laut". Keseluruhan syair mengisahkan perihal pelayaran Sultan Iskandar dan rombongannya yang terdiri daripada Raja Muda dan orang besar-besar serta rakyat terpilih sambil melawat beberapa tempat berehat dan bermain-main. Syair ini dibuka dengan pengarang banyak memberi pujian terhadap peribadi dan pemerintahan Sultan Iskandar. Pengarangnya juga melukiskan secara teliti akan gambaran perahu baginda yang bergelar "Kerketa Indera" itu dan lain-lain perahu yang dipunyai oleh Raja Muda, Bendahara dan lain-lain. Di sini juga pengarang mengisahkan peribadi beberapa orang besar-besar. Angkatan Sultan Iskandar bertolak dari Pulau Indera Sakti menghilir ke Sungai Perak dan berhenti di Bidor sebelum ke Tanjung Putus.

Di Tanjung Putus Sultan Iskandar menitahkan rakyat membina kota. Setelah teguh pekerjaan penghulu-penghulu dan anak-anak buahnya membina kota Sultan Iskandar dan rombongannya pun meneruskan pelayarannya. Kelihatan amat hebatlah angkatan itu selaku angkatan perang layaknya. Angkatan ini berhenti selama dua hari di Terus Dulang sebelum keluar ke kuala Sungai Perak menuju ke laut yang luas. Segala perahu-perahu di dalam angkatan itu terpaksa menempuh "Angin Timba Ruang" dan "Angin Pancaroba" sebelum mereka tiba ke Selat Pangkor. Baginda dan segala pengiringnya turun di Pangkor untuk bermalam. Pada keesokan harinya, selepas sembahyang Jumaat angkatan baginda pun meninggalkan Pulau Pangkor menuju ke Kuala Dinding. Di Dinding mereka berlabuh dan masing-masing menyukakan hati, seperti mencari damar, menangkap ikan dan lain-lain binatang laut yang boleh dimakan.

Ketika berada di Kuala Dinding, Sultan Iskandar memenuhkan hasratnya untuk melihat kapal orang Inggeris. Apabila baginda mendengar ketibaan kapal orang Inggeris di Pulau Pangkor baginda memerintahkan beberapa orang baginda yang pandai bercakap untuk menemui kapten kapal meminta beliau mengadap baginda. Permintaan baginda itu diperkenankan oleh kapten kapal Inggeris itu. Beliau datang mengadap dengan membawa persembahannya

serta contoh berbagai-bagai barang-barang dagangannya. Baginda menyatakan hasrat baginda membeli meriam dengan harga yang berpatutan. Permintaan Sultan Iskandar dipenuhi pada hari esoknya apabila kapten Inggeris itu membawa dua buah meriam yang sederhana besarnya dan ia ditukar dengan timah. Setelah selesai, Sultan Iskandar dan angkatannya pun meninggalkan Kuala Dinding melalui Cucuran Hantu yang amat besar ombaknya dan berhenti di Teluk Sera untuk berhat dan bersuka-sukaan. Esok harinya angkatan baginda belayar lagi dan di dalam perjalanan itu angkatan itu menempuh "Angin Pancaroba" yang amat dahsyat dengan gelombang yang menyerupai gunung sehingga menjadikan segala perahu teroleng-oleng. Sungguhpun begitu hanya sebuah perahu sahaja yang pecah tetapi orang-orangnya selamat dan akhirnya sampailah mereka ke Sungai Pangkalan.

Di Kuala Jebung, angkatan Sultan Iskandar berhenti dan disambut oleh Orang Kaya Laksamana dan penghulu daerah. Untuk menjamu kesemua yang berada di dalam angkatan baginda Sultan Laksamana telah menyembelih seekor kerbau. Manakala orang-orang lain dari sekitar Kuala Jebung itu datang juga membawa berbagai-bagai persembahan.

Lebih kurang sebulan lamanya Sultan Iskandar bersemayam di Sungai Pangkalan itu dan banyaklah terhimpun segala barang-barang persembahan daripada segala penghulu-penghulu, manakala rakyat jelata ramai yang datang mengadap baginda. Sebelum baginda meninggalkan Kuala Jebung baginda telah berkenan meningkatkan kampung itu kepada sebuah negeri. Kemudian angkatan baginda berpatah ke Teluk Sera di mana mereka singgah bermain dan berhenti selama semalam sebelum meneruskan perjalanan mereka melalui Cucuran Hantu dan berlabuh di Labuhan Bilik. Pada siang hari angkatan itu menuju ke Pulau Pangkor di mana baginda Sultan Iskandar dan pengiringnya bertolak menuju ke Kuala Sungai Perak melalui Terusan Dulang dan terus ke Tanjung Putus di mana baginda disambut oleh kaum keluarganya dan segala orang besar-besaran dan rakyat yang amat ramai. Tamatlah syar mengenai Sultan Iskandar bermain-main ke laut.

Buku ini dilanjutkan di dalam bentuk prosa pula. Pengarang menceritakan bahawa mahligai Sultan Iskandar di Pulau Indera Sakti runtuh, lalu baginda memerintahkan dibuat istana baharu diberi nama "Mercu Alam". Tiada berapa lama setelah itu baginda gering dan mangkat. Sekalian rakyat pun berhimpun ke Pulau

Indera Sakti bagi menyertai adat istiadat pengkebumian Marhum Kaharullah. Raja Muda mengambil tempat baginda sebagai pemerintah bergelar Sultan Mahmud Syah dan Raja Alauddin menjadi Raja Muda. Sultan Muhammad Syah inikah yang membuka negeri Pasir Pulai dan menabalkan Sultan Salehuddin sebagai Yang Dipertuan Selangor. Tiada berapa lama kemudian baginda pindah bersemayam di Pasir Pulai yang diberi nama Pulau Besar Indera Mulia. Baginda memerintah tidak lama dan digantikan oleh Raja Muda dengan gelaran Paduka Seri Sultan Alauddin Mansor Syah Iskandar Muda dan bersemayam di Rantau Panjang Indera Mulia.

5. Penilaian

Daripada intisari *Misa Melayu* yang telah diperturunkan dapat dikesan ketiadaan mana-mana episod yang besar bagi mencerminkan sesuatu etos politik bagi kerajaan Perak. Oleh kerana Perak merupakan ranting kerajaan Melaka atau Pahang dapatlah dianggap bahawa falsafah perhubungan raja dan rakyat adalah sama dengan etika politik bagi kerajaan Melaka. Oleh itu percubaan untuk menderhaka oleh Raja Alam tidak berjaya dan tiada sokongan yang kuat. Juga dapat dirasakan dengan mudah peristiwa-peristiwa yang tergambar di dalam *Misa Melayu* hanyalah merupakan aktiviti seharian di dalam negeri yang tidak dianggap istimewa bagi menggambarkan soal turun naiknya sebuah negara kota. Peristiwa-peristiwa adalah merupakan peristiwa tempatan yang tidak memperlihatkan keistimewaan bagi kedudukan daerah-daerah di luar wilayah Perak.

Tidak ada yang istimewa mengenai bentuk atau susunan *Misa Melayu* ini. Ia merupakan catatan peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan secara kronologikal tanpa banyak menimbangkan keutamaan peristiwa-peristiwa. Susunannya yang datar, iaitu tanpa memperlihatkan urutan sebab-musabab, keterangan dan puncak, amat mendekati catatan kesan pandangan peribadi pengarangnya semata-mata. Nyata pengarangnya tidak memikirkan atau bermaksud mengarang satu teks yang mempunyai bentuk khusus dan tema yang besar atau istimewa. Pengarang tidak juga memikirkan soal perwatakan. Watak-watak yang diketengahkan, walaupun dengan penekanan khusus kepada Sultan Iskandar Inayat Syah tidak muncul sebagai watak-watak yang benar-benar memberi kesan kepada simpati pembacaan kita dan tidak pula bermakna kepada menentukan peristiwa; tetapi sebaliknya bermakna di dalam meninggalkan

impression atau kesan rasa kekaguman pengarang itu sendiri terhadapnya.

Aspek kesan rasa atau pemikiran pengaranglah yang lebih menonjol semasa membaca *Misa Melayu*. Kesan rasa pengarang yang amat jelas antaranya mengenai peribadi raja-raja yang memerintah, khususnya Sultan Iskandar Inayat Syah, orang besar-besar, kejadian-kejadian dan adat istiadat:

i. Kesan Pandangan Pengarang Terhadap Raja-raja dan orang Besar-besar

Kesan pandangan pengarang *Misa Melayu* amat kuat dipengaruhi oleh suasana pemikiran di zaman feudal dengan pandangan mengagungkan kedaulatan raja-raja. Pemikiran yang mengakui sifat-sifat raja amat khusus berkaitan dengan Raja Iskandar, sejak beliau masih memegang jawatan Raja Muda lagi. Menurut pengarang,

“Syahadan baginda itulah yang bertuah lagi berdaulat dan arif bijaksana bangsawan lagi dermawan pada barang segala bicara dan perintah hukum Allah dan hukum istiadat negeri memeliharkan segala rakyat. Maka beberapa kali didatangi segala bahaya musuh dan seteru, maka dengan berkat tuah istimewa pula dengan daulat baginda dan baik akal bicaranya tiadalah diberi Allah taala sampai kepadaanya segala mara bahaya itu adanya.”

(*Misa Melayu*, him. 23).

Lebih tinggi lagi lihat pada pandangan seorang luar terhadap sultan seperti yang dapat dibayangkan daripada huraiyan pengarang *Misa Melayu* tentang pandangan seorang Holanda terhadap Sultan Iskandar Inayat Syah. Katanya,

“Setelah ia sampai Holanda itu ke hujung bafai, maka sekaliannya mengangkat cepiaunya lalu tunduk hormat ke bawah duli baginda. Demi ia terlihat akan muka baginda dan memandang segala raja-raja dan orang besar-besar dan melihat kebesaran baginda itu dan memandang laku dan sikap segala hulubalang pegawai dan juak-juak baginda itu terlalu hebatnya, maka dahsyat hati segala orang Holanda itu serta dengan ngeri dan gentar ia akan baginda itu. Maka dengan tolong Allah dan rasulnya, tambahan dengan daulat baginda pun sangat berdiri, maka tiadalah beroleh berhati salah lagi kepada baginda itu.”

(*Misa Melayu*, him. 64)

Pemerian sifat raja-raja pun memancarkan kesan rasa yang sama. Syairnya banyak memperturunkan sifat-sifat anak raja-raja yang hebat dan istimewa tanpa kekurangan dan cela. Nyatalah segalanya merupakan warisan pemikiran feudal yang masih kuat.

ii. Kesan Pandangan Terhadap Kejadian-kejadian

Oleh kerana peristiwa-peristiwa dan kejadian-kejadian yang diceterakan di dalam *Misa Melayu* ini tidak lari daripada perkaitannya dengan peribadi Sultan Iskandar Inayat Syah maka sudah tentulah terpancar juga darinya kekaguman pengarang akan perihal peristiwa-peristiwa itu. Salah satu daripada perihal yang membawa rasa takjub pengarang adalah mengenai pembinaan mahligai Sultan Iskandar dan mengenai mahligai itu sendiri. Menurut pengarang mahligai tersebut tidak pernah dibuat oleh mana-mana raja tetapi hanya terdengar di dalam hikayat-hikayat sahaja. Oleh itu ia menjadi satu persoalan besar. Betapa besar pengorbanan rakyat ditumpukan untuknya sehingga segala rakyat dari segala ceruk rantau terpaksa mencari ramuan bagi membinanya. Betapa sukar kerjanya itu hingga beberapa orang besar iaitu Bendahara, Temenggung dan Orang Kaya Menteri terpaksa meletakkan jawatan. Hasil daripada pekerjaan yang sukar itu terbinalah sebuah mahligai yang,

"terlalu indah rupanya dan sangatlah ajaib perbuatannya, siapa pun tidak pernah melihat yang demikian itu, baharulah pada zaman baginda Sultan Iskandarlah yang membuat mahligai di dalam negeri Perak dan kotanya di Pulau Indera Sakti. Adapun akan mahligai kemuncaknya dan sulur-bayungnya daripada perak bertatahkan emas dan permata pudi manikam, dan atap tingkapnya daripada ijuk besi khersani dan dindingnya berturap dengan nilam kapur dan ditulis dengan sedelingga puspa ragam dan berbagai-bagai jenisnya rupa tulisan terlalu indah-indah sekaliannya itu, berukir dan berkaluk berkawang; maka berselang dengan cermin dan kaca."

(*Misa Melayu*, hlm. 93)

Kesan pandangan yang serupa diberikan di dalam temasya laut sehingga pengarang dapat menuliskan satu syair panjang yang terdiri daripada 481 rangkap. Peristiwa Sultan Iskandar bermain-main ke laut dari sudut maknanya tidaklah begitu penting, tetapi oleh kerana ia melibatkan seorang raja besar ia menjadi amat istimewa bagi pengarang *Misa Melayu* ini. Bukan sahaja di dalam syair ini ia

mengambil kesempatan memuji-muji akan kebesaran dan kedaulatan Sultan Iskandar, raja-raja dan orang besar-besar tetapi juga mengemukakan pandangan dan sambutan rakyat terhadap rajanya di mana sahaja baginda berangkat. Mereka bukan sahaja mengambil kesempatan untuk mengadap rajanya yang amat sedia menerima mereka mengadap tetapi juga dengan sungguh-sungguh menyediakan berbagai-bagai pemberian persembahan bagi raja yang mereka kasih. Kemeriahan yang timbul daripada keberangkatan Raja Iskandar Syah ini di antaranya disebabkan raja yang dianggap daulat dan tampan itu dikelilingi oleh anak raja-raja dan orang besar-besar yang masing-masing mempunyai sifat-sifat istimewa dengan perahu angkatan yang kelihatan gagah dan perkasa. Keseluruhan mereka menjadi mereka yang melihatnya gerun, takut dan takjub seolah-olah ia merupakan satu angkatan perang yang sedia menentang musuh. Walaupun daerah perairan yang dijelajahnya tidaklah besar tetapi pengolahan pengarangnya menimbulkan satu kesan bahawa perjalanan itu amat bererti dan hebat, penuh dengan dugaan dan segalanya dapat diatasi berkat pertolongan Allah dan Rasul serta kedaulatan rajanya.

iii. Kesan Pandangan Terhadap Adat Istimadat

Misa Melayu mengambil ruang yang agak besar juga di dalam melukiskan beberapa adat istiadat yang berhubungan dengan kehidupan diraja Perak. Terasa benar bahawa kehidupan diraja Perak amat menekankan adat istiadat di dalam kehidupan mereka yang bukan sahaja melibatkan tenaga dan masa ahli-ahli daripada keluarga diraja tetapi juga kehidupan rakyat jelata. Di antara adat istiadat yang digambarkan di dalam *Misa Melayu* adalah adat meminang, adat bertindik, adat berinai, adat istiadat perkahwinan, adat istiadat pertabalan, adat melenggang perut, adat bermahlil dan adat pengebumian jenazah. Sebahagian besar daripada adat-adat di atas membawa ke tengah upacara-upacara yang terperinci dan kemeriahian kerana adanya berbagai-bagai persembahan hiburan. Kadangkala hiburan yang dijalankan itu mengambil masa bermalam-malam dengan peserta-pesertanya menerima segalanya itu sebagai peristiwa sehari-hari yang tidak mengganggu akan perjalanan hidup mereka masing-masing.

Untuk melihat kebesaran satu-satu istiadat dijalankan umpamanya kerja melakukan tindik ke atas Raja Budak Rasul. Peristiwa yang bagi rakyat biasa ini hanya memerlukan waktu yang amat singkat,

bagi istiadat diraja mengambil masa tidak kurang dari tujuh malam. Pertamanya sultan memberikan perintah kepada orang besar-besarnya. Orang besar-besar diberikan jawatan tertentu dan arahan keluar ke serata pelosok negeri untuk berlengkap. Apabila tiba masanya semua rakyat berhimpun di Berahanan Indera. Pada malam permulaan berjaga-jaga di pasang semboyan sembilan kali diikuti dengan pahuan bunyi gendang, gong, serunai, nafiri harbab dan bangsi biola. Segala biduanda pun menyanyi dan rakyat bermain segala kepandaian masing-masing. Anak raja-raja pula berhibur dengan berbagai-bagai cara berjogar dan membaca hikayat Jawa ataupun menyabung ayam. Beberapa ekor kerbau disembelih bagi menjamu mereka yang hadir. Tatkala siang hari sebelum malam berinai, inai pun diarak masuk ke dalam istana. Inai itu dibubuh di atas kepala seekor kera Hanuman yang diletakkan di atas perarakan lalu diarak. Bertambah riuhlah suasana dan semakin banyaklah persembahan mainan dengan tambahan tari dan pendekarnya. Kemudian di hari esoknya anak raja itu diaraklah sebanyak tujuh kali di keliling kota di atas gajah kenaikannya lengkap dengan alat pawainya dan payung yang keemasan dan tungkul panji-panji dan alam bernaga. Setelah diarak tujuh kali sekeliling kota diarak masuk dan dimandikan dengan air yang juga diarak. Setelah itu baharulah upacara bertindik sebenar dilaksanakan. Demikian besarnya adat istiadat yang dijalankan oleh kerabat diraja Perak.

Segala kesan pandangan yang ditinggalkan oleh pengarung mengenai keseluruhan peristiwa dan khususnya kehebatan kehidupan raja-raja di istana Perak itu adalah hasil daripada rasa penuh terlibatnya beliau di dalam kehidupan istana itu. Beliau sendiri adalah kerabat diraja Perak, iaitu bergelar Raja Kecil Besar. Beliau juga terlibat di dalam usaha mencadangkan pertunungan di antara Raja Muda dengan Raja Budak Rasul. Secara langsung beliau juga terlibat di dalam jawatan-jawatan bagi banyak kerja yang melibatkan istana seperti terbuktiannya dengan beliau diberi tugas menulis perihal temasya bermain ke laut. Dengan itu beliau bukanlah semata-mata seorang pemerhati yang sekurang-kurangnya tidak berat sebelah, tetapi lebih daripada itu sebagai orang dalam yang menerima dengan sepenuh hati akan segala jalan hidup di dalam kehidupan diraja Perak. Ternyata ketiadaan apa-apa kritikan terhadap adat kerah, pembunuhan seorang perempuan gila tambahan lagi beliau amat merendah diri sifatnya meletakkan diri pada kedudukan sebagai seorang yang tiada berjawatan, dan miskin dan di-

dalam hal yang sedemikian tentu sekali tidak diharapkan selain ia berasa tunduk kepada segala adat yang menguasai istana Perak.

Ketaksuhan pengarang terhadap keindahan dan ketinggian segala-gala yang melingkungi kedudukan diraja itu terjelma di dalam penguasaan beliau secara terperinci segala yang berkaitan dengan adat istiadat diraja itu. Begitu juga keahlian beliau di dalam melukiskan dengan amat halus akan benda-benda yang berkaitan dengan keluarga di istana. Perihalusnya lukisan itu dapat dicontohkan dengan lukisan istana Sultan Iskandar Inayat Syah.

Adapun akan mahligai itu kemuncaknya dan sulur-bayungnya daripada perak bertatahkan emas dan permata pudi manikam; dan atap tingkapnya daripada ijuk besi khersani dan dindingnya berturap dengan nilam kapur dan ditulis dengan sedeling-gam puspa ragam dan berbagai-bagai jenisnya rupa tulisan terlalu indah-indah sekaliannya itu, berukit dan berkahuk berkerawang; maka diselang dengan cermin dan kaca. Maka dibubuh pula berkisi-kisi dengan gading dan tanduk dilarik di selang-selang dengan kayu arang; maka ditebuk-tebuk dengan emas dan perak ditatah dengan lazuardi. Adapun mahligai itu tujuh tingkat; di atasnya berperangan lagi berkisi-kisi berkeliling; maka digantung pula daun budi empat segi, indah pula rupanya dan bunyinya ditutup angin itu seperti bunyi perindu dan gemerlapan rupanya dipandang dari jauh.

(*Misa Melayu*, hlm. 93-94).

Di dalam syair "Sultan Iskandar Bermain-main ke Laut" juga ketelitian yang sama dapat dirasakan, khusus mengenai peribadi raja-raja mereka. Begitulah juga di dalam pengarang memperikan perjalanan temasya-temasya atau adat istiadat yang lain.

Dengan kecenderungan yang jelas pengarang *Misa Melayu* terhadap adat istiadat Melayu tidaklah menghairankan yang beliau terus mengekalkan akan stail penulisan bahasa Melayu lama. Jelas pemakaian stail bahasa Melayu lama ini diikuti dengan penuh taat oleh pengarangnya, bukan sahaja di dalam bentuk ayatnya tetapi juga pada kata-katanya. Malah dari *Misa Melayu* kita dapat menemui berbagai-bagai kata-kata Melayu yang telah kuno seperti *musytari*, *berturap*, *bestari*, *berida*, *babar* dan *ba'id*. Istilah-istilah yang sukar amat banyak ditemui di dalam rangkap-rangkap syair seperti dikutip di bawah:

Perahu handalan *berkemala*.

Ketika malam terang bernyalा.

Kenaikan sultan raja yang *terala*,
Dipandang tidak lagi bercela.

Turunlah dengan amat sempurna,
Berbagai jenis sekalian warna,
Segala alat sudah terkena,
Sikap laksana unggas *wilmana*.

Secara umumnya dari stail yang kuno itu sukar dapat dinikmati karya ini kesan biasa yang dapat dirasakan daripada kebanyakan karangan deskriptif.

Daripada buraian yang singkat mengenai *Misa Melayu* dapatlah diberikan rumusan mengenai sebuah karya bercorak sejarah yang memperlihatkan kesederhanaannya. Dari sudut kepentingan historiografi ia tidaklah mengengahkan satu asal usul dan jurai keturunan yang menyeluruh bagi takhta kerajaan Perak, tetapi menumpukan kepada beberapa orang sultan sahaja dan khusus kepada seorang yang semasa dengan pengarangnya. Dengan itu tidaklah kita menemui unsur-unsur mitos dan legenda tetapi sebaliknya gambaran yang amat dekat dengan kenyataan mengenai kegiatan hidup yang penting bagi seseorang sultan tertentu. Oleh kerana pengarang merupakan orang dalam istana terasa benar akan penglibatan pengarang. Sungguhpun peristiwa-peristiwa yang berlaku bukanlah merupakan peristiwa-peristiwa berkaitan dengan naik turunnya sebuah kerajaan tetapi merupakan peristiwa-peristiwa biasa tetapi penting dari sudut adat istiadat dan keriaan dan memberi kesan kepada membesarkan kedudukan diraja. Walaupun *Misa Melayu* tidak seindah *Sejarah Melayu* atau *Tuhfut al-Nafis* dari sudut perkembangan negara kota, tetapi menyumbang juga dari sudut merakamkan apa yang dipentingkan oleh keluarga diraja dan diterima sebagai bermartabat tinggi oleh pengarangnya.

PENUTUP

KAJIAN ini telah mencuba meneliti beberapa teks terpilih dari pada karya-karya bercorak sejarah. Di dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisi, karya-karya bercorak sejarah mendapat perhatian yang utama daripada sarjana-sarjana kesusasteraan. Minat ini timbul daripada usaha orientalis seperti R.O. Winstedt, yang cenderung kepada mengkaji sejarah bangsa Melayu. Oleh sebab kekurangan bahan-bahan tulisan yang utama mereka merujuk secara menyeluruh akan hasil-hasil historiografi ini. Oleh kerana kegairahan pengkaji-pengkaji seumpama ini untuk cenderung melihat aspek sejarah semata-mata, maka hal-hal yang berkaitan dengan kesusasteraan seperti bentuk, tema dan kesan seninya kerap terabai. Karya-karya bercorak sejarah, walaupun mengambil tajuk 'sejarah' atau 'silsilah' tetapi kadangkala 'hikayat' tidaklah memenuhi keperluan istilah sejarah yang sebenarnya. Malah lebih banyak ciri-ciri sastera yang terkandung di dalamnya. Jika tidak kerana salasilah keturunan raja-raja, sebahagian besar karya-karya ini pastilah merupakan gambaran hidup peribadi-peribadi daripada keluarga diraja satu-satu kerajaan dan ditulis di dalam seni penerangan yang menarik.

Sebenarnya pada aspek sasteralah yang menarik perhatian penuh di dalam mengkaji hasil-hasil bercorak sejarah ini. Yang utamanya kita dapat menyimpulkan tentang sumber utama dari mana bahan-bahan ini dicedok. Bahan-bahan telah ditimba daripada perbendaharaan kebudayaan, pengalaman-pengalaman dan kepercayaan zaman silam, yang kesemuanya terjelma di dalam bentuk mitos-mitos, legenda-legenda, cerita-cerita rakyat dan kisah-kisah sejarah. Semuanya ini bersandar kepada salasilah raja-raja bagi kerajaan berkenaan. Berat dan ringannya penggunaan unsur-unsur

bukan sejarah seperti mitos, legenda dan cerita-cerita rakyat dibandingkan dengan unsur-unsur sejarah berbeza dari satu teks ke satunya. *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa* misalnya boleh dikatakan hampir keseluruhannya menggunakan unsur-unsur bukan sejarah. Manakala *Tuhfat al-Nafis* amat memberatkan fakta-fakta sejarah. Di dalam apa keadaan pun penceritaannya amat condong kepada penceritaan sastera lama, iaitu kuat dengan konvensi "Al-kisah diceterakan oleh orang yang empunya cerita ...", tanpa mengabaikan unsur-unsur sastera yang lain seperti ketegangan, humor, sindiran, kelancaran bahasa dan sebagainya. Di antara karya-karya yang telah dikaji hanya *Tuhfat al-Nafis* sahaja yang memberatkan pentarikhan. Walau bagaimanapun ia masih mengexploitasi unsur-unsur sastera dan kesenian bercerita.

Hasil-hasil karya bercorak sejarah ini hampir kesemuanya menyusur-galurkan asal permulaan sebuah kerajaan dan pengasas pada pemerintahnya. Ia memperturunkan salasilah raja-raja yang memerintah bersama dengan orang-orang besarnya seperti benda-hara dan temenggung. Ia menghurai secara langsung atau tidak langsung asas kepada pembinaan kerajaan dan bagaimana seterusnya ia bangkit menjadi sebuah negara kota yang utuh. Terselit juga di dalamnya filsafat kenegaraan dan etos politiknya, mengenai adat istiadat dan pewar-naan kebudayaannya. Dasarnya adalah sistem feudal yang meletakkan raja-raja sebagai ketua pemerintah yang berdaulat. Di dalam kesemua hasil, kecuali *Hikayat Merong Mahawangsa*, kedudukan raja adalah utuh, tidak dapat disanggah oleh rakyat. Sungguhpun begitu pengarangnya tidak mengenepikan tanggungjawab moral dan kemanusiaannya. Di mana-mana mungkin seperti pengarang *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* diselitkan pengajaran dan 'perasaannya' terhadap satu-satu kejadian yang di luar batasan. Segalanya ini diceritakan melalui kisah-kisah.

Kisah-kisahlah yang menjadi unsur-unsur yang membentuk karya bercorak sejarah. Kadangkala pada setengah karya terasa tiada perhubungan di antara satu kisah dengan kisah yang lain, tetapi penelitian pada keseluruhan karya akan sentiasa dapat memahami kesatuan kisah-kisah atau perhubungannya berdasarkan tema besarnya.

Sesungguhnya ciri-ciri yang ada pada karya-karya bercorak sejarah menepati dengan kehendak satu genre sastera yang tersendiri. Ia bukan satu cerita tergolong di dalam roman yang menumpukan kepada kehidupan seorang wira yang imaginatif dari istana

raja yang direka-rekakan. Ia jauh lebih tinggi dan kompleks bentuknya dan tidak pula mempunyai wira yang khusus dan unggul untuk dikelaskan sebagai jenis epik, walaupun setengah-setengah teks ini memenuhi salah satu sifatnya, iaitu tentang keluasan latar-nya. Jika diukur daripada aspek kesan, karya-karya yang telah kita kaji menimbulkan satu gejala martabat atau status, rasa ketinggian dan kemegahan. Kesan ini ditimbulkan dari satu harga diri tentang keturunan yang suci dan mulia, gagah dan berdaulat, berkemampuan pula mengumpulkan segala unsur kebijaksanaan dan kepahlawanan bagi menegakkan kewujudan negara dan dalam sifat yang tertinggi dan termasyhur. Kadangkala status ini bukan sahaja mahu dirasakan atau terkawal semata-mata dalam konteks negara kota itu sendiri tetapi juga melampaui kepada konteks perbandingan misalnya seperti apa yang terasa di dalam hubungan raja Melaka diperbandingkan dengan raja Pasai atau *Tuhfat al-Nafis* di perbandingan dengan raja-raja Melayu. Gejala atau status ini terasa begitu berkesan secara teguh dan tetap di dalam hampir kesemua karya-karya yang telah dibicarakan.

Dari manakah asalnya kesan status ini? Jika kita menerima bahawa setiap hasil karya kreatif itu harus bertolak daripada perancangan, maka karya-karya bercorak sejarah dapat diambil sebagai salah satu ciptaan yang benar-benar wujud daripada perencanaan. Ia bertolak dari adanya tujuan yang teguh dan pasti. Setiap hasil yang kita bicarakan, kecuali *Tuhfat al-Nafis*, tercipta atas dasar memenuhi kehendak sultan atau raja agar dituliskan salasilah bagi membicarakan peristiwa dan peraturan raja-raja dengan istiadatnya sekali supaya diketahui oleh segala anak cucu mereka. Inilah tuntutan raja-raja yang perlu dilaksanakan oleh pengarang salasilah yang berkenaan. Pengarangnya sendiri adalah daripada kalangan istana, iaitu bendahara atau sehubungan dengannya, yang sendirinya berkepentingan mengenai ketinggian dan kemasyhuran bangsa, raja dan kebangsawanannya.

Walaupun kesan martabat dan ketinggian itu merupakan salah satu daripada sifat-sifat yang umum bagi karya-karya bercorak sejarah, namun kesan ini ditimbulkan daripada pendekatan yang berbeza. Hal ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh kedudukan negara-negara kota itu dalam konteks alam sekelilingnya dan juga oleh takdir sejarahnya seperti terlihat di dalam *Sejarah Melayu*, ia juga bergantung kepada ketajaman pengarangnya menyusun bahan-bahan yang didapatinya seperti pengarang *Hikayat Raja-raja*

Pasai dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Pengarang *Tuhfat al-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis* meninggalkan kesan dan pendekatan yang berbeza walaupun karya-karya tersebut berasaskan kepada bahan-bahan yang sama.

Selain daripada itu setiap karya yang telah kita teliti meninggalkan mood yang berbeza. Daripada *Hikayat Raja-raja Pasai* kita menemui keseriusan walaupun bahan-bahannya dan susunan cerita tanya adalah mudah. *Sejarah Melayu* melahirkan mood kebersamaan pengarang di dalam mengemukakan segala kisah-kisah yang berkaitan dengan Melaka dan negeri-negeri di sekitarnya walaupun nyata pada pegawai-pegawai tinggi Melaka diberikan peranan yang istimewa dan berat bagi menegaskan keagungan negeri Melaka; sungguhpun tidak kurang dapat disimpulkan pengajaran-pengajaran darinya. Suasana kehebatan dan keajaiban dapat dirasakan pula di dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Manakala *Tuhfat al-Nafis* meninggalkan mood kehebatan, kemegahan bangsa dan harga diri. *Salasilah Melayu dan Bugis*, walaupun ditulis oleh pengarang yang sama dan mengenai watak-watak yang sama daripada *Tuhfat al-Nafis*, ia meninggalkan mood yang romantis pula.

Nyata yang masing-masing pengarang sastera bercorak sejarah ini mempunyai pendekatan yang tersendiri di dalam mengemukakan kemegahan dan keteguhan negara kotanya. *Hikayat Raja-raja Pasai* mengemukakan pengislaman Pasai dan kesannya terhadap pembentukan peribadi dan negara. Pengarang *Sejarah Melayu* mengenangkan kejayaan demi kejayaan di dalam usaha mempengaruhi negeri-negeri terdekat dan mempertahankan daripada ancaman-ancaman luar yang segalanya ini disandarkan di atas persefahaman di antara rakyat dan sultan. *Hikayat Merong Mahawangsa* melihat kewujudan Kedah lebih daripada sudut falsafah kebaikan mengatasi kejahatan yang dibicarakan dengan penyusunan legenda-legenda dan mitos yang amat menarik. Pengarang *Misa Melayu* pula lebih gemar melihat ketokohan peribadi sultannya yang terpancar daripada hiasan kehidupan sehari-hari seperti istana dan kapal-kapal mereka. Manakala pengarang *Tuhfat al-Nafis* lebih mendekati realiti iaitu dengan memperlihatkan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan pencapaian peribadi di dalam mempertahankan maruah diri dan golongan.

Pengarang-pengarang bercorak sejarah memperlihatkan sifat tersendiri di dalam menyatakan keagungan negara kota yang mereka naungi. Masing-masing mempunyai persepsi dan pema-

haman sendiri tentang sejarah dan kejayaan negara kota masing-masing atau sebaliknya memperjelaskan sebab kejatuhan kerajaan, seperti soal kejatuhan Pasai atau Melaka. Kejatuhan Pasai digambarkan secara tidak langsung disebabkan oleh kegagalan raja tertentu untuk berpegang kepada ajaran Islam yang telah diterima sebagai cara hidup yang mulia dan oleh itu mengakibatkan kepada keruntuhan pertahanan negara itu daripada 'kemarahan' kuasa luar. Begitu juga di dalam *Sejarah Melayu* ditunjukkan Melaka jatuh disebabkan kedua-dua belah pihak, bendahara dan sultan, tidak lagi berupaya berpegang teguh kepada perjanjian yang dime-teraiakan oleh pengasas kerajaan itu.

Karya-karya yang telah dikaji sebahagian besarnya memusatkan perhatian kepada asal usul raja-raja yang mengasaskan kerajaan. Pada pengarang-pengarang ini raja-raja mempunyai kedudukan yang tertinggi, berdaulat dan dihubungkan dengan mitos-mitos dan legenda yang menyemaikan ciri kedaulatan, kebesaran dan kesucian. Penekanan ciri ini amat ketara dan menggambarkan keyakinan pengarang terhadap tradisi kerajaan beraja yang "dijunjung sembah". Walaupun begitu pengarang tidaklah memandang raja-raja sebagai makhluk yang terkecuali daripada kekurangan-kekurangan, malah pada setengah raja digambarkan kelemahan ini amat ketara dan kadangkala mereka disindir tanpa merendahkan darjah mereka. Kebiasaan ini di sekeliling raja-raja inilah pemerhatian pengarang tertumpu dan pada wibawa dan kebijaksanaan mereka bersama-sama dengan ketaatan yang teguh para bangsawan terletak keteguhan negeri. Di dalam pemerian tentang kehidupan mereka inilah dapat dikesan nilai-nilai Melayu, Islam dan kesukuan yang tidak setara penekanannya oleh berlainan pengarang, tetapi jelas segala unsur adat kebudayaan dan nilai ini terjalin dan tersusun rapi hidup dan berkembang.

Demikianlah telah kita lihat karya-karya bercorak sejarah mempunyai sifat-sifat yang umum di samping memperlihatkan sifat-sifat yang khusus. Kelahiran karya-karya ini mencerminkan keupayaan penulis-penulis Melayu memperlihatkan kepekaannya dan kreativiti, tanpa meminjam unsur-unsur dari luar sama ada pada isi mahupun bentuknya sebagai model, seperti apa yang berlaku di dalam melahirkan karya-karya yang disesuaikan dari kesusasteraan India, Arab-Parsi dan Jawa. Mungkin ada kecenderungan bagi satu-satu pengarang daripada istana ini yang terdorong mengikuti penulis-penulis istana yang terdahulu bagi menghasilkan pemerian mengenai

kerajaannya, tetapi bukti-bukti daripada teks-teks menunjukkan bahawa masing-masing pengarang mempunyai ketajaman rasa seni dan pandangan hidup yang tersendiri. Dengan itu pembacaan tiap-tiap hasil karya bercorak sejarah sentiasa mengemukakan pengetahuan dan pengalaman sastera yang baharu. Kita sentiasa menemui kebijaksanaan pengarang-pengarang istana mengubah bahan-bahan dari himpunan mitos, legenda, cerita rakyat dan sejarah. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan akan keberkesanan sumbangan mereka di dalam membentuk satu genre sastera yang khusus dan memperkayakan perbendaharaan sastera warisan dan sebahagian-nya kekal teguh dengan sifat klasiknya.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahman Kach, *Sejarah Melayu: Satu Perhimpangan Kritis dari berbagai Bidang*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book (Asia) Ltd.
- Ali Ahmad, *Kajian Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Arman Sani, Ogos 1961. "Motif-motif Hindu dalam Sastera Melayu Lama", *Dewan Bahasa*.
- Brakel, L.F., 1969. "Persian Influence on Malay Literature", *Abr-Nahrain* IX, ix.
- Hill, H.A., 1913. "Hikayat Raja-raja Pasai". *JSBRAS*, No. 60.
- Ismail Hussein, *The Study of Traditional Malay Literature with A Selected Bibliography*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Josselin de Jong, P.E. de, "The Characters of the Malay Annals", John Bastin & R. Roolvink (ed), 19 . *Malayan and Indonesian Studies*, London: Oxford University Press.
- , 1965. "The Rise and Decline of a National Hero", *JMBRAS*, XXXVIII, ii.
- Kassim Ahmad, *Perwatakan di dalam Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , April 1962. "A History of Classical Malay Literature", *Dewan Bahasa*.
- Kamaruzzaman Sharif, 1963-1964. *Sejarah Melayu as a Historical Source*", *Journal of the Historical Society*, Universiti of Malaya.
- Linehan, W. 1947. "The Sources of the Shellabear Text of the Malay Annals", *JMBRAS*, XX, ii, hlm. 105-106.
- Mohd. Taib Osman, 1968."Mythic Elements in Malay Historiography", *Tenggara*, II, ii.
- , 1970. "Myths, Legends and Folk Tales in Malay Culture", *Asian Pacific Quarterly*, II, ii.
- , Februari 1971. "Ulasan Buku: *Sejarah Melayu or Malay Annals*", *Dewan Bahasa*.
- Mohd. Yusuf Md. Nor, (ed), 1985. *Salasilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Raja Chulan, 1962. *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Shellabear, W.G. (ed.), 1967. *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Siti Hawa Salleh (ed.), 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur/Singapura: University of Malaya Press.
- Sweeney, P.L. Amin, 1967. "The Connection Between the *Hikayat Raja-raja Pasai* and the *Sejarah Melayu*", *JMBRAS*, XL, i.